Siapakah
Pengikut
Imam al-Syafie dan
Mazhab Syafie
yang
Sebenar?
Mohd Hairi Bin Nonchi
Mohd Yaakub Bin Mohd Yunus

Siapakah Pengikut Imam al-Syafie Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?

(Edisi Baru)

Penulis

Mohd Hairi Bin Nonchi

Mohd Yaakub Bin Mohd Yunus

www.jahabersa.com.my

Sila dapatkan juga buku-buku karangan Ustaz Rasul Bin Dahri di bawah ini yang turut membongkar pendustaan Muhammad Uthman El-Muhammady ke atas nama Imam al-Syafie dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*:

1) ***Uthman El-Muhammady VS Imam As-Syafie (Rahimahullah)*** **terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru. Boleh langgan terus dari Jahabersa di talian 07-2351602.**

2) ***Wahabi! Wahabi! Wahabi! Apa Kata Uthman El-Muhammady Dan Apa Ulasan Ustaz Rasul Bin Dahri?*** **terbitan Ummul Qurra, Johor Bahru. Boleh langgan terus dari penerbit di talian 07-3353635 / 019- 7783635.**

KANDUNGAN

Kata Pengantar Oleh
Mohd Yaakub Mohd Yunus **8**

Mukadimah **21**

Memahami Prinsip Imam al-Syafie Dan Wahhabi Dalam Persoalan Bermazhab
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **36**

Memahami Manhaj Imam al-Syafie Dan Wahhabi Dalam Persoalan Tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **82**

Pandangan Imam al-Syafie Dan Wahhabi Terhadap Amalan Berzikir Dan Berdoa Berjamaah
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **106**

Meneliti Pandangan Imam al-Syafie Dan Wahhabi Dalam Persoalan Menghadiahkan Pahala Bacaan Al-Qur'an Kepada Orang Mati
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **143**

Imam al-Syafie Dan Wahhabi Dalam Persoalan Kenduri Arwah
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **172**

Imam al-Syafie Dan Wahhabi Dalam Persoalan Men*talqin* Mayat Di Kuburan
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **213**

Wahhabi Mengharamkan Qunut Subuh Dan Penentang Imam al-Syafie?
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **223**

Adakah Amalan Yasinan Malam Jumaat Merupakan Ajaran Imam al-Syafie Dan Para Ulamak Bermazhab Syafie?
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **251**

Benarkah Tidak Melafazkan Niat Sebelum Solat Hanya Amalan Wahhabi?
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **269**

Imam al-Syafie Dan Air Mustakmal
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **280**

Benarkah Hanya Wahhabi Sahaja Yang Membaca Selawat Nabi Dalam *Tasyahhud* Tanpa Perkataan *Saiyyidina*?
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **289**

Adakah Imam al-Syafie Mengerjakan Solat Sunat *Mutlak* Atau *Qabliyyah* Jumaat?
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **309**

Pandangan Imam al-Syafie Tentang Azan Untuk Solat Jumaat
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **326**

Adakah Menggerak-gerakkan Jari Telunjuk Ketika *Tasyahhud* Perbuatan Wahhabi?
Oleh: Mohd Yaakub Mohd Yunus **336**

Lampiran

Lampiran Artikel # 1:
Wahhabi Dan Keruntuhan Kerajaan Islam Turki Uthmaniyyah
Oleh: Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah **336**

Lampiran Artikel # 2:
Wahabi: Punca Perpecahan Umat Islam?
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **357**

Lampiran Artikel # 3:
Imam al-Syafie Dan Bid'ah *Hasanah*
Oleh: Ustaz Rasul Dahri **376**

Lampiran Artikel # 4:
Maksud *As-Sawadul A'zham* Menurut Perspektif *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*: Sebuah Jawapan Kepada Tulisan Yusri Mohamad
Oleh: Nawawi Subandi **390**

Lampiran Artikel # 5:
Mengenal Watak Dan Ciri-Ciri *Ahl al-Bid'ah*
Oleh: Mohd Hairi Nonchi **425**

Kata Penutup **457**

Bibliografi **462**

Biodata Penulis **473**

KATA PENGANTAR OLEH
MOHD YAAKUB MOHD YUNUS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya sering menerima pertanyaan dari pelbagai pihak tentang gerakan Wahhabi ini. Persoalan utama mereka adalah adakah gerakan ini sesat dan bukan termasuk dalam golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*? Sehinggakan seorang tokoh agama yang kontroversi dan pernah memiliki kolum khas di dalam sebuah akhbar tempatan pernah menghubungi saya untuk mengetahui sisi pandangan saya dalam hal ini. Selalunya dalam menangani persoalan sebegini saya akan lontar kembali soalan kepada yang bertanya itu, "Apakah itu Wahhabi?"

Maka kebanyakan dari mereka tidak mampu untuk menjawab kembali persoalan ini kerana mereka sebenarnya amat keliru dengan isu ini. Bagi yang bijak sedikit maka mereka menjawab Wahhabi adalah golongan yang tidak berpegang kepada satu mazhab, tidak melafazkan niat *usholli* ketika memulakan solat, tidak berzikir beramai-ramai selepas solat, tidak mengerjakan kenduri arwah, tidak mengamalkan *talqin* di kuburan, tidak membenarkan binaan di kuburan para wali, menolak amalan *tawassul* di kawasan perkuburan para wali, tidak berqunut subuh dan beberapa lagi. Seringkali jawapan balas saya kepada mereka: "Jika itulah ciri-ciri golongan Wahhabi maka dengan ini saya umumkan bahawa Imam Muhammad bin Idris al-Syafie *rahimahullah ta'ala* juga adalah Wahhabi!"

Kenyataan saya ini menyebabkan ada pihak yang terpinga-pinga bahkan ada yang agak kurang senang seolah-olah satu malapetaka besar bakal menimpa umat Islam di Malaysia

yang terkenal dengan kepatuhan mereka kepada mazhab Syafie. Tapi ada juga golongan yang sememangnya ikhlas ingin mengetahui dengan adil tentang isu ini akan meminta penjelasan lanjut. Penjelasan saya adalah seperti berikut.

Tuduhan bahawa golongan Wahhabi adalah tidak bermazhab adalah tidak benar. Bahkan rata-rata golongan yang dikatakan Wahhabi di Malaysia ini secara umumnya masih berpegang dengan Mazhab Syafie dan termasuk dalam kelompok *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Akan tetapi mereka menolak sikap taksub mazhab. Syeikh Muhammad 'Abdul Wahhab *rahimahullah ta'ala* itu sendiri bermazhab Hanbali sebagaimana diperjelaskan oleh anak beliau:

> Bahawa mazhab kami dalam *ushuluddin* (tauhid) adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan cara pemahaman kami adalah mengikut cara ulamak Salaf. Sedangkan dalam hal masalah *furu'* (fikah) kami cenderung mengikuti mazhab Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*. Kami tidak pernah mengingkari (melarang) seseorang bermazhab dengan salah satu daripada mazhab yang empat. Dan kami tidak mempersetujui seseorang bermazhab kepada mazhab yang luar dari mazhab empat seperti mazhab (*Syi'ah*) *Rafidhah, Zaidiyah, Imamiyah* dan lain-lain lagi.
>
> Kami tidak membenarkan mereka mengikuti mazhab-mazhab yang batil malah kami memaksa mereka supaya bertaklid kepada salah satu dari mazhab empat tersebut. Kami sama sekali tidak pernah mengaku bahawa kami sudah sampai ke tingkat mujtahid mutlak, juga tidak seorang pun di antara para pengikut kami yang berani mendakwakan dirinya dengan demikian. Hanya ada beberapa masalah yang kalau kami lihat di sana ada nas yang jelas, baik dari al-Qur'an mahupun al-Sunnah,

dan setelah kami periksa dengan teliti tidak ada yang menasakhkannya, ataupun mentakhsiskannya atau yang menentangnya, lebih kuat daripadanya, serta dipegangi pula oleh salah seorang imam yang empat, maka kami mengambilnya dan kami meninggalkan mazhab yang kami anuti...

Jelas apa yang ditentang oleh Syeikh Muhammad 'Abdul Wahab *rahimahullah ta'ala* dan pengikutnya adalah budaya taksub mazhab. Tidakkah negara Arab Saudi yang selalu dikaitkan dengan fahaman Wahhabi juga mengisytiharkan mazhab rasmi negara mereka adalah mazhab Hanbali?

Sesetengah golongan yang menganggap diri mereka sebagai pembela *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bahkan penganut mazhab Syafie yang tulen amat menentang budaya *talfiq* atau mengikuti hukum tentang sesuatu perkara daripada pelbagai mazhab. Umat Islam di Malaysia khususnya orang Melayu diwajibkan untuk hanya berpegang kepada mazhab Syafie sahaja bagi kekal sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Mereka yang mengamalkan *talfiq* maka tercemarlah pemikiran mereka dan jadilah mereka ini kelompok Wahhabi.

Tetapi apa yang menghairankan adalah, Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* sendiri tidak pernah menyuruh sesiapapun untuk mengikuti pandangan beliau sepenuhnya. Bahkan Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* amat menganjurkan anak murid serta pengikutnya untuk menimbang pandangannya dengan al-Qur'an dan al-Sunnah sebelum menerimanya. Dalam erti kata lain amalan *talfiq* itu tidak pernah ditentang oleh Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* sendiri. Menurut Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala*:

> Bila kalian menemukan dalam kitabku sesuatu yang berlainan dengan hadis Rasulullah, peganglah hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu dan tinggalkanlah pendapatku itu.

Beliau juga pernah berkata:

> Apabila suatu masalah ada hadisnya yang sahih daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menurut kalangan ahli hadis tetapi pendapatku menyalahinya, pasti aku akan mencabutnya (meninggalkannya) sama ada ketika aku masih hidup atau selepas kematianku.

Namun apabila ada golongan di Malaysia yang mengikuti saranan Imam al-Syafie ini maka mereka dianggap telah menderhaka kepada mazhab Syafie versi Malaysia yang dipandang paling tulen.

Melafazkan niat *Usholli* ketika mengerjakan solat fardhu mahupun sunat merupakan ciri-ciri yang penting untuk menjamin seseorang itu sah bermazhab Syafie. Jika ada yang berpegang kepada pendapat tidak perlu berniat *Usholli* ketika solat maka tipislah harapannya untuk mendapat tauliah mengajar agama di sesetengah negeri. Anehnya jika kita buka kitab *al-Umm* maka tidak wujud satu patah baris pun yang mengajar kita lafaz niat *Usholli* mahupun *Nawaitu*.

Bagi Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* niat itu adalah perbuatan di dalam hati dan solat itu dimulakan dengan lafaz takbir. Di dalam *al-Umm* beliau berkata:

> Siapa yang pandai membaca takbir, niscaya tidaklah dia memulakan solatnya melainkan dengan takbir itu sendiri dan takbirnya ialah Allahu Akbar.

Jika selepas solat pula tidak diamalkan zikir beramai-ramai dengan suara yang kuat, pengamalnya berkemungkinan tinggi akan terus dicop sebagai pengikut ajaran Wahhabi yang dianggap oleh sesetengah pihak tidak termasuk dalam kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kita buka sekali lagi kitab *al-Umm* dan lihat apa yang diperkatakan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* tentang zikir lepas solat. Menurut beliau:

> Saya (Imam al-Syafie) memandang baik bagi imam dan makmum, bahawa berzikir kepada Allah, sesudah keluar (selesai) daripada solat. Kedua-duanya menyembunyikan zikir kecuali bahawa dia itu adalah seorang imam yang harus orang belajar darinya. Allah *'Azza wa jalla* telah berfirman:
>
> ...وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا...
>
> Maksudnya:
>
> ***... dan janganlah engkau menyaringkan bacaan doa engkau atau solatmu, juga janganlah engkau perlahankannya.*** [Surah al-Isra': 110]
>
> Iaitu - Allah sahaja yang Maha Mengetahui ialah doa. Tidaklah engkau keraskan, ertinya janganlah engkau tinggikan suara. Dan tidak engkau diam sahaja, ertinya sehingga tidak dapat engkau dengar sendiri.

Imam al-Baihaqi *rahimahullah ta'ala* seterusnya memperjelaskan mazhab Syafie dalam kitabnya *Sunan al-Kubra*:

> Bahawa zikir dan doa sesudah solat harus diperlahankan (secara *sirr*) kecuali jika imam ingin mengajarkan zikir itu kepada manusia, maka dikuatkan (secara *jahr*) supaya dapat

dipelajari. Apabila sudah selesai dipelajari dan diketahui, maka zikir dan doa itu haruslah diperlahankan (secara *sirr* semula).

Sekian pandangan sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* tentang zikir selepas solat tetapi malangnya wujud sesetengah tokoh di Malaysia ini beranggapan mereka itu lebih Syafie daripada Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* itu sendiri.

Mengkritik amalan mengirim bacaan pahala kepada arwah seperti ritual tahlil ketika kenduri arwah atau membaca al-Qur'an di tepi kubur bukanlah satu tindakan yang bijak di Malaysia. Si pengkritik pasti akan dihambur dengan pelbagai kata-kata berbentuk celaan dan yang paling popular tentulah tuduhan sebagai Wahhabi. Imam al-Nawawi *rahimahullah ta'ala* di dalam *Syarah Shahih Muslim* telah berkata:

> Adapun bacaan al-Qur'an (yang pahalanya dikirimkan kepada simati) maka yang masyhur di dalam mazhab Syafie tidak dapat sampai kepada si mati yang dikirim. Sedang dalilnya bagi Imam al-Syafie dan pengikut-pengikutnya iaitu firman Allah:
>
> وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَـٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾
>
> Maksudnya:
>
> ***...bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.*** [Surah al-Najm: 39]
>
> Dan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:
>
> إِذَا مَاتَ الإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاَثٍ صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ وَعِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya:

Apabila manusia telah meninggal dunia, maka terputuslah amal usahanya kecuali tiga hal iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak shalih (lelaki atau perempuan) yang berdoa untuknya.

Namun kata-kata Imam al-Nawawi *rahimahullah ta'ala* ini bagaikan tiada nilai bagi pembela-pembela mazhab Syafie di Malaysia.

Bagi mereka yang tidak mahu mengerjakan kenduri arwah bukan sahaja dinggap menderhaka kepada mazhab Syafie bahkan adakalanya mereka dicerca sebagai golongan bakhil. Beginilah sikap mereka yang mengaku sebagai pejuang mazhab Syafie di Malaysia, sudahlah keluarga arwah sedang bersedih dengan pemergian insan yang mereka sayangi, dipaksa pula keluarga arwah tersebut untuk menyediakan jamuan makan agar perut mereka dapat diisi. Adakah ini benar-benar pandangan mazhab Syafie?

Di dalam kitab *I'anatu al-Talibin* ada disebut tentang isu kenduri arwah menurut mazhab Syafie:

Apa yang telah menjadi kebiasaan manusia menjemput orang menyediakan hidangan makanan oleh keluarga si mati adalah bid'ah yang dibenci, termasuklah di dalam hal ini berkumpul beramai-ramai di rumah keluarga si mati kerana terdapat hadis sahih dari Jabir bin Abdullah *radhiallahu'anh*, dia berkata:

كُنَّا نَرَى الاِجْتِمَاعَ إِلَى أَهْلِ الْمَيِّتِ وَصَنْعَةَ الطَّعَامِ مِنْ النِّيَاحَةِ.

Maksudnya:

Kami menganggap berkumpul beramai-ramai di rumah si mati dan menyiapkan makanan sebagai ratapan.

Indahnya pandangan mazhab Syafie yang asal berbanding dengan pegangan mereka yang mengaku Syafie di Malaysia. Masyarakat sekeliling sepatutnya membantu dalam menggembirakan keluarga arwah dengan membawa makanan kepada mereka. *Hujjatul Islam* Imam al-Ghazali *rahimahullah ta'ala* di dalam *al-Wajiz Fi Fiqhi al-Imam al-Syafie* telah berkata: Disukai membuat makanan untuk keluarga si mati. Jangan pula selepas ini Imam al-Ghazali *rahimahullah ta'ala* juga dikatakan Wahhabi.

Sekiranya ketika urusan pengkebumian jenazah tidak dilakukan amalan *talqin*, pasti ia akan menjadi topik bualan yang hangat di sesebuah kampung kerana ia dianggap telah mencemar tradisi orang Melayu yang berteraskan mazhab Syafie. Tapi hakikatnya amalan *talqin* ini tidak pernah tertulis di dalam mana-mana kitab Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* itu sendiri. Hanya sahaja ulama bermazhab Syafie yang kemudian menganggap ianya sunat. Dr. Muhammad A.W. al-'Aqil di dalam kitab *Manhaj Aqidah Imam al-Syafie,* ms. 198 telah berkata:

Mengenai *Talqin*, yang popular di kalangan masyarakat yang dilakukan setelah penguburan mayat di mana salah seorang berdiri di sampingnya untuk mengajari mayat dengan lafaz berikut: "Hai Fulan bin Fulan, ingatlah kalimah yang engkau pegang sampai masuk ke kubur, iaitu bersaksi bahawa tidak ada Illah kecuali Allah dan Muhammad adalah Rasulullah…" dan seterusnya, atau lafaz lain yang semakna (dengannya), maka

> kami tidak mendapatkan keterangan dari Imam al-Syafie tentang masalah ini. Kami hanya mendapatkannya dari ulamak *mutaakhkhirin* (yang datang kemudian) dari para pengikut mazhab Imam al-Syafie.

Hiasan-hiasan di kuburan seperti binaan kubah terutamanya di kuburan mereka yang di anggap sebagai para wali atau peneraju sesebuah tarekat merupakan satu perkara yang terima sebagai baik bagi pembela *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di Malaysia. Suasana yang kondusif ini amat bersesuaian untuk mereka melakukan ibadah-ibadah tertentu di kawasan perkuburan tersebut.

Yang menghairankan Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* sendiri tidak pernah menganjurkan ibadah-ibadah seperti *tawassul*, membaca al-Qur'an, tawaf atau menyembelih haiwan korban di kawasan perkuburan. Menurut Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah ta'ala* di dalam *Iqtidhaa' Shirathal Mustaqim*:

> Daripada (Imam) al-Syafie sendiri tidak terdapat perkataan tentang masalah ini, yang demikian ini menunjukkan bahwa (baca al-Qur'an di perkuburan) menurut beliau adalah bid'ah.

Tambahan pula Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* sendiri melarang dinaikkan sebarang binaan di atas kubur. Menurut beliau di dalam *al-Umm*:

> Saya menyukai agar kuburan tidak dibangunkan dan tidak pula dikapur kerana perkara ini menyerupai hiasan dan kebanggaan sedangkan kuburan bukanlah perhiasan atau bangunan yang dibanggakan. Dan saya tidak melihat kuburan

golongan muhajirin dan ansar (iaitu para sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*) yang dikapur.

Imam al-Nawawi *rahimahullah ta'ala* pula di dalam kitab *Majmu'* menyatakan:

> Imam al-Syafie dan para sahabatnya mengatakan bahawa termasuk hal yang dibenci adalah menembok kuburan, menuliskan nama si mati atau yang lainnya dan juga membangunkan binaan di atasnya. Ini tiada perbezaan pendapat di kalangan kita. Dengan mazhab (pendapat) ini pula Malik, Ahmad, Daud dan majoriti ulama telah berfatwa.

Tetapi pandangan sebegini tidak boleh diajarkan kepada umat Islam di Malaysia kerana takut ia boleh mengelirukan orang awam walaupun tidak dapat dinafikan ia adalah pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* .

Bacaan Qunut ketika solat Subuh merupakan perkara yang diperselisihkan (*khilaf*) di kalangan ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Sebagaimana yang telah diketahui umum, mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali turut tidak mengerjakan Qunut Subuh ini. Adakah mereka semua ini Wahhabi? Hakikatnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* serta para sahabatnya *radhiallahu'anhum* tidak mengerjakan Qunut Subuh secara terus-menerus sepanjang hayat mereka melainkan jika terjadi sesuatu musibah maka mereka membacakan *qunut nazilah* dalam solat-solat *fardhu* termasuk solat Subuh.

Telah berkata Anas bin Malik *radhiallahu'anh*:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّي اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ كَانَ لاَ يَقْنُتُ فِي صَلاَةِ الصُّبْحِ إِلاَّ إِذَا دَعَا لِقَوْمٍ أَوْ دَعَا عَلَي قَوْمٍ.

Maksudnya:

Bahawasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam itu tidak pernah berqunut dalam solat Subuh kecuali untuk mendoakan kebaikan bagi sesuatu kaum (muslimin) atau mendoakan kebinasaan sesuatu kaum (kafir) (iaitu qunut nazilah – pen).

Persoalannya, adakah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabatnya juga Wahhabi kerana tidak mengerjakan Qunut secara terus-menerus dalam solat Subuh? Tentu sekali tuduhan ini lebih melucukan.

Memadailah dengan beberapa contoh di atas yang diketengahkan bukan bertujuan untuk mengeruhkan lagi suasana atau mengelirukan sesiapa. Tapi ia sekadar untuk mengingatkan kepada sesetengah pihak agar mengkaji terlebih dahulu perbezaan pendapat yang wujud di kalangan mazhab-mazhab dalam Islam sebelum menuduh seseorang itu terkeluar dari kelompok *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* kerana tidak berpegang kepada mazhab Syafie.

Walaupun seseorang itu pernah belajar dipondok mahupun lulusan dari Institut Pengajian Tinggi di Timur Tengah, ia tidak menjamin bahawa dia telah menguasai semua cabang ilmu. Qatadah pernah berkata:

> Barangsiapa yang tidak mengenal *ikhtilaf* (perbezaan pendapat), maka dia belum mencium fikih (ilmu fekah) dengan hidungnya.

Bila kefahaman tentang perbezaan pendapat yang ada dalam Islam ini tidak berada di tahap yang memuaskan, maka pandangan yang sebenarnya berasal daripada Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala* turut dipolemikkan sebagai Wahhabi. Jangan nanti pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah ta'ala*

terpaksa diketepikan demi untuk menjaga kesinambungan mazhab Syafie versi Malaysia sebagai satu-satunya mazhab yang boleh diamalkan di negara ini. Sebagai nasihat kepada semua hayatilah sebuah riwayat daripada 'Uthman bin Atha' daripada bapanya, dia berkata:

> Tidak seharusnya seseorang berfatwa kepada manusia sebelum dia mengetahui *ikhtilaf* yang terjadi di kalangan manusia (ulamak) kerana jika dia melakukan hal itu, boleh terjadi dia menolak ilmu yang sebenarnya lebih *thiqah* (terpercaya kebenarannya) dari ilmu yang dia yakini.

Berlapang dadalah dalam isu-isu yang terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Merenungkan kembali tentang kekeliruan tentang isu Wahhabi di Malaysia yang cuba dibangkitkan oleh sesetengah pihak dengan niat jahat maka rakan seperjuangan saya Mohd Hairi Nonchi serta sahabat-sahabat yang lain bingkas mengarang beberapa risalah berkaitan isu ini.

Artikel-artikel ini kemudian dihimpunkan oleh saudara Mohd Hairi Nonchi menjadi sebuah buku dengan tajuk ***Siapakah Pengikut Imam al-Syafie dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?*** Objektif utama buku ini adalah untuk meluruskan kembali kekeliruan yang cuba ditimbulkan oleh mereka yang berniat jahat terhadap golongan yang mereka gelarkan sebagai Wahhabi.

Saya rasa berbesar hati di atas kesudian saudara Mohd Hairi Nonchi menjemput saya memberi sepatah dua kata-kata aluan sempena penerbitan edisi kedua buku beliau ini. Saya secara peribadi amat mengkagumi kegigihan penulis. Walaupun masih berstatus pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang pasti sibuk dengan pengajian beliau untuk mendapat

segulung ijazah, tetapi beliau masih mampu untuk menyusun buku yang penuh manfaat ini demi untuk memperjelaskan kebenaran.

Semoga buku ini mencapai objektifnya serta mendatangkan manfaat kepada sesiapa yang membacanya serta dapat menjadikan kita insan yang bersungguh-sungguh dalam mengamalkan sunnah-sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam segala perkara. Semoga amalan yang baik dan ilmu yang berfaedah ini diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

Abu Iqbal Mohd Yaakub Bin Mohd Yunus

www.al-fikrah.net

MUKADIMAH

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ باالله من شرور انفسنا, ومن سيئات اعمالنا, من يهده الله فلا مضل له, ومن يضلل فلا هادي له. ونشهد أن لا إله الا الله وحده لاشريك له ونشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam. [Surah ali-'Imran :102]

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلۡأَرۡحَامَۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبٗا ﴿١﴾

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya. Dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu. [Surah al-Nisa' : 1]

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ﴿٧٠﴾ يُصۡلِحۡ لَكُمۡ أَعۡمَٰلَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدۡ فَازَ فَوۡزًا عَظِيمًا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu. dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar. [Surah al-Ahzab : 70-71]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ وَشَرُّ الأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا وَكُلُّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ وَكُلُّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya perkataan yang paling benar adalah kitabullah. Sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam. Sedangkan seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan (dalam urusan agama) dan semua yang diada-adakan adalah bid'ah. Semua yang bid'ah adalah sesat dan semua yang sesat tempat kembalinya adalah neraka.[1]

Salah seorang "tokoh ulamak Melayu" semasa, Muhammad Uthman El-Muhammady telah menulis di dalam salah satu risalahnya yang berjudul *Usah Terpesona Tajdid Segera Wahabi* (*Berita Minggu,* Ahad, 20 Disember 2009, ms. 30):

> Golongan ini, akibatnya senang menghukum kafir sesama Muslim; tauhid hasil tajdid segera mereka juga membawa kepada timbulnya kepercayaan mujassimah terhadap Allah walau bagaimana kuatnya mereka menolak hal ini dan akibatnya timbul kekacauan dalam masyarakat.
>
> Tajdid mereka juga lahir dalam bentuk menghukum bidaah terhadap amalan Muslimin seperti talkin, qunut Subuh, berdoa beramai-ramai, membaca Yasin malam Jumaat, mengadakan majlis Maulud Nabi, membaca berzanji, mengadakan

---

[1] Hadis riwayat al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i* (no.1560).

kenduri arwah, tahlil, berzikir beramai-ramai, mengaji Sifat 20 dan seterusnya ditolak terus, tidak ada bid'ah yang baik.

Sebelum ini tidak ada tajdid bermula dengan pembicaraan mengenai talkin, qunut, berzanji dan yang sepertinya kerana itu semua perkara ranting dalam hukum dan amalan. Sikap mereka berhubung hal itu berlawanan dengan arus perdana Ahli Sunnah. Itu semua dianggap bidaah yang mesti ditolak sebagai akibat yang timbul daripada sikap mereka memahami bidaah hanya satu jenis yang mesti ditolak.

Timbul tajdid melarang orang daripada mengikut mazhab fiqh kononnya seperti menyembah ulama. Ia lahir daripada sikap mereka menyuruh orang membuat keputusan sendiri daripada al-Quran dan sunnah. Kata mereka senang saja seperti yang terkandung dalam kitab golongan ini *Hal al-Muslim Mulzam Bittiba' Madhhabin Mu'ayyanin min Madhahib al-Arbaah* oleh al-Khojandi al-Ma'sumi, yang dipertahankan oleh al-Albani.

Berhubung dengan sikap sedemikian timbul perbuatan menghukum mereka yang sembahyang mengikut imam mazhab bukan melakukan sembahyang Nabi. Sembahyang nabi ada dalam huraian golongan mereka seperti yang dalam buku *Solatun-Nabi* oleh al-Albani.

Setelah membaca kenyataan di atas, terus terlintas dalam fikiran penulis beberapa persoalan di mana ianya dapat penulis simpulkan sebagai berikut:

1) Benarkah golongan yang digelar sebagai Wahhabi ini berpegang kepada akidah *al-Mujassimah* iaitu satu fahaman yang menganggap Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai Tuhan yang memiliki anggota berjasmani

sekaligus terkeluar daripada akidah yang dipegangi oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*?

2) Benarkah Wahhabi menganggap amalan kenduri arwah, berzikir dan berdoa secara berjamaah (beramai-ramai), men*talqin* mayat di kuburan, mengkhususkan bacaan surah Yasin pada malam Jumaat, mengadakan majlis *maulud* Nabi, membaca berzanji[2] dan lain-lain amalan yang dimasyhurkan sebagai ajaran Imam al-Syafie dan mazhab Syafie di negara ini sebagai perbuatan bid'ah yang ditegah di sisi agama?

3) Jika benar amalan-amalan 'masyhur' tersebut sebagai suatu perbuatan bid'ah yang ditegah di dalam agama, maka apakah dalil dan hujah golongan Wahhabi dalam menjustifikasikan dakwaan mereka itu? Sebaliknya, jika amalan-amalan yang dianggap sebagai bid'ah oleh Wahhabi itu termasuk dalam perkara yang disyariatkan oleh agama, maka apakah pula hujah dan dalil bagi pihak yang mendukung dakwaan yang membolehkannya?

---

[2] Perbincangan mengenai hukum mengadakan majlis *maulud* Nabi dan amalan membaca berzanji tidak akan dikemukakan di dalam buku ini. Sebagai alternatif penulis mengesyorkan kepada para pembaca yang budiman sekalian untuk merujuk salah satu daripada sumber-sumber berikut:

1) *Al-Bida' Al-Hauliyyah* karya Syeikh 'Abdullah bin 'Abdul Aziz At-Tuwaijiriy; dalam edisi terjemahan bahasa Indonesia di atas judul *Ritual Bid'ah Dalam Setahun,* terbitan Darul Falah, Jakarta.

2) *Kebatilan Dan Kemungkaran Berzanji Dan Perayaan Maulid Nabi* karya Ustaz Rasul Dahri, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

3) *Studi Kritis Perayaan Maulid Nabi* karya Abu Muawiah Hammad bin Amir al-Makassari, terbitan Al-Maktabah Al-Atsariyyah, Bogor.

4) Benarkah perkara-perkara yang dianggap sebagai bid'ah oleh Wahhabi itu tidak pernah dibincangkan oleh mana-mana ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebelum ini termasuk Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri dan para ulamak bermazhab Syafie lainnya?

5) Benarkah Wahhabi ini terkenal dengan sikap mereka yang amat rakus dalam menghukum kafir umat Islam secara membuta tuli?[3]

6) Kenapakah Wahhabi menolak konsep 'bid'ah yang baik di dalam agama'? Apakah kewujudan konsep bid'ah yang baik – atau dalam perkataan lain disebut sebagai bid'ah *hasanah* – di dalam agama tidak pernah diizinkan oleh ajaran Islam? Bagaimanakah pula pandangan ulamak muktabar terhadap persoalan ini, khususnya Imam al-Syafie *rahimahullah* yang sering dijadikan sandaran oleh sesetengah pihak dalam mendukung kewujudan konsep bid'ah *hasanah* di dalam urusan agama?

7) Benarkah Wahhabi melarang keras umat Islam daripada beriltizam dengan mana-mana ajaran mazhab yang ada lalu memaksa mereka untuk melakukan *ijtihad* sendiri dalam mengeluarkan sesuatu hukum daripada al-Qur'an dan al-Sunnah?

8) Apakah Wahhabi ini menganggap setiap umat Islam yang mengikuti satu-satu ajaran imam mazhab sebagai 'penyembah' kepada ulamak berkenaan?

---

[3] Persoalan ini telah pun dijawab oleh sahabat penulis, saudara Mohd Yaakub Mohd Yunus menerusi salah sebuah risalah beliau yang berjudul *Wahabi Gemar Menghukum?,* dimuatkan di dalam buku *Fahaman Wahabi Menular: Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang Ditimbulkan Oleh Akhbar Utusan Malaysia* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006).

9) Sejauh manakah benarnya dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Wahhabi adalah satu-satunya aliran yang menjadi punca utama kepada tercetusnya perpecahan dalam kalangan umat Islam?

10) Benarkah Wahhabi menolak ajaran para imam mazhab berhubung dengan tata cara mengerjakan ibadah solat dan hanya mewajibkan umat Islam mengikuti ajaran Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* sebagaimana yang termaktub di dalam kitabnya yang terkenal, *Shifatu Shalatin an-Nabiyyi Shallallahu 'Alaihi wa Sallama min at-Takbiiri ilaa at-Tasliimi Ka-annaka Taraaha*? Persoalan seterusnya, apakah benar segala maklumat yang terkandung di dalam buku Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* tersebut hanyalah berupa huraian beliau semata-mata, bukannya bersumberkan daripada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih serta pandangan daripada para imam mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*?[4]

---

[4] Fitnah Muhammad Uthman El-Muhammadi ini tidak akan dilayan kerana sesiapa sahaja yang meneliti tulisan Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* di atas akan mendapati bahawa segala huraian beliau ke atas buku tersebut sememangnya adalah bersumberkan daripada tunjuk ajar al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih serta pandangan daripada para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Penulis menyarankan kepada para pembaca yang budiman sekalian agar dapat meneliti sendiri buku Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* tersebut yang kini telah pun berada di pasaran tempatan dalam edisi terjemahan bahasa Melayu dan Indonesia. Antaranya ialah terjemahan oleh saudara Abu Zakaria al-Atsari di atas judul *Sifat Shalat Nabi (3 jilid)*, terbitan Garya Ilmu, Jakarta Timur.

Demikian beberapa persoalan yang akan penulis bahaskan di dalam buku ini. *Insya'* Allah buku yang diberi judul ***Siapakah Pengikut Imam al-Syafie & Mazhab Syafie Yang Sebenar?*** ini akan membantu para pembaca yang budiman sekalian untuk meneracai segala persoalan yang telah dikemukakan di atas, apakah ianya satu dakwaan yang benar atau sekadar fakta palsu dan dusta semata-mata. [5]

Sekalipun buku ini adalah jawapan semula penulis ke atas fitnah yang dilontarkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady dan mereka yang sefahaman dengan beliau, namun buku ini juga penulis tujukan khas kepada sesiapa jua yang selama ini telah dipengaruhi oleh para pembuat fitnah ke atas *Ahl al-Sunnah* atau lebih tepat dikenali sebagai "Wahhabi".[6]

Untuk membuat tempahan ke atas buku ini dan lain-lain buku berkaitan ibadah solat menurut al-Sunnah yang sahih, sila berhubung dengan sahabat penulis, Nawawi Subandi di atas talian 013-3701152 atau dengan melayari blog beliau melalui capaian berikut: http://an-nawawi.blogspot.com.

[5] Dalam artikelnya yang sama, Muhammad Uthman El-Muhammady turut mengaitkan Wahhabi dengan faktor kejatuhan kerajaan Islam Turki Uthmaniyah. Menurut beliau, antara faktor penyebab jatuhnya kerajaan tersebut adalah kerana komplot yang dibuat di antara Wahhabi dengan British dalam usaha menjatuhkan kerajaan Islam Turki Uthmaniyah. Bagi mengesahkan sejauh manakah kebenaran dakwaan beliau ini, silalah rujuk artikel *Wahhabi Dan Keruntuhan Kerajaan Islam Turki Uthmaniyah* yang penulis lampirkan bersama buku ini.

[6] "Wahhabi" adalah salah satu bentuk gelaran negatif yang masyhur disandarkan oleh para pendukung bid'ah ke atas para pendukung dakwah *al-Salafiyyah* termasuklah mereka yang berada di negara ini. Tindakan ini dilakukan oleh *Ahl al-Bid'ah* adalah tidak lain semata-mata bertujuan bagi menakut-nakutkan masyarakat awam daripada mendekati dakwah yang dibawa oleh para pendukung al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Semoga dengan 'jawapan semula' ini dapat membantu umat Islam seluruhnya dalam mencerahkan kembali segala kekeliruan (syubhat) yang dilontarkan oleh para pendukung dan pemuka bid'ah ke atas *Ahl al-Sunnah*.

❈ Mengapa Imam al-Syafie dan mazhab Syafie?

Penulis menjangkakan mungkin ramai dalam kalangan para pembaca ketika ini yang sedang tertanya-tanya, mengapakah penulis memfokuskan perbincangan risalah ini kepada perspektif Imam al-Syafie atau mazhab Syafie. Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang mendorong penulis berbuat demikian, paling kurang adalah disebabkan oleh tiga faktor berikut:

Jika ditinjau dari sudut sejarah asal-usul istilah "Wahhabi" ini, ia sebenarnya merupakan satu gelaran yang disandarkan ke atas salah seorang tokoh beraliran Khawarij yang berasal dari Parsi, iaitu 'Abdul Wahhab bin 'Abdul Rahman bin Rustum (197H). Antara ajaran beliau yang terkenal sehingga beliau difatwakan sebagai sesat oleh para ulamak Andalus dan juga fuqaha di sebelah Utara Afrika ialah mentakwilkan nas-nas al-Sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, menafikan peluang untuk melihat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada Hari Kiamat dan beriktiqad bahawa al-Qur'an adalah makhluk Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

Ahl al-Bid'ah yang amat membenci gerakan pembaharuan (*tajdid*) oleh salah seorang tokoh pembaharuan Islam (*mujaddid*), iaitu Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* telah menggunakan kesempatan ini untuk mengaitkan beliau dengan aliran tersebut. Lebih-lebih lagi kesamaan yang wujud pada kata nama "Wahhab" (kata dasar bagi istilah Wahhabi) antara Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* dengan 'Abdul Wahhab bin 'Abdul Rahman bin Rustum telah membuka peluang yang sebesar-besarnya kepada para pendukung bid'ah ini untuk memomokkan Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* sebagai pengasas sebenar kepada fahaman tersebut.

Untuk perbincangan yang lebih terperinci mengenai asal-usul istilah "Wahhabi" ini dan hubungkaitnya dengan dakwah *al-Salafiyyah*, sila rujuk salah sebuah buku susunan penulis yang berjudul *Katakan Tidak Wahhabi!,* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009). Sila lihat ms. 82 dan seterusnya.

- **Pertama:** Ramai dalam kalangan pengikut yang bermazhab Syafie sendiri termasuk di negara ini yang tidak menyedari bahawa segala amalan 'masyhur' dalam masyarakat yang selama ini dihukum sebagai bid'ah oleh Wahhabi adalah merupakan perkara-perkara yang dibid'ahkan sendiri oleh Imam al-Syafie dan/atau para ulamak bermazhab Syafie. Dengan membaca buku ini, para pembaca sekalian akan dapat mengetahui bahawa bukanlah Wahhabi sahaja yang bersendirian di dalam menghukum bid'ah amalan-amalan tersebut. Sebaliknya ia juga merupakan pandangan yang berasal daripada Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri dan/atau para ulamak muktabar bermazhab Syafie selain beliau.
- **Kedua:** Memberi penjelasan kepada umat Islam mengenai hakikat sebenar kedudukan sebahagian amalan dan fahaman Wahhabi yang sering dipandang sebagai "asing" (*syadz*) oleh majoriti umat Islam di Malaysia. Dengan sifat keasingannya ini, sebahagian daripada umat Islam di Malaysia menganggapnya sebagai suatu kesesatan dan terkeluar daripada ajaran dan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.[7] Maka melalui penjelasan ini, umat Islam di Malaysia akan segera mengetahui bahawa amalan dan

---

[7] Umpamanya ialah amalan menggerak-gerakkan jari ketika *tasyahhud,* tidak menambah kalimah *Saiyyidina* ketika berselawat ke atas Nabi, tidak membaca doa Qunut secara tetap dalam solat Subuh, berzikir dan berdoa dengan suara yang rendah secara individu selepas solat-solat fardhu, meninggalkan solat sunat *Qabliyyah* Jumaat, tidak mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat, menolak kewujudan air *mustakmal,* tidak bertaklid kepada satu-satu mazhab tertentu, tidak melafazkan niat sebelum mengerjakan solat dan lain-lain amalan dan fahaman yang berbeza dengan amalan dan fahaman majoriti umat Islam di Malaysia.

fahaman tersebut bukanlah bersumberkan daripada orang-orang Wahhabi sahaja. Akan tetapi ia juga merupakan amalan dan fahaman yang benar-benar didirikan di atas nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih serta merupakan amalan dan fahaman yang bersumberkan daripada ajaran para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* khususnya Imam al-Syafie *rahimahullah* dan/atau para ulamak bermazhab Syafie itu sendiri.

- **Ketiga:** Membuktikan dakwaan *Ahl al-Bid'ah* bahawa Wahhabi sebagai kelompok yang sesat dan telah terkeluar daripada ajaran Imam al-Syafie/mazhab Syafie dan merupakan penentang kepada mazhab tersebut adalah satu dakwaan yang batil serta tidak berasaskan kepada fakta ilmiah yang benar. Pencerahan ini sekaligus mengesahkan kedudukan Wahhabi sebagai pengikut Imam al-Syafie dan pembela kepada mazhab Syafie yang sebenar. Manakala pihak yang membuat fitnah ke atas Wahhabi itu pula adalah golongan penentang dan pembelot Imam al-Syafie dan ulamak bermazhab Syafie yang tulen, meskipun selama ini mereka bermatian-matian mengaku sebagai penegak dan pembela kepada ajaran imam berkenaan mahupun mazhabnya.

Oleh kerana sebahagian besar fitnah yang dilontarkan ke atas Wahhabi di negara ini adalah berasal daripada mereka yang – kononnya – bermazhab Syafie, maka penulis tidak akan mengemukakan apa-apa jawapan daripada golongan yang sering dilabel sebagai kaum Wahhabi. Sebaliknya penulis hanya akan mengemukakan pandangan-pandangan yang bersumberkan daripada Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri, para ulamak bermazhab Syafie dan lain-lain ulamak muktabar yang

berpegang teguh kepada aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih*.[8]

❋ **Penghargaan dan harapan.**

Penulis amat menyedari bahawa penulisan ini tidak mungkin akan dapat disempurnakan melainkan dengan adanya bantuan dan sumbangan daripada beberapa pihak. Oleh itu, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih khasnya kepada sahabat penulis, *akhi* Mohd Yaakub bin Mohd Yunus, *al-Fadhil* Ustaz Rasul bin Dahri, *akhi* Nawawi bin Subandi, *akhi* Mohd Hazim bin Mohd Kasim, *ukhti* Solehatun Naqiyah bte Abdul Malik dan *ukhti* Widada bte Amir di atas kesudian mereka dalam membantu penulis menyiapkan buku yang amat bermakna ini.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa penulis, guru-guru dan rakan-rakan yang selama ini yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan yang kuat kepada penulis untuk terus berkarya di dalam bidang dakwah penulisan ini. Didoakan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa membalas mereka dengan apa yang terbaik di dunia mahupun di akhirat. *Amien yaa Robbal 'Alamin*.

Penulis mengharapkan agar dengan kehadiran buku ini akan mendatangkan manfaat yang besar kepada sesiapa jua yang memiliki serta berusaha mengkajinya, khususnya dalam rangka mengenal manhaj sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah*

---

[8] Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu penulis akan menampilkan beberapa pandangan daripada para tokoh *Ahl al-Sunnah* yang secara kebetulan juga turut dilabel dan dimasyhurkan sebagai 'Wahhabi'. Pendedahan pandangan para tokoh ini adalah bertujuan bagi membuktikan kepada para pembaca tentang kesamaan pandangan yang wujud antara Wahhabi dengan Imam al-Syafie dan/atau para ulamak bermazhab Syafie terhadap sesuatu persoalan yang sedang dibincangkan.

yang selama ini cuba dilenyapkan oleh para pendukung bid'ah yang berselindung di sebalik slogan "pembela mazhab Syafie" dan penegak kepada aliran "arus perdana".

Sekian dahulu daripada penulis.

Selamat membaca.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Penulis

Mohd Hairi Nonchi

Kampung Puyut,

Lahad Datu, Sabah.

13 Julai 2010.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيۡتَ

ٱلۡمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودٗا ٦١

Apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (kembali) kepada apa yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul, nescaya kamu lihat orang-orang munafik menghalang-halangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya (dari mengikuti) engkau.

[Surah al-Nisa':61]

Berkata Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H):

كُلُّ مَا قُلْتُ وَكَانَ عَنَ النَّبِيِّ خِلاَفَ قَوْلِيْ مِمَّا يَصِحُّ

فَحَدِيْثُ النَّبِيِّ أَلَى وَلاَ تُقَلِّدُوْنِيْ !

Setiap apa yang telah aku ucapkan padahal telah datang (hadis) dari Nabi yang sahih yang bertentangan dengan ucapanku itu maka mengambil hadis Nabi itulah yang utama dan janganlah kamu bertaklid kepadaku!

Muhammad Uthman El-Muhammady

Usah terpesona tajdid segera Wahabi

Mula abad ke-18 Wahabi menentang ulil amri sehingga musnah kerajaan Islam Uthmaniah

KALI ini perbincangan tertumpu kepada perbandingan antara tajdid cara Wahabiah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kerap disuarakan golongan ini sedang laksanakan 'tajdid' yakni pembaharuan atau penyegaran semula fahaman yang betul dan amalan dalam agama.

Konsep tajdid terkandung dalam erti hadis riwayat Abu Daud bermaksud: "Sesungguhnya Allah akan membangkitkan bagi umat ini pada permulaan setiap 100 tahun tokoh yang memperbaharui agama ini untuknya." (*Aunul-Ma'bud Sharah Abi Daud, al-malahim*).

Maksud memperbaharui di sini ialah menjadikan apa yang dilupakan, diamalkan semula, terkeliru dijernihkan mengikut ajaran sebenar atau salah faham difahami semula dengan betul. Dalam hadis riwayat Muslim ada sabda Baginda SAW yang bermaksud: "Terus menerus ada dalam umat ini golongan yang tertonjol menang dalam kebenaran sampai datang perintah Allah, tidak mendatangkan mudarat pihak merendahkan mereka sehingga datang perintah Allah (kiamat) walhal mereka dalam keadaan demikian." (Riwayat Muslim)

Tokoh tajdid sama ada difahamkan peribadi tertentu yang cukup syarat ilmunya mengenai al-Quran dan sunnah serta huraiannya; dan ilmu yang zahir serta mengenai hal kerohanian, dengan peribadinya yang beramanah, atau beberapa peribadi bermula dengan Umar Abd al-Aziz, Syafie, ibn Suraij, al-Asy'ari, al-Baqillani, Sahal, al-Isfara'ini, al-Ghazali, Fakhr al-Din al-Razi, al-Rafi'I, ibn Daqiq al-'Id atau al-Bulqini, (disebut dalam *Aunul-Ma'bud Sharah Abi Daud*) dan seterusnya dengan menyebut ulama hadis – usaha mereka ialah menghidupkan sunnah dan menghilangkan bidaah, menghidupkan apa yang dilupakan serta menguatkan apa yang lemah.

Tajdid yang berlaku berhubung dengan tokoh yang disebut dalam teks syarah hadis seperti Syarah Bukhari, Abu Daud dan Muslim menunjukkan jasa menyebarkan keadilan dan pelaksanaan ajaran Rasul, menguatkan sunnah dan pemahaman hukum dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah, penyusunan ilmu dalam Ahli Sunnah, akidah, ajaran kerohanian yang sahih, akhlak yang teguh, mengalahkan hujah yang menyerang Ahli Sunnah dan membantu dalam menjayakan hidup tamadun dalam Ahli Sunnah. Kemunculan Salahuddin al-Ayyubi, misalnya adalah hasil daripada tajdid ulama Ahli Sunnah termasuk ajaran rohaniah Imam al-Ghazali, Waliyullah al-Dihlawi abad ke-18, usaha dakwah abad ke-20 oleh al-Banna dan Said Nursi adalah hasil kesan daripada tajdid sahih Ahli Sunnah.

Kemunculan ulama Dunia Melayu dalam pengembangan ilmu dan amalan Ahli Sunnah hasil daripada tajdid sepanjang zaman itu. Dengan itu, akidah menjadi betul, ibadat dan hidup kerohanian menjadi berjaya, akhlak menjadi jernih, hidup masyarakat tersusun, hubungan antara ulil amri dan rakyat menjadi tersusun, hubungan umara dan ulama terurus walaupun ada gangguan dalam sejarah, amalan dan pegangan Ahli Sunnah terus berjalan dan tamadun Islam wujud sampai sekarang walaupun mengalami zaman kelemahan dan menghadapi cabaran dari luar dan dalam. Dengan tajdid yang sahih Ahli Sunnah menyelesaikan masalah cabaran falsafah yang menyeleweng, ajaran dan akidah sesat, kejahilan, kekeliruan, ilmu Islam tersusun, panduan jelas, dan tamadun menjadi teguh.

WAHABI anggap doa, zikir beramai-ramai selepas solat amalan bidaah.

GAMBAR HIASAN

> *"Dengan tajdid yang sahih Ahli Sunnah menyelesaikan masalah cabaran falsafah yang menyeleweng, ajaran dan akidah sesat, kejahilan, kekeliruan, ilmu Islam tersusun, panduan jelas, dan tamadun menjadi teguh"*

Berbanding tajdid Ahli Sunnah kita boleh sebutkan tajdid segera Wahabi bermula dari abad ke-18 itu. Antara yang berlaku ialah tuduhan umat Islam melakukan kesyirikan dan bidaah, lalu atas nama mengembalikan sunnah dan memerangi bidaah, berlaku penentangan terhadap ulil amri waktu itu iaitu kerajaan Uthmaniah Turki yang berabad mempertahankan Islam yang sedang dimusuhi Barat.

Apabila ia dilemahkan dari dalam oleh usaha golongan itu atas nama menegakkan tauhid dan sunnah, akhirnya ia lemah dari dalam, apa lagi apabila golongan itu bermuafakat dengan British dan Perancis seperti tercatat dalam *'Unwan al-Majdi*, akhirnya, jatuhlah khalifah itu dengan Kamal Attaturk memberi pukulan maut ke atasnya. Ertinya tajdid membawa kepada maut khalifah Islamiah. Maha suci Allah! Tajdid yang mereka lakukan muncul dalam bentuk memberi huraian tauhid yang dipecahkan kepada tiga (dikatakan itu huraian orang salaf, walhal tidak demikian), yang dijadikan alat untuk mengkafir dan mensyirikkan Muslimin yang bertawassul dan beristrighothah di kubur nabi dan lainnya, dan mengatakan penyembah berhala ahli tauhid rububiah yang ikhlas tauhidnya.

Tidak pernah berlaku sebelum ini penyembah berhala dikatakan ahli tauhid yang ikhlas walau dalam apa erti dan segi sekalipun. Juga tidak pernah berlaku yang Muslim dikatakan kafir kerana bertawassul dan beristighothah.

Golongan ini, akibatnya senang menghukum kafir sesama Muslimin; tauhid hasil tajdid segera mereka juga membawa kepada timbulnya kepercayaan mujassimah terhadap Allah walau bagaimana kuatnya mereka menolak hal ini dan akibatnya timbul kekacauan dalam masyarakat.

Tajdid mereka juga lahir dalam bentuk menghukum bidaah terhadap amalan Muslimin seperti talkin, qunut Subuh, berdoa beramai-ramai, membaca Yasin malam Jumaat, mengadakan majlis Maulud Nabi, membaca barzanji, mengadakan kenduri arwah, tahlil, berzikir beramai-ramai, mengaji Sifat 20 dan seterusnya ditolak terus, tidak ada bidaah yang baik.

Sebelum ini tidak ada tajdid bermula dengan pembicaraan mengenai talkin, qunut, berzanji dan yang sepertinya kerana itu semua perkara ranting dalam hukum dan amalan. Sikap mereka berhubung hal itu berlawanan dengan pendirian arus perdana Ahli Sunnah.

Itu semua dianggap bidaah yang mesti ditolak sebagai akibat yang timbul daripada sikap mereka memahami bidaah hanya satu jenis yang mesti ditolak. Timbul tajdid melarang orang mengikut mazhab fiqh kononnya seperti menyembah ulama. Ia lahir daripada sikap mereka menyuruh orang membuat keputusan sendiri daripada al-Quran dan sunnah.

Kata mereka senang saja seperti yang terkandung dalam kitab golongan ini *Hal al-Muslim Mulzam Bittiba' Madhhabin Mu'ayyanin min Madhahib al-Arbaah* oleh al-Khojandi al-Ma'sumi, yang dipertahankan al-Albani. Berhubung dengan sikap demikian timbul perbuatan menghukum mereka yang sembahyang mengikut imam mazhab bukan melakukan sembahyang nabi. Sembahyang nabi ada dalam huraian golongan mereka seperti yang dalam buku *Solatun-Nabi* oleh al-Albani.

Kesannya timbul perkelahian dalam masyarakat sampai berlaku perceraian. Di sesetengah negara berlaku pertumpahan darah dan pembunuhan akibat daripada perkembangan sedemikian ini.

Tajdid golongan ini juga berlaku dengan menolak ilmu seperti tasawuf, astronomi dan mantik, perkembangan sains dan teknologi mendapat tentangan, perubahan hanya baru berlaku dalam kalangan mereka yang mengikut aliran ini. Ini berlawanan dengan sikap ulama Ahli Sunnah yang mempunyai sikap terbuka dalam hubungan dengan ilmu sedemikian seperti yang ternyata dalam *al-Muqaddimahy ibn Khaldun* dan *Kashshaf Istiulahat al-Funun* oleh al-Tahanawi.

> *"Tajdid Wahabi menolak ilmu seperti tasawuf, astronomi, mantik, sains dan teknologi; berbeza dengan Ahli Sunnah yang mempunyai sikap terbuka dalam hubungan dengan ilmu seperti itu"*

Kesan 'pembaharuan' gaya tajdid segera golongan ini timbul perbuatan melanggar peraturan dalam negeri di mana mereka berada. Kalau golongan mereka tidak diberi tauliah untuk mengajar dan berceramah, mereka langgar peraturan itu dengan mengatakan itu bercanggah dengan ajaran Islam yang menyuruh berdakwah, sedangkan mereka terlupa dalam Ahl Sunnah, ulil amri berkewajipan untuk menjaga agama dan amalannya supaya berjalan atas landasan Ahli Sunnah dan mazhab yang diamalkan dalam negeri yang berkenaan.

Contohnya, boleh didapati dalam perbuatan Saidina Ali yang melarang mereka tidak layak daripada mengajar di masjid Basrah, walhal tokoh yang layak seperti Hasan al-Basri dibenarkan mengajar.

Demikian pula al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyahnya* dalam bab al-hisbah, menyebut keperluan ulil amri mengawal masjid supaya dakwah dan pengajaran berjalan lancar dalam aturan dan mazhab yang ditentukan dan amalan yang baik terlaksana. Ini dapat mengelakkan orang yang memberi penafsiran mengelirukan tidak mengganggu ketenteraman awam.

Ringkasnya perlu kita kembali kepada usaha memahami tajdid dan hasil kerja tajdid yang sebenarnya berlaku dalam ajaran dan sejarah Ahli Sunnah, apa lagi sempena awal Muharram tahun baru Islam 1431 Hijrah ini. Dengan ini kita tidak terpesona dan terpengaruh dengan dakwaan tajdid segera yang dilakukan golongan ini dan cuba ingatkan sejenak di mana timbulnya pemikiran seperti ini adakah kita melihat keamanan di dalamnya? Adakah kerja membina tamadun sebenar di dalamnya? Adakah sama dengan negeri Ahli Sunnah tertentu yang aman? Dengan itu mudah-mudahan kita dapat memiliki kefahaman yang tepat dan bermanfaat mengenai tajdid dan tokoh tajdid yang sebenar dalam umat ini, dan tidak terpesona dengan tajdid segera kelompok ini walaupun disebutkan nama yang hebat untuk mempromosikannya. Wallahu'alam.

MEMAHAMI PRINSIP IMAM AL-SYAFIE & WAHHABI DALAM PERSOALAN BERMAZHAB

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Benarkah Wahhabi mengharamkan amalan bermazhab dalam Islam? Adakah Wahhabi menganggap orang yang mengikuti satu-satu ajaran mazhab tertentu sebagai sesat di sisi agama? Apakah Wahhabi memaksa umat Islam – khususnya orang awam – untuk melakukan *ijtihad* sendiri bagi mengistimbat atau mengeluarkan sesuatu hukum daripada al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*?

Demikian antara beberapa persoalan yang sering bermain-main dalam fikiran mereka yang masih samar terhadap manhaj Wahhabi khususnya berhubung dengan persoalan amalan bermazhab di dalam Islam. Bagi menjawab persoalan-persoalan ini, berikut akan diperturunkan beberapa keterangan daripada beberapa orang tokoh *Ahl al-Sunnah* terkemuka yang kebetulan merupakan antara individu yang sering dimasyhurkan sebagai berfahaman Wahhabi.

Mereka yang penulis maksudkan ialah Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab (1206H), Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* (1420H), Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H)[9] dan Syeikh 'Abd Allah bin 'Abd al-Aziz bin Bazz *rahimahullah* (1420H).

---

[9] Penulis pernah menerima SMS daripada salah seorang yang tidak dikenali yang menyatakan bahawa Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah

Syeikh Abdullah bin Muhammad bin Abdul Wahhab *rahimahullah* menjelaskan prinsip ayahnya, Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab *rahimahullah* terhadap persoalan bermazhab dalam beragama:[10]

> Bahawa mazhab kami dalam *ushuluddin* adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* dan cara pemahaman kami adalah mengikut cara ulamak Salaf sedangkan dalam hal masalah *furu'* kami cenderung mengikut mazhab (Imam) Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* (iaitu mazhab Hanbali). Kami tidak pernah mengingkari seseorang bermazhab dengan salah satu daripada mazhab yang empat.
>
> Dan kami tidak mempersetujui seseorang yang bermazhab yang luar dari mazhab empat seperti mazhab (*Syi'ah*) *Rafidhah, Zaidiyyah, Imamiyyah* dan lain-lain lagi.[11] Kami tidak membenarkan mereka mengikuti mazhab-mazhab yang

---

rahimahullah (728H) adalah salah seorang penganut kepada fahaman Wahhabi. Alangkah lucunya golongan ini kerana begitu mudah mentohmah Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* sebagai Wahhabi walhal beliau (Syeikh al-Islam) tidak pernah berjumpa ataupun mengenali Syeikh Muhammad Abdul Wahhab *rahimahullah* iaitu tokoh yang dimasyhurkan sebagai pengasas kepada fahaman Wahhabi. Malah istilah "Wahhabi" itu sendiri tidak pernah dikenali di zaman Syeikh al-Islam ibn Taimiyyah *rahimahullah*. Ini kerana Syeikh al-Islam telah meninggal dunia pada tahun 728H iaitu 387 tahun sebelum kelahiran Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab *rahimahullah.*

[10] Dinukil daripada *Syeikh Muhammad 'Abdul Wahhab & Gerakan Wahhabi* karya Ibnu Sihab (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1997), ms. 36.

[11] Lebih lanjut berkaitan dengan *Syi'ah* dan bahayanya kepada umat Islam, sila rujuk buku karangan saudara Hafiz Firdaus Abdullah berjudul *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah Dalam Persoalan Khalifah (3 siri)* terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru. Juga dalam edisi *e-book* yang boleh dimuat turun di http://www.hafizfirdaus.com

> batil, malah kami memaksa mereka supaya bertaklid kepada salah satu daripada mazhab empat tersebut.
>
> Kami sama sekali tidak pernah mengakui bahawa kami sudah sampai ke tingkat *mujtahid mutlak,* juga tidak seorang pun di antara pengikut kami yang berani mendakwakan dirinya dengan demikian. Hanya ada berapa masalah yang kalau kami lihat di sana ada nas yang jelas, baik dari al-Qur'an mahupun al-Sunnah, dan setelah kami periksa dengan teliti tidak ada yang menasakhkannya (membatalkannya), atau mentakhsiskannya atau menentangnya, lebih kuat daripadanya serta dipegangi pula oleh salah seorang imam yang empat maka kami mengambilnya dan kami meninggalkan mazhab yang kami (sedang) anuti.

Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* (1420H) berkata di dalam kitabnya, *Maqaalat al-Albani*: [12]

> Sesungguhnya penyeru untuk kembali kepada al-Sunnah tidak bermaksud meninggalkan semua mazhab yang ada baik secara global mahupun secara rinci, bahkan mereka senantiasa menghargai mazhab-mazhab tersebut dan menghormati para imam mazhab sambil bergantung kepada pandangan para imam untuk memahami al-Kitab dan al-Sunnah. Mereka hanya meninggalkan pendapat para imam apabila jelas bertentangan (atau kurang bertepatan) dengan (petunjuk) al-Kitab (al-Quran) dan al-Sunnah.

Dalam keterangannya yang lain beliau berkata:[13]

---

[12] Dinukil daripada *Risalah Ilmiah Albani* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Abu Musyrifah dan Ummu Afifah (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002), ms. 42. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Risalah Ilmiah Albani* sahaja.

> Para pendakwah yang mengajak kepada al-Sunnah tidak pernah mewajibkan *ijtihad* kecuali bagi mereka yang memiliki kemampuan untuk ber*ijtihad*. Tetapi mereka mewajibkan *ittiba'* (mengikuti al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih) kepada umat Islam. Selain itu, mereka mengharamkan (amalan) bertaklid buta kecuali dalam keadaan darurat (terpaksa) serta tidak mampu menemui al-Sunnah (yang sahih untuk dijadikan sandaran dalam beramal). [14]

Apa yang diungkapkan oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* di atas adalah searah dengan pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) di mana beliau berkata:[15]

---

[13] Dinukil daripada *Risalah Ilmiah Albani* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, ms. 47.

[14] Dalam kesempatan yang lain iaitu ketika beliau difitnah sebagai tidak menghormati dan menghargai para Imam mazhab, beliau berkata:

> Sesungguhnya tuduhan ini juga merupakan kedustaan yang nyata. Sebab kami sangat menghormati dan menghargai keempat Imam mazhab termasuk para Imam dan ulamak lainnya. Kami sekali-kali tidak pernah mengabaikan begitu sahaja keluasan ilmu mereka dan tidak mungkin menafikan pendapat-pendapat mereka khususnya dalam ilmu fikih tanpa harus bersikap fanatik terhadap salah seorang dari mereka. Sikap seperti inilah yang saya jelaskan secara detail sejak tiga puluh tahun lalu yang saya tuangkan dalam mukadimah karya saya, *Shifatu Shalatin Nabiyyi minat Takbiri ilat Taslimi Ka'annaka Taraaha.* [Lihat *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah wa Atsaruha as-Sayyi' fi al-Ummah* karya Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh A.M Basalamah di atas judul *Silsilah Hadits Dha'if Dan Maudhu'* (Gema Insani Press, Jakarta, 1999), jld. 3, ms. 41]

[15] Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil; dalam edisi terjemahan oleh H. Nabhani Idris dan Saefudin Zuhri di atas judul *Manhaj*

> Begitu juga dalam masalah-masalah *furu'* (cabang/fiqh) yang dilontarkan oleh para ahli ilmu kalam dan para *fuqaha'* yang mewajibkan *ijtihad* kepada setiap orang termasuk orang awam. Ini adalah pendapat *dha'if* (lemah) kerana mereka (orang awam) tidak mampu (ber*ijtihad*) tetapi hanya orang-orang yang memiliki kemampuanlah yang wajib mengetahui dalil-dalilnya secara terperinci.

Pada kesempatan yang lain beliau berkata:[16]

> Seseorang yang mengikuti suatu mazhab kerana ketidakmampuannya dalam mengetahui syariat kecuali dengan bertaklid, maka hal itu dibolehkan baginya. Sementara sikap yang demikian itu tidak diwajibkan kepada setiap orang yang mampu untuk mengetahui syariat dengan cara selain itu, bahkan hendaknya setiap orang harus berusaha untuk bertakwa kepada Allah sebatas kemampuannya.

Sementara itu, Syeikh 'Abd Allah bin 'Abd al-Aziz bin Bazz *rahimahullah* (1420H) pernah ditanya: "Ada yang mengatakan bahawa mengikuti mazhab yang empat adalah termasuk perbuatan bid'ah. Bagaimana pendapat anda dalam hal itu?" Beliau menjawab:[17]

'Aqidah Imam Asy-Syafi'i (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005), ms. 154-155. Rujukan ini selanjutkan akan diringkaskan kepada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* sahaja.

[16] Dinukil daripada *Berlebih-Lebihan Dalam Agama* karya Abud bin Ali bin Dar' (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002), ms. 185. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Berlebih-Lebihan Dalam Agama* sahaja.

[17] Dinukil daripada *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2007), ms. 158-159. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sahaja.

Perkataan seperti itu secara umum adalah salah, tidak boleh kita berkata seperti itu. Yang benar adalah, di dalam mazhab yang empat itu terdapat banyak kebaikan dan petunjuk kerana mereka (para imam mazhab) adalah *da'i-da'i* dan ulamak-ulamak yang terkenal, iaitu Imam Abu Hanifah, al-Syafie, Malik dan Ahmad bin Hanbal. Yang salah adalah fanatik dan mengikuti mereka dengan taklid buta, kerana mereka juga adalah manusia biasa. Setiap mereka memiliki beberapa pendapat yang salah dalam pelbagai masalah.

Jadi yang wajib bagi pengikut mereka adalah bertakwa kepada Allah, tidak fanatik dan mengambil kebenaran yang didukung oleh dalil-dalil yang kuat. Maka apabila seorang alim salah dalam *ijtihad*, maka janganlah menganggap bahawa kesalahan ini bukan sebuah kesalahan hanya kerana orang alim itu adalah imam mazhab mereka. Jangan, (sebab) kebenaran lebih (utama) dari semua itu.

Oleh kerana itu, pengikut-pengikut Imam Abu Hanifah, Malik, al-Syafie dan Ahmad serta pengikut-pengikut ulamak lainnya, harus mengambil kebenaran yang diperkuat oleh dalil-dalil, tidak fanatik kepada (individu tertentu seumpama) Zaid, Amru dan lain-lain. Pengikut-pengikut Abu Hanifah tidak boleh fanatik kepada Imam Abu Hanifah dan demikian pula dengan pengikut imam-imam lainnya. Mereka harus takwa, mengambil kebenaran dan berijtihad di dalamnya dari mana pun datangnya, agar hujah dan dalil kebenaran tersebut dapat dikehadapankan.

Maka apabila apa yang dikatakan oleh Imam Abu Hanifah benar dan sesuai dengan dalil yang ada, maka dia mengambil pendapat tersebut. Pada waktu yang lain, jika apa yang

dikatakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal tentang sesuatu masalah benar dan sesuai dengan dalil yang ada, maka dia harus mengambil pendapat itu, demikian seterusnya dengan pendapat imam-imam yang lain.

Ringkasnya, Wahhabi tidak pernah melarang umat Islam daripada berpegang kepada mana-mana ajaran mazhab dalam Islam. Malah jauh sekali dari mengharamkan mana-mana mazhab Islam yang ada. Apa yang jelas Wahhabi hanyalah mengharamkan sikap kemelampauan sebahagian umat Islam di dalam mengunggulkan ajaran mazhab masing-masing sehingga apa sahaja pandangan yang tidak berasal daripada ajaran mazhabnya atau yang bercanggah dengannya dianggap sebagai suatu kesesatan atau terkeluar daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ini sekalipun pandangan tersebut adalah suatu yang benar dan bersumberkan daripada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* berkata: [18]

> Sedangkan sikap (terlalu) bergantung kepada ulamak tertentu yang dapat memecah belahkan kaum muslimin, yang mana dalam sikap seperti itu dapat merubah sikap berjamaah dan berkasih sayang menjadi perpecahan dan sarana untuk menimbulkan bid'ah, serta menyebabkan seseorang menjauhkan al-Sunnah dan *ittiba'*, maka sesungguhnya sikap bergantung (kepada) ulamak yang seperti inilah yang dilarang dan yang menyebabkan pelakunya berdosa. Dengan demikian, sikapnya itu

---

[18] Dinukil daripada *Berlebih-Lebihan Dalam Agama* karya Abud bin Ali bin Dar', ms. 186.

menyebabkan ia keluar dari ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya.

Syeikh Muhammad Sulthan al-Maksumi al-Khajandi *rahimahullah* ketika menerangkan implikasi taksub mazhab terhadap persatuan umat Islam berkata:[19]

> Dari sanalah (iaitu sikap fanatik terhadap mazhab) munculnya saling membenci, saling meninggalkan, saling menghasut dan takbur, hingga urusan umat Islam berantakan dan persatuan menjadi cerai-berai. Jadilah mereka santapan orang-orang Eropah dan penindas. Bukankah setiap imam *Ahl al-Sunnah rahimahullah* itu merupakan imam kita dan kita di barisan mereka? Sangat disesalkan orang-orang fanatik ini! Ya Allah, tunjukilah kami dan mereka ke jalan yang lurus!.

Selain daripada itu, Wahhabi juga turut melarang umat Islam daripada bertaklid dalam agama iaitu mengikuti sesuatu dalam perkara agama tanpa mengetahui kedudukan sebenar bagi setiap perkara yang diikuti sama ada ianya adalah suatu yang bertentangan dengan ajaran agama atau sebaliknya. Ini kerana sikap bertaklid buta di dalam beragama bukan sahaja termasuk dalam larangan Allah dan Rasul-Nya, malahan juga sikap seperti ini berupaya menjadikan seseorang atau sesuatu kaum itu berlaku taksub dan fanatik kepada sesuatu pegangan sekalipun telah jelas ianya adalah sesuatu yang menyelisihi kebenaran yang dibawa oleh al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Sikap seperti inilah sebenarnya yang diharamkan oleh Wahhabi.

---

[19] Dinukil daripada *Perlukan Bermazhab* karya Syeikh Muhammad Sulthan al-Maksumi al-Khajandi (Penerbit Aras Sarana Widia, Jakarta, 1999), ms. 86.

❋ **Apakah perbezaan taklid dengan *Ittiba'*? Adakah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mewajibkan taklid?**

Erti taklid menurut istilah ialah: Menerima perkataan orang lain dengan tidak mengetahui dari mana asal perkataan itu, tidak ada hujahnya atau yang biasa digunakan oleh ahli agama ialah: Menurut (mengikuti) perkataan atau perbuatan seseorang di dalam hal agama dengan tidak mengetahui keterangan atau dalilnya dari al-Qur'an dan al-Hadis.[20] *Hujjatul Islam*, Imam al-Ghazali *rahimahullah* (505H) iaitu salah seorang tokoh bermazhab Syafie berkata mengenai pengertian taklid:[21]

> Taklid ialah menerima perkataan tanpa disertai hujah (alasan dan dalil).

Imam Abu Ubadullah Khuwaz Mandad *rahimahullah* pula berpendapat bahawa taklid menurut pengertian syarak adalah:[22]

> Taklid menurut pengertian syarak ialah kembali menyandarkan perbuatan kepada perkataan yang tidak ada hujah bagi orang yang mengatakannya serta tiada dalil (berhubung dengan) apa yang dikatakan itu, malah orang yang berkata tidak mampu membawa dalil.

---

[20] Dinukil daripada *Siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah?: Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Dalam Islam* karya Umar Hasyim (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2008), ms. 235. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah?: Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Dalam Islam* sahaja.

[21] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007), ms. 2. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* sahaja.

[22] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 3.

Adapun maksud *ittiba'* adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*:[23]

> *Ittiba'* adalah seseorang yang mengikuti apa-apa yang datang dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Ibn 'Abd al-Barr *rahimahullah* (463H) di dalam kitabnya, *Jamii'u Bayaanil 'Ilmi wa Fadhlihi* menerangkan perbezaan antara *ittiba'* (mengikuti) dan taklid iaitu terletak pada adanya dalil-dalil *qath'i* yang jelas bahawa *ittiba'* iaitu penerimaan riwayat berdasarkan diterimanya hujah, sedangkan taklid adalah penerimaan yang berdasarkan pemikiran logika semata.[24] Beliau juga menerangkan:[25]

> Taklid adalah engkau mengambil ucapan seseorang sementara engkau tidak mengetahuinya, juga tidak mengetahui arah dan maknanya di samping engkau menolak yang lainnya, atau seseorang sudah jelas salah, tetapi engkau tetap mengikutinya kerana takut atau segan menyelisihinya padahal telah jelas bagimu ketidakbenaran pendapatnya. Sikap seperti ini diharamkan dalam agama Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Di tempat yang lain beliau berkata:[26]

---

[23] Dinukil daripada *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas (Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Bogor, 2008), ms. 69. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* sahaja.

[24] Lihat *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms. 69.

[25] Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 154.

[26] Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 152.

> Ibn Khuwaiz Mandad al-Bashri berkata di tempat lain dalam sebuah bukunya sebagai berikut: Setiap orang yang ucapannya engkau ikuti, padahal ucapan itu tidak harus engkau ikuti kerana adanya dalil yang bertentangan dengannya, bererti engkau bertaklid kepadanya, sedangkan bertaklid dalam agama Allah itu tidaklah dibenarkan. Setiap orang yang ucapannya diharuskan oleh dalil agar engkau ikuti, bererti engkau *muttabi'* (mengikutinya, bukan *muqallid*) dan ikut (*ittiba'*) dalam agama adalah satu hal yang dibolehkan, sedangkan taklid itu dilarang.

Berkata Ibn Khuwaiz Mindad al-Maliki *rahimahullah* (namanya Muhammad bin Ahmad bin 'Abdillah, wafat 390H):[27]

> Makna taklid secara *syar'i* adalah merujuk kepada perkataan yang tidak ada hujah (iaitu dalil yang bersumberkan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah –pen) dari orang yang mengatakannya dan makna *ittiba'* iaitu mengikuti apa-apa yang berdasarkan hujah (dalil) yang tetap. *Ittiba'* diperkenankan dalam agama, namun taklid dilarang.

❋ **Dalil-dalil yang mewajibkan umat Islam supaya ber*ittiba'* kepada al-Sunnah dan menjauhi amalan bertaklid dalam beragama.**

Jika diteliti ayat-ayat al-Qur'an al-Karim maka akan kita temui sejumlah ayat yang menerangkan tentang kewajipan untuk ber*ittiba'* kepada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan larangan daripada bertaklid buta di dalam beragama. Antara ayat al-Qur'an yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

---

[27] *Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadhlih,* jld. 2, ms. 993; dalam *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms. 69.

PERTAMA:

Ayat-ayat al-Qur’an yang menjelaskan tentang kewajipan untuk ber*ittiba’* kepada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya. Sedikit sekali kamu mengambil pelajaran. [Surah al-A’raf: 3]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu; dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. [Surah ali-Imran: 31]

Selanjutnya, perhatikan pula firman-Nya dalam ayat berikut:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ

Maksudnya:

Apa jua yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah ia dan apa jua yang dilarangnya bagimu maka tinggallah. [Surah al-Hasyr: 7]

KEDUA:

Berikut pula diperturunkan beberapa ayat dan *atsar* sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menjelaskan tentang larangan daripada bertaklid buta kepada selain Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya, Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلَا تَقۡفُ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۚ إِنَّ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡبَصَرَ وَٱلۡفُؤَادَ كُلُّ أُوْلَٰٓئِكَ كَانَ عَنۡهُ مَسۡـُٔولًا ٣٦

Maksudnya:

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya. [Surah al-Isra': 36]

Firman-Nya lagi:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُواْ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُواْ بَلۡ نَتَّبِعُ مَآ أَلۡفَيۡنَا عَلَيۡهِ ءَابَآءَنَآۚ أَوَلَوۡ كَانَ ءَابَآؤُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ شَيۡـٔٗا وَلَا يَهۡتَدُونَ ﴿١٧٠﴾

Maksudnya:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutlah apa yang diturunkan Allah, mereka menjawab: "Tidak! tetapi kami akan (tetap) mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami. (Apakah mereka akan mengikuti juga) walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun dan tidak mendapat petunjuk? [Surah al-Baqarah: 170]

Perhatikan juga firman-Nya dalam ayat berikut:

أَمۡ ءَاتَيۡنَٰهُمۡ كِتَٰبٗا مِّن قَبۡلِهِۦ فَهُم بِهِۦ مُسۡتَمۡسِكُونَ ﴿٢١﴾ بَلۡ قَالُوٓاْ إِنَّا وَجَدۡنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٖ وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم مُّهۡتَدُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Pernahkah Kami memberikan mereka sebelum al-Quran ini sebuah Kitab (yang membenarkan dakwaan mereka), lalu mereka berpegang teguh kepada Kitab itu? (tidak ada sebarang bukti bagi mereka) bahkan mereka (hanyalah) berkata: Sesungguhnya kami telah mendapati datuk nenek Kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya kami beroleh petunjuk mengikuti jejak mereka sahaja. [Surah al-Zukhruf: 21-22]

Imam al-Syaukani *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat di atas beliau berkata:[28]

> Ayat ini adalah sebesar-besar petanda dan sebagai dalil dari beberapa dalil atas batal dan buruknya bertaklid. Sesungguhnya mereka yang bertaklid dalam Islam hanyalah mengikut orang-orang sebelum mereka tanpa ada hujah yang nyata, sebaliknya hanyalah setakat bertaklid dengan kata-kata si Fulan dan si Fulan, ianya syubhat yang batal, hujah yang palsu dan kata-kata batil...

Demikian betapa tercelanya kedudukan mereka yang bertaklid buta di sisi Allah dan Rasul-Nya. Oleh sebab itulah para ulamak Salaf amat melarang keras umat Islam daripada mengikuti apa jua pandangan yang dikemukakan kepada mereka. Sebaliknya mereka secara tegas menggesa umat Islam agar berusaha semampu yang mungkin untuk sentiasa ber*ittiba'* kepada al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Dalam konteks ini, Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* berkata:[29]

> Bertaklid itu adalah haram (hukumnya) kerana tidak dihalalkan bagi seseorang mengambil kata-kata seseorang selain sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* jika tidak mempunyai burhan (dalil/keterangan). Ini berpandukan firman Allah*: Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu ikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya* dan firman-

---

28 Dinukil daripada *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1998), ms. 138-139. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* sahaja.

29 Dinukil daripada *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 95.

Nya lagi: *Apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah apa yang diturunkan Allah! Mereka menjawab: Tidak! Tapi kami hanya mengikuti apa yang kami dapati bapa-bapa kami.*

Ibn al-Jauzi *rahimahullah* menyatakan dalam kitabnya, *Talbis al-Iblis*:[30]

> Orang yang bertaklid tidak ada pegangan yang teguh dengan apa yang ditaklidkan. Taklid merosakkan fungsi akal untuk berfikir dan *tadabbur.* Celakalah bagi orang yang memadam lilin yang dinyalakan untuk menerangi kegelapan.

Imam al-Ghazali *rahimahullah* menyatakan dalam kitabnya, *al-Mustashfaa*:[31]

> Taklid ialah mengikuti atau menerima sesuatu tanpa hujah dan dalil yang kukuh. Ia bukanlah suatu yang baik dalam urusan *ushul* atau pun *furu'.*

Imam Abu Syamah al-Syafie *rahimahullah* menyatakan di dalam kitabnya, *al-Mu'ammal*:[32]

> Taklid kepada orang lain selain rasul-rasul Allah adalah haram.

Yang lebih tegas dari itu semua ialah sebagaimana yang difatwakan oleh Imam Abdullah bin al-Mu'tamir *rahimahullah* di mana beliau menyebut:[33]

---

[30] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 11.

[31] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 11.

[32] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 11.

Tidak ada perbezaan antara binatang ternakan yang menuruti perintah dan seorang manusia yang bertaklid.

Malah, para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri amat melarang budaya bertaklid sebagaimana keterangan mereka di bawah ini:[34]

Berkata Ibn Mas'ud *radhiallahu'anh*:

لاَ يُقَلِّدَنَّ أَحَدُكُمْ دِيْنَهُ رَجُلاً.

Maksudnya:

Janganlah salah seorang kamu bertaklid di dalam masalah agamanya kepada seseorang.

Kata sahabat Mu'adz bin Jabal *radhiallahu'anh*:

أَمَّا الْعَالِمُ فَإِنِ اهْتَدَى فَلاَ تُقَلِّدُوْهُ دِيْنَكُمْ.

Maksudnya:

Adapun orang alim itu, jika ia mendapat petunjuk, janganlah kamu bertaklid kepadanya tentang agama kamu.

❈ Adakah hanya Wahhabi sahaja yang menyeru umat Islam supaya ber*ittiba'* kepada al-Sunnah dan melarang mereka daripada bertaklid dalam beragama?

Tidak. Bahkan perintah untuk sentiasa ber*ittiba'* kepada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan melarang umat Islam daripada bertaklid buta adalah berasal

---

[33] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 11-12.

[34] Lihat *Siapa Ahli Sunnah Wal Jama'ah?: Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Dalam Islam* karya Umar Hasyim, ms. 241-242.

daripada para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* termasuklah Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri.

Bagi mengukuhkan kenyataan ini, berikut ditampilkan 14 pesanan dan wasiat Imam al-Syafie *rahimahullah* mengenai prinsip beliau berhubung dengan persoalan bermazhab di dalam agama, antaranya:

PERTAMA:

قَلَ اْلاِمَامُ الشَافِعِي: مَنْ قَلَّدَ مُعَيَّنًا فِى تَحْرِيْمِ شَيْءٍ اَوْ تَحْلِيْلِهِ وَقَدْ ثَبَتَ فِى الْحَدِيْثِ الْصَّحِيْحِ عَلى خِلاَفِهِ وَمَنِعَهْ التَّقْلِيْدِ عَنِ الْعَمَلِ بِالسُّنَّةِ فَقَدْ إِتَّخَذَ مَنْ قَلَّدَهُ رَبًّا مِنْ دُوْنِ الله تَعَالَى.

Maksudnya:

Berkata Imam al-Syafie: Sesiapa yang bertaklid (mengikut membuta tuli) pada pengharaman sesuatu atau penghalalannya sedangkan telah nyata hadis sahih yang bertentangan dengannya dan menegah dari bertaklid kerana telah diperintahkan (diwajibkan) beramal dengan sunnah, maka dia telah mengambil orang yang ditaklidkan sebagai tuhan selain Allahu *Ta'ala*.[35]

KEDUA:

---

[35] Lihat هل المسلم ملزم باتباع مذهب معين من المذاهب الا ربعة Muhammad Sultan Al-Maksumi, ms. 69. Dinukil daripada *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 126-127.

Imam al-Syafie *rahimahullah* juga menyatakan di dalam kitabnya, *al-Umm* (II/248):[36]

وَإِذَا ثَبَتَ الْخَبَرُ عَنَ النَّبِيِّ؛ لَمْ يَجُزْ تَرْكُهُ لِشَيْءٍ.

Maksudnya:

> Apabila telah sahih hadis dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*[37], maka tidak boleh untuk ditinggalkan kerana sebab apapun juga.

<u>KETIGA</u>:

Imam Ibn Abi Hatim al-Razi *rahimahullah* telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Adab Syafie wa Manaqibuhu* (ms. 67-68 & 93), bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* pernah menyatakan:[38]

---

[36] Dinukil daripada *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Media Tarbiyah, Bogor, 2008), ms. 50. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* sahaja.

[37] Setengah pihak beranggapan bahawa apa yang dimaksudkan dengan ucapan Imam al-Syafie "apabila telah sahih hadis" di sini adalah merujuk kepada hadis-hadis yang dianggap sahih di sisi Imam al-Syafie sahaja. Hujah ini dapat ditolak dengan merujuk kepada wasiat <u>KETUJUH</u> Imam al-Syafie yang jelas menunjukkan kesahihan sesebuah hadis itu juga boleh berlaku menurut penilaian ahli hadis selain beliau. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Sya'rani *rahimahullah* sebagaimana katanya:

> Ibn Hazm berkata, maksud sahih ialah hadis sahih menurut Imam al-Syafie sendiri dan imam-imam yang lain. [Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 8]

[38] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab*, karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 51.

كُلُّ مَا قُلْتُ: وَكَانَ عَنِ النَّبِيِّ خِلاَفَ قَوْلِيْ مِمَّا يَصِحُّ، فَحَدِيْثُ النَّبِيِّ أَوْلَى وَلاَ تُقَلِّدُوْنِيْ!

Maksudnya:

Setiap apa yang telah aku ucapkan, padahal telah datang dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang bertentangan dengan ucapanku itu, maka mengambil hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah yang utama, dan janganlah kamu bertaklid kepadaku!

KEEMPAT:

Imam al-Hakim *rahimahullah* telah meriwayatkan di dalam *Tarikh Naisabur* bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* menyatakan kepada seseorang yang mempertentangkan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan perkataan para ulamak:[39]

أَنَا أَقُوْلُ لَكَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ، وَأَنْتَ تَقُوْلُ: قَالَ عَطَاءُ، وَطَاوُسُ، وَمَنْصُوْرُ، وَإِبْرَاهِيْمُ، وَالْحَسَنُ، وَهَؤُلاَءِ لاَ يَرَوْنَ ذَلِكَ؛ هَلْ لأَحَدٍ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ حُجَّةٌ ؟!

Maksudnya:

Aku (Imam al-Syafie) berkata kepadamu bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda demikian, tetapi kemudian kamu justeru berkata: Imam 'Atha' telah berkata demikian, Thawus berkata demikian, Manshur telah berkata demikian, dan Ibrahim (al-Nakha'i) telah berkata demikian, dan Hasan (al-Basri) telah berkata demikian. Padahal

[39] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 49-50.

para imam itu tidak membolehkan sama sekali untuk mempertentangkan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan perkataan mereka, apakah ada seorang manusia yang perkataannya dapat dipertentangkan dengan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*?!

KELIMA:

Imam al-Syafie *rahimahullah* juga berkata:[40]

أَجْمَعَ الْمُسْلِمُوْنَ عَلَى أَنَّ مَنِ اسْتَبَانَ لَهُ سُنَّةٌ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ؛ لَمْ يَحِلَّ لَهُ أَنْ يَدَعَهَا لِقَوْلِ أَحَدٍ.

Maksudnya:

Kaum muslimin telah ijmak (bersepakat) bahawa sesiapa sahaja yang telah jelas baginya sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang sahih), maka haram baginya meninggalkan sunnah yang telah jelas di hadapannya itu hanya lantaran (terpengaruh dengan) pernyataan seseorang sahaja.

KEENAM:

Imam Abu 'Abdillah al-Hakim *rahimahullah* – penulis kitab *al-Mustadrak* – meriwayatkan dengan sanadnya yang sampai kepada Imam Rabi, bahawa dia berkata: "Saya pernah mendengar Imam al-Syafie *rahimahullah* mengatakan:[41]

مَا مِنْ أَحَدٍ إِلاَّ وَتَذْهَبُ عَلَيْهِ سُنَّةٌ لِرَسُوْلِ اللهِ، وَتَعْزُبُ عَنْهُ فَمَهْمَا قُلْتُ مِنْ قَوْلٍ أَوْ أَصَّلْتُ مِنْ أَصْلٍ، فِيْهِ

[40] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab*, karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 53.

[41] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 53.

عَنْ رَسُوْلِ اللهِ خِلاَ فَ مَا قُلْتُ: فَا لْقَوْلُ مَا قَالَ رَسُوْلِ اللهِ وَهُوَ قَوْلِيْ.

Maksudnya:

Tidak ada seorang pun melainkan ia pernah menyelisihi sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, dan menyimpang jauh darinya. Maka apa pun yang pernah aku nyatakan atau pokok (*ushul*) apa pun yang telah aku letakkan, padahal di sisi lain telah datang dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* keterangan yang bertentangan (bercanggah) dengan apa yang telah aku nyatakan itu, maka yang harus (wajib) diambil adalah apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, kerana pada hakikatnya apa yang menjadi ketetapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah (juga) pendapatku (yang sebenarnya).

KETUJUH:

Imam al-Baihaqi *rahimahullah* telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Manaqib Syafie* (1/473) bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* juga mengatakan kepada seorang muridnya Imam Rabi' bin Sulaiman al-Muradi *rahimahullah*:[42]

كُلُّ مَسْأَلَةٍ تَكَلَّمْتُ فِيْهَا صَحَّ الْخَبَرُ فِيْهَا عَنِ النَّبِيِّ عِنْدَ أَهْلِ النَّقْلِ بِخِلاَفِ مَاقُلْتُ، فَأَنَا رَاجِعٌ عَنْهَا فِيْ حَيَاتِيْ وَبَعْدَ مَوْتِيْ.

Maksudnya:

---

[42] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 50.

Setiap masalah yang telah aku ucapkan, padahal telah sahih hadis dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menurut para ulamak hadis yang bertentangan dengan apa yang telah aku ucapkan itu, maka aku akan selalu *ruju'* (menarik kembali) dari pendapatku yang bertentangan dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu, baik saat aku masih hidup mahupun setelah aku mati.

KELAPAN:

Imam al-Baihaqi *rahimahullah* telah meriwayatkan dalam kitab *Manaqib Syafie* (1/485), bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* pernah mengatakan:[43]

مَنْ تَبِعْسُنَّةَ رَسُوْلِ اللهِ؛ وَافَقْتُهُ، وَمَنْ غَلَطَ، فَتَرَا كَهَا، خَالَفْتُهُ، صَاحِبِي الَّذِيْ أُفَارِقُهُ، اللاَّزِمُ الثَّابِتُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ، وَإِنْ بَعُدَ، وَ الَّذِيْ أُفَارِقُ لَمْ يَقْبَلْ سُنَّةَ رَسُوْلِ اللهِ وَإِنْ قَرُبَ.

Maksudnya:

Siapa sahaja yang mengikuti sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka aku akan menyetujuinya dan bersepakat dengannya, sedangkan orang yang meninggalkan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka aku akan menyelisihinya dan tidak akan bersepakat dengannya.

Adapun teman yang tidak aku tinggalkan adalah orang yang selalu berpegang dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih walaupun dia berada jauh dariku. Sedangkan mereka yang aku tinggalkan dan pisahkan dariku adalah orang

---

43 Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 54.

tidak menerima sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, walaupun dia berada dekat denganku.

KESEMBILAN:

Al-Hafiz al-Zahabi *rahimahullah* menyebutkan dalam kitabnya, *Siyar A'lamin Nubala'* (X/35), bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* pernah berkata:[44]

إِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ، فَهُوَا مَذْهَبِيْ، وَا ضْرِبُوا بِقَوْلِيْ الْحَا ئِطَ.

Maksudnya:

Apabila telah sahih sebuah hadis, maka itulah mazhabku, dan buanglah perkataanku (yang menyelisihi hadis tersebut) ke arah tembok!

KESEPULUH:

Imam Ibn Abi Hatim al-Razi *rahimahullah* meriwayatkan di dalam kitabnya *Adab Syafie,* ms. 93-94, bahawa Imam Abu Tsaur *rahimahullah* – iaitu salah seorang murid kepada Imam al-Syafie – berkata: Saya pernah mendengar Imam al-Syafie *rahiamhullah* menyatakan:[45]

كُلُّ حَدِيْثٍ عَنِ النَّبِيِّ، فَهُوَ قَوْلِيْ، وَإِنْ لَمْ تَسْمَعُوْهُ مِنِّيْ.

Maksudnya:

---

44 Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 55.

45 Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 56.

Setiap hadis yang bersumberkan dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah pernyataanku (pendapatku) walaupun kamu sendiri tidak (pernah) mendengarnya daripadaku.

KESEBELAS:

Imam al-Syafie *rahimahullah* juga menegaskan di dalam kitabnya, ms. 598-599:[46]

وَأَمَّا أَنْ نُخَالِفُ حَدِيْثًاعَنْ رَّسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسلَّمْ ثَابِتًا عَنْهُ فَارْجُوْا أَنْ لاَ يُؤْ خَذُ ذَلِكَ عَلَيْنَا إِنْ شَاءَ اللهِ وَلَيْسَ ذَلِكَ لاَحَدٍ وَلَكِنْ قَدْ يَجْهَلُ الرَّجُلُ السُنَّة فَيَكُوْن لَه قَوْلٌ يُخَالِفُهَا لاَ أَنَّهُ عَمَدَ خِلاَفهَا، وَقَدْ يَغْفُلُ الْمَرْءُ وَيُخْطِىءُ فِى التَأْوِيْلِ.

Maksudnya:

Adapun untuk kita menyalahi hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang nyata (jelas) dari baginda, maka saya mengharapkan dari kamu tidak akan berlaku seperti itu (yakni menyelisihi hadis atau sunnah Rasulullah) ke atas kita*, insya'* Allah. Tidaklah terjadi seperti itu ke atas seseorang kecuali kerana kejahilan seseorang itu terhadap sunnah sehingga ia memperkatakan apa yang menyalahinya. Bukan lantaran ia sengaja menyalahinya, tetapi adakalanya berpunca kerana kebodohan seseorang itu sehingga melakukan kesalahan dalam mentakwilkan (mensyarahkan)nya.

---

[46] Dinukil daripada *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 109-110.

KEDUA BELAS:

Imam al-Syafie *rahimahullah* mengatakan dalam *ar-Risalah*, ms. 289 (no. 667):[47]

وَهَكَذَا يَجِبُ عَلَى مَنْ سَمِعَ شَيْئاً مِنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ أَوْثَبَتَ لَهُ عَنْهُ أَنْ يَقُوْلَ بِمَا سَمِعَ حَتَّى يَعْلَمَ غَيْرَهُ.

Maksudnya:

Dan begitulah, wajib hukumnya bagi sesiapa sahaja yang telah mendengar satu hadis dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau telah sahih satu hadis dari baginda, untuk berkata/berpendapat seperti yang terkandung dalam hadis tersebut, sehingga ia mendapati hadis yang lainnya (dari sunnah baginda).

KETIGA BELAS:

Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata dalam kitabnya, *ar-Risalah*, ms. 432 (no.1165-1166):[48]

وَدَلاَلَةٌ عَلَى أَنَّهُ لَوْ مَضَ أَيْضًا عَمَلُ أَحَدٍ مِنَ الأَئِمَّةِ، ثُمَّ وَجَدَ خَبَرًا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ يُخَالِفُ عَمَلَهُ: لَتَرَكَ عَمَلَهُ لِخَبَرِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ. وَدَلاَلَةٌ عَلَى أَنَّ حَدِيْثَ رَسُوْلِ اللهِ يُثْبِتُ نَفْسَهُ، لاَ بِعَمَلِ غَيْرِهِ بَعْدَهُ.

---

[47] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 121.

[48] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 121-122.

Maksudnya:

(Hal ini) juga menjadi dalil bahawa bila telah diketahui suatu amalan dari seorang ulamak Islam, kemudian didapati satu hadis dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang bertentangan dengan apa yang telah diamalkan olehnya itu, maka (seandainya) ulamak itu (mengetahui hal itu, pastilah dia) akan meninggalkan amalannya (yang bertentangan dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*) demi menghormati hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Dan hal itu juga menjadi dalil bahawa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu berdiri sendiri (dan dapat menjadi hukum agama dengan sendirinya), dan ketetapan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu tidaklah terikat dengan satupun pengamalan orang yang datang setelah baginda.

KEEMPAT BELAS:

Imam al-Syafie *rahimahullah* mengatakan dalam kitabnya, *ar-Risalah,* ms. 360 (no. 905):[49]

وَإِذَا ثَبَتَ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ، فَهُوَ اللاَّزِمُ لِجَمِيْعِ مَنْ عَرَفَهُ، لاَيُقَوِّيْهِ وَلاَ يُوْهِنُهُ شَيْءٌ غَيْرُهُ، بَلِ الْفَرْضُ الَّذِيْ عَلَى النَّاسِ إِتِّبَاعُهُ، وَلَمْ يَجْعَلْ لِأَحَدٍ مَعَهُ أَمْرًا يُخَالِفُ أَمْرَهُ.

Maksudnya:

Dan bila telah sabit (sahih) dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka itulah yang wajib untuk diikuti oleh setiap

---

[49] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 122.

orang yang mendengarinya, dan hal itu tidak memerlukan penguat dari yang lainnya, dan hal itupun tidak dapat dibatalkan kerana sesuatu yang lainnya. Bahkan yang diwajibkan atas manusia adalah mengikuti baginda (*ittiba'*). Dan tidak diperbolehkan sama sekali menjadikan ketetapan seseorang manusia untuk membatalkan ketetapan baginda.

Berdasarkan kepada wasiat-wasiat Imam al-Syafie *rahimahullah* di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah* yang sebenar dalam persoalan bermazhab adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Imam al-Syafie *rahimahullah* mengecam sesiapa sahaja yang mempertentangkan perkataan atau hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih dengan perkataan seseorang tanpa mengira sesiapa pun jua. Malah, jauh dari itu beliau juga menyifatkan orang-orang seperti ini termasuk dalam golongan yang menjadikan orang yang ditaklidinya itu sebagai "tuhan" setanding Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

KEDUA:

Beliau amat melarang keras umat Islam daripada bertaklid (mengikut membuta tuli) kepada apa-apa jua pandangan yang beliau kemukakan tanpa mahu mengambil kira sama ada pendapat yang beliau utarakan itu adalah sesuatu yang selaras dengan petunjuk al-Sunnah atau hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih atau pun sebaliknya.

KETIGA:

Selain itu, Imam al-Syafie *rahimahullah* juga secara tegas menyatakan pendiriannya untuk "berlepas tangan" daripada tindakan mana-mana pihak yang taksub terhadap apa jua

pandangannya yang jelas menyelisihi petunjuk al-Sunnah atau hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Dengan perkataan lain, Imam al-Syafie *rahimahullah* menegaskan bahawa beliau sekali-kali tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua fahaman dan amalan yang bertentangan dengan kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, sekalipun kefahaman dan amalan tersebut adalah masyhur disandarkan ke atas nama mahupun mazhabnya.

KEEMPAT:

Terakhir sekali, Imam al-Syafie *rahimahullah* juga turut menyatakan tentang prinsipnya yang sentiasa bersikap terbuka dalam menerima kritikan ilmiah daripada mana-mana para ilmuan terhadap pandangan beliau yang dilihat tidak sejalan dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Pada waktu yang sama, beliau tanpa teragak-agak dan segan silu sentiasa bersiap sedia untuk menarik semula (*ruju'*) apa-apa kenyataan atau pandangan yang telah beliau kemukakan apabila telah terbukti ianya menyelisihi nas-nas yang sahih, sama ada ketika beliau masih hidup mahupun ketika sesudah beliau meninggal dunia.

❋ **Kesimpulan.**

Demikianlah beberapa buah wasiat yang amat berharga daripada seorang imam besar bagi mazhab Syafie. Berdasarkan kepada wasiat-wasiat tersebut maka jelas bagi kita bahawa beliau yang juga dikenali sebagai *Nashirus Sunnah* atau "Pembela Sunnah" tidak pernah sekali-kali membenarkan umat Islam daripada bertaklid secara membuta tuli baik kepada dirinya sendiri mahu pun kepada orang lain. Apatah lagi apabila sesuatu pandangan atau fatwa yang dikemukakan oleh beliau jelas bertentangan atau kurang bertepatan dengan petunjuk

hadis atau al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Dengan terteranya pesanan-pesanan Imam al-Syafie ini maka jelaslah kepada kita bahawa manhaj Imam al-Syafie dalam persoalan bermazhab adalah mirip dengan prinsip yang dipegang oleh golongan Wahhabi yang amat melarang keras umat Islam daripada bertaklid membuta tuli. Sebaliknya mengajak umat Islam untuk sentiasa ber*ittiba'* kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam segenap perkara agama.

Imam Ibn Hazm *rahimahullah* telah menyatakan pendapat Imam al-Syafie mengenai larangan bertaklid:[50]

> Sesungguhnya semua ulamak fikah itu telah membatalkan taklid. Mereka melarang sama sekali sahabat-sahabat mereka (para pengikut mazhabnya) bertaklid kepada mereka. Antaranya Imam al-Syafie. Beliau sampai ke taraf berpendirian tegas dalam menentukan kesahihan sesuatu hadis dan berpegang pada hujah yang tepat. Beliau juga tidak suka (orang lain) mengikuti semua pendapatnya.

Al-Muzani *rahimahullah* iaitu merupakan salah seorang murid kepada Imam al-Syafie berkata di dalam mukadimah kitabnya *Muktashar al-Muzani* yang diambil daripada *fiqh* Imam al-Syafie menerangkan: [51]

> Kitab ini saya ringkas dari ilmu Muhammad bin Idris al-Syafie *rahimahullah* dan dari makna ucapannya agar aku mendekatkan (mempermudahkan) maknanya bagi mereka yang

---

[50] Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 5.

[51] Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 157.

menginginkannya. Sesungguhnya di dalamnya terdapat larangan dari Imam al-Syafie *rahimahullah* untuk bertaklid kepadanya dan kepada orang lain agar ia dapat memperhatikan esensinya demi agamanya dan berhati-hati untuk dirinya, *wabillahi taufiq.*

Berkata Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* (795H):[52]

Berdasarkan keterangan-keterangan para imam mazhab, adalah menjadi kewajipan apabila seseorang itu menemui suatu perintah daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau mengetahuinya, untuk menerangkannya kepada sekalian umat, menasihatkan mereka dengan penuh keikhlasan dan memerintahkan mereka untuk mengikutinya walau pun jika ia bertentangan dengan pendapat para imam mazhab atau seseorang lain yang terkemuka. Ini adalah kerana kedudukan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah yang paling hak untuk dihormati dan ditaati, melebihi dan mengatasi mana-mana pendapat orang atau tokoh lain yang mungkin atas sebab-sebab yang tidak disengajai telah bertentangan dengan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Oleh kerana inilah kita dapati para sahabat dan generasi selepas mereka membantah sesiapa sahaja yang didapati melakukan sesuatu yang bertentangan dengan sunnah yang sahih. Adakalanya bantahan ini mereka lakukan dengan amat keras, bukan disebabkan perasaan benci kerana para sahabat itu sememangnya amat menyayangi dan menghormati mereka, akan tetapi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu lebih mereka

---

[52] Dinukil daripada *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* karya Hafiz Firdaus Abdullah, ms. 159-160.

sayangi dan perintahnya lebih tinggi kedudukannya berbanding perintah mana-mana makhluk lain.

Justeru itu apabila terdapat perselisihan antara ajaran Nabi dan ajaran manusia, ajaran Nabi-lah yang lebih berhak ditunaikan dan ditaati. Ini tidaklah bermaksud sebagai menghina kedudukan imam ikutan seseorang itu kerana secara pasti dia akan diampuni atas ketidak-sengajaannya dan silapnya, bahkan si imam tersebut akan lebih rela jika ajarannya itu diketepikan apabila didapati bertentangan dengan ajaran Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

❋ Penjelasan Tambahan.

Seringkali berlaku salah faham dalam kalangan para pentaklid buta dan pentaksub mazhab bahawa apabila ada individu-individu tertentu yang tampil ke hadapan untuk memberikan penjelasan terhadap kelemahan sesuatu *ijtihad* atau kesilapan ulamak tertentu maka individu tersebut akan dianggap sebagai cuba memperlekeh atau mencabar kedudukan ulamak berkenaan. Tambahan lagi, mereka turut ditohmah sebagai golongan yang sering kali mengkafirkan umat islam dan ulamak yang berbeza pendapat dan 'tidak sebulu' dengan mereka.

Inilah yang turut menimpa pada diri penulis di mana ketika isu ini diketengahkan, penulis juga menerima tohmahan yang sama. Atas kesedaran ini, berikut penulis akan bawakan beberapa penjelasan bagi meluruskan semula salah faham tersebut:

1. Menjelaskan kedudukan *ijtihad* ulamak tertentu sebagai lemah atau tidak tepat bukanlah bermaksud menganggap ulamak berkenaan sebagai lekeh, jahil, sengaja berbuat

bid'ah dalam agama, sesat dan seumpama selagi mana penjelasan tersebut disampaikan dengan cara yang beradab iaitu dengan tidak mencela keperibadian ulamak berkenaan serta memiliki bukti ilmiah yang disokong dengan penjelasan daripada para ulamak muktabar yang diiktiraf.

Al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* (795H) menerangkan di dalam kitab *al-Farqu baina an-Nashihah wa at-Ta'yir,* ms. 9-12:[53]

> Adapun menjelaskan kesalahan seorang ulamak sebelumnya, apabila beradab yang baik dan sopan dalam mengkritik maka tidak apa-apa, tidak tercela.

Selanjutnya, beliau menjelaskan:

> Apabila tujuan si pengkritik adalah menjelaskan ketergelinciran pendapat seorang ulamak dan agar tidak diikuti manusia, maka tidak ragu lagi bahawa dia berpahala dan menegakkan asas nasihat untuk Allah, Rasul-Nya, para pemimpin dan kaum muslimin secara umum.... Adapun apabila tujuan penulis tersebut adalah membongkar aib seorang ulamak dan menampakkan cacatnya pada umat, maka hal itu adalah haram, baik mengkritiknya secara langsung atau tidak, baik di saat masih hidup atau sesudah wafatnya.....[54]

---

[53] Dinukil daripada *Syaikh Al-Albani Dihujat!* karya Abu Ubaidah Yusuf bin Mukhtar bin Munthahir As-Sidawi (Salwa Press, Jawa Barat, 2008), ms. 51. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Syaikh Al-Albani Dihujat!* sahaja.

[54] Namun begitu hal yang sama tidak boleh diterapkan kepada para penggemar dan pendukung bid'ah yang terkenal dengan penentangan mereka

terhadap sunnah dan para pendukungnya. Ini kerana mereka sebenarnya adalah musuh kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan sekaligus merupakan musuh kepada agama Islam itu sendiri. Oleh itu, kritikan ke atas mereka hendaklah dilakukan dengan cara yang tegas lagi tajam serta dilakukan secara terbuka agar umat Islam dapat berwaspada daripada tipu daya mereka.

Berkata al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* (795H):

> Adapun *Ahl al-Bid'ah* dan penyesat umat serta orang yang berlagak alim padahal bukan, maka diperbolehkan menjelaskan kejahilan mereka dan menampakkan kecacatan mereka agar manusia mewaspadainya. [Lihat *Syaikh Al-Albani Dihujat!* karya Abu Ubaidah Yusuf bin Mukhtar bin Munthahir As-Sidawi, ms. 51-52]

Kebolehan untuk membuka aib dan tipu daya *Ahl al-Bid'ah* kepada umum umat Islam ini juga turut dipersetujui oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) sebagaimana yang disebutkan di dalam kitabnya, *Fath al-Baari Syarh Shahih al-Bukhari,* jld. 10, ms. 471 dan jld. 7, ms. 86. Beliau berkata:

> *Ahl al-Bid'ah* yang terang-terangan mengerjakan bid'ahnya boleh di*ghibah* (diumpat) kerana perbuatan bid'ahnya itu. Hal ini dilakukan dalam rangka memperingatkan umat (Islam) dari (bahaya) perbuatan bid'ahnya. (Ini kerana) orang yang menampakkan bid'ahnya secara terang-terangan lebih berbahaya daripada orang yang menampakkan kefasikannya secara terang-terangan. Pada asalnya (perbuatan) *ghibah* (memang) itu dilarang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun, ia diperbolehkan jika ada tujuan *syar'i* (iaitu yang dibenarkan syarak demi memelihara kesucian ajaran agama).
>
> Ada enam sebab *syar'i* diperbolehkan *ghibah* (iaitu) menyampaikan tindakan kezaliman (yang dilakukan oleh sesuatu kaum atau individu), meminta pertolongan untuk mengubah kemungkaran, meminta fatwa, mengingatkan kaum muslimin dari kejahatan seseorang, orang yang menampakkan kefasikkan dan kebid'ahannya secara terang-terangan dan *ta'rif* (penyebutan seseorang yang dikenal dengan cacat yang ada padanya). [Lihat *Nuru as-Sunnah wa Zhulumatu al-Bid'ah* karya Dr. Syeikh Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahthani; terjemahan oleh Abu Barzani di atas judul *Sunnah Yes, Bid'ah No!* (Maktabah Al-

Hanif, Yogyakarta, 2006), ms. 210; dengan olahan bahasa dan beberapa tambahan daripada penulis]

Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* (241H) iaitu salah seorang imam muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* pernah didatangi oleh seseorang lelaki yang mengadu kepada beliau mengenai kesukarannya untuk membicarakan perihal seseorang *Ahl al-Bid'ah*, maka Imam Ahmad *rahimahullah* berkata kepadanya:

> Jika kamu dan saya diam dalam masalah ini maka bilakah (masanya) orang yang jahil itu tahu mana hadis yang sahih dan mana yang cacat? Dan seperti imam-imam *Ahl al-Bid'ah* yang memiliki berbagai pendapat dan ibadah yang menyelisihi al-Qur'an dan al-Sunnah, maka menjelaskan keadaan mereka adalah wajib berdasarkan kesepakatan kaum muslimin (ahli ilmu). [Lihat *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah Jamal bin Farihan al-Harithi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006), ms. 68]

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) menerangkan di dalam kitabnya, *Majmu' al-Fatawa,* jld. 28, ms. 231-232 bahawa Imam Ahmad *rahimahullah* (241H) pernah ditanya oleh seseorang mengenai manakah yang lebih utama beliau cintai iaitu seseorang yang mengerjakan ibadah puasa, solat dan beri'tikaf atau seseorang yang menerangkan keadaan *Ahl al-Bid'ah* kepada kaum muslimin, maka dia menjawab sebagai berikut:

> Jika dia puasa, solat dan i'tikaf maka (faedah amalan) itu (hanyalah) untuk dirinya sendiri (sahaja) sedangkan apabila dia menerangkan keadaan *Ahl al-Bid'ah* maka ini adalah untuk kebaikan kaum muslimin (seluruhnya) dan ini lebih utama (untuk dicintai). Maka menerangkan perkara ini agar berguna bagi kaum muslimin dalam agama termasuk salah satu jihad di jalan Allah sebab membersihkan jalan Allah dan agama, manhaj dan syariat-Nya serta menghalau kejahatan *Ahl al-Bid'ah* dan permusuhan mereka (ke atas *Ahl al-Bid'ah* itu) adalah fardhu kifayah menurut kesepakatan kaum muslimin.
>
> Dan apabila tidak ada orang yang Allah bangkitkan untuk menolak bahaya *Ahl al-Bid'ah* ini (maka) benar-benar akan hancurlah agama ini. Dan kerosakannya jauh lebih besar daripada kerosakan akibat penjajahan musuh dari kalangan orang-orang kafir yang mesti diperangi. Sebab mereka ini (orang-orang kafir) jika berkuasa belum tentu merosakkan hati (dan agama) manusia yang dijajahnya kecuali

2. Hakikat yang perlu difahami oleh semua umat Islam ialah tiada siapa jua di dunia ini selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memiliki sifat maksum. Tidak terkecuali dalam hal ini ialah para ulamak itu sendiri. Oleh itu, apa jua kenyataan mereka berhubung dengan persoalan agama tetap akan terbuka kepada dua kemungkinan, sama ada benar atau sebaliknya.

3. Para ulamak yang tersilap dalam mengeluarkan sesuatu *ijtihad* sedia kita hormat dan sayangi. Akan tetapi rasa hormat dan sayang kita terhadap mereka ini tidaklah seharusnya dijadikan batu penghalang kepada kita untuk menganalisa setiap pandangan yang dikemukakan oleh mereka. Setiap apa yang benar daripada ucapan mereka, maka wajib kita terima. Sebaliknya jika terdapat petunjuk ilmiah yang menjelaskan terdapat sebahagian ucapan mereka yang bercanggah dengan ajaran agama, maka wajib untuk kita tinggalkan.

   Akan tetapi tindakan kita meninggalkan pandangan mereka ini bukanlah bermaksud kita memperlekehkan kebolehan dan kedudukan mereka sebagai pewaris *anbiya'* yang wajib kita muliakan dan hormati. Malah apa yang lebih tepat, tindakan ini adalah merupakan manifestasi di dalam menyahut seruan mereka yang menggesa kita agar sentiasa mengunggulkan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih di atas segala-galanya.

---

pada kesempatan berikutnya sedangkan *Ahl al-Bid'ah* ini jika mereka berkuasa akan merosakkan hati (dan agama umat) terlebih dahulu. [Lihat *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah Jamal bin Farihan al-Harithi, ms. 68-69 dengan beberapa tambahan daripada penulis]

Semoga Allah merahmati Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* ketika beliau berkata di dalam kitabnya, *I'lamul Muwaqqi'in*, jld. 3, ms. 249:[55]

> Wajib mengetahui keutamaan, kedudukan dan hak-hak para imam Islam. Namun, keutamaan dan ilmu para ulamak tidaklah mengharuskan seorang untuk menerima segala pendapat mereka. Apabila memang terdapat beberapa ketergelinciran dalam fatwa-fatwa mereka kerana ketidaktahuan mereka sehingga berfatwa sebatas ilmu yang mereka miliki, maka bukanlah bererti kita membuang seluruh pendapat ulamak tersebut dan mencela mereka. Kedua sikap di atas (mencela dan taklid) menyimpang dari jalan yang lurus. Sikap yang benar adalah kita tidak mencela mereka dan tidak pula mengkultuskan mereka (atau menganggap mereka sebagai suci/maksum).

Demikian juga ucapan beliau *rahimahullah* tentang Abu Ismail al-Harawi (Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah*) sebagaimana yang dicatat di dalam kitabnya, *Madarijus Salikin,* jld. 2, ms. 38:[56]

> Syeikh al-Islam (Ibn Taimiyyah) sangat kami cintai tetapi *al-haq* (kebenaran) lebih kami cintai daripada dia.

Begitulah sikap mulia yang dimiliki oleh para pendukung dan pembela al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

---

[55] Dinukil daripada *Syaikh Al-Albani Dihujat!* karya Abu Ubaidah Yusuf bin Mukhtar bin Munthahir As-Sidawi, ms. 129.

[56] Dinukil daripada *Syaikh Al-Albani Dihujat!* karya Abu Ubaidah Yusuf bin Mukhtar bin Munthahir As-Sidawi, ms. 129.

wasallam. Sekalipun mereka ini terkenal dengan rasa cinta yang amat mendalam terhadap para imam mereka, namun kecintaan mereka ini sesekali tidak mendorong mereka untuk membelakangkan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Ini berbeza dengan sikap sebahagian besar *Ahl al-Bid'ah* khususnya dalam kalangan sebahagian besar kaum tarekat kesufian yang sering membelakangkan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Sebaliknya mereka lebih cenderung untuk mengambil apa sahaja pandangan dan amalan para syeikh atau guru yang dinobatkan oleh mereka sebagai 'wali' atau disebut sebagai 'orang khusus'. Seakan-akan apa sahaja perkataan dan amalan yang berasal daripada para syeikh atau guru tersebut dianggap sebagai 'wahyu' yang tidak boleh disanggah lagi walaupun telah jelas bahawa amalan atau ajaran mereka adalah tidak berasal daripada tunjuk ajar al-Qur'an mahu pun al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. [57]

---

[57] Antara punca utama yang menyebabkan sebahagian besar para penganut tarekat kesufian menganggap amalan dan pegangan para syeikh atau guru mereka sebagai suatu yang benar di sisi agama ialah keyakinan mereka terhadap kebenaran mimpi, ilham, *kasyaf* dan ilmu *ladunni* yang dimiliki oleh syeikh atau guru tersebut. Dengan mimpi, ilham, *kasyaf* dan ilmu *ladunni* tersebut, para penganut tarekat kesufian meyakini bahawa adanya syariat khusus yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui perantaraan para syeikh atau guru berkenaan. Maka dengan ini lahirlah beberapa syariat "baru" dalam kalangan kaum sufi ini yang tidak pernah diajar dan dicontohkan oleh Rasulullah dan para sahabat seperti zikir dengan lafaz dan bilangan tertentu, puasa dan solat khas pada hari dan waktu sekian-sekian dan sebagainya. Semua ini diterima oleh mereka tanpa sebarang bantahan dan tanpa tapisan apakah ianya bersesuaian dengan

4. Bagi menjawab tuduhan melulu sesetengah pihak ke atas *Ahl al-Sunnah* yang meninggalkan pandangan atau ajaran seseorang ulamak dalam perkara tertentu lantaran menganggap ulamak berkenaan sebagai pencipta bid'ah dalam agama, maka penulis tegaskan bahawa tiada seorang jua dari kalangan *Ahl al-Sunnah* yang berilmu lagi waras mentalnya tergamak untuk beranggapan sedemikian. Apa yang jelas, anggapan sedemikian hanyalah merupakan rumusan dan andaian yang berasal daripada golongan jahil, para pentaksub mazhab serta mereka yang sememangnya hanyut dan tenggelam dalam lautan taklid buta dan taksub dalam beragama. Alangkah indahnya jika ucapan Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) di bawah ini dapat difahami dan dihayati oleh setiap umat Islam:[58]

---

petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih atau pun sebaliknya.

Di sisi *Ahl al-Sunnah,* mereka juga menerima kewujudan mimpi, ilham, *kasyaf* dan ilmu *ladunni* ini dari sudut ajaran agama. Akan tetapi *Ahl al-Sunnah* berpendirian bahawa penerimaan terhadap perkara-perkara ini perlu disaring iaitu dengan cara merujuk semula kepada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Apa yang bersesuaian dengan petunjuk kedua-dua sumber wahyu tersebut akan diterima, manakala apa yang bercanggah dengannya akan ditolak. Penapisan ini dilihat oleh *Ahl al-Sunnah* sebagai suatu yang teramat penting mengingatkan banyaknya amalan dan fahaman bid'ah, khurafat dan syirik yang dilakukan oleh sebahagian besar para penganut tarekat kesufian yang cuba dijustifikasikan di sebalik alasan mimpi, ilham, *kasyaf* dan ilmu *ladunni*

Lebih lanjut berkenaan mimpi, ilham, *kasyaf* dan ilmu *ladunni* di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sila rujuk buku *13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid* karya Hafiz Firdaus Abdullah, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

[58] Dinukil daripada *Raf'ul Malaam 'Anil A-Immatil A'lam* karya Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah; dalam edisi terjemahan oleh Fuad Qawwam Lc di

Semua umat sebelum pengutusan Nabi kita Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam,* ulamak mereka adalah orang-orang yang paling jahat di antara mereka. Berbeza dengan kaum Muslimin, ulamak mereka adalah orang-orang terbaik di antara mereka, di mana para ulamak adalah pengganti Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk umatnya. Mereka mengidupkan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang telah mati. Dengan mereka al-Qur'an tegak dan dengan al-Qur'an mereka tegak, serta dengan al-Qur'an mereka berbicara dan dengan mereka al-Qur'an berbicara.

Hendaklah diketahui bahawa tidak ada seorang pun dari imam – yang dipercaya oleh umat secara umum – yang sengaja menyelisihi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedikit pun, baik yang mendalam mahupun yang terang. Mereka semua bersepakat secara pasti akan kewajipan ber*ittiba'* (mengikuti) Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* juga bahawa setiap orang dapat sahaja diambil dan ditolak ucapannya kecuali Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Akan tetapi, jika didapati salah seorang ulamak mengeluarkan pendapat yang menyalahi hadis sahih, tentu ia mempunyai uzur dalam meninggalkan hadis itu. Semua uzur terangkum pada tiga perkara (iaitu):

a) Ia tidak meyakini bahawa itu ucapan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam.*

---

atas judul *Mengapa Ulama Berselisih Pendapat?* (Pustaka Qaba-il, Malang, 2007), ms. 13-14.

b) Ia tidak meyakini bahawa hadis itu menginginkan masalah (makna) itu.

c) Ia meyakini bahawa hukum dari hadis itu telah dinasakh (dihapus).

5. Di sisi *Ahl al-Sunnah*, mereka amat meyakini bahawa semua para imam yang ikhlas lagi jujur dalam menyampaikan ajaran agama adalah benar dan mereka sekali-kali tidak pernah mengajak kepada bid'ah, apalagi sengaja mencipta sesuatu yang baru yang mencabar kesempurnaan agama Allah dan Rasul-Nya. Hanya saja - sebagaimana yang telah penulis kemukakan dalam poin kedua di atas - sebagai manusia biasa, para ulamak berkenaan juga adakalanya akan 'tergelincir' dalam mengemukakan sesuatu pandangan sehingga itu mereka menyelisih petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.[59]

---

[59] Walau bagaimanapun, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah memberi jaminan bahawa apabila seseorang ulamak tersilap dalam ber*ijtihad* mereka pasti akan diberi ganjaran pahala oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini tanpa mengambil kira sama ada hasil *ijtihad* itu adalah suatu yang menepati kebenaran mahupun sebaliknya. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا اجْتَهَدَ الْحَاكِمُ فَاصَابَ فَلَهُ اَجْرَانِ, وَاِنْ اجْتَهَدَ فَاَخْطَاَ فَلَهُ اَجْرٌ وَاحِدٌ.

Maksudnya:

Apabila seorang hakim (mujtahid) telah berijtihad dan benar (ijtihadnya), maka baginya (ganjaran) dua pahala. Apabila dia berijtihad dan (ijtihadnya) salah, maka baginya (ganjaran) satu pahala. [Hadis riwayat al-Bukhari (no. 6919) dan Muslim (no. 1718)]

Oleh itu, janganlah hendaknya rasa taksub kita terhadap ulamak/tokoh tertentu mendorong kita untuk membelakangkan sesuatu kebenaran yang bersumberkan daripada Allah dan Rasul-Nya apabila telah jelas ianya bercanggah dengan ajaran atau pandangan ulamak/tokoh berkenaan. Perhatikanlah ucapan Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H) di bawah ini:[60]

> Aku tidak pernah mendengar seorang pun yang dipandang (sebagai) ulamak berselisih pendapat bahawa Allah *'Azza wa Jalla* telah mewajibkan kita untuk mengikuti perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan tunduk kepada keputusannya.
>
> Allah '*Azza wa Jalla* tidak membolehkan seorang pun untuk mengikuti kecuali kepada Rasul-Nya; ucapan sesiapa pun tidak wajib diikuti kecuali jika sesuai dengan Kitabullah (al-Qur'an) atau al-Sunnah Rasul *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang sahih).
>
> Sementara itu selain daripada keduanya mengikutinya, juga mereka tidak berselisih bahawa Allah '*Azza wa Jalla* mewajibkan kepada kita serta generasi sesudah dan sebelum kita untuk menerima berita dari Rasulullah kecuali *firqah-firqah* (kelompok-kelompok) yang menolaknya yang pendapatnya akan kami kutipkan, insya Allah.

Justeru, sangatlah menjauhi kebenaran apabila sesebuah masyarakat itu tetap memilih untuk bertaklid kepada

60 Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 123; dengan beberapa tambahan daripada penulis.

ajaran imam mazhab mereka sekalipun telah jelas wujudnya percanggahan antara sebahagian ajaran imam mazhab tersebut dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Berkata Imam Izzuddin bin 'Abdissalam *rahimahullah* (660H) sebagaimana nukil Waliyullah al-Dahlawi dalam kitabnya, *al-Insaf fi Bayan Asbab al-Ikhtilaf,* ms. 99:[61]

> Antara perkara yang paling menghairankan ialah golongan ahli fekah yang bertaklid mengikut pendapat *dha'if* (lemah) imam mereka. Sekalipun mereka tidak mempunyai hujah untuk mempertahankannya. Namun mereka terus bertaklid. Mereka meninggalkan pendapat yang mempunyai dalil yang jelas daripada al-Qur'an, al-Sunnah dan *qiyas* yang sahih. Ini disebabkan jumud dalam bertaklid kepada imam mereka. Bahkan mereka cuba berhelah untuk menolak apa yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta cuba mentakwilkan kedua-duanya dengan takwilan yang menyimpang lagi batil. (Ini semua dilakukan adalah) semata-mata untuk mempertahankan mazhab mereka.

Kata beliau lagi:[62]

---

[61] Dinukil dengan beberapa tambahan penulis daripada *Fanatik Mazhab: Kesan Kepada Pemikiran Islam* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007), ms. 17. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Fanatik Mazhab: Kesan Kepada Pemikiran Islam* sahaja.

[62] Lihat *al-Insaf fi Bayan Asbab al-Ikhtilaf* oleh Waliyullah al-Dahlawi, ms. 99; dalam *Fanatik Mazhab: Kesan Kepada Pemikiran Islam* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, ms. 18.

> Dahulu orang ramai bertanya kepada para ulamak yang mereka pilih tanpa bertaklid kepada mazhab. Tiada siapa pun membantah mereka yang bertanya hal itu. Hinggalah lahirnya mazhab-mazhab ini dan mereka yang taksub bertaklid padanya. Sehinggakan seseorang terus mengikuti imamnya sekalipun pendapat imam berkenaan jauh daripada dalil, semata-mata kerana taklid, seolah-olah imamnya nabi yang diutuskan. Ini menyimpang daripada yang haq dan menjauhi kebenaran. Tiada seorang pun mereka yang berakal bersetuju dengan perbuatan seperti itu.

Bagi mengakhiri perbincangan ini, marilah kita merenungi sejenak pernyataan dua orang tokoh ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di bawah ini. Semoga pesanan kedua-dua tokoh ini dapat dijadikan sumber pedoman dan panduan bagi kita bersama. Berkata Abu al-Qasim al-Qusyairi *rahimahullah*:[63]

وَقَالَ أَبُوْ اْلقَاسِمْ اْلقُشَيْرِي رَحِمَهُ الله: إِنَّ الْوَاجِبَ عَلَيْنَا نَحْنُ طُلاَّبٌ الْحَقِّ أَنْ تَقِفَ مَعَ الاِ قْتِدَاءِ بِمَنْ يَمْنَعُ عَلَيْهِ الْخَطَأُ وَنَقِفُ عَنِ التَّقْلِيْدِ بِمَنْ يَجُوْزُ عَلَيْهِ الْخَطَأُ فَنُعْرِضُ كُلَّ مَاجَاءَ عَنِ الاَئِمَّةِ عَلَى الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، فَمَا قَبِلاَهُ قَبِلْنَاهُ وَمَالَمْ يَقْبَلاَهُ تَرَكْنَاهُ، وَقَدْ قَامَلَنَا الدَّلِيْلُ عَلَى إِتِّبَاعِ الشَّرْعِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَمْ يَقِمْ لَنَا الدَّلِيْلُ عَلَى إِتِّبَاعِ أَقْوَالِ الْفُقَهَاءِ وَالصَّوْفِيَّةِ وَأَعْمَالِهِمْ إِلاَّ بَعْدَ عَرَضَهَا عَلَى الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ فَيَا خَسَّارَةَ مَنْ

---

63 Lihat هل المسلم ملزم باتباع مذهب معين من المذاهب الا ربعة Muhammad Sultan Al-Maksumi, ms. 75. Dinukil daripada buku *Bahaya Taqlid Buta & Taksub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 132-133.

يُعْرِضُ عَنِ ٱلاَ دِلَّةِ وَيَجْمُدُ التَّقْلِيْدِ فِيهِ فَيْمَا لَمْ يَصِحْ تَّقْلِيْدِهِمْ عَلَى مَذْهَبِهِمْ.

Maksudnya:

Telah berkata Abu al-Qasim al-Qusyairi *rahimahullah*: Sesungguhnya yang wajib atas kita yang menuntut kebenaran berhenti daripada mencontohi (bertaklid kepada) mereka yang tidak sunyi dari kesilapan (tidak maksum). Berhentilah dari bertaklid kepada mereka yang mudah melakukan kesilapan, maka nilailah apa yang didatangkan oleh para imam melalui al-Kitab (al-Qur'an) dan al-Sunnah. Apa yang bersesuaian dengan keduanya maka hendaklah diterima dan apa yang tidak bersesuaian dengannya hendaklah ditinggalkan.

Telah tegak bagi kita dalil supaya ber*ittiba'* dengan syarak dan tidak ada ketegasan bagi kita dalil supaya mengikuti kata-kata *fuqaha'* atau (syeikh) sufi serta mengikuti amalan-amalan mereka setelah terbentang bagi kita (dalil dari) al-Kitab (al-Qur'an) dan al-Sunnah (yang sahih). Alangkah ruginya seseorang yang dibentangkan baginya dalil-dalil tetapi secara jumud bertaklid kepada mazhab mereka pada perkara yang belum diketahui kesahihannya.

Seterusnya perhatikan pula pernyataan Imam Taqqiyuddin al-Subki *rahimahullah* iaitu salah seorang pemuka bermazhab Syafie di bawah ini:[64]

---

[64] *Ma'na Qaulil Imam*, ms. 102 – *Majmu'atur Rasaa-ilil Munriyyah*; dalam *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 122-123.

وَالأَوْلَى عِنْدِيْ، إِتِّبَاعُ الْحَدِيْثِ، وَلْيَفْرِضِ الإِنْسَانُ نَفْسَهُ بَيْنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ وَقَدْ سَمِعَ ذَلِكَ مِنْهُ، أَيَسَعُهُ التَّأَخِيْرُ عَنِ الْعَمَلِ بِهِ؟ لاَوَاللهِ، وَكُلُّ أَحَدٍ مُكَلَّفٌ بِحَسَبِ فَهْمِهِ.

Maksudnya:

Yang lebih utama menurutku adalah kita tetap mengikuti hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih tersebut, keadaannya seperti seorang yang sedang (benar-benar) berada di hadapan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, kemudian dia mendengarkan hadis tersebut langsung dari lisan baginda, maka bolehkah orang itu mengakhirkan/menunda diri dari mengamalkan sabda baginda tersebut atau tidak? Jawabnya pasti – demi Allah – Tidak boleh, sebab setiap kita diwajibkan untuk beramal berdasarkan apa yang telah kita fahami dari dalil-dalil agama.[65]

---

[65] Lebih lanjut berkaitan hukum bermazhab di dalam Islam, sila rujuk *Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam* karya Hafiz Firdaus Abdullah, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

MEMAHAMI MANHAJ IMAM AL-SYAFIE DAN WAHHABI DALAM PERSOALAN TAUHID *AL-ASMA' WA AL-SIFAT* ALLAH

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Jika anda lontarkan pertanyaan kepada sebahagian kaum muslimin mengenai pegangan Wahhabi dalam persoalan akidah, lazimnya antara jawapan yang anda terima adalah: *"Oh.. mereka adalah golongan al-Musyabbihah dan al-Mujassimah..."* atau *"Wahhabi ialah mereka yang berakidah Yahudi kerana meyakini Allah bertempat di langit...",* malah tidak kurang juga ada yang mengatakan "... *Wahhabi adalah golongan yang telah kafir kerana menentang akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.."*

Demikian antara beberapa tohmahan yang tidak asing lagi dilontarkan kepada sesiapa jua yang telah 'disinonimkan' dengan gelaran Wahhabi. Untuk menilai sejauh manakah benarnya tohmahan-tohmahan di atas, marilah kita ikuti perbahasan selanjutnya.

❋ **Benarkah Wahhabi berakidah *al-Mujassimah* dan *al-Musyabbihah*?**

Salah satu sifat yang tidak pernah lekang daripada *Ahl al-Bid'ah* ialah sikap mereka yang begitu rakus di dalam melontarkan pelbagai gelaran negatif ke atas para pendukung al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.[66] Antara

---

66 Lebih lanjut mengenai watak dan ciri-ciri *Ahl al-Bid'ah,* sila rujuk Artikel # 5 yang penulis lampirkan bersama buku ini.

tohmahan yang masyhur dikaitkan oleh kelompok ini ke atas *Ahl al-Sunnah* sejak dari dahulu sehingga ke saat ini ialah *Ahl al-Sunnah* sebagai penganut fahaman *al-Mujassimah* dan *al-Musyabbihah* iaitu satu fahaman yang menganggap Allah sebagai Tuhan yang berjasmani (berjisim/beranggota) dan memiliki sifat yang sama dengan sifat makhluk-Nya.

Abu 'Uthman as-Shobuni *rahimahullah* (449H) menerusi kitabnya, *'Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadith,* jld. 1, ms. 131-132 telah pun menerangkan hakikat ini:[67]

> Ciri-ciri *Ahl al-Bid'ah* adalah sangat jelas dan yang paling jelas adalah sikap mereka yang secara terang-terangan memusuhi dan menghina *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Atsar* serta memberi nama-nama yang buruk kepada mereka seperti *al-Hasyawiyyah* (orang yang tidak berguna), *al-Jahala* (orang yang jahil), *al-Zahiriyyah* (orang yang berpegang kepada yang zahir) dan *al-Musyabbihah* (orang yang menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk).

Demikian juga sebagaimana yang dituturkan oleh Imam al-Barbahari *rahimahullah* (329H) di dalam kitabnya, *Syarhus Sunnah,* ms. 84 (no. 141) :[68]

> Jika anda mendengar seseorang berkata: "Si Fulan adalah *al-Musyabbihah* atau si Fulan berbicara tentang masalah *tasybih*", maka katakanlah bahawa dia seorang *al-Jahmiyyah.*

---

[67] Dinukil daripada *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru 2002), ms. 35. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah* sahaja.

[68] Dinukil daripada *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah* karya Hafiz Firdaus Abdullah, ms. 34.

Bagi meluruskan semula salah faham ini, penulis akan mendedahkan kepada sidang pembaca sekalian kepada manhaj sebenar Wahhabi dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah dan perkaitannya dengan manhaj yang dipegangi oleh Imam al-Syafie serta para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* seluruhnya.

❋ **Memahami manhaj sebenar Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih* dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah.**

Secara ringkasnya, menurut manhaj Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* segala sifat yang dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya hendaklah ditetapkan sebagaimana adanya, difahami maknanya serta menyerahkan (*al-Tafwidh*) bentuk, ciri-ciri dan tata cara (*kaifiyyat*) sifat tersebut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan disertai keyakinan bahawa tiada satu jua daripada kalangan makhluk Allah yang dapat disamakan atau disetarakan dengan-Nya.

Adapun dalil yang dipegangi oleh Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* disebalik manhaj penetapan (*ithbat*) dan penyerahan (*tafwidh*) hakikat nas-nas al-Sifat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini adalah sebagaimana firman-Nya menerusi surah al-Ikhlas ayat 4 dan ayat 11 dari surah asy-Syura:

وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya.

لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ١١

Maksudnya:

Tidak ada sesuatu pun yang serupa (semisal) dengan-Nya (dzat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Perhatikan, dalam ayat kedua di atas Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa:

1. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menetapkan (*ithbat*) ke atas diri-Nya sendiri bahawa Dia memiliki sifat mendengar dan melihat sebagaimana firman-Nya ***Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*** Di sini timbul persoalan, bukankah kedua-dua sifat (mendengar dan melihat) ini juga terdapat pada kebanyakan makhluk-Nya?
2. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menafikan adanya kesamaan hakikat bagi sifat yang dimiliki-Nya dengan sifat yang dimiliki oleh para makhluk-Nya. Ini sebagaimana firman-Nya: ***Tidak ada sesuatu pun yang serupa (semisal) dengan-Nya.*** Poin yang kedua ini adalah bertindak sebagai penjelas kepada persoalan yang dikemukakan dalam poin pertama di atas iaitu; meskipun Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menetapkan ke atas diri-Nya bahawa Dia memiliki sifat-sifat tertentu yang secara lafaznya menyamai sifat para makhluk-Nya, namun di waktu yang sama Dia juga menafikan wujudnya kesamaan hakikat sifat tersebut dengan sifat makhluk-Nya.

Ini kerana adalah suatu yang mustahil bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memiliki kesamaan sifat dengan makhluk-Nya. Ini sebagaimana yang ditegaskan-Nya sendiri menerusi surah al-Ikhlas ayat 4 di atas yang bermahfum: ***Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya.***

Dengan perkataan lain:[69]

1. Lafaz ayat ليس كمثله شيء (iaitu) ***Tidak ada sesuatu pun yang serupa (semisal) dengan-Nya*** merupakan bantahan kepada golongan yang menyamakan sifat-sifat Allah dengan makhluk-Nya (iaitu golongan *al-Mujassimah* dan *al-Musyabbihah*).
2. Sedangkan lafaz ayat وهو السميع البصير (iaitu) ***Dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat*** adalah bantahan kepada orang yang menafikan (mengingkari) sifat-sifat Allah (iaitu golongan *al-Jahmiyyah, al-Muktazilah* dan seumpama dari kalangan *Ahl al-Ta'thil*).[70]

Demikian betapa mudahnya untuk kita memahami manhaj Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam berinteraksi dengan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini. Amatlah malang apabila manhaj Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang amat mudah dimengertikan ini tidak dapat difahami oleh *Ahl al-Bid'ah*

---

[69] Lihat *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms. 164.

[70] Antara lain-lain sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang sering diingkari oleh *Ahl al-Bid'ah* dari kalangan *Ahl al-Ta'thil* (para pengingkar sifat-sifat Allah) adalah seperti sifat memiliki Tangan (*al-Yad*), Wajah (*al-Wajh*), Mata (*al-'Ain*), Turun ke langit dunia (*al-Nuzul)* bersemayam (*al-Istiwa'*) dan sebagainya.

sehingga yang demikian menyebabkan mereka begitu mudah mengaitkan *Ahl al-Sunnah* dengan akidah *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* sebagaimana yang sering ditemui dalam banyak keterangan mereka.

❋ **Adakah manhaj Wahhabi dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah berbeza dengan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* termasuk Imam al-Syafie?**

Tidak. Malah yang lebih tepat dikatakan bahawa Wahhabi memiliki manhaj yang sama dengan seluruh para tokoh terkemuka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih*. Tidak ketinggalan dalam hal ini ialah Imam al-Syafie sebagaimana yang akan dijelaskan sebentar lagi. Sebelum itu, perhatikan dahulu perkataan Imam al-Tirmidzi *rahimahullah* (279H) di bawah ini: [71]

قد قال غير واحد من أهل العلم في هذا الحديث وما يشبه هذا من الروايات من الصفات ونزول الرب تبارك وتعالى كل ليلة إلى السماء الدنيا، قالوا: قد تثبت الروايات في هذا ويؤمن بها ولا يتوهم ولا يقال كيف، هكذا روي عن مالك وسفيان بن عيينة وعبد الله بن المبارك أنهم قالوا في هذه الأحاديث: أمِرُّوها بلا كيف وهكذا قول أهل العلم من أهل السنة والجماعة. وأما الجهمية فأنكرت هذه الروايات فقالوا: هذا تشبيه. وقد ذكر الله عز وجل في غير موضع من

[71] *Sunan at-Tirmidzi,* jld. 3, ms. 50-51; dalam *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006), ms. 79-82. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* sahaja.

كتابه: اليد والسمع والبصر، فتأولت الجهمية هذه الآيات ففسروها على غير ما فسرها أهل العلم وقالوا: إن الله لم يخلق آدم بيده، وقالوا إن معنى اليد ههنا القوة. قال إسحاق بن إبراهيم إنما يكون التشبيه إذا قال: يد كيد أو مثل يد، أو سمع كسمع أو مثل سمع، فإذا قال: سمع كسمع أو مثل سمع فهذا التشبيه. وأما إذا قال كما قال الله تعالى: يد وسمع وبصر ولا يقول كيف ولا يقول مثل سمع أو كسمع فهذا لا يكون تشبيها، وهو كما قال الله تعالى في كتابه: ليس كمثله شيء وهو السميع البصير.

Maksudnya:

Dan sungguh bukan seorang daripada ahli ilmu telah berkata tentang hadis ini dan yang seumpamanya daripada riwayat-riwayat berkenaan sifat-sifat (Allah *Subhanahu wa Ta'ala*) dan (berkenaan sifat) turun Tuhan (Allah) *Tabaraka Wa Ta'ala* pada setiap malam ke Langit Dunia. Mereka mengatakan (bahawa) riwayat-riwayat dalam (hal) ini adalah *tsabit* (sahih) dan diimani dengannya, tetapi tidak harus diwahamkan (dibayangkan) atau diperkatakan *kaifiyyat* (bentuk rupa)nya.

Demikianlah (apa) yang diriwayatkan daripada (Imam) Malik, Sufyan Ibn 'Uyainah dan 'Abd Allah Ibn Al-Mubarak bahawa mereka berkata tentang hadis-hadis ini:Perjalankanlah (terimalah) ia tanpa mempersoalkan bagaimana (*kaifiyyat*nya). Demikianlah pendapat para ulamak dari kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Manakala golongan *al-Jahmiyyah* pula mereka mengingkari riwayat-riwayat ini kerana menganggapnya ada *tasybih* (penyerupaan sifat Allah dengan sifat makhluk). Sesungguhnya Allah *'Azza Wa Jalla* telah menyebut pada lebih dari satu tempat dalam kitab-Nya (sifat) Tangan, Mendengar dan Melihat, lalu puak *al-Jahmiyyah* mentakwilkan (maksud) ayat-ayat ini dan menafsirkannya dengan tafsiran yang berbeza daripada tafsiran ahli ilmu. Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata: Sesungguhnya Allah tidak menjadikan Nabi Adam dengan Tangan-Nya, dan mereka juga berkata: Sesungguhya makna Tangan itu di sini ialah kudrat (kuasa).

Telah berkata Ishaq Ibn Ibrahim: Sesungguhnya *tasybih* itu akan berlaku bila dia kata: (Sifat) Tangan (Allah) seperti (sifat) tangan (makhluk) atau seumpama (sifat) tangan (makhluk), (sifat) Mendengar (Allah) seperti (sifat) mendengar (makhluk) atau seumpama (sifat) mendengar (makhluk). Bila dia kata: (sifat) Mendengar (Allah) seperti (sifat) mendengar (makhluk) atau seumpama (sifat) mendengar (makhluk), maka itulah *tasybih.*

Adapun jika dia kata sebagaimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kata: Tangan, Mendengar dan Melihat, tanpa mempersoalkan *kaifiyyat* (rupa bentuk) dan tanpa mengatakan seumpama (sifat) mendengar (makhluk) atau seperti (sifat) mendengar (makhluk), maka yang demikian tidak akan menjadi *tasybih*. Ini kerana ia sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam kitab-Nya (bermaksud): *Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (dzat, sifat-sifat dan pentadbiran)-Nya, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

Dan sungguh telah berkata tidak seorang daripada ahli ilmu tentang hadis ini dan apa yang seumpamanya daripada riwayat-riwayat tentang al-Sifat dan (tentang) Penurunan Rabb (Allah) *Tabaraka wa Ta'ala* pada setiap malam ke langit dunia. Mereka berkata riwayat-riwayat seperti ini adalah benar (*tsabit*) dan berimanlah kepada ia dan jangan dibayangkan (seperti apa) dan jangan ditanya bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiyyat*). Inilah yang telah diriwayatkan daripada Malik (bin Anas) dan Sufyan bin 'Uyaynah dan 'Abdullah bin Mubarak, sesungguhnya mereka telah berkata tentang hadis-hadis seperti ini (yang berkaitan nas-nas al-Sifat): Terimalah ia (berimanlah kepadanya) tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiyyat*). Dan demikianlah juga pendapat ahli ilmu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Manakala golongan *al-Jahmiyyah*, mereka mengingkari riwayat-riwayat seperti ini (nas-nas al-Sifat) sambil berkata ini adalah *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk). Sesungguhnya Allah *'Azza wa Jalla* telah menyebut hal ini tidak sekali dalam kitab-Nya (al-Qur'an) seperti Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan akan tetapi golongan *al-Jahmiyyah* telah mentakwilkan ayat-ayat ini dan menafsirkannya kepada sesuatu yang berlainan daripada tafsiran ahli ilmu.

Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata sesungguhnya Allah tidak mencipta (Nabi) Adam (*'alaihis salam*) dengan Tangan-Nya. Mereka berkata maksud Tangan-Nya di sini adalah kekuatan-Nya. Padahal berkata Ishaq bin Ibrahim: Sesungguhnya yang dianggap *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk) hanyalah apabila seseorang berkata Tangan sepertimana tangan (makhluk) atau seumpama tangan (makhluk), Pendengaran sepertimana

pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk). Justeru apabila seseorang berkata Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk) maka barulah ia dianggap sebagai penyerupaan.

Namun apabila seseorang berkata sebagaimana firman Allah Ta'ala di dalam kitab-Nya (al-Qur'an): Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan tanpa dipersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiyyat*) dan tidak dikatakan seumpama pendengaran (makhluk) dan tidak juga dikatakan sepertimana pendengaran (makhluk) maka ini tidak dianggap sebagai penyerupaan. Malah ia adalah sepertimana firman Allah *Ta'ala* di dalam kitab-Nya (al-Qur'an): *Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat*.

Demikian penjelasan Imam al-Tirmidzi *rahimahullah* mengenai pegangan sebenar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Seterusnya mari kita meneliti pula keterangan daripada Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para tokoh *Ahl al-Sunnah* terkemuka yang turut dilabel sebagai "Wahhabi" berhubung dengan pegangan mereka dalam berinteraksi dengan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

❋ **Meneliti pegangan sebenar Imam al-Syafie dan Wahhabi dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah.**

Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H) berkata di dalam kitabnya, *ar-Risalah,* ms. 8: [72]

ولا يبلغ الواصفون كنه عظمته الذي هو كما وصف نفسه وفوق ما يصفه به خلقه.

Maksudnya:

> Dan para penyifat tidak mampu menyifatkan hakikat keagungan-Nya yang Dia adalah sebagaimana Dia sifatkan diri-Nya (dalam al-Quran) dan melebihi apa yang disifatkan oleh makhluk-Nya bagi-Nya.

Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) di dalam kitabnya *Fath al-Baari Bi Syarh Shahih al-Bukhari,* jld. 13, ms. 407 telah menukilkan perkataan Ibn Abi Hatim sebagaimana yang diriwayatkan daripada Yunus Ibn ʿAbd al-Aʾla:

سمعت الشافعي يقول: لله أسماء وصفات لا يسع أحدا ردها ومن خالف بعد ثبوت الحجة عليه فقد كفر، وأما قبل قيام الحجة فإنه يعذر بالجهل لأن علم ذلك لا يدرك بالعقل ولا الرؤية ولا الفكر، فنثبت هذه الصفات وننفي عنه التشبيه كما نفى عن نفسه.

Maksudnya:

> Aku dengar (Imam) al-Syafie berkata: Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang tidak boleh sesiapa pun menolaknya, dan sesiapa yang menyalahinya setelah nyata hujah

[72] Sila lihat kedua-dua ucapan Imam al-Syafie ini dalam *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz, ms. 76-78.

ke atasnya, maka sesungguhnya dia telah kufur. Adapun sebelum tertegaknya hujah, maka sesungguhnya dia dimaafkan di atas kejahilan itu kerana ilmu yang demikian tidak boleh dicapai melalui akal, mimpi atau fikiran. Maka kita menetapkan sifat-sifat ini dan kita juga menafikan *tasybih* dari-Nya sebagaimana Dia menafikannya dari diri-Nya.

Selain itu, Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* menerusi kitabnya *Ijtima' al-Juyush al-Islamiyyah,* jld. 2, ms. 164 meriwayatkan bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata:[73]

القول في السنة التي أنا عليها ورأيت أصحابنا عليها، أهل الحديث الذين رأيتهم و أخذت منهم مثل سفيان ومالك وغيرهما: الاقرار بشهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله، وأن على عرشه في سمائه يقرب من خلقه كيف يشاء، وأن الله ينزل إلى سماء الدنيا كيف.

Maksudnya:

Akidah yang aku pegang dan pegangan *Ahl al-Hadith* yang aku kenali dan yang pelajari daripada mereka seperti Sufyan dan Malik dan selain dari dua tokoh tersebut ialah *iqrar* (pengakuan) dengan penyaksian bahawa tiada Tuhan sebenar yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasul-Nya dan Allah di atas 'Arasy di langit[74] dekat dengan hamba-Nya

---

73 Dinukil daripada *Al-Imam Al-Syafi'i: Kegemilangan Ilmu & Pemikiran* selenggaraan Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2006), ms. 103.

74 *Alhamdulillah* penulis memiliki sebuah buku khas yang membicarakan persoalan sifat *al-Istiwa'* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di atas

mengikut (cara) yang dikehendaki-Nya dan Dia turun ke langit dunia mengikut cara yang dikehendaki-Nya.

Selanjutnya Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata:[75]

وان له يدين بقوله عز وجل (بل يداه مبسوطنان) وان له يمينا بقوله عز وجل (والسمات مطويات بيمينه) وان له وجها بقوله (كل شيئ هالك الا وجهه)... وان له قدما بقوله صلى الله عليه وسلم (حتى يضع عز وجل فيها قدمه)... وان له اصبعا بقوله صلى الله عليه وسلم (ما من قلب الا هو بين اصبعين من اصابع الرحمان)... نثبت هذه الصفات وننفي التشبيه كما نفي ذلك عن نفسه تعالى ذكره فقال (ليس كمثله شيء وهو السميع البصير).

Maksudnya:

Dan bagi-Nya dua tangan sebagaimana firman-Nya: (Tidak demikian), tetapi kedua-kedua Tangan Allah terbuka. Bagi-Nya tangan sebagai firman-Nya: *Dan langit digulung dengan Tangan-Nya*. Allah mempunyai wajah sebagaimana firman-Nya: *Setiap sesuatu akan binasa kecuali Wajah-Nya*. Bagi-Nya kaki sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: *Sehinggalah*

'Arasy di atas langit. Buku tersebut berjudul *Aina Allah? (Di Mana Allah?)* terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru. Dipersilakan merujuk buku tersebut bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan persoalan "di mana Allah?" menurut perspektif *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih*.

[75] *Iktiqad Aimmah al-Arba'ah Abi Hanifah wa Malik wa asy-Syafi'i wa Ahmad,* ms. 46-47; dalam *Koleksi Kuliah-Kuliah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Menurut Manhaj Salaf As-Soleh* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001), jld. 1, ms. 14-15.

dia meletakkan Wajah dan Kaki-Nya. Dia mempunyai jari sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: *Tiadalah hati itu kecuali antara Jari-Jari dari Jari-Jari ar-Rahman (Allah).* Kami (Imam al-Syafie dan ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* lainnya) menetapkan sifat-sifat (*ithbat*) ini dan menafikan dari menyerupakan (*tasybih*) sebagaimana dinafikan sendiri oleh Allah sebagaimana difirmankan (oleh-Nya): *Tiada sesuatu yang semisal dengan-Nya dan Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat.*

Demikian secara ringkas penerangan mengenai pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ringkasnya pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah adalah selaras dengan kaedah yang digunakan oleh para tokoh Salaf lainnya iaitu menetapkan (*ithbat*) sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih tanpa *tasybih* iaitu tanpa menyerupakan sifat tersebut dengan sifat-sifat makhluk.

Manhaj yang dipegangi oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* ini juga turut digunakan oleh para ulamak bermazhab Syafie yang mengikuti beliau dalam berinteraksi dengan nas-nas al-Sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, antaranya ialah Syeikh al-Rabi' bin Sulaiman *rahimahullah* iaitu salah seorang murid kanan kepada Imam al-Syafie *rahimahullah*.

Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* ketika menerangkan pegangan sebenar Syeikh al-Rabi' bin Sulaiman al-Syafie *rahimahullah* dalam persoalan tauhid *al-Asma' wa al-*

Sifat menulis di dalam kitabnya, *al-Bidayah wa al-Nihayah,* jld. 10, ms. 694:[76]

وَقَدْ رُوِيَ عَنِ الرَّبِيْعِ وَغَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ رُؤُوْسِ أَصْحَابِهِ مَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّهُ كَانَ يُمِرُّ بِآيَاتِ الصِّفَاتِ وَأَحَادِيْثِهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيْفٍ وَلَا تَشْبِيْهٍ وَلَا تَعْطِيْلٍ وَلَا تَحْرِيْفٍ عَلَى الطَّرِيْقِ السَّلَفِ.

Maksudnya:

> Dan telah diriwayatkan dari al-Rabi', salah seorang murid Imam al-Syafie yang paling kanan dan beberapa sahabat yang senior yang menunjukkan bahawa dia mengikuti ayat-ayat dan hadis-hadis sifat-sifat Allah seperti apa adanya tanpa *takyif* (tanpa ditanya, dibincang dan dipersoalkan bagaimana sifat tersebut), tanpa *tasybih* (tanpa diserupakan), tanpa *ta'thil* (tidak diingkari atau dibatalkan) dan tanpa *tahrif* (tidak diubah atau ditukar). Begitulah cara yang sesuai dengan cara Salaf.

Berikut dinukilkan pula pegangan sebenar dua orang tokoh *Ahl al-Sunnah* yang sering dimasyhurkan oleh kebanyakan *Ahl al-Bid'ah* sebagai pengasas kepada fahaman Wahhabi. Mereka yang dimaksudkan ialah Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) dan Syeikh Muhammad Ibn Abd al-Wahab *rahimahullah* (1206H).[77]

---

[76] Dinukil daripada *Wahabi, Wahabi, Wahabi!: Apa Kata Uthman El-Muhammady dan Apa Ulasan Ustaz Rasul Dahri?* (Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd., Johor Bahru, 2009), ms. 16-17.

[77] Di sini penulis menyerahkan kepada kebijaksanaan para pembaca yang budiman sekalian untuk membuat penilaian secara adil terhadap kebenaran dakwaan *Ahl al-Bid'ah* yang mengatakan bahawa pegangan

Berkata Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) menerusi kitabnya, *al-'Aqidah al-Wasathiyyah,* ms. 5-7:[78]

فهذا اعتقاد الفرقة الناجية المنصورة إلى قيام الساعة، أهل السنة والجماعة وهو الإيمان بالله...ومن الإيمان بالله الإيمان بما وصف به نفسه في كتابه وبما وصفه به رسوله محمد صلى الله عليه وسلم من غير تحريف ولا تعطيل ومن غير تكييف ولا تمثيل بل يوءمنون بأن الله سبحانه ليس كمثله شيء وهو السميع البصير فلا ينفون عنه ما وصف به نفسه ولا يحرّفون الكلم عن مواضعه ولا يلحدون في أسماء الله وآياته ولا يكيّفون ولا يمثّلون صفاته بصفات خلقه لأنه سبحانه لا سميّ له ولا كفو له ولا ند له ولا يقاس بخلقه سبحانه وتعالى...

Maksudnya:

Maka ini adalah iktikad *Firqah al-Najiyah* (puak yang selamat) *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang beroleh pertolongan sehingga hari Kiamat, iaitu beriman dengan Allah... Dan di antara (cara) beriman dengan Allah ialah beriman dengan apa yang Dia telah sifatkan diri-Nya dengannya dalam kitab-Nya dan dengan apa yang telah Rasul-Nya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* menyifatkan-Nya dengannya, <u>tanpa *tahrif*</u> (mengubah atau

---

Wahhabi dalam persoalan akidah sebagai bercanggah dengan pegangan Imam al-Syafie dan para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

[78] Lihat kedua-dua ucapan Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* ini dalam *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz, ms. 47-50.

menukar ganti makna), tanpa *ta'thil* (menafikan/menolak sifat bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*), tanpa *takyif* (menggambarkan/membayangkan rupa bentuk sifat) dan tanpa *tamtsil* (mengumpamakan makna dengan sesuatu).

Bahkan, mereka (*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*) beriman sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak sebanding (dzat, sifat-sifat dan pentadbiran)-Nya dengan sesuatu apa pun dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Mereka (*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*) tidak menafikan dari-Nya apa yang Dia telah sifatkan diri-Nya dengannya, mereka tidak men*tahrif*kan perkataan dari tempat-tempat (atau maksud)nya yang sebenar, mereka tidak meng*ilhad*kan (menolak secara anti) nama-nama Allah serta ayat-ayat-Nya, mereka tidak membentukkan rupa makna dan mereka tidak mengumpamakan sifat-sifat-Nya dengan sifat-sifat makhluk-Nya, kerana sesungguhnya (Allah) *Subhanahu wa Ta'ala* tidak ada yang menyamai nama-Nya, tidak ada yang menyetarai-Nya, tidak ada yang menyekutui-Nya dan tidak boleh dikiaskan-Nya dengan makhluk-Nya *Subhanahu wa Ta'ala*...

Dalam kitab yang sama, ms. 23-24, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahmahullah* menyebut:

فإن الفرقة الناجية أهل السنة والجماعة يؤمنون بذلك كما يؤمنون بما أخبر الله به في كتابه من غير تحريف ولا تعطيل ومن غير تكييف ولا تمثيل بل هم الوسط في فرقة الأمة كما أن الأمة هي الوسط في الأمم فهم وسط في باب صفات الله سبحانه وتعالى بين أهل التعطيل الجهمية وأهل التمثيل المشبهة...

Maksudnya:

Maka sesungguhnya *Firqah al-Najiyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* beriman dengan yang demikian itu (nas-nas hadis berkenaan sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*), sebagaimana mereka beriman dengan apa yang difirmankan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengannya dalam kitab-Nya, tanpa *tahrif,* tanpa *ta'thil,* tanpa *takyif* dan tanpa *tamtsil*. Bahkan merekalah yang sederhana di kalangan puak umat ini sebagaimana umat ini juga yang sederhana di kalangan umat-umat (yang lain), kerana mereka (*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*) sederhana dalam bab sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di antara *Ahl al-Ta'thil al-Jahmiyyah* dan *Ahl al-Tamtsil al-Musyabbihah*.

Sementara itu, Syeikh Muhammad Ibn Abd al-Wahab *rahimahullah* (1206H) pula berkata:[79]

أشهد الله ومن حضرني من الملائكة وأشهدكم أني اعتقد ما اعتقدته الفرقة الناجية أهل السنة والجماعة من الإيمان بالله وملائكته وكتبه ورسله والبعث بعد الموت والإيمان بالقدر خيره وشره، ومن الإيمان بالله الإيمان بما وصف به نفسه في كتابه على لسان رسوله صلى الله عليه وسلم من غير تحريف ولا تعطيل بل أعتقد أن الله سبحانه ليس كمثله شيء وهو السميع البصير، فلا أنفي عنه ما وصف به نفسه ولا أحرف الكلم عن مواضعه ولا ألحد في أسمائه وآياته ولا أكيف ولا أمثل صفاته تعالى بصفات خلقه

[79] Dinukil daripada *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz, ms. 106-112.

لأنه تعالى لا سميّ له ولا كفؤ له ولا ند له ولا يقاس بخلقه فإنه سبحانه أعلم بنفسه وبغيره وأصدق قيلا وأحسن حديثا، فنـزّه نفسه عما وصفه به المخالفون من أهل التكييف والتمثيل وعما نفاه عنه النافون من أهل التحريف والتعطيل فقال: سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

Maksudnya:

Aku mempersaksikan kepada Allah dan kepada para Malaikat yang hadir di depanku, dan aku mempersaksikan kepada kamu bahawa sesungguhnya aku beriktikad (berpegang) dengan iktikad (pegangan) *Firqah al-Najiyah* (puak yang selamat) *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dari segi beriman dengan Allah, para Malaikat, Kitab-Kitab, para Rasul, (Hari) Kebangkitan selepas kematian dan beriman dengan Al-Qadar (sama ada) baik atau buruk.

Antara (ciri) keimanan dengan Allah ialah beriman dengan apa yang Dia sifatkan diri-Nya dengannya dalam kitab-Nya melalui lidah Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam*, tanpa *tahrif* (mengubah atau menukar ganti makna) dan tanpa *ta'thil* (menafikan sifat bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*). Bahkan aku beriktikad bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tiada sesuatu pun yang menyerupai-Nya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Justeru aku tidak menafikan dari-Nya apa yang Dia sifatkan diri-Nya dengannya, aku juga tidak *tahrif*kan kata-kata (lafaz-lafaz al-Quran) dari maksud-maksudnya, aku juga tidak

meng*ilhad*kan (menolak secara anti) nama-nama serta ayat-ayat-Nya, aku juga tidak men*takyif* (menggambarkan rupa bentuk) dan tidak men*tamtsil* (mengumpamakan makna) sifat-sifat-Nya yang Maha Tinggi dengan sifat-sifat makhluk-Nya, kerana Dia Maha Tinggi, tiada persamaan, tiada kesetaraan dan tiada sekutu bagi-Nya, Dia tidak boleh dikiaskan (dianalogikan) dengan makhluk-Nya kerana sesungguhnya Dia yang Maha Suci lebih mengetahui tentang diri-Nya dan yang selain-Nya.

Dia yang paling benar dan paling elok percakapan-Nya, Dia mensucikan diri-Nya daripada apa yang disifatkan pada diriNya dengannya oleh para penyeleweng dari kalangan *Ahl al-Takyif* dan *Tamtsil*, dan (Dia juga mensucikan diri-Nya) daripada apa yang dinafikan dari-Nya oleh para penafi dari kalangan *Ahl al-Tahrif* dan *Ta'thil,* lalu Dia berfirman: *Maha suci Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari apa yang mereka sifatkan, dan selamat sejahtera ke atas sekelian Rasul, dan segala pujian bagi Allah Tuhan sekelian alam.*

Kemudian beliau juga berkata sebagaimana yang tersebut di dalam kitab *ad-Durar al-Saniyyah,* jld. 3, ms. 11:[80]

Ketahuilah sesungguhnya golongan yang melakukan penyelewengan dan pemesongan (*tahrif*) terhadap sifat-sifat dan nama-nama Allah itu berbeza dan sentiasa berselisih pendapat dengan golongan yang membayangkan bentuk Allah (*tajsim*). Mereka selalunya tidak sependapat dan bermusuhan

---

[80] Dinukil daripada *Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab: Antara Fakta & Palsu* selenggaraan oleh Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007), ms. 59-60.

antara satu sama lain. Ketahuilah, sesungguhnya yang benar adalah mereka yang bersederhana di antara kedua-duanya.

❋ Siapakah yang sebenarnya berakidah *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah*?

Jika difikirkan secara mendalam yang sebenarnya berakidah *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* ialah para pengingkar dan pentakwil nas-nas al-Sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu sendiri. Hal ini kerana mereka pada asalnya sedia beriktikad bahawa segala sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana yang dikhabarkan oleh-Nya menerusi al-Qur'an dan al-Sunnah Rasul-Nya adalah sesuatu yang menyerupai sifat-sifat makhluk-Nya. Lantas dengan itu mereka menolaknya (*ta'thil*) dan mentakwilkan sebahagian lainnya kepada sesuatu pengertian yang sesuai menurut kehendak hawa nafsu dan akal fikiran mereka semata-mata.

Amat tepatlah apa yang dijelaskan oleh Syeikh 'Abd al-Rahman bin Hassan di mana beliau menulis di dalam *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tauhid,* ms. 402:[81]

> Golongan *al-Jahmiyyah* serta golongan yang bersepakat dengan pandangan mereka di atas permasalahan *ta'thil* menafikan apa yang disifatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* terhadap diri-Nya serta penetapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terhadap diri-Nya dengan segala sifat-sifat kesempurnaan serta ketinggian. Mereka mendakwa bahawa

---

[81] Dinukil daripada *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Edisi Lengkap)* karya Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd al-Lathif (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009), ms. 203. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab* sahaja.

> sifat-sifat ini menunjukkan kepada *al-Ajsam* (Tuhan itu mempunyai jasad serta tubuh seperti manusia). Oleh itu sesiapa yang menetapkannya maka dia menetapkan bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu berjisim.
>
> Hakikatnya ini merupakan kesesatan serta kerosakan akal fikiran mereka. Mereka tidak memahami sesuatu pun tentang sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melainkan (pada mulanya mereka) menyamakannya dengan sifat makhluk lalu menafikan terus sifat-sifat tersebut kerana pada sangkaan mereka ia menyamai apa yang terdapat pada makhluk.
>
> Dengan itu mereka menolak apa yang termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dan di mana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sendiri yang meng*ithbath*kan (menetapkan) sifat-sifat Diri-Nya serta ia ditetapkan pula oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan segala ketinggian serta keagungan-Nya.

Kenyataan yang hampir serupa juga diutarakan oleh Syeikh Abu Bakar al-Jabir al-Jazairi *rahimahullah* dimana beliau pernah berkata: [82]

> Bukankah orang yang menolak salah satu sifat Allah *Ta'ala* dengan alasan takut menyamakan-Nya dengan makhluk itu sebenarnya telah menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk? Ia takut berlaku penyamaan sifat lalu lari daripadanya menuju kepada penafian sifat-sifat Allah *Ta'ala* dan meniadakannya.

---

[82] Dinukil daripada *Minhaj al-Muslim Aqaid wa Adab wa Akhlaq wa Ibadat wa Mu'amalat* karya Syeikh Abu Bakar al-Jabir al-Jazairi; dalam edisi terjemahan oleh Fadhli Bahri (Darul Falah, Jakarta & Pustaka Dini Sdn. Bhd, Selangor, 2006), jld. 1, ms. 40-41.

Akhirnya ia menafikan sifat-sifat Allah *Ta'ala* yang ditegaskan Allah *Ta'ala* untuk diri-Nya dan meniadakannya.

Maka dengan itu, ia telah menghimpun dua dosa besar iaitu menyamakan sifat Allah *Ta'ala* dengan sifat makhluk dan meniadakan sifat-sifat-Nya. Oleh yang demikian bukanlah masuk akal kalau Allah *Ta'ala* boleh disifati dengan sifat-sifat yang Dia sendiri sifatkan dan dengan sifat-sifat yang Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sifatkan untuk-Nya berserta dengan keyakinan bahawa Dia mempunyai sifat-sifat yang tidak serupa dengan sifat makhluk sebagaimana dzat Allah *'Azza wa Jalla* tidak sama dengan dzat makhluk.

❈ **Kesimpulan.**

Kesimpulannya, tiada perbezaan yang ketara antara Wahhabi dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* termasuk Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam memahami persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sebaliknya yang sebenarnya bertentangan dengan prinsip Imam al-Syafie dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam persoalan ini ialah para pemfitnah itu sendiri kerana:

1. Kebanyakan para pemfitnah itu khususnya mereka yang mengaku bermazhab Syafie di nusantara (termasuk di Malaysia) sendiri menyelisihi akidah Imam al-Syafie. Buktinya, cubalah anda tanyakan kepada mereka mengenai persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* di sisi Imam al-Syafie, nescaya anda akan temui kebanyakan para pemfitnah ini mengaitkan Imam al-Syafie tersebut dengan akidah Sifat 20, walhal kaedah pengajian Sifat 20 ini tidak pernah dikenali di sisi Imam al-Syafie *rahimahullah* mahupun dalam kalangan murid-muridnya.

2. Selain itu, tidak sedikit kita dapati dalam kalangan mereka yang mengaku sebagai bermazhab Syafie ini mentakwil sekian-sekian nas al-Sifat Allah atas alasan – kononnya – bagi mengelakkan *Tasybih* dan *Tajsim* terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Walhal jika dikaji keseluruhan kitab-kitab muktabar Imam al-Syafie *rahimahullah* maka tidak ditemui adanya satu pun kenyataan beliau yang menunjukkan bahawa beliau mengaplikasikan kaedah *al-Takwil* terhadap nas-nas al-Sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sebaliknya beliau hanyalah menetapkan sifat-sifat tersebut tanpa *takwil* dan tanpa *tasybih* sebagaimana yang terdapat dalam beberapa keterangan beliau yang telah lalu.

Persoalannya sekarang, siapakah sebenarnya yang menyelisihi akidah Imam al-Syafie sekaligus terkeluar daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*? [83]

---

[83] Lebih lanjut berkaitan dengan persoalan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat Allah* menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih,* sila rujuk *Kaedah Memahami Nama-Nama dan Sifat-Sifat Allah* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

PANDANGAN IMAM AL-SYAFIE DAN WAHHABI TERHADAP AMALAN BERZIKIR DAN BERDOA BERJAMAAH [84]

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Hairi! betul ke puak Wahhabi mengharamkan amalan berzikir?.[85] salah seorang sahabat bertanya kepada penulis sebaik sahaja selesai solat Maghrib berjamaah dikerjakan di salah sebuah masjid di perkampungan penulis.

Siapa yang kata? penulis bertanya kembali.

Ramai orang yang kata, termasuk ustaz dan ustazah di sekolah dan beberapa buah masjid, balas sahabat penulis itu.

---

84 *Alhamdulillah* penulis memiliki sebuah buku yang khas berkaitan amalan berzikir selepas solat-solat fardhu yang diberi judul *Marilah Berzikir Selepas Solat Fardhu Bersama Rasulullah,* terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru. Dipersilakan merujuk buku tersebut bagi mengetahui amalan-amalan sunnah dan bid'ah berkaitan zikir sesudah solat-solat fardhu.

85 Sejauh kajian penulis dan rakan-rakan penulis yang lain, tidak ada satu jua aliran dalam Islam di dunia ini yang mengharamkan amalan berzikir. Tidak terkecuali ialah golongan yang dimasyhurkan sebagai Wahhabi ini. Sebenarnya yang diharamkan oleh Wahhabi bukanlah amalan berzikir, akan tetapi beberapa *kaifiyyat* (tatacara) zikir bid'ah yang menyelinap masuk ke dalam ibadah tersebut. Lebih lanjut, sila lihat artikel sahabat penulis, Mohd Yaakub Mohd Yunus yang berjudul *Wahhabi Mengharamkan Zikir Sesudah Sembahyang?* Risalah tersebut boleh dilihat dalam sebuah buku susunan penulis yang berjudul *Katakan Tidak Pada Wahhabi!,* terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

Apa lagi yang mereka katakan?, penulis melanjutkan pertanyaan. Sahabat penulis itu menjawab:

Mereka kata lagi Wahhabi ini haramkan zikir berjamaah secara terus-menerus dan zikir yang dibaca dengan suara yang kuat daripada imam yang memimpin solat jamaah. Lagi satu mereka kata Wahhabi ini juga menentang habis-habisan mazhab Syafie kerana banyak ajaran Imam al-Syafie yang masyhur di Malaysia ini yang mereka haramkan seperti men*talqin* orang mati di kubur, kenduri arwah, menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an pada orang mati dan termasuklah berzikir selepas solat berjamaah....

Mungkin ada dalam kalangan para pembaca yang tertanya-tanya, mengapakah golongan yang digelar sebagai Wahhabi ini tidak menggemari amalan berzikir berjamaah secara terus-menerus sebagaimana yang menjadi kebiasaan dalam kalangan sebahagian umat Islam khususnya di Malaysia.

Sebenarnya terdapat beberapa faktor golongan yang dilabel sebagai "Wahhabi" ini tidak menggemari amalan berzikir secara berjamaah. Apatah lagi jika amalan tersebut dilakukan dengan suara yang keras secara berterusan (statik) setiap kali selesainya ibadah solat fardhu berjamaah. Antara sebab-sebab yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Tidak ada dalil yang *sarih* (jelas) dan *qath'i* (tegas) mensyariatkan tatacara berzikir secara berjamaah dengan suara yang keras (*jahr*) dan berterusan setiap kali selepas mengerjakan ibadah solat fardhu. Sejauh kajian penulis, sehingga kini tidak ada bukti yang jelas dan tegas daripada al-Qur'an, al-Sunnah Rasulullah yang sahih, *atsar* para sahabat mahupun keterangan daripada para ulamak empat mazhab yang

menerangkan mengenai kesunnahan mengekalkan amalan berzikir dan berdoa secara beramai-ramai secara berterusan setiap kali selesai mengerjakan ibadah solat fardhu. Jika diandaikan amalan tersebut termasuk dalam perkara yang disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya, maka sudah pasti sahaja akan ada riwayat atau hadis yang menerangkan sedemikian.

Memandangkan tidak ada bukti daripada al-Qur'an, al-Sunnah yang sahih serta ijmak (kesepakatan) para ulamak muktabar yang jelas lagi tegas memerintahkan amalan berzikir dan berdoa secara berjamaah dengan suara yang keras serta dilakukan secara berterusan selepas mengerjakan ibadah solat, maka nyatalah bahawa amalan tersebut bukanlah termasuk dalam perkara yang disyariatkan di dalam agama. Sedangkan melakukan perkara yang tidak disyariatkan dalam agama inilah yang disebut sebagai bid'ah.

Dalam hal ini, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) menerusi kitabnya, *Majmu' al-Fatawa,* jld. 1, ms. 215 menegaskan:[86]

> Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah berdoa bersama makmum selepas solat lima waktu seperti yang dilakukan oleh sesetengah orang selesai menunaikan solat subuh dan asar. Hal itu tidak pernah diriwayatkan oleh sesiapa pun. Tidak seorang pun di kalangan imam empat (mazhab) menyatakan amalan itu baik. Sesiapa yang menyatakan bahawa Imam al-Syafie menyukainya, maka tanggapan itu salah. Kenyataan dalam kitab-kitabnya menafikan hal itu. Imam Ahmad dan yang lain juga tidak menyukai perbuatan itu.

---

86 Dinukil daripada *Membela Islam: Tanggungjawab & Disiplin* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2006), ms. 90.

Walau bagaimanapun, jika ada dalam kalangan para pembela dan penggemar amalan ini yang dapat menunjukkan kepada kami adanya bukti yang *sarih* dan *qath'i* dari al-Qur'an, al-Sunnah Rasulullah yang sahih serta ijmak (kesepakatan) daripada para ulamak muktabar mengenai pensyariatan perkara tersebut, maka kami menjemput mereka untuk mengemukakan bukti-bukti tersebut kepada kami. *Insya'* Allah, kami sekali-kali tidak akan teragak-agak untuk membatalkan pendirian kami terhadap pengharaman amalan berkenaan.[87]

<u>KEDUA</u>:

Ia bercanggah dengan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* agar tidak mewujudkan suasana bising di dalam masjid bagi mengelakkan gangguan kepada orang lain khususnya mereka yang sedang mengerjakan ibadah. Perhatikan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini:

اعتكف رسول الله صلى الله عليه و سلم في المسجد فسمعهم يجهرون بالقراءة فكشف الستر وقال ألا إن كلكم مناج ربه فلا يؤذين بعضكم بعضا ولا يرفع بعضكم على بعض في القراءة أو قال في الصلاة.

---

[87] Pada waktu yang sama penulis juga tidak menafikan adanya pendapat sebahagian ulamak yang membolehkan amalan berzikir dengan suara yang *jahr* (suara yang lantang) dan dilakukan secara berjamaah selepas mengerjakan ibadah solat fardhu. Ini dilakukan khususnya bagi tujuan mengajar para makmum mengenai sifat zikir-zikir/wirid selepas solat. Walau bagaimanapun sehingga kini tidak pernah pula penulis temui adanya pendapat daripada para ulamak muktabar yang membolehkan amalan berzikir dengan tatacara sedemikian dilakukan secara <u>berterusan</u> setiap kali selesainya mengerjakan ibadah solat sebagaimana yang masyhur diamalkan dalam masyarakat Islam di nusantara, termasuk di Malaysia. *Wallahu a'lam.*

Maksudnya:

Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam memerhatikan orang-orang yang beriktikaf di masjid dan baginda mendengar mereka menguatkan suara mereka sewaktu membaca al-Qur'an. Baginda menyelak kain langsir dan berkata: Setiap daripada kamu sedang berkomunikasi dengan Tuhannya. Janganlah sebahagian daripada kamu mengganggu yang lainnya. Janganlah kamu menguatkan suara kamu melebihi yang lainnya sewaktu membaca al-Qur'an atau ketika kamu sedang solat. [88]

Dalam hadis yang lain, Imam Malik *rahimahullah* telah meriwayatkan bahawa al-Bayadhiy *radhiallahu‘anh* telah berkata:

أن رسول الله صلى الله عليه و سلم خرج على الناس وهم يصلون وقد علت أصواتهم بالقراءة فقال أن المصلي يناجي ربه عزوجل فلينظر بما يناجيه به ولا يجهر بعضكم على بعض بالقرآن.

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam telah keluar kepada orang ramai sewaktu mereka solat dan mereka sedang meninggikan suara mereka di dalam bacaan mereka, maka Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya yang sedang solat sebenarnya sedang berkomunikasi dengan Tuhannya ‘Azza wa Jalla, biarlah dia berfikir tentang Tuhannya

---

88 Hadis riwayat Abu Daud (no. 1332).

yang sedang disembahnya. Janganlah kamu meninggikan suara melebihi yang lainnya sewaktu kamu sedang membaca al-Qur'an. [89]

Perhatikan, jika dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bertegas melarang umatnya daripada membaca al-Qur'an dengan suara yang kuat sehingga mengatasi suara orang lain yang sedang mengerjakan ibadah, maka bagaimanakah agaknya reaksi baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* terhadap mereka yang berzikir dan berdoa dengan cara yang melampaui batas sehingga menimbulkan suasana bising dan hingar-bingar di dalam masjid?

Lebih-lebih lagi pada zaman ini di mana kebanyakan para imam masjid melantunkan suara mereka dengan bantuan alat pembesar suara (mikrofon) sehingga menimbulkan gangguan kepada para jamaah yang kelewatan menyertai solat berjamaah (*masbuk*) atau yang sedang melaksanakan solat sunat. Syeikh Sayyid Sabiq *rahimahullah* menerusi kitabnya *Fiqh Sunnah* menegaskan: [90]

> Mengeraskan suara itu sehingga mengganggu orang-orang yang (masih) lagi (mengerjakan) solat, adalah hukumnya haram meskipun yang dibaca itu al-Qur'an.

Selanjutnya, perhatikan pula hadis berikut:

---

[89] Hadis riwayat Imam Malik dalam *al-Muwaththa'* (no.178). Dikeluarkan juga oleh Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad* (no. 19022).

[90] Dinukil daripada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Abdul Hakim Amir Abdat, (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur, 2003), jld. 2, ms. 291. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* sahaja.

عن أبي موسى قال: كنامع النبي صلى الله عليه و سلم في سفر فجعل الناس يجهرون بالتكبير. فقال النبي صلى الله عليه و سلم: أيهاالناس! اربعوا غلى أنفسكم إنكم ليس تدعون أصم ولا غائبا إنكم تدعون سميعا قريبا وهو معكم.

Maksudnya:

Dari Abu Musa radiallahu 'anh, dia berkata: Kami pernah bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dalam satu perjalanan, lalu ada sebahagian orang yang mula bertakbir secara kuat. Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Wahai manusia! Kasihanilah diri kamu sendiri (kerana) sesungguhnya kamu bukanlah menyeru (berdoa kepada Tuhan) yang pekak lagi jauh. Akan tetapi kamu menyeru (kepada Tuhan yang Maha) Mendengar lagi dekat dan Dia bersama kamu (dengan Pengetahuan-Nya).[91]

Dan kepada Ali *radhiallahu 'anh,* Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:[92]

يا علي لا تجهر بقرأتك ولا بدعائك حيث يصلى الناس فإن ذلك يفسد عليهم صلاتهم.

Maksudnya:

---

[91] Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim* (no. 2704).

[92] Sebagaimana yang dikemukakan oleh saudara Drs. Abdul Ghani Azmi Hj. Idris di dalam bukunya, *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 2000), ms. 212.

Wahai Ali, janganlah engkau mengeraskan suara bacaanmu dan doamu di kala orang sedang bersolat kerana yang demikian itu akan merosakkan solat mereka.

KETIGA:

Ia bercanggah dengan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang memerintahkan kita agar berzikir dan berdoa dengan suara yang rendah atau sederhana. Perhatikan firman-Nya dalam ayat-ayat berikut:

Dalam surah al-Isra', ayat 110 Allah berfirman:

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَٱبْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

Dan janganlah engkau menyaringkan bacaan doa atau solatmu juga janganlah engkau perlahankannya dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.

Dalam surah yang sama, ayat ke-55 Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sekali lagi menegaskan:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.

Sementara, dalam itu surah al-A'raf ayat 205 pula Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ فِي نَفۡسِكَ تَضَرُّعٗا وَخِيفَةٗ وَدُونَ ٱلۡجَهۡرِ مِنَ ٱلۡقَوۡلِ بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلۡغَٰفِلِينَ ٢٠٥

Maksudnya:

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu dengan merendah diri serta dengan perasan takut dan dengan tidak pula menyaringkan suara pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.

KEEMPAT:

Terdapat banyak *atsar* yang masyhur melarang perbuatan berzikir secara berjamaah seperti pengingkaran ‘Umar al-Khattab, Ibn Mas’ud, Khabbab dan sahabat-sahabat yang lain. *Athar* daripada ‘Umar al-Khattab *radhiallahu‘anh*:

Pada zaman ‘Umar al-Khattab *radhiallahu‘anh* telah berlaku amalan bid’ah iaitu berzikir dan berdoa secara berjamaah. Lalu beliau dan beberapa orang sahabat Nabi yang lain seperti Abdullah bin Mas’ud dan Abu Musa al-Asy’ari telah mengingkari perbuatan itu. Menurut Ibn Wahdah, Abu Uthman al-Nahdi pernah berkata:

كتب عال لعمر بن الخطاب أن ههنا قوما يجتمعون فيدعون للمسلمين وللأمير، فكتب إليه عمر: أقبل بهم معك فأقبل. وقال عمر للبواب: أعد سوطا. فلما دخلوا على أميرهم ضربا بالسوط، فقلت: ياأمير المؤمنين، لسنا أولئك الذين يعني، أولئك قوم يأتون من قبل المشرق.

Maksudnya:

Seorang pekerja telah menulis sepucuk surat kepada 'Umar al-Khattab menceritakan bahawa terdapat satu kumpulan yang berkumpul di suatu tempat sambil mendoakan kaum muslimin dan pemimpinnya.

Lalu 'Umar al-Khattab membalas semula surat itu sambil memerintahkan dibawakan cemeti kepadanya. Apabila kumpulan itu masuk menemuinya, lalu beliau menyebat mereka dengan cemeti itu. Aku (pekerja tersebut) berkata: Kami bukanlah orang-orang yang saya maksudkan, mereka adalah orang-orang yang datang dari arah timur.

Kisah ini menunjukkan tindakan 'Umar al-Khattab yang bertindak menyebat kumpulan yang melakukan doa berjamaah itu sebagai tanda pengingkaran terhadap perbuatan itu kerana amalan itu tidak pernah dilakukan di zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam.* [93]

Akhir sekali, perhatikan *atsar* di bawah ini: [94]

عن قيس بن عباد قال :كان أصحاب رسول الله , يكرهون رفع الصوت عند ثلاث :عند القتال وفي الجنائز وفي الذكر.

Maksudnya:

---

[93] Lihat *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007), ms. 56-57. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* sahaja.

[94] Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah, jld. 6, ms. 143 (no. 30174), al-Baihaqi, jld. 4, ms. 74 dan al-Khathib al-Baghdadi dalam kitabnya *Tarikh Baghdad*, jld. 8, ms. 91.

Diriwayatkan dari Qais bin ‘Abbad ia berkata: Dahulu para sahabat Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam tidak menyukai untuk mengeraskan suara pada tiga keadaan iaitu (pertama) di saat berperang, (kedua) menghadiri jenazah dan (ketiga) pada saat berzikir.

Demikian beberapa keterangan daripada ayat-ayat al-Qur’an al-Karim dan al-Sunnah Rasulullah yang sahih serta *atsar* para sahabat mengenai adab-adab yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam ketika berdoa dan berzikir kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Seterusnya marilah kita tinjau pula apakah pandangan Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie terhadap persoalan ini.

❋ **Meneliti pandangan Imam al-Syafie dan para ulamak muktabar bermazhab Syafie terhadap amalan berzikir berjamaah secara terus-menerus dengan suara yang keras setelah selesai mengerjakan solat-solat fardhu.**

Bagi membuktikan bahawa Wahhabi bukanlah pihak yang menyendiri di dalam mengharamkan amalan berzikir berjamaah dengan suara yang keras secara terus-menerus setiap kali selesai mengerjakan ibadat solat fardhu, maka penulis akan kemukakan beberapa pandangan yang bersumberkan daripada Imam al-Syafie *rahimahullah* dan beberapa ulamak bermazhab Syafie berkenaan dengan kedudukan hukum amalan tersebut.

Imam Muhammad bin Idris al-Syafie (204H)

Di dalam kitab *Mausu’ah al-Imam al-Syafie: al-Umm*, jld. 1, ms. 355, Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata:[95]

---

[95] Dinukil daripada *Bid’ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru,

وأختارللامام والمأموم أن يذكرا الله بعد الانصراف من الصلاة ويخفيان الذكر إلا أن يكون إماما يحب إن يتعلم منه فيجهر حتى يرى أنه قد تعلم منه ثم يسر.

Maksudnya:

> Pada pendapatku, imam dan makmum hendaklah berzikir selepas menunaikan solat. Mereka hendaklah memperlahankan bacaan zikir itu. Melainkan jika imam mahu mengajar (bacaan-bacaan itu kepada makmum). Ketika itu, bacaan zikir dikuatkan. Sehinggalah dilihat (oleh imam itu makmum mampu mempelajari zikir itu sepenuhnya). Selepas itu, hendaklah perlahankannya.

Dalam kitab yang sama, Imam al-Syafie *rahimahullah* melanjutkan:[96]

وأحسبه إنما جهر قليلا ايتعلم الناس منه وذلك لأن عامة الروايات التي كتبناها مع هذا وغير ها ليس يذكر فيها بعد التسلم تَهليل ولا تكبير، وقد يذكر أنه ذكر بعد الصلاة بما وصفت، ويذكر انصرافه بلا ذكرر، وذكرت أم سلمة مكثه و لم يذكر جهرا، وأحسبه لم يمكث إلا ليذكر ذكرا غير جهر. فإن قال قئل: ومثل ماذا؟ قلت: مثل أنه صلى على المنبر يكون قيامه وركوعه عليه وتقهقرحتى يسجد على لأرض، وأكثر عمره لم يصل عليه، ولكنه فيما

2005), ms. 26. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami* sahaja.

[96] Dinukil daripada *Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, ms. 26-29.

أرى أحب أن يعلم من لم يكن يراه ممن بعد عنه كيف القيام والركوع والرفع. يعلمهم أن في مجلسه قدرما يتقدم من انصرف من النساء قليلا كما قالت أم سلمة ثم يقوم وإن قام قبل ذلك أوجلس أطول من ذلك فلا شيء عليه، وللمأموم أن ينصرف إذا قضى الإمام السلام قبل قيام الإمام وأن يؤخر ذلك حتى ينصرف بعد ا نصرف الإمام أو معه أحب إلي له.

Aku berpendapat, baginda menguatkan suaranya (ketika berzikir) hanya untuk seketika. Agar orang ramai mempelajarinya daripada baginda. Ini kerana, kebanyakan riwayat yang telah kami tulis bersama ini atau selainnya tidak menyebut selepas salam ada tahlil dan takbir. Kadangkala riwayat menyebut baginda berzikir selepas solat seperti yang aku nyatakan, kadangkala disebut baginda terus bangun (meninggalkan saf) tanpa zikir. Ummu Salamah pula menyebut bahawa baginda duduk (selepas solat) tetapi tidak menyebut baginda zikir secara kuat. Aku berpendapat, baginda tidak duduk melainkan untuk berzikir secara tidak terang (perlahan).

Jika seorang berkata: Macam mana? Aku katakan: Seperti baginda pernah solat di atas mimbar, di mana baginda berdiri dan rukuk di atasnya, kemudian baginda undur ke belakang untuk sujud di atas tanah. Kebanyakan umur baginda, baginda tidak solat di atasnya. Tetapi aku berpendapat baginda mahu agar orang yang duduk jauh dan tidak dapat melihat baginda mengetahui cara berdiri (dalam solat), rukuk dan bangun

(dari rukuk). Baginda ingin mengajar mereka keluasan dalam itu semua.

Aku suka sekiranya imam menyebut nama Allah di tempat duduknya sedikit dengan kadar yang seketika selepas kaum wanita pergi. Ini seperti apa yang Ummu Salamah katakan. [97] Kemudian imam boleh bangun. Jika dia bangun sebelum itu atau duduk lebih lama di situ, tidak mengapa. Makmum pula boleh pergi setelah imam selesai memberi salam[98], sebelum imam

---

[97] Pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah* ini adalah berdasarkan kepada hadis berikut:

أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِذَا سَلَّمَ مِنْ صَلاَتِهِ قَامَ النِّسَاءُ حِينَ يَقْضِي تَسْلِيمَهُ وَمَكَثَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم فِي مَكَانِهِ يَسِيرًا.

Maksudnya:

Ummu Salamah (radhiallahu'anha) isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berkata: Rasulullah (shalallahu 'alaihi wasallam) apabila memberi salam setelah solatnya, kaum wanita berdiri setelah baginda menyelesaikan salamnya; sedangkan Nabi shalallahu 'alaihi wasallam sendiri diam di tempatnya sebentar. [Hadis riwayat al-Baihaqi di dalam *al-Sunan al-Kubra* (no. 2827)]

[98] Pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah* ini adalah selaras dengan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana riwayat di bawah ini:

عَنْ جَابِرِ بْنِ يَزِيدَ بْنِ الأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهِ, أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلاَةَ الصُّبْحِ فَلَمَّا صَلَّى انْحَرَفَ.

Maksudnya:

Jabir bin Yazid Ibnu Aswad berkata, dari ayahnya bahawa dia pernah solat bersama Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam dalam solat Subuh. Setelah selesai solatnya, baginda segera meninggalkan tempat solatnya. [Hadis riwayat al-Nasa'i. Hadis ini dinilai sahih oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa'i* (no. 1334)]

bangun. Jika dia lewatkan sehingga imam pergi atau bersama imam, itu lebih aku sukai padanya.

Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi (676H)

Terhadap perkataan Imam al-Syafie di atas, Imam al-Nawawi mengulas di dalam kitabnya berjudul *Syarh Shahih Muslim*, jld. 5, ms. 84 di mana dia berkata: [99]

حمل الشافعي رحمه الله تعالى هذا الحديث على أنه جهر وقتا يسيرا حتى يعلمهم صفة الذكر، لا أنهم جهروا دائما.

Maksudnya:

Imam al-Syafie *rahimahullahu Ta'ala* menafsiri hadis ini bahawa beliau *shallallahu 'alaihi wasallam* mengeraskan suaranya dalam beberapa waktu sahaja, guna (untuk) mengajari sahabatnya cara berzikir, bukan bererti mereka senantiasa mengeraskan suaranya.

Fatwa Imam al-Syafie *rahimahullah* yang membolehkan makmum meninggalkan imam sebaik sahaja selesai mengerjakan solat ini bertolak belakang dengan pandangan majoriti masyarakat di negara ini yang sering menganggap orang yang tidak berzikir dan berdoa bersama imam sebagai biadap atau tidak menghormati imam. Dengan penerangan Imam al-Syafie ini maka jelaslah kepada kita bahawa yang sebenarnya biadap ialah diri mereka sendiri lantaran sikap mereka yang sering sahaja menentang sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan pandangan imam mazhab mereka sendiri.

[99] Dinukil daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i: Koreksi Buku Dzikir Berjemaah: Sunnah Atau Bid'ah karya K.H. Drs. Ahmad Dimyathi Badruzzaman, M.A* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi; dalam edisi *e-book* PDF, ms. 164-165 yang dimuat turun daripada internet. Sila lihat: http://dear.to/abusalma. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* sahaja.

Dalam kesempatan yang lain, beliau berkata: [100]

حمل الشافعي هذا الحديث على أنهم جهروا قتا يسيرا لأجل تعظيم صفة الذكر، لا أنهم داوموا على الجهر به، والمختار أن الإمام والمأموم يخفيان الذكر إلا إن احتيج إلى التعليم.

Maksudnya:

> Imam al-Syafie berpegang pada hadis yang menyatakan bahawa zikir boleh dikuatkan sekali sekala. Tetapi, pendapat yang paling *rajih* (tepat) ialah makmum dan imam memperlahankan suara ketika berzikir dan boleh menguatkannya ketika mengajar makmum.

Ketika mensyarahkan hadis Abu Musa *radhiallahu'anh,* Imam al-Nawawi *rahimahullah* menerusi kitabnya *Syarh Shahih Muslim,* jld. 17, ms. 26 berkata:[101]

ارفقوا بأنفسكم واخفضوا أصواتكم، فان رفع الصوت إنما يفعله الإنسان لبعد من يخاطبه ليسمعه، وأنتم تدعون الله تعالى وليس هو بأصم ولا غائب بل هو سميع قريب ...ففيه الندب إلى خفض الصوت بالذكر إذا لم تدع حاجة إلى رفعه، فإنه إذا خفضه كان أبلغ فى توقيره

---

100 Dinukil daripada *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi, ms. 230.

101 Dinukil dengan beberapa suntingan bahasa penulis daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, ms. 161-162.

وتعظيمه، فإن دعت حاجة إلى الرفع، رفِع كما جاءت به أحاديث.

Kasihanilah dirimu dan rendahkanlah suaramu kerana mengeraskan suara biasanya dilakukan seseorang kerana orang yang ia ajak berbicara berada di tempat yang jauh agar ia mendengar ucapannya. Sedangkan kamu sedang menyeru (kepada) Allah Ta'ala, dan Dia tidaklah tuli dan tidak juga jauh. Akan tetapi Dia Maha Mendengar dan Maha Dekat …

Sehingga dalam hadis ini ada anjuran untuk merendahkan suara zikir selama tidak ada keperluan untuk mengeraskannya kerana dengan merendahkan suara itu lebih menunjukkan akan penghormatan dan pengagungan (kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* –pen). Dan apabila ada kepentingan untuk mengeraskan suara maka boleh untuk dikeraskan sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa hadis.

Seterusnya beliau menulis di dalam kitabnya *at-Tahqiq,* ms. 219 yang bermaksud:[102]

يندب الذكر والدعاء عقب كل صلاة ويسر به، فإن كان إماما يريد تعليمهم جهر، فإذا تعلموا أسر.

Maksudnya:

Disunatkan berzikir dan berdoa setiap kali selesai solat (lima waktu) dan hendaknya ia perlahankan suaranya. Sekiranya dia seorang imam dan hendak mengajarkan mereka (makmumnya

[102] Dinukil dengan beberapa suntingan bahasa oleh penulis daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, ms. 165-166.

> mengenai zikir-zikir selepas solat -pen) maka dia boleh mengeraskan (menyaringkan) suaranya. Kemudian apabila mereka (makmum) telah cukup belajar (maka hendaklah) dia kembali merendahkannya.

Imam al-Baihaqi al-Syafie (458H)

Pendirian Imam al-Baihaqi al-Syafie *rahimahullah* terhadap kewajipan memperlahankan bacaan zikir selepas solat selain untuk tujuan mengajar ini dinyatakan oleh Imam al-Nawawi menerusi kitabnya, *Majmu' Syarh al-Muhadzdzab,* jld. 3, ms. 469. Imam al-Nawawi menyebut:[103]

> Oleh itu, Imam al-Baihaqi dan selainnya berpendapat bahawa hendaklah berzikir dan berdoa secara perlahan berdasarkan hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari.

Imam al-Baihaqi al-Syafie *rahimahullah* menerusi kitabnya *Sunan al-Kubra* menulis:[104]

> Bahawa zikir dan doa sesudah solat harus disirrkan (diperlahankan) kecuali jika imam ingin mengajarkan zikir itu kepada manusia, maka dijaharkan (dikuatkan) supaya dapat dipelajari. Apabila sudah selesai dipelajari dan diketahui, maka zikir dan doa itu haruslah di*sirr*kan (diperlahankan).

Imam al-Hafiz Ibn Katsir al-Syafie (774H)

---

103 Dinukil daripada *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif, ms. 108.

104 Dinukil daripada *Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu Sebagaimana Yang Diajarkan Dan Dilakukan Oleh Rasulullah SAW* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2005), ms. 46.

Beliau ialah seorang ahli tafsir al-Qur'an yang unggul dan merupakan salah seorang ulamak besar bagi mazhab Syafie. Beliau berkata menerusi kitabnya *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim,* jld. 2, ms. 281 ketika menafsirkan firman Allah dalam ayat 205 dari surah al-A'raf:[105]

أي اذكر ربك في نفسك رغبة ورهبة وبالقول لا جهرا، ولهذا قال :ودون الجهر من القول، وهكذا يستحب أن يكون الذكر لا يكون نداء وجهرا بليغا، ولهذا لما سألوا رسلو الله فقالوا: أقريب ربنا فنناجيه أم بعيد فنناديه؟ فأنزل الله عز وجل وإذا سألك عبادي عني فإني قريب أجيب دعوة الداع إذا دعان.

Maksudnya:

Berzikirlah kepada Tuhanmu dalam hatimu dengan rasa harap dan takut dan dengan suaramu (lisanmu) tanpa mengeraskannya. Oleh karena itu Allah berfirman: *'dan dengan tidak mengeraskan suara',* dan demikianlah yang disunnahkan. Hendaknya zikir itu (dengan suara) tidak sampai seperti panggilan dan suara yang terlalu keras. Oleh karena itu tatkala para sahabat bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan mereka berkata:

Apakah Tuhan kita itu dekat, sehingga kita bermunajat (berdo'a dengan berbisik-bisik) kepada-Nya

[105] Dinukil dengan beberapa suntingan bahasa penulis daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, ms. 158-159.

ataukah jauh sehingga kita memanggilnya? Maka Allah turunkan firman-Nya:

وإذا سألك عبادي عني فإني قريب أجيب دعوة الداع إذا دعان.

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka sesungguhnya Aku itu dekat, Aku mengabulkan permohonan orang yang memohon, bila ia memohon kepada-Ku. [Surah al-Baqarah: 186]

Maksud ***merendahkan diri dan rasa takut*** ialah menyebut nama Tuhanmu dengan bersungguh-sungguh dan rasa takut serta tidak meninggikan suara. Sebab itulah Allah kaitkan dengan ***tidak meninggikan suara.*** Begitulah cara berzikir yang sepatutnya (kita lakukan) iaitu tidak meninggikan suara secara berlebih-lebihan.

Al-Hafiz Imam Jalaluddin al-Suyuthi al-Syafie (911H)

Beliau ialah seorang ahli tafsir al-Qur'an bermazhab Syafie. Menerusi kitab tafsirnya yang berjudul *Tafsir al-Jalalain,* jld. 1, ms. 226 beliau berkata setelah menafsirkan surah al-A'raf ayat 205:[106]

Wadzkur Rabbaka fi nafsika (Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dan (dalam) hatimu...) ertinya secara rahsia atau sembunyi. *Tadharru'an* ertinya merendah diri. *Khifatan* ertinya rasa takut. Tingkatan di atas *al-Sirr* ialah perkataan, tapi tidak nyaring dan tidak terdengar (bisikan).

---

[106] Dinukil daripada *Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat* karya Mohd Yaakub bin Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006), ms. 144.

Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie

Menerusi kitabnya, *Zad al-Ma'ad,* jld. 1, ms. 93 beliau berkata:[107]

> Imam berdoa sesudah salam dari solat sambil mengadap kiblat atau mengadap makmum tidak pernah dikerjakan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang bertindak sebagai imam (yang memimpin solat –pen) dan tidak ada pula satu riwayat yang menyuruh kita mengerjakan demikian.

Imam Tajuddin al-Fazari ad-Dimasyqi al-Syafie

Imam Tajuddin al-Fazari al-Dimasyqi al-Syafie *rahimahullah* pernah ditanya tentang sekelompok orang yang membaca al-Qur'an dengan suara yang keras sehingga mengganggu orang lain, apakah hal ini boleh atau tidak? Dia menjawab:[108] Lebih utama jika mereka tidak melakukan hal tersebut dan lebih utama jika hal ini dilarang.

Imam Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari al-Syafie

Menerusi kitabnya yang berjudul *Fath al-Mu'in*, ms. 39 beliau berkata:[109]

> Dan disunatkan memperlahankan (suara) zikir dan doa bagi mereka yang berseorangan dan makmum serta imam sekiranya tidak bertujuan mengajar dan tidak diaminkan doanya

---

[107] Dinukil daripada *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* karya Drs. Abdul Ghani Azmi bin Hj. Idris, ms. 208.

[108] Dinukil daripada *Irsyidat 'An Ba'dah al-Mukhalafat Fi ath-Thaharah, ash-Shalat, al-Masajid* karya Syeikh Abdul Aziz bin Muhammad as-Sadhan; dalam edisi terjemahan oleh Nur Alim, Lc di atas judul *Agar Ibadah Sesuai Sunnah* (Pustaka At-Tazkia, Jakarta, 2006), ms. 269.

[109] Dinukil daripada *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif, ms. 111-112.

bagi yang mendengarnya. Beliau menyambung: "Adapun berlebihan dalam meninggikan suara dalam berdoa dan berzikir di masjid yang menyebabkan gangguan kepada orang yang sedang bersolat maka sepatutnya diharamkan.

Imam Ibn Hajar al-Haithami al-Syafie (973H)

Ibn Hajar al-Haithami *rahimahullah* di dalam kitab fatwanya berkata:[110]

> Berkata al-Zarkasy: Menurut sunnah ialah memperlahankan suara pada semua zikir, kecuali Talbiah. Dan al-Auza'i berkata: (Imam) al-Syafie mengagungkan hadis-hadis yang menyatakan dengan suara keras ialah terhadap orang yang mengajar. Dan disebutkan di *dalam al-'Adab.* Dan disunatkan berzikir dan doa selepas secara perlahan dan dikeraskan suara dengan bacaan zikir dan doa selepas salam imam untuk mengajar orang-orang mukmin dan apabila mereka telah belajar, maka hendaklah diperlahankan.

Imam Yahya bin Abil Khair al-'Imrani al-Syafie

Imam Yahya bin Abil Khair al-'Imrani al-Syafie *rahimahullah* setelah menyebutkan riwayat-riwayat tentang zikir-zikir Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyimpulkan di dalam kitabnya, *al-Bayan,* jld. 2, ms. 250:[111]

---

110 Dinukil daripada *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* karya Drs. Abdul Ghani Azmi Hj. Idris ms. 207.

111 Dinukil dengan beberapa suntingan bahasa penulis daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, ms. 145-146.

فتحمل رواية من روى أنه دعا وجهر، على أنه أراد بذلك ليتعلم الناس، وتحمل رواية من روى أنه مكث قليلا ثم انصرف على أنه دعا سرا بحيث يسمع نفسه.

Maksudnya:

Riwayat perawi yang meriwayatkan bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* berdoa dan mengeraskan suaranya, ditafsiri bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan hal itu agar para sahabatnya belajar dari baginda. Dan riwayat perawi yang menyebutkan bahawa baginda (setelah mengerjakan solat) diam sejenak kemudian berdiri dan pergi ditafsiri bahawa baginda berdoa dengan merendahkan suaranya sehingga baginda hanya memperdengarkan dirinya sendiri.

❋ Beberapa syubhat dan jawapan.

Berikut akan diturunkan beberapa syubhat (kekeliruan) yang lazim dijadikan hujah oleh sesetengah pihak bagi menjustifikasikan amalan berzikir dan berdoa beramai-ramai dengan suara yang keras dan dilakukan secara tetap setiap kali selesainya ibadah solat berjamaah.

SYUBHAT # 1:

Mereka berhujah kepada hadis Ibn Abbas *radhiallahu'anh* berikut:

أن رفع الصوت بالذكر حين ينصرف الناس من المكتوبة كان على عهد النبي، وقال ابن عباس :كنت أعلم إذا انصرفوا بذلك إذا سمعته.

Maksudnya:

Bahawasanya mengangkat suara dengan zikir sewaktu manusia bersurai dari solat fardhu adalah berlaku pada zaman Rasulullah shallallhu 'alaihi wasallam dan berkata Ibn Abbas: Aku mengetahui yang demikian apabila mereka pulang dan saya mendengarnya. [112]

Penjelasan:

Hadis ini ditujukan kepada keperluan mengajar zikir, yakni Nabi dan para sahabat pernah mengeraskan suara membaca zikir buat sementara waktu sahaja, bukan terus-menerus secara tetap. Mereka lakukan demikian itu untuk maksud mengajar zikir kepada para hadirin. Demikian ditegaskan oleh Imam al-Syafie seperti yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi di dalam kitab *al-Majmu',* jld. 3, ms. 478.[113]

Justeru, di manakah hadis atau riwayat yang sahih yang menerangkan bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat melakukan amalan berzikir dan berdoa secara berjamaah dengan suara yang lantang terus menerus setiap kali selesainya mengerjakan ibadah solat fardhu?

SYUBHAT # 2:

Para penggemar amalan berzikir dan berdoa berjamaah berhujah kepada hadis yang menerangkan kelebihan orang yang berzikir dalam kalangan orang ramai. Hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

---

112 Hadis riwayat al-Bukhari, jld. 1, ms. 288 (no. 805) dan Muslim, jld. 1, ms. 410 (no. 583).

113 Rujuk *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* karya Drs. Abdul Ghani Azmi Hj. Idris ms. 208.

عن أبي هريرة قال قال النبي: يقول الله تعالى: أنا عند ظن عبدي بي وأنا معه إذا ذكرني، فإن ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي وإن ذكرني في ملأ ذكرته في ملأ خير منهم.

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah radhiallahu 'anh, dia berkata: Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Allah Ta'ala berfirman: Aku sesuai dengan persangkaan hamba-Ku kepada-Ku dan Aku sentiasa bersamanya bila dia mengingati-Ku. Apabila dia mengingati-Ku di dalam dirinya, nescaya Aku akan mengingatnya dalam Diri-Ku dan apabila dia mengingati-Ku di perkumpulan orang maka Aku akan mengingatnya di perkumpulan yang lebih baik dari mereka. [114]

Penjelasan:

Menjadikan hadis di atas sebagai dalil bagi mensabitkan amalan berzikir dan berdoa secara beramai-ramai setiap kali selesai mengerjakan solat fardhu juga adalah tidak tepat. Ini kerana, jika dilihat kepada matan (teks) hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan oleh hadis ini adalah mengenai keutamaan yang diberikan oleh Allah kepada setiap para hamba-Nya yang sentiasa berzikir kepada-Nya (mengingati Allah) dalam pelbagai situasi, baik di saat ia bersendirian mahupun ketika ia sedang berada di perkumpulan orang ramai.

Dalam perkataan lain, hadis di atas bukanlah bermaksud zikir (amalan mengingati Allah) itu dilakukan secara serentak

---

114 Hadis riwayat al-Bukhari (no. 2700) dan Muslim (no. 6970).

beramai-ramai akan tetapi adalah merujuk kepada perbuatan seseorang yang sedang mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* secara persendirian meskipun pada ketika itu dia ialah sedang berada di tengah-tengah khalayak ramai.

Ini sebagaimana firman-Nya: ***... apabila dia mengingati-Ku di perkumpulan orang maka Aku akan mengingatinya...*** Jika diandaikan maksud hadis tersebut sebagai merujuk kepada perbuatan berzikir secara beramai-ramai, maka sudah pasti sahaja Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan menyebut: ***... apabila mereka mengingati-Ku secara beramai-ramai maka Aku akan mengingati mereka..***

SYUBHAT # 3:

Para penggemar zikir berjamaah berhujah dengan hadis-hadis yang menerangkan tentang keutamaan berada di dalam "majlis zikir" dan "kelompok zikir". Antara hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:[115]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

ما جلس قوم مجلسا يذ كرون الله فيه إلا حفتهم الملائكة، غشيتهم الرحمة، وذكرهم الله فيمن عنده.

Maksudnya:

Tidaklah duduk suatu kaum dalam suatu majlis (di mana) mereka berzikir kepada Allah di sana kecuali para Malaikat menyelimuti mereka (menggerumuni) mereka,

[115] Menyenaraikan kesemua hadis berkaitan "majlis zikir" dan "kelompok zikir" pastinya akan mengambil ruang yang amat banyak. Atas faktor ini penulis merasakan adalah memadai disenaraikan dua buah sahaja hadis yang dimaksudkan.

mereka diliputi rahmat dan Allah menyebut mereka dalam kelompok orang yang berada di sisi-Nya. [116]

Sabdanya lagi:

يقول الله عزوجل يوم القيامة سيعلم اهل الجمع من اهل الكرم فقيل ومن اهل الكرم يا رسول الله، قال اهل مجالس الذكر.

Maksudnya:

Allah 'Azza wa Jalla akan berfirman pada hari Kiamat: Semua golongan akan tahu siapakah yang paling mulia. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ditanya: Siapakah golongan yang paling mulia itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Golongan majlis-majlis zikir. [117]

Penjelasan:

Sebelum penulis menjawab syubhat di atas, marilah kita tinjau terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan "majlis zikir" atau "kelompok zikir" menurut tafsiran generasi *al-Salaf al-Shalih* dan para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berikut di bawah ini:[118]

أبو هزان قال : سمعت عطاء بن أبي رباح يقول :

من جلس مجلس ذكر كفر الله عنه بذلك المجلس عشرة مجالس من مجالس الباطل، وإن كان في سبيل الله كفر الله

---

116 Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim,* jld. 4, ms. 2074.

117 Hadis riwayat Ahmad dan Ibn Hibban bersumberkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu 'anh.*

118 Dinukil secara terpisah dengan beberapa suntingan bahasa oleh penulis daripada *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, ms. 129-130.

بذلك المجلس سبعمائة مجلس من مجالس الباطل .قال أبو هزان :قلت لعطاء :ما مجلس الذكر؟ قال :مجلس الحلال والحرام، وكيف تصلي وكيف تصوم، وكيف تنكح و كيف تطلق، وتبيع وتشتري.

Maksudnya:

Abu Hazzan: Aku pernah mendengar Atha' bin Abi Rabah (salah seorang *tabi'in*) berkata: Barangsiapa yang duduk di majlis zikir, maka Allah akan mengampuni dengannya sepuluh majlis kebatilan. Dan apabila majlis zikir itu ia lakukan di saat berjihad di jalan Allah, nescaya Allah akan mengampuni denganya tujuh ratus (700) majlis kebatilan.'

Abu Hazzan berkata: Aku bertanya kepada Atha': Apakah yang dimaksudkan dengan majlis zikir? Ia menjawab: Iaitu majlis (yang membahas) halal dan haram, bagaimana engkau menunaikan solat, bagaimana engkau berpuasa, bagaimana engkau menikah, bagaimana engkau menceraikan, bagaimana engkau menjual dan bagaimana engkau membeli.[119]

Imam al-Nawawi al-Syafie *rahimahullah* berkata di dalam kitabnya, *al-Azkar,* ms. 9:

إعلم أن فضيلة الذكر غير منحصرة في التسبيح والتهليل والتحميد والتكبير ونحوها، بل كل عامل لله تعالى فهو ذاكر لله تعالى، كذا قاله سعيد بن جبير رضي الله عنه وعن غيره من العلماء، وقال عطاء رحمه الله :مجالس

119 *Athar* riwayat Abu Nu'aim dalam kitab *Hilyah al-Auliya'*, jld. 3, ms. 313.

الذكر هي مالس الحلال والحرام وكيف تشتري وتبيع وتصلي وتصوم وتنكح وتطلق وتحج وأشباه هذا.

Maksudnya:

Ketahuilah bahwa keutamaan/pahala berzikir tidak hanya terbatas pada bertasbih, bertahlil, bertahmid, bertakbir dan yang serupa. Akan tetapi setiap orang yang mengamalkan ketaatan kepada Allah *Ta'ala* bererti dia telah berzikir kepada Allah *Ta'ala*, demikianlah dikatakan oleh Sa'id bin Jubair dan ulamak yang lainnya. Atha' (bin Abi Rabah) berkata: 'Majlis-majlis zikir ialah majlis-majlis yang membicarakan halal dan haram, bagaimana engkau membeli dan menjual, mendirikan solat, berpuasa, menikah, menceraikan, berhaji dan yang serupa dengan ini.

Demikianlah tafsiran yang tepat daripada generasi *al-Salaf al-Shalih* dan tokoh ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadap maksud sebenar bagi hadis-hadis "majlis zikir" dan "kelompok zikir". Dengan penjelasan ini maka terbatallah pandangan sesetengah pihak yang sering berpaut kepada hadis-hadis "majlis zikir" dan "kelompok zikir" bagi menjustifikasikan amalan berzikir dan berdoa secara serentak beramai-ramai setiap kali selesainya mengerjakan ibadah solat fardhu berjamaah.

Dalam hal ini, Syeikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* menerusi kitabnya *Syarh Riyadhus Shalihin,* jld. 4, ms. 35 menjelaskan: [120]

---

120 Dinukil daripada buku *Amalan Berzikir Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif, ms. 80.

> Setiap hadis yang disyarahkan menggunakan lafaz "majlis zikir" bukan bermaksud melakukannya secara berjamaah (beramai-ramai dengan serentak). Tetapi disunatkan berkumpul untuk berzikir, membaca al-Qur'an, bertasbih, bertahmid dan bertahlil. Yang tepat, masing-masing melakukannya secara sendiri sama ada berdoa atau berzikir.

Tambahan beliau lagi dalam kitab yang sama, ms. 36:

> Bukan bermaksud berkumpul iaitu berzikir kepada Allah melaungkannya serentak berjamaah. Walaupun lafaz hadis yang digunakan secara kata ganti nama jamak (ramai), tetapi tidak diriwayatkan daripada *al-Salaf al-Shalih* bahawa mereka melakukan zikir secara berjamaah seperti yang dilakukan oleh sebahagian kumpulan tarekat kesufian dan lain-lainnya.

<u>SYUBHAT # 4</u>:

Para penggemar amalan berzikir dan berdoa berjamaah berhujah kepada beberapa ayat al-Qur'an yang menggunakan *dhamir jama'* atau kata ganti nama secara jamak (*plural*) seperti "kamu/*kum*", "mereka/*hum*" dan seumpama. Salah satu ayat al-Qur'an yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلۡقِ

ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَـٰذَا بَـٰطِلاً سُبۡحَـٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Maksudnya:

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa <u>mereka</u> berdiri dan duduk dan semasa <u>mereka</u> berbaring, mengiring dan <u>mereka</u> pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil

berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. [Surah Ali-Imran: 191]

Penjelasan:

Bagi menjawab syubhat ini, marilah kita semak semula ayat 191 surah Ali-Imran di atas. Perhatikan, dalam ayat yang sama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyebut: ... ***orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring ....*** Di sini timbul persoalan, bukankah di dalam ayat ini Allah menyebut bahawa "orang-orang yang berzikir" itu berada dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring? Apakah ayat ini juga bermaksud kita diperintahkan untuk berzikir dan berdoa secara serentak beramai-ramai sambil berada dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring?

Anehnya mengapakah sehingga saat ini tidak pernah pula penulis temui *hatta* seorang jua daripada para penggemar dan pembela amalan berzikir dan berdoa berjamaah secara terus-menerus ini yang melakukan zikir dan doa serentak sambil berbaringan, walhal kaedah berzikir dengan cara yang sedemikian juga terkandung di dalam ayat yang sama.

Sebagai tambahan, perhatikan pula surah al-Maidah ayat 6 di bawah ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ
وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ وَإِن كُنتُمۡ

جُنُبًا فَٱطَّهَّرُوا۟ ۚ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ

أَوْ لَـٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُوا۟

بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُم مِّنْهُ .

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali. Dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih iaitu sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu ....

Sebagaimana ayat 191 dari surah Ali-Imran sebelum ini, di dalam ayat ini juga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menggunakan *dhamir jama'* iaitu "***kamu***" yang merujuk kepada umat Islam sebagai perintah untuk mereka menyempurnakan amalan berwuduk, mandi wajib dan bertayamum. Persoalannya di sini adalah, apakah di dalam ayat ini juga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan umat Islam untuk mengerjakan

wuduk, mandi wajib (hadas besar) dan bertayamum itu secara serentak beramai-ramai? Jawapannya sudah tentu tidak.

SYUBHAT # 5:

Mereka juga berhujah kepada hadis berikut:

لا يؤم عبد قوما فيخص نفسه بدعوة دونهم، فإن فعل، فقد خانهم.

Maksudnya:

Tidak sepatutnya seseorang yang menjadi imam mengkhususkan doa untuk dirinya, sekiranya dia melakukannya, dia telah mengkhianati mereka.

Penjelasan:

Hadis ini diriwayatakan oleh Abu Daud, al-Tirmidzi dan lain-lain dan ia adalah hadis yang *dha'if* (lemah). Selain hadis di atas, terdapat sebuah hadis lain yang sering dijadikan sandaran oleh sesetengah pihak bagi menjustifikasikan amalan berzikir dan berdoa berjamaah di bawah pimpinan imam. Hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

***Dari Abu Hurairah radhiallahu'anh* dari Nabi, baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:**

لايحل لرجل يؤمن بالله واليوم الآخر أن يؤم قوما إلا بإذنهم ولا يخص نفسه بدعوة دونهم فإن فعل فقد خانهم.

Maksudnya:

Tidak halal bagi seseorang yang beriman kepada Allah dan hari akhir (Hari Kiamat) mengimami suatu kaum kecuali atas izin mereka dan dia tidak berdoa

khusus untuk dirinya tanpa menyertakan mereka. Jika ia melakukannya maka ia telah mengkhianati mereka.

Hadis di atas diriwayatkan oleh Abu Daud dan hadis ini juga bukanlah hadis yang sahih. Oleh itu ia tidak dapat dijadikan sebagai dalil bagi mensabitkan amalan berdoa secara berjamaah. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* ketika mengomentari hadis di atas berkata:[121]

> Sanadnya *dhaif mudhtharib* (goncang)..... kemudian di dalam sanadnya ada seorang perawi yang tergolong *majhul* (tidak dikenali). Itu semua sudah saya jelaskan dalam *Dha'if Sunan Abu Daud* (no. 12 dan 13).... Bahagian kedua dari (isi) hadis ini dinilai *maudhu'* (palsu) oleh Ibn Khuzaimah dan disetujui oleh Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim kerana pada umumnya hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* mengenai solat – dan baginda sebagai imam – (diucapkan) dalam bentuk tunggal (*sighah mufrad*). Sebahagian daripada hadis-hadis ini sudah disebutkan dalam kitab ini (*Fiqhus Sunnah* 1/321). Lalu bagaimana hal ini (mengkhususkan dirinya dalam berdoa tanpa menyertakan mereka) sebagai pengkhianatan seorang imam kepada para makmumnya?.

Demikian lima syubhat yang lazim dijadikan hujah oleh para penggemar amalan berzikir secara berjamaah yang sempat penulis kemukakan di sini. Untuk perbahasan yang lebih mendalam, penulis menyarankan kepada para pembaca yang

---

[121] Lihat *Tamamul Minnah Fit Ta'liq 'Ala Fiqhus Sunnah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Afifuddin Said di atas judul *Terjemah Tamamul Minah* (Pustaka Sumayyah, Pekalongan, 2007), ms. 304.

budiman sekalian agar dapat meneliti sendiri buku-buku di bawah:

1) *Koreksi Dzikir Jama'ah M. Arifin Ilham* karya Abu Amsaka (Darul Falah, Jakarta).
2) *Dzikir Ala Tasawuf: Mengungkap Fenomena Tasawuf Dan Dzikir Ala Tasawuf Masa Kini* karya Muhammad Arifin Badri (Pustaka Darul Ilmi, Bogor).
3) *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor).
4) *36 Kritikan Ke Atas Buku Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

❋ **Kesimpulan.**

Berdasarkan kepada keterangan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim, al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam, atsar* para sahabat dan keterangan para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (khususnya yang bermazhab Syafie) di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa kaedah yang benar dalam berzikir selepas mengerjakan ibadah solat fardhu adalah:

1. Hendaklah zikir atau/dan doa itu dibaca dengan suara yang sederhana iaitu pertengahan di antara terlalu kuat sehingga menimbulkan suasana bising dan gangguan kepada orang lain dengan suara yang terlalu rendah/perlahan sehingga tidak dapat didengari oleh diri sendiri.
2. Terkecuali daripada larangan mengeraskan bacaan zikir secara berjamaah adalah apabila wujudnya keperluan untuk mengajar para makmum mengenai sifat zikir-zikir

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Walau bagaimanapun, kebolehan ini tidaklah harus dilakukan secara rutin (terus-menerus), melainkan hanyalah secara sekali-sekala iaitu ketika hendak mengajar para makmum. Dalam hal ini, para tokoh semasa bermazhab Syafie iaitu Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji menjelaskan di dalam kitab mereka, *al-Fiqh al-Manhaji,* jld. 1, ms. 158 bahawa:[122]

> Sebenarnya tidak mengapa imam meninggikan suara ketika berzikir bertujuan mengajar. Tetapi, jika orang ramai telah mempelajarinya, dia hendaklah kembali merendahkan suara. [123]

Adapun kebiasaan orang ramai ketika ini – termasuk mereka yang mengaku sebagai bermazhab Syafie – iaitu melakukan amalan berzikir dan berdoa secara beramai-ramai dengan suara yang lantang di bawah pimpinan seorang imam secara terus-menerus setiap kali selepas

---

[122] Dinukil daripada *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia*, karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif, ms. 115.

[123] Termasuk dalam perkara yang dikecualikan daripada larangan mengeraskan bacaan zikir selain daripada tujuan mengajar zikir-zikir selepas solat adalah: [1] Ketika azan dan iqamah [2] ketika bertakbir pada dua hari raya [3] ketika bertalbiah ketika haji dan umrah [4] ketika membaca doa setelah solat witir iaitu ucapan *Subhaanal Malikil Quddus.* Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menguatkan dan memanjangkan suara pada kali yang ketiga [5] ketika mengucapkan *hamdalah* semasa bersin dan menjawabnya *Yarhamukallah* [6] Ketika mendoakan keberkatan bagi kedua mempelai yang telah bernikah iaitu doa *Barakallaah laka wa baara 'alaika wa jama'a bainakumaa fii khair* serta [7] ketika mengucapkan dan menjawab salam. Inilah di antara beberapa tempat yang disyariatkan untuk menguatkan suara dalam berzikir. [Lihat penjelasan ini dalam *Sifat Zikir Rasulullah s.a.w* karya Abu 'Abdillah bin Luqman Al-Atsari (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2010), ms. 23-24]

mengerjakan ibadah solat fardhu bukan sahaja bercanggah dengan perintah Allah dan Rasul-Nya, malah juga ianya menyanggahi ajaran Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie lainnya.

3. Jika hendak memilih untuk mengeraskan bacaan zikir bagi tujuan memberi pelajaran kepada makmum, maka hendaklah setiap lafaz dan bilangan zikir itu adalah sesuai dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Ini berbeza dengan para imam di kebanyakan masjid hari ini di mana kebanyakan lafaz dan bilangan zikir yang mereka lantunkan itu adalah tidak berasal daripada tunjuk ajar baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

MENELITI PANDANGAN IMAM AL-SYAFIE & WAHHABI DALAM PERSOALAN MENGHADIAHKAN PAHALA BACAAN AL-QUR'AN KEPADA ORANG MATI

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Salah satu amalan yang masyhur dalam kalangan umat Islam – khususnya di nusantara – ketika berlakunya kematian ke atas seseorang adalah membaca al-Qur'an lalu pahala daripada bacaan itu dihadiahkan kepada orang yang telah meninggal dunia. Antara surah atau ayat yang lazim dibaca untuk dihadiahkan pahalanya kepada si mati ialah surah Yasin dan al-Fatihah. Selain itu tidak kurang juga ada dalam kalangan sebahagian umat Islam yang membaca al-Qur'an sehingga habis 30 juzuk, baik ia dilakukan secara perseorangan mahupun secara beramai-ramai (berjamaah).

Syeikh 'Abd Allah 'Abd al-Aziz bin Bazz *rahimahullah* menerusi *Majmu' al-Fatawa wa Muqallat,* jld. 4, ms. 348 berkata ketika ditanya mengenai amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada mereka yang telah mati, apakah ianya sampai atau sebaliknya:[124]

---

[124] Dinukil daripada *Jenazah: Menghurai Kemusykilan Berkaitan Pengurusan Jenazah* selenggaraan oleh Mohd. Yusof Arbain dan Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2008), ms. 170. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Jenazah: Menghurai Kemusykilan Berkaitan Pengurusan Jenazah* sahaja.

> Terdapat dua pendapat di kalangan para ulamak tentang (menghadiahkan) pahala membaca al-Qur'an sama ada ia sampai atau tidak kepada si mati. Pendapat yang paling *rajih* (tepat) ialah tidak sampai kerana tiada dalil yang mengatakan sebaliknya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah melakukan demikian terhadap mayat orang-orang Islam seperti anak-anak perempuannya yang telah meninggal dunia semasa baginda hidup. Begitu juga para sahabat *radhiallahu'anhum*, mereka tidak pernah berbuat demikian sebagaimana yang kita tahu. Lebih baik orang-orang mukmin meninggalkan semua perbuatan seperti membacakan al-Qur'an untuk mereka yang telah mati dan yang masih hidup.

Apabila diajukan pertanyaan kepada mereka (iaitu para penggemar amalan mengirim pahala bacaan al-Qur'an kepada orang mati) tentang dalil yang dipegangi oleh mereka di sebalik amalan tersebut, lazimnya mereka akan berpaut kepada hujah bahawa kononnya amalan membaca al-Qur'an untuk dihadiahkan pahalanya kepada orang yang telah mati adalah suatu yang masyhur di Malaysia.[125]

Dengan kemasyhurannya inilah mereka berpandangan bahawa amalan tersebut adalah berasal daripada ajaran Imam al-Syafie dan mazhab Syafie yang kebetulan merupakan mazhab rasmi bagi negara ini.

---

[125] Demikianlah sikap sebahagian besar umat Islam di mana mereka sering sahaja menjadikan faktor kemasyhuran sesuatu pegangan atau amalan sebagai bukti ianya adalah suatu yang benar di sisi agama. Walau bagaimanapun, *Alhamdulillah*, penulis telah berjaya menghasilkan sebuah risalah bagi meluruskan semula salah faham ini. Risalah tersebut adalah berjudul *Kebenaran Tidak Terletak Pada Pegangan Majoriti* yang penulis muatkan dalam salah sebuah buku penulis iaitu yang berjudul *Cukupkah Sekadar Niat?* terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2010.

Lebih-lebih lagi – menurut mereka – kebanyakan para pengamalnya adalah terdiri daripada para imam masjid, para *hafiz* al-Qur'an (golongan yang menghafal al-Qur'an) dan orang-orang awam yang sememangnya mengaku sebagai bermazhab Syafie. Oleh itu – menurut mereka – sesiapa sahaja yang menegah amalan ini bukanlah bermazhab Syafie, malah lebih tepat mereka berkemungkinan besar adalah kaum Wahhabi.

Bagi melihat sejauh manakah kebenaran alasan mereka ini, marilah sama-sama kita meneliti pandangan Imam al-Syafie dan para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di bawah ini.

❋ **Pandangan Imam al-Syafie dan para ulamak muktabar bermazhab Syafie terhadap amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang mati.**

Berikut dikemukakan pandangan Imam al-Syafie dan para ulamak *Syafi'iyyah* terhadap amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia.

Imam al-Hafiz Ibn Katsir al-Syafie (774H)

Salah seorang tokoh ahli tafsir terkemuka *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* yang juga merupakan ulamak bermazhab Syafie, Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* ketika mentafsirkan firman Allah dalam ayat surah al-Najm, ayat 38-39:

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ﴿٣٨﴾ وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya:

Sesungguhnya seseorang tidak akan memikul dosa dan perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)

dan sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.

Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* berkata menerusi kitab tafsirnya, *Tafsir Ibn Katsir,* jld. 4, ms. 335:[126]

ومن هذه الآية استنبط الشافعي رحمه الله ومن اتبعه أن القراءة لا يصل اهداء ثوابها الموتى لأنه ليس من عملهم ولا كسبهم و لهذالم ينذب إليه رسول الله صلى الله عليه وسلم امتة و لا حثهم عليه ولاأرشدهم إليه بنص.

Maksudnya:

Melalui ayat yang mulia ini, Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para pengikutnya mengambil hukum bahawa pahala bacaan (al-Qur'an) yang dihadiahkan kepada orang mati tidak sampai kepadanya kerana bukan dari amal mereka dan bukan usaha mereka. Oleh kerana itu, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah mensunnahkan (menganjurkan) umatnya dan menganjurkan mereka melakukan perkara tersebut, serta tidak pula menunjuk kepadanya (menghadiahkan bacaan kepada orang mati) walaupun dengan satu nas (dalil).

Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi al-Syafie (676H)

Antara ulamak bermazhab Syafie yang turut menguatkan tafsiran al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* di atas ialah Imam al-

---

[126] Dinukil daripada *Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah* karya Abu Umar Basyir (Rumah Dzikir, Solo), ms. 71-72. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah* sahaja.

Nawawi *rahimahullah*. Menerusi kitabnya *Syarh Shahih Muslim,* jld. 2, ms. 90 beliau menegaskan bahawa:[127]

> Pendapat paling masyhur dalam mazhab Syafie mengenai hukum bacaan al-Qur'an (yang pahalanya dikirimkan kepada si mati), tidak sampai pahala yang dikirimkan kepada si mati. Sedangkan dalil yang digunakan oleh Imam al-Syafie dan pengikut-pengikutnya berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* (maksudnya): *Sesungguhnya seseorang tidak akan memikul dosa dan perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja) dan sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.....*

Selanjutnya, Imam al-Nawawi *rahimahullah* sekali lagi menegaskan bahawa:[128]

واما قراءة القرآن وجعل ثوبها للميت والصلاةعنه ونحوهافذهب الشافعي والجمهورانهالاتلحق الميت، وكررذلك فى عدة مواضع في شرحمسلم.

Maksudnya:

> Adapun pembacaan al-Qur'an dan menghadiahkan pahalanya kepada orang mati, membayar solatnya dan sebagainya, maka menurut Imam al-Syafie dan *jumhur*

---

127 Dinukil daripada *Menyambut Ramadan Dan Aidilfitri Menurut Sunnah Rasulullah S.A.W* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007), ms. 88-89.

128 Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001), ms. 33. Rujukan ini selanjutnya akan diringkas kepada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* sahaja.

(kebanyakan) ulamak Syafie adalah tidak sampai kepada si mati. Penjelasan seperti ini telah diulang-ulang (oleh Imam Muslim) dalam kitab *Syarh Muslim*.

Syeikh al-Haithami al-Syafie (973H)

Syaikh al-Haithami *rahimahullah* dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyah* berkata:[129]

الميت لايقرا على ما اطلقه المتقدمون من ان القراءة لا تصله اي الميت لان ثوابها للقارئ والثواب على عمل لاينقل عن عامل ذلك العمل، قال تعال: وان ليس للانسان الا ماسعى.

Mayat tidak boleh dibacakan al-Qur'an sebagaimana keterangan yang ditetapkan oleh orang-orang terdahulu bahawa bacaan al-Qur'an pahalanya tidak sampai kepada si mati lantaran pahala bacaan hanya untuk si pembaca. Pahala amalan pula tidak boleh dipindah-pindahkan dari pembuat berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*: *Dan manusia tidak memperolehi pahala kecuali dari amalan yang dikerjakannya sendiri*.

Al-Hafiz Imam Jalalain al-Syafie

Sebagaimana tafsiran ulamak bermazhab Syafie yang lain, al-Hafiz Imam Jalalain al-Syafie *rahimahullah* juga bersepakat dalam mentafsirkan surah al-Najm ayat 38-39 sebagai berikut:[130]

---

[129] Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 34-35.

[130] Dinukil daripada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan

فليس له من سعي غيره الخير شيئ

Maksudnya:

> Maka seseorang tidak akan mendapat apa-apa pun dari usaha orang lain.

Imam Fakhr ar-Razi

Imam Fakhr ar-Razi *rahimahullah* telah memberi komentar tentang kepercayaan bolehnya menghadiahkan pahala amalan kepada orang yang telah mati:[131]

أن حسنة الغير لا تجزى نفعا ومن لم يعمل صالحا لاينال خيرا فيكمل بها ويظهر أن المسيء لا يجد بسبب حسنة الغير ثواباولايتحمل احدعقابا.

Maksudnya:

> Sesungguhnya kebaikan orang lain tidak boleh memberi manfaat kepada orang lain kerana sesiapa yang tidak beramal soleh ia tidak akan mendapat kebaikannya. Maka cukuplah dengan ayat ini sudah sempurna (memadai) dan jelas bahawa orang yang berdosa tidak boleh mendapat ganjaran dengan kebaikan orang lain dan tidak ada orang lain yang boleh menanggung segala dosanya (kesalahannya)...

Demikian keterangan para ulamak muktabar berhubung dengan amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada

---

Jahabersa, Johor Bahru), ms. 57. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* sahaja.

[131] Dinukil daripada *Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah* karya Abu Umar Basyir, ms. 72.

orang yang telah meninggal dunia. Ringkasnya pahala daripada bacaan al-Qur'an orang hidup yang diyakini oleh sebahagian orang bahawa ianya akan sampai kepada orang yang telah mati adalah keyakinan yang bercanggah dengan beberapa ayat al-Qur'an al-Karim, al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* serta tafsiran para ulamak muktabar termasuklah para ulamak bermazhab Syafie sendiri.

Hal ini diperkuatkan lagi dengan *atsar* riwayat al-Bukhari dan Muslim yang bersumberkan daripada Ibn 'Abbas *radhiallahu'anh* sebagaimana berikut:

قال ابن عباس رضي الله عنهما: قالت عائشة (لما سمعت ذلك) حسبكم القرآن، ولا تزرواوازرة وزرأخرى.

Maksudnya:

Berkata Ibn 'Abbas: Telah berkata 'Aisyah radhiallahu 'anha ketika mendengar hal tersebut: Cukuplah bagi kamu ayat al-Qur'an bahawa kamu tidak (dipertanggungjawabkan) untuk memikul dosa orang lain.

❋ **Sebab-sebab penolakan Imam al-Syafie dan Wahhabi terhadap amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia.**

Sebagaimana halnya dengan kedudukan amalan berzikir berjamaah yang dilakukan secara terus-menerus sebelum ini, demikianlah juga dengan kedudukan amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang mati di mana Imam al-

Syafie bersama Wahhabi telah bersepakat dalam hukum pengharamannya kerana:

PERTAMA:

Membolehkan amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur’an kepada orang yang telah mati akan mendorong umat Islam untuk malas melaksanakan ibadah atau kebajikan-kebajikan lainya. Logiknya, jika amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur’an kepada orang yang telah mati itu disyariatkan oleh agama, maka apakah perlunya lagi umat Islam bertungkus lumus melakukan sekian-sekian ibadah sedangkan peluang untuk meraih pahala daripada amalan orang lain sentiasa terbuka?

Selain itu, jika perkara ini benar-benar disyariatkan maka pasti ianya akan memberikan peluang yang amat besar kepada golongan berada untuk memasuki syurga meskipun mereka tidak perlu lagi melakukan apa-apa ibadah atau kebajikan-kebajikan tertentu. Ini kerana, dengan duit yang melimpah-ruah akan memudahkan mereka untuk “menempah” tempat di syurga melalui sedekah bacaaan al-Qur’an daripada para qari atau para tekong yasinan yang diupah melalui harta mereka setelah kematian mereka kelak.

Jika demikian ajaran Islam, maka di manakah letaknya keadilan agama Islam dalam menentukan nasib orang miskin yang tidak berpeluang untuk memasuki syurga lantaran ketidakmampuan untuk mengupah orang lain menghadiahkan pahala bacaan al-Qur’an selepas kematian mereka?

KEDUA:

Perbuatan ini akan menyebabkan kezaliman dan kemaksiatan akan kian berleluasa. Ini kerana dengan

sampainya sedekah pahala bacaan al-Qur'an daripada orang lain kepada mereka yang telah mati, golongan yang sememangnya malas beribadah dan gemar melakukan dosa akan semakin tenggelam dengan kemaksiatan dan kezaliman mereka. Mereka tidak perlu lagi bimbang akan azab yang bakal ditimpakan ke atas mereka kerana meyakini akan ada pihak lain yang dapat menampung dosa-dosa mereka selepas kematian melalui majlis tahlilan dan yasinan.

KETIGA:

Amalan ini adalah bercanggah dengan syariat agama. Pada kebiasaannya dalam upacara membaca al-Qur'an (seperti yasinan umpamanya) ia akan dilakukan secara beramai-ramai (berjamaah). Ini jelas bercanggah dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang memerintahkan umat Islam agar senyap dan tenang agar mereka dapat mendengar dan menghayati ayat-ayat suci al-Qur'an yang sedang dibacakan. Perintah untuk diam dan tenang mendengar ayat-ayat suci al-Qur'an yang sedang dibacakan ini tidak mungkin dapat dilakukan apabila masing-masing pihak sibuk berlumba-lumba menghabiskan ayat-ayat al-Qur'an yang sedang dibaca secara bersama-sama.

Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Maksudnya:

Dan apabila dibacakan al-Qur'an maka dengarkanlah baik-baik dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat. [Surah al-A'raf: 204]

KEEMPAT:

Amalan membaca al-Qur'an untuk tujuan menghadiahkan pahala bacaannya kepada orang yang telah meninggal dunia adalah perkara bid'ah. Sama-sama kita maklumi bahawa ketika baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* masih hidup, baginda juga pernah kehilangan beberapa orang ahli keluarga dan para sahabat handai yang dikasihinya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kehilangan bapa saudaranya, Saidina Hamzah yang telah terbunuh dalam salah satu siri peperangan menentang kaum kufar. Baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah kematian isteri tercinta, Siti Khadijah *radhiallahu 'anha* dan tiga orang anaknya yang dikasihi. Demikian juga baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah kehilangan ramai sahabat tercinta yang gugur di dalam banyak siri peperangan (jihad).

Walaupun baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* terkenal sebagai seorang yang amat pengasih kepada kaum kerabat dan para sahabatnya yang telah meninggal dunia, namun ini tidak mendorong baginda untuk melakukan ibadah-ibadah ritual tertentu bagi tujuan menghadiahkan pahalanya kepada mereka yang telah meninggal dunia.

Persoalannya, apakah ini menunjukkan bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* itu tidak kasih dan sayang kepada ahli keluarga dan para sahabatnya yang telah meninggal dunia? Ataukah baginda sememangnya masih jahil terhadap "kebaikan" yang terkandung di sebalik amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada mereka yang telah meninggal dunia?[132]

---

[132] **Catatan penting:** Sekalipun hendak dikuatkan pandangan yang mengatakan bahawa hadiah pahala bacaan al-Qur'an itu sampai kepada orang yang telah meninggal dunia, namun mengapakah perlu diwujudkan amalan yang khas yang terikat pada hari dan *kafiyyat* tertentu seperti mengkhususkan bacaan surah yasin (atau keseluruhan al-Qur'an) pada hari pertama, ketiga, keempat puluh satu dan sebagainya? Mengkhususkan

❋ **Beberapa syubhat dan jawapan.**

Bagi mengakhiri perbincangan ini, di sini penulis ingin mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa syubhat yang paling lazim dikemukakan oleh *Ahl al-Bid'ah* bagi mensabitkan amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia. Antara syubhat tersebut adalah:

SYUBHAT # 1:

Amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia ini bukan sahaja masyhur di Malaysia, malah juga di beberapa negara Islam yang lain yang berpegang kepada mazhab Syafie. Justeru, adalah suatu yang mustahil jika dikatakan bahawa amalan ini sebagai bercanggah dengan pegangan Imam al-Syafie atau para ulamak bermazhab Syafie serta dianggap sebagai suatu yang bid'ah di sisi agama.

Penjelasan:

Syubhat di atas dapat ditolak dengan hujah bahawa kemasyhuran sesuatu amalan tidak seharusnya dijadikan garis penentu bagi menunjukkan ia adalah suatu yang benar di sisi agama. Jika manhaj penilaian ini diaplikasikan dalam beragama, maka akan rosaklah agama ini kerana pada hakikatnya berapa banyak perkara mungkar di dunia ini yang masyhur di sisi manusia akan tetapi ianya dipandang sebagai keji atau sesat di sisi agama. Perhatikanlah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di bawah ini:

---

sesuatu amalan pada hari tertentu dan dengan *kaifiyyat* tertentu tanpa adanya dalil yang mensyariatkannya adalah suatu yang bid'ah dalam agama sepertimana yang berlaku dalam upacara tahlilan atau yasinan.

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

Dan jika kamu menuruti <u>kebanyakan orang</u> di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka; dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah)... [Surah al-An'am : 116]

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya:

Dan <u>kebanyakan mereka</u> tidak menuruti melainkan sangkaan sahaja; (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak (dalam) menentukan dari kebenaran. [Surah al-Furqan: 44]

قُل لَّا يَسْتَوِى ٱلْخَبِيثُ وَٱلطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ ٱلْخَبِيثِ ۚ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sama yang buruk dengan yang baik, <u>meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu</u>, maka bertakwalah kepada Allah

wahai orang-orang berakal, agar kamu mendapat keberuntungan. [Surah al-Maidah: 100]

Oleh kerana yang empunya agama ini ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, maka hendaklah setiap yang bersangkut paut dengannya ditimbang di atas neraca al-Qur'an dan al-Sunnah Rasul-Nya yang sahih iaitu Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bukannya kepada pandangan dan amalan majoriti manusia semata-mata kerana mereka bukanlah pemilik agama Islam sehingga berhak menentukan mana yang baik (bid'ah *hasanah)* dan mana yang buruk/sesat.

Imam al-Daruquthni *rahimahullah* ketika menjelaskan kemungkaran amalan mengirimkan pahala bacaan surah al-Fatihah kepada orang yang telah meninggal dunia berkata:[133]

> Ketahuilah bahawa pembacaan surah al-Fatihah untuk (dihadiahkan pahalanya kepada) orang-orang mati merupakan suatu perkara yang dikenal, termasyhur dan menjadi perkara yang (diketahui) umum di kalangan orang badwi dan dunia peradaban. Namun perkara itu tidak berdasarkan hadis sahih dan tidak pula hadis *dha'if*.
>
> Perkara tersebut termasuk perbuatan bid'ah yang diperselisihkan, kerana ianya tidak didahului dengan nas-nas yang *qath'i* (putus/muktamad). Akan tetapi perkara itu menjadi beku atau divakumkan oleh orang-orang yang membuat kepalsuan

---

[133] Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah: Menjawab Syubhat Buku Bid'ahkah Kenduri Arwah dan Talkin oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006), ms. 56. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Membela Sunnah Nabawiyah* sahaja.

yakni dengan cara menipu dan memalsukan ulamak dengan ketetapannya....

Ringkasnya, untuk menilai sama ada sesuatu perkara itu adalah sesuatu yang benar atau sebaliknya, ia bukanlah terletak kepada pegangan majoriti. Akan tetapi adalah sejauh mana ianya berdiri di atas petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih sesuai dengan pemahaman dan amalan generasi *al-Salaf al-Shalih*. Al-Imam Ibn Muflih *rahimahullah* dalam bukunya *al-Adab al-Syar'iyah* berkata:[134]

> Seseorang itu hendaknya mengetahui bahawa banyak perkara yang dilakukan oleh kebanyakan orang adalah menyalahi peraturan syarak. Sedangkan ia (sudah) menjadi masyhur di kalangan mereka dan kebanyakan orang mengikuti amalan mereka itu. Dan wajib ke atas orang yang mengetahui penyimpangan itu untuk menyelisihi mereka, dibuktikan melalui ucapan dan perbuatannya. Janganlah dia merasa lemah dalam tindakannya itu disebabkan hanya dia sahaja yang melakukannya dan sedikit rakan yang melakukannya.

SYUBHAT # 2:

Dalam pada itu, mereka berhujah kepada beberapa hadis berkenaan anjuran membacakan surah Yasin ke atas orang yang telah mati. Walau bagaimanapun kesemua hadis-hadis yang dijadikan sandaran tersebut adalah hadis yang lemah, malah palsu dan tiada asal usulnya.

Penjelasan:

---

[134] Dinukil daripada *Cukupkah Sekadar Niat?* karya Mohd Hairi Nonchi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2010), ms. 166.

Berikut dikemukakan hadis-hadis yang dimaksudkan berserta komentar para ulamak terhadapnya:[135]

Pertama:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ قَرَأَ يس ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللهِ غَفَرَ اللهُ لَهُ مَاتَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ فَاقْرَؤُوْهَا عِنْدَ مَوْتَاكُمْ.

Maksudnya:

Barangsiapa membaca surah Yasin kerana mengharapkan Wajah Allah nescaya akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu. Bacakanlah surah Yasin di sisi mayat-mayat kalian.

Hadis ini adalah lemah. Hadis ini diriwayatkan dari Ma'qil bin Yasar *radhiallahu'anh* oleh al-Baihaqi dalam *Syu'abul Iman*. Dinyatakan *dha'if* oleh Syeikh al-Albani dalam *al-Misykah* (no. 2178) dan dalam *Dha'if Jami' ash-Shagier* (no. 5785).

---

135 Lihat penjelasan ini dalam *Bincang-Bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Asari (Pustaka At-Tibyin, Solo, 2007), ms. 20-23, *Penjelasan Gamblang Seputar Hukum Yasinan, Tahlilan & Selamatan* karya Ustaz Abu Ibrahim Muhammad Ali bin A. Mutholib (Pustaka Al-Ummat, Jawa Tengah, 2007), ms. 43-47, *Hadits Lemah & Palsu Yang Populer Di Indonesia* karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik, 2007), ms. 140 dan 142-143, *Bid'ah Hasanah: Tokok Tambah Amalan Rasulullah* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2009), ms. 40-41, *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Madhu'ah wa Atsaruha as-Sayyi' fi al-Ummah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh A.M Basalamah (Gema Insani Press, Jakarta, 1994), jld. 1, ms. 150, *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Abdul Hakim Amir Abdat (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur, 2005), jld. 1, ms. 285-291 dan *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001), ms. 28-29.

Kedua:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

اقْرَءُوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يس.

Maksudnya:

Bacakanlah kepada orang yang hampir meninggal dunia di antara kalian (surah) Yasin.

Hadis ini juga lemah. Diriwayatkan oleh Ahmad, jld. 5, ms. 27, Abu Daud (no. 3121), Ibn Majah (no. 1448), Ibn Hibban dan al-Hakim, jld. 1, ms. 565 dari Ma'qil bin Yasar *radhiallahu'anh*. Di dalam sanadnya terdapat dua orang perawi yang tidak dikenali bernama Abu Utsman dan bapanya sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn al-Mundzir dalam *Aunul Ma'bud Syarh Abu Daud,* jld. 8, ms. 390.

Berkata Imam Ibn al-Mudzir: Abu Utsman dan bapanya bukan orang yang masyhur (terkenal di sisi ahli hadis). Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah* (676H) sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau di dalam kitabnya, *al-Adzkar,* ms. 122.

Dalam pada itu, Imam al-Daruquthni pula menjelaskan: Tidak ada yang sahih dalam masalah (membaca surah Yasin) ini. Manakala al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* pula berkata: Imam Ibn al-Qaththan mencacatkannya dengan *idhtidrab* juga dengan *kemajhulan* keadaan Abu Utsman dan bapanya. Syeikh al-Albani berpendapat bahawa hadis ini adalah lemah. Sila lihat keterangan beliau di dalam *al-Misykah* (no. 1622), *Irwa' al-Ghalil* (no. 688) dan dalam *Dha'if Jami' ash-Shagier* (no. 1072).

Penulis (Mohd Hairi) berkata: Sekalipun hadis ini hendak diangkat darjatnya kepada status sahih, maka apa yang sewajarnya dilakukan adalah membacakan surah tersebut ke atas orang yang hampir mati/nazak. Ini kerana, apa yang dikehendaki oleh kalimah *"mautaakum"* موتاكم dalam hadis di atas ialah orang yang hampir mati dan bukannya orang yang telah mati (mayat).[136]

Ketiga:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَا مِنْ مَيِّتٍ فَيُقْرَأُ عِنْدَهُ يس إِلاَّ هَوَّنَ اللهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya:

Tidaklah seorang pun yang akan mati lalu dibacakan kepadanya surah Yasin melainkan Allah akan meringankannya (memudahkan sakaratul mautnya).

Hadis ini adalah hadis palsu. Diriwayatkan dari Abu Darda' *radhiallahu'anh* oleh Abu Nu'aim dalam *Akhbar Ashbahan,* jld. 1, ms. 188 dan dicantumkan oleh ad-Dailami dalam *Musnad al-Firdaus.* Di dalam sanadnya terdapat perawi bernama Marwan bin Salim al-Jazari. Imam al-Bukhari dan Muslim mengatakan bahawa Marwan bin Salim dalam periwayatan hadis tergolong *mungkarul hadis.* Lihat *Mizan al-I'tidal,* jld. 4, ms. 90.

Keempat:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ زَارَ قَبْرَ وَالِدَيْهِ أَوْ اَحَدِهِمَا يَوْمَ الْجُمْعَةِ فَقَرَأَ يس، غُفِرَلَهُ.

---

136 Kupasan yang lebih terperinci mengenai persoalan ini boleh dilihat menerusi capaian berikut: http://hafizfirdaus.com/content/view/110/56/

Maksudnya:

Barangsiapa yang menziarahi kubur kedua orang tuanya atau salah seorang dari keduanya pada hari Jumaat, kemudian membacakan surah Yasin, maka akan diampunkan dosanya.

Hadis di atas ini adalah hadis batil. Malah ia adalah hadis yang palsu atau tidak ada asal usulnya. Punca kepalsuan hadis ini adalah terletak pada sanadnya kerana di dalamnya terdapat seorang rawi yang bernama ‘Amar yang terkenal sebagai pemalsu hadis dan banyak meriwayatkan hadis-hadis yang batil. Imam al-Daruquthni berkata mengenai ‘Amar: 'Amar adalah seorang pemalsu hadis. Lihat *Kitab al-Maudhu’at,* jld. 3, ms. 146.

Kelima:

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

مَنْ زَارَ قَبْرَ وَالدَيْهِ كُلَّ جُمُعَةٍ فَقَرَأَ عِنْدَهُمَا أَوْ عِنْدَهُ يس غُفِرَلَهُ بَعَدَدِ كُلِّ آيَةٍ أَوْ حَرْفٍ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang menziarahi kuburan kedua orang tuanya lalu membacakan surah Yasin padanya, maka akan diampuni dosanya sebanyak jumlah kalimat atau hurufnya.

Sebagaimana hadis di atas, hadis ini juga adalah palsu. Diriwayatkan oleh Ibn Adi, jld. 1, ms. 286, Abu Nu’aim dalam *Akhbar Ashbahan,* jld. 2, ms. 344, Abdul Ghani al-Maqdisi dalam *as-Sunan,* jld. 2, ms. 91 dari jalan Abu Mas’ud Yazid bin Khalid, telah menceritakan kepada kami ‘Amr bin Ziyad, telah menceritakan kepadaku Yahya bin Salim ath-Tha’ifi dari

Hisyam bin Urwah dari bapanya dari Aisyah dari Abu Bakr ash-Shiddiq secara *marfu'*.

Sisi cacatnya adalah 'Amr bin Ziyad. Berkata ad-Daruquthni: Tukang pemalsu hadis. Berkata Ibn Adi: 'Amr bin Ziyad mempunyai hadis selain hadis ini, sebahagiannya adalah hasil curian dari orang-orang *tsiqah* (terpecaya). Namun di antaranya ada yang palsu dan dia itu tertuduh sebagai yang memalsukannya. Oleh kerana itu Imam Ibn al-Jauzi memasukkannya dalam *al-Maudhua'at,* jld. 3, ms. 239. Demikian juga Imam al-Suyuthi dalam *al-La'ali,* jld. 2, ms. 440.

Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* (1420H) iaitu salah seorang ahli hadis yang unggul di abad ini, menerusi kitabnya *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah* memberi komentar yang agak panjang mengenai hadis ini di mana beliau menyebut:

> Hadis ini menunjukkan atas disunnahkannya membaca al-Qur'an saat ziarah kubur, namun tidak terdapat satu pun sunnah yang sahih yang mendukung hal ini, bahkan yang ada bahawa yang disyariatkan saat ziarah hanyalah mengucapkan salam kepada ahli kubur serta untuk mengingatkan pada kematian sahaja, dan inilah yang dikerjakan oleh para ulamak *al-Salaf al-Shalih*.
>
> Oleh kerana itu, maka membaca al-Qur'an saat ziarah adalah sebuah bid'ah yang dibenci sebagaimana ditegaskan oleh para ulamak diantaranya adalah Imam Abu Hanifah, Malik, Ahmad sebagaimana disebutkan oleh al-Zabidi dalam *Syarh Ihya' Ulumuddin*, jld. 2, ms. 285: "Tidak ada satu pun sunnah yang menunjukkan (disyariatkan amalan) itu, hanya saja Imam Muhammad bin Hasan al-Syaibani (muridnya Imam Abu Hanifah) dan Imam Ahmad dalam salah satu riwayat mengatakan bahawa

hal itu tidak dibenci kerana sebuah *atsar* dari Ibn 'Umar bahawasanya beliau berpesan agar saat dikuburkan dibacakan pembukaan dan penutup surah al-Baqarah.

Ingin penulis menambah bahawa *atsar* mengenai wasiat Ibn 'Umar *radhiallahu'anh* agar dibacakan surah al-Fatihah dan penutup surah al-Baqarah sebagaimana yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian pihak adalah sebuah *atsar* yang *syadz* dan batil (tidak sahih). Malah *atsar* ini juga tidak pernah diterima walau seorang jua daripada kalangan para sahabat Rasululullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh salah seorang tokoh bermazhab Syafie, Ali al-Subki al-Syafie *rahimahullah* sebagaimana yang tersebut di dalam kitabnya, *Syarh al-Muhadzdzab,* jld. 10, ms. 429:[137]

وأما يروى عن ابن عمر أنه أوصى بقرأة الفاتحة وخواتم البقرة على قبره فهو أثر شاذ لم يصح سنده ولم يوافقه عليه احد من الصحابة.

Maksudnya:

Dan apa yang telah diriwayatkan dari Ibn 'Umar bahawasanya beliau mewasiatkan agar dibacakan al-Fatihah dan ayat-ayat terakhir dari surah al-Baqarah di atas kuburnya, maka itu adalah *atsar* yang *syadz* (tidak sahih) dan tidak sahih pula sanadnya. Dan tidak pernah dipersetujui (diterima) walaupun oleh seorang sahabat.

---

[137] Dinukil daripada *Bid'ah & Percanggahannya* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1998), ms. 106. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Bid'ah & Percanggahannya* sahaja.

KETIGA:

Terdapat pihak yang berpendapat bahawa ayat 38-39 dari surah al-Najm – iaitu ayat yang menjadi dasar penghujahan di sisi para ulamak yang menolak pendapat sampainya pahala bacaan kepada orang mati – adalah ayat yang telah dimansuhkan. Mereka berhujah kepada surah ath-Thur ayat 21.

Penjelasan:

Terhadap hujah ini, Imam al-Syaukani *rahimahullah* yang juga merupakan salah seorang pembesar bagi mazhab Syafie menjawab dengan katanya: [138]

> Adapun makna dari ayat: *Sesungguhnya tidak akan mendapat balasan melainkan atas usahanya sendiri.* Lafaz dalam ayat ini termasuk umum yang *mukhasah*. Oleh itu tidak tepat kalau ada yang berkata bahawa ayat ini telah dimansuhkan dalam urusan ini, kerana yang khas tidak boleh memansuhkan lafaz umum, tetapi hanya sebagai *takhsis*nya sahaja. Maka apabila ada dalil lain yang boleh menentukan bahawa seseorang memperolehi manfaat dari amal orang lain, maka dalil itu sebagai *takhsis*nya bukan sebagai *nasikh* seperti ayat yang terdapat di surah at-Thur (yang bermaksud): *Kami akan hubungkan mereka itu dengan anak cucu mereka.*

Sebagai tambahan, antara bukti lain yang menunjukkan ayat 38-39 dari surah al-Najm masih sah diperhujahkan adalah dengan adanya banyak ayat al-Qur'an yang mendukung makna yang terkandung di dalam surah al-Najm ayat 38-39 tersebut. Sila lihat: Surah Fushilat (ayat 46), surah as-Safaat (ayat 39),

---

[138] Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 35-36.

surah al-Baqarah (ayat 123 dan 286), surah al-Rum (ayat 44), surah al-Mukmin (ayat 40), surah al-Isra' (ayat 15), surah Fathir (ayat 18), surah Yasin (ayat 54), surah Luqman (ayat 33) dan surah al-Ankabut (ayat 6).

SYUBHAT # 4:

Para penggemar dan pembela amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada si mati beralasan kepada pandangan beberapa tokoh ulamak termasuk para ulamak bermazhab Syafie yang membolehkan amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Quran kepada si mati.

Penjelasan:

Tidak dinafikan bahawa terdapat segelintir tokoh bermazhab Syafie yang membolehkan amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia. Akan tetapi jika diteliti hujah para tokoh tersebut ternyata semuanya amat rapuh sehingga menyebabkan fatwa mereka tidak dapat diterima sebagai dalil diperbolehkan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada mereka yang telah meninggal dunia.

Berkata Imam al-Nawawi al-Syafie *rahimahullah* (676H) dalam kitabnya, *Syarh Shahih Muslim,* ms. 90:[139]

وكل هذه المذاهب ضعيفة، ودليلهم القياس على الدعاء والصدقة والحج فإنها تصل بالإجماع. و الدليل الشافعي: و ان ليس للإنسان إلا ما سعى.

Maksudnya:

---

139 Dinukil daripada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 30-31.

> Dan semua mazhab-mazhab tersebut (yang membolehkan menghadiahkan pahala kepada orang mati) adalah lemah belaka dan dalil mereka di*qiyas*kan kepada doa, sedekah dan haji. Maka sesungguhnya tidak sampai secara ijmak (kesepakatan ulamak). Dan dalil (Imam) al-Syafie ialah: *Sesungguhnya tidaklah ada yang diperolehi oleh setiap manusia kecuali apa yang telah diusahakan.*

Searah dengan pandangan Imam al-Nawawi *rahimahullah* ini ialah Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* di mana beliau berkata ketika mengulas tafsiran al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* ke atas ayat 39 dari surah al-Najm yang lalu:[140]

> Kalaupun *qiyas* tersebut benar maka konsekuensinya adalah disunnahkan pengiriman (pemberian hadiah) pahala kepada orang yang sudah meninggal dunia. Jika demikian, pasti para ulamak Salaf sudah mengerjakannya (terlebih dahulu) kerana mereka pasti lebih gigih mengejar pahala tersebut daripada kita. Tetapi mereka tidak melakukan hal tersebut sebagaimana yang telah dihuraikan melalui ungkapan (al-Hafiz) Ibn Katsir di atas. Dengan demikian, hal itu menunjukkan bahawa peng*qiyas*an di atas sama sekali tidak benar.

Dalam pada itu, Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* juga turut membantah pandangan

---

[140] Dinukil daripada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghoffar E.M di atas judul *Hukum dan Tata Cara Mengurus Jenazah Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005), ms. 392. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* sahaja.

sesetengah pihak yang cuba meng*qiyas*kan kedudukan orang tua dengan kaum muslimin lainnya sebagaimana katanya:[141]

> Sebahagian mereka berpendapat boleh meng*qiyas*kan orang lain dengan orang tua dan itu jelas sebagai *qiyas* yang tidak benar, dengan alasan sebagai berikut:
>
> (Pertama) hal itu jelas bertentangan dengan makna umum dari al-Qur'an seperti firman Allah *Ta'ala* (yang bermaksud): *Dan barangsiapa yang mensucikan dirinya, sesungguhnya dia mensucikan diri untuk kebaikan dirinya sendiri.* [Surah al-Fathir: 18] Dan ayat-ayat al-Qur'an lainnya yang menggantungkan keberuntungan dan masuk Syurga dengan amal shalih. Dan tidak diragukan lagi bahawa orang tua dapat menyucikan diri (mereka) dengan mendidik anak dan menunaikan kewajipan terhadapnya. Dan dengan demikian itu dia telah memperolehi pahala.
>
> (Kedua) bahawa hal itu jelas merupakan *qiyas ma'al faariq* (men*qiyas* dua hal yang berbeza). Jika anda ingat bahawa anak telah dikategorikan (oleh) syari'at (sebagai) termasuk dari hasil usaha orang tua, sebagaimana yang telah disampaikan oleh hadis 'Aisyah di mana dia bukan sebagai hasil usaha bagi orang lain selain orang tua. [142] Dan Allah *'Azza wa Jalla* berfirman (yang

---

[141] Dinukil daripada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, ms. 390-391.

[142] Hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِنْ كَسْبِهِ، وَإِنَّ وَلَدَهُ مِنْ كَسْبِهِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya sebaik-baik yang dimakan oleh seseorang adalah makanan yang dihasilkan dari usahanya sendiri dan sesungguhnya anak itu termasuk dari usahanya. [Hadis riwayat Abu Daud, jld. 2, ms. 108, al-Nasa'i, jld. 2, ms. 211, al-Tirmidzi, jld. 2, ms. 287 dan

bermaksud): *Tiap-tiap diri bertanggungjawab atas apa yang telah diperbuatnya.* [Surah al-Muddatstsir: 38] Dia juga berfirman (yang bermaksud): *Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.* [Surah al-Baqarah: 286]

Antara tokoh ulamak yang didakwa oleh sebahagian pihak yang berpandangan bahawa pahala bacaan al-Qur'an adalah sampai kepada orang yang telah meninggal dunia ialah Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H). Walau bagaimanapun dakwaan ini adalah tidak benar kerana Syeikh al-Islam sendiri telah pun membatalkan fatwa tersebut sebagaimana yang ditegaskan oleh beliau di dalam kitab *al-Ikhtiyariyyat al-'Ilmiyyah,* ms. 54:[143]

> Bukan merupakan kebiasaan para ulamak Salaf, jika mereka mengerjakan puasa, solat atau haji *tatawwu'* atau membaca al-Qur'an, pahalanya dihadiahkan kepada kaum muslimin yang telah meninggal dunia. Tidak sepantasnya untuk menyimpang dari jalan ulamak Salaf kerana ia lebih baik dan sempurna.

Kenyataan Syeikh al-Islam mengenai penarikan semula fatwa beliau yang pada asalnya membolehkan amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada si mati juga boleh ditemui di dalam kitab Imam *fiqh* bermazhab Syafie, Ali

---

dia menilainya *hasan* (baik). Juga diriwayatkan al-Darimi, jld. 2, ms. 247, Ibn Majah, jld. 2, ms. 2-430, ath-Thayalisi (no. 1580) serta Ahmad jld. 6, ms. 41. al-Hakim mengatakan: Hadis ini sahih dengan syarat asy-Syaikhan. Ia disepakati oleh Imam al-Dzahabi]

[143] Dinukil daripada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, ms. 392.

Abdul al-Kafi al-Subki *rahimahullah* sebagaimana yang termaktub dalam kitab *Takmilatul Majmu',* jld. 10, ms. 417.[144]

Pemaparan mengenai penarikan semula fatwa Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* ini merupakan salah satu contoh terbaik bagi memperlihatkan kepada para pembaca yang budiman sekalian akan sikap *Ahl al-Bid'ah* yang cenderung memanipulasikan fatwa sebahagian ulamak bagi menjustifikasikan amalan-amalan bid'ah yang mereka wujudkan dalam agama, di samping menjadikan fatwa tersebut sebagai senjata bagi memerangi dakwah para pendukung al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Amat benarlah apa yang telah diucapkan oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah*:[145]

> Dan pendapat (Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* yang membolehkan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia) ini telah dimanfaatkan oleh orang-orang yang suka mengerjakan bid'ah, sekaligus dijadikan jalan untuk memerangi sunnah. Dan mereka berdalih bahawa Syeikh al-Islam dan muridnya sebagai pendukung sunnah dan sekaligus pengikutnya.
>
> Di lain pihak, para pelaku bid'ah itu tidak tahu atau pura-pura tidak tahu bahawa para pendukung sunnah itu tidak pernah bertaklid dalam menjalankan agama Allah kepada orang tertentu, sebagaimana yang mereka lakukan. Dan mereka juga tidak menyandarkan kebenaran yang sudah sangat jelas dalam

---

144 Lihat *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 69

145 Dinukil daripada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; ms. 393.

pandangan mereka pada pendapat salah seorang ulamak meskipun mereka sangat meyakini keilmuan dan keshalihannya. Tetapi mereka melihat pada ucapan dan bukan orang yang mengucapkan dan merujuk kepada dalil, serta tidak bertaklid.

SYUBHAT # 5:

Sampainya pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia adalah pandangan yang telah disepakati (ijmak) di kalangan para ulamak. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Imam Ibn Qadamah *rahimahullah* di dalam kitabnya, *al-Mughni,* jld. 2, ms. 569.

Penjelasan:

Dakwaan ini adalah tidak benar. Bagaimana mungkin hal ini dianggap sebagai ijmak ulamak walhal telah jelas Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para ulamak *Syafi'iyyah* lainnya telah menolak pandangan tersebut. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* menegaskan:[146]

> Dari huraian di atas dapat diketahui ketidakbenaran ijmak yang disebutkan oleh Ibn Qadamah di dalam kitab *al-Mughni* (2/569) yang menyebutkan bahawa pahala bacaan al-Qur'an itu sampai kepada orang yang sudah meninggal dunia. Bagaimana tidak keliru, sedang ulamak paling depan yang menentang hal tersebut adalah Imam al-Syafie *rahimahullah.* Dan ini merupakan contoh lain dari contoh-contoh yang diakui sebagai ijmak, padahal sama sekali tidak benar.

---

[146] Dinukil daripada *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; ms. 392, nk. 1.

SYUBHAT # 6:

Mereka berkata: “Kami hanyalah sekadar menyedekahkan pahala bacaan al-Qur’an kepada si mati. Kami tidak sekali-kali bermaksud untuk menampung kesalahan atau dosa mereka melalui amalan tersebut!.”

Penjelasan:

Terhadap perkataan ini, kita katakan kepada mereka: “Memang benar kamu tidak berniat untuk menampung dosa-dosa si mati. Tetapi bukankah dengan pahala dari bacaan al-Qur’an yang kamu hadiahkan kepada si mati itu akan mengimbangi dosanya? Dan apabila semakin banyak pahala yang kamu kirimkan, maka akan bertambah cerahlah peluangnya untuk menjadi ahli Syurga meskipun ketika hayatnya dia ialah terkenal sebagai seorang yang fasiq dan malas melakukan amal-amal kebajikan?

Jika demikian halnya, di manakah letaknya perbezaan agama Islam dengan kepercayaan penganut agama lain yang meyakini pahala daripada orang yang masih hidup boleh dikirim-kirimkan atau dipindah milik kepada orang lain yang telah mati?!.”

IMAM AL-SYAFIE DAN WAHHABI DALAM PERSOALAN KENDURI ARWAH

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Dalam perbincangan yang lalu kita telah pun membahaskan secara ringkas mengenai isu amalan menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia dan kedudukannya di sisi ajaran Imam al-Syafie dan mazhab Syafie. Apa yang dapat kita simpulkan daripada perbincangan tersebut adalah bahawa amalan menyedekahkan pahala al-Qur'an kepada orang mati yang selama ini telah dinisbahkan kepada ajaran Imam al-Syafie dan mazhab Syafie ternyata bukanlah berasal daripada ajaran imam berkenaan mahu pun para ulamak muktabar yang mengikutinya. Malah sebaliknya, apa yang jelas ialah Imam al-Syafie bersama *jumhur* (majoriti) ulamak bermazhab Syafie lainnya secara tegas telah meletakkan amalan tersebut sebagai salah satu bid'ah di dalam agama sebagaimana yang terdapat di dalam keterangan-keterangan mereka.

Maka, dalam artikel ini pula kita akan meninjau satu lagi amalan masyhur dalam masyarakat Islam di Malaysia yang juga didakwa oleh sebahagian umat Islam sebagai amalan yang berasal daripada ajaran Imam al-Syafie atau mazhab Syafie. Adapun amalan yang penulis maksudkan di sini adalah berkenaan dengan mengadakan majlis kenduri arwah iaitu satu upacara yang diadakan bersempena dengan kematian seseorang muslim baik ia dilakukan pada hari pertama kematian, hari

ketiga, hari keempat puluh dan seterusnya. Berikut beberapa perkara yang akan disentuh di dalam perbincangan ini:

1) Maksud kenduri arwah/majlis tahlilan.
2) Meneliti pandangan sebenar Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie dalam persoalan kenduri arwah/majlis tahlilan.
3) Sebab-sebab pengharaman amalan kenduri arwah/majlis tahlilan di sisi Imam al-Syafie dan Wahhabi.
4) Makna sebenar hukum "makruh" bagi kenduri arwah di sisi Imam al-Syafie.
5) Beberapa perkara yang sewajarnya dilakukan oleh orang yang masih hidup apabila kematian menimpa seseorang Muslim. [147]

❋ **Maksud kenduri arwah (majlis tahlilan).**

Sebelum kita melanjutkan perbahasan, marilah kita fahami terlebih dahulu maksud bagi kenduri arwah/majlis tahlilan. Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari menerusi buku beliau yang

---

[147] Untuk perbincangan yang lebih mendalam berkenaan kemungkaran kenduri arwah di sisi ajaran Islam, sila rujuk buku-buku berikut:

1) *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2) *Membela Sunnah Nabawiyah: Menjawab Syubhat Buku Bid'ahkah Kenduri Arwah Dan Talqin?* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3) *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari (Pustaka At-Tibyin, Solo).

berjudul *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* menerangkan: [148]

> Tahlilan adalah acara yang berkaitan dengan peristiwa kematian seseorang lalu keluarga mayit (si mati) dan kerabat serta masyarakat sekitarnya mengadakan pembacaan al-Qur'an dan zikir-zikir tertentu berikut doa-doa yang ditujukan untuk mayat di alam kubur. Ritual ini dilakukan secara berjamaah dan dengan suara yang keras.
>
> Biasanya acara ini berlangsung tiga/tujuh hari berturut-turut setelah (berlakunya) hari kematian. Kemudian diakhiri dengan hidangan makanan yang lebih dari ala kadarnya. Dan acara ini diselenggarakan lagi pada hari keempat puluh dan keseratus atau dilakukan setiap tahun. Anehnya acara tahlilan di suatu tempat berbeza dengan acara tahlilan di tempat lain. Ini menunjukkan bahawa acara seperti ini tidak ada dasarnya dalam syariat dan tidak pernah dicontohkan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Berdasarkan kepada keterangan di atas maka dapat ditarik satu kesimpulan bahawa yang dikatakan sebagai kenduri arwah adalah apabila:

1. Adanya perkumpulan orang ramai di rumah si mati.
2. Adanya amalan membaca ayat-ayat al-Qur'an, zikir-zikir dan doa-doa tertentu secara beramai-ramai di bawah pimpinan seorang imam.

---

[148] Dinukil daripada *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari (Pustaka At-Tibyin, Solo, 2003), ms. 83. Rujukan ini seterusnya akan diringkaskan kepada *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* sahaja.

3. Adanya jamuan berupa makanan yang dihidangkan oleh keluarga si mati kepada para hadirin.[149]

Persoalan yang ingin penulis timbulkan di sini adalah, sejauh manakah benarnya amalan kenduri awah itu disyariatkan oleh ajaran Islam? Adakah upacara tahlilan/kenduri arwah ini merupakan suatu yang dianjurkan oleh Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak? Bagi menjawab persoalan ini, marilah kita perhatikan fatwa-fatwa Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para ulamak bermazhab Syafie di bawah ini:

Imam Muhammad bin Idris al-Syafie (204H)

Telah berkata Imam al-Syafie *rahimahullah* menerusi kitabnya, *al-Umm,* jld. 1, ms. 318:[150]

وأكره المأتم وهي الجماعة وإن لم يكن لهم بكاء فإن ذلك يحدد الحذن.

Maksudnya:

---

149 Sebagai tambahan, sebahagian daripada masyarakat Islam – khususnya di Sabah – adakalanya mereka akan menyerikan majlis tahlilan atau kenduri arwah dengan membakar kayu colok atau kemenyan. Amalan seperti ini membuat penulis tertanya-tanya, apakah rasionalnya kayu colok dan kemenyan itu dilibatkan dalam kenduri arwah/majlis tahlilan sehingga seakan-akan kenduri arwah/majlis tahlilan tidak sah tanpanya. Malah yang lebih memusykilkan penulis, apakah perkaitan kayu colok dan kemenyan itu dengan amalan menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an, zikir dan doa kepada si mati? Apakah pahala bacaan al-Qur'an, zikir dan doa yang dikirimkan kepada si mati itu tidak akan sampai tanpanya? *Wallahu a'lam*.

150 Dinukil daripada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat, jld. 2, ms. 17.

Aku benci *al-ma'tam* iaitu berkumpul-kumpul di rumah keluarga orang mati meskipun tidak ada tangisan kerana sesungguhnya yang demikian itu akan memperbaharui kesedihan.

Dalam kitab اعانة الطالبين, jld. 2, ms. 146 dinyatakan bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata:[151]

ويكره اتخاذ الطعام فى اليوم الاول والثالث وبعد الاسبوع ونقل الطعام القبور.

Maksudnya:

Dan dilarang menyediakan makanan pada hari pertama kematian, hari ketiga dan seterusnya sesudah seminggu. Dilarang juga membawa makanan ke kuburan.

Dalam kitab yang sama, jld. 2, ms. 146 dinyatakan:[152]

وقال ايضاً: ويكره الضيافة من الطعام من اهل الميت لانه شرع فى السرور وهي بدعة.

Maksudnya:

Imam al-Syafie berkata lagi: Dibenci bertetamu dengan persiapan makanan yang disediakan oleh ahli (keluarga) si mati kerana ia adalah sesuatu yang keji dan ia adalah bid'ah.

Juga dalam kitab yang sama, jld. 2, 146-147 disebut bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* berfatwa bahawa:[153]

---

151 Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 6.

152 Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 9.

ومن البد المنكرة المكروه فعله ما يفعل الناس من الوحشة والجمع والاربعين بل كل ذلك حرام.

Maksudnya:

Dan antara bid'ah yang mungkar ialah kebiasaan (adat) orang yang melahirkan rasa kesedihannya sambil berkumpul beramai-ramai melalui upacara (kenduri arwah) di hari keempat puluh (empat puluh harinya) padahal semuanya ini adalah haram.

Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi (676H)

Imam al-Nawawi *rahimahullah* (676H) berkata di dalam kitabnya, *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab,* jld. 5, ms. 186 menyebut:[154]

Adapun hidangan yang disiapkan oleh keluarga si mayat dan mengumpulkan orang ramai pada hidangan tersebut maka tidak ada satupun dalil yang menyebutkannya. Amalan seperti itu tidak dianjurkan, bahkan termasuk bid'ah.

Sementara itu, menerusi kitabnya yang sama, jld. 5, ms. 306 beliau menerangkan:[155]

وأما الجلوس للتعزية: فنص الشافعي والمصنف أي صاحب المهذب وهو الشيرازي، وسائر الأصحاب على

---

153 Dinukil daripada *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 10.

154 Dinukil daripada *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari, ms. 83.

155 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah: Menjawab Syubhat Buku Bid'ahkah Kenduri Arwah Dan Talqin?* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 66-67.

كراهية، ونقل الشيخ أبو حامد في (التعليق) وآخرون عن نص الشافعي، قاوا: يعني الجلوس لها، أن يجتمع أهل البيت في بيت، فيقصدون من أراد التعزية. قالوا: بل ينبغي أن ينصرفوا في حوائجهم، فمن صادفهم عزاهم، ولا فرق بين الرجال والنسآء في كراهة الجلوس لها.

Maksudnya:

Dan adapun berkumpul untuk takziah, maka (Imam) Syafie dan pengarang kitab *al-Muhadzdzab* iaitu al-Shirazi dan semua sahabat-sahabatnya, mereka telah menetapkan bahawa perbuatan itu adalah perkara yang dibenci. Syeikh Abu Hamid telah menukilkan dalam (*al-Ta'liq*) dan ulamak yang lain daripada nas Syafie, mereka mengatakan: yakni duduk untuk takziah iaitu keluarga si mati berkumpul di rumah lalu mereka menunggu orang yang ingin bertakziah.

Beliau berkata: Mereka mengatakan: Bahkan hendaklah mereka beredar pergi untuk berusaha memenuhi keperluan hidup mereka. Maka sesiapa yang terserempak menemui mereka, maka bolehlah dia bertakziah kepada mereka. Tidak ada perbezaan di antara kaum lelaki dan kaum wanita pada larangan duduk berkumpul (di rumah si mati) untuk tujuan bertakziah.

Dalam kenyataannya yang lain, beliau berkata ketika mengulas kenyataan Imam al-Syafie berkenaan amalan kenduri arwah:[156]

واستدل له المصنف وغيره بدليل آخر وهو أنه محدث.

---

[156] Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 66.

Maksudnya:

> Pengarang (Imam al-Syafie) dan ulamak-ulamak yang lain berpendapat berdasarkan dalil yang lain bahawa perbuatan itu – yakni mengadakan perkumpulan – adalah merupakan bid'ah.

Syeikh Mustafa Khin, Syeikh Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbaji

Berkata ketiga-tiga tokoh semasa bermazhab Syafie di atas menerusi kitab mereka, *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i,* jld. 1, ms. 263 berkenaan hukum mengadakan kenduri arwah:[157]

> Antara amalan bid'ah yang dibuat oleh keluarga si mati ialah mengumpulkan orang ramai menjamu makanan mengikut berlalunya 40 hari dan seumpamanya. Sekiranya perbelanjaan makanan itu adalah hasil daripada harta peninggalan (si mati) sedangkan masih ada di kalangan mereka waris ada yang belum baligh, maka perbuatan itu termasuk dari perkara lebihan yang haram. Ini kerana ia memakan harta benda anak yatim dan melenyapkannya bukan untuk kepentingan anak yatim itu. Setiap apa yang memanggil dan memakannya juga turut terbabit dalam melakukan perbuatan haram ini.

Mereka juga menyebut:

> Menyusahkan keluarga si mati bagi menyediakan makanan dan menghimpunkan orang ramai kepada makanan itu seperti yang berlaku di zaman ini adalah bid'ah yang amat bertentangan dengan sunnah.

---

[157] Dinukil daripada *Membela Islam: Tanggungjawab & Disiplin* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, ms. 97.

Dalam kitab yang sama, jld. 1, ms. 286 mereka juga menegaskan:[158]

> Keluarga si mati sibuk membuat makanan dan menjemput orang ramai untuk menikmatinya sebagaimana yang biasa dilakukan di zaman sekarang. Perbuatan tersebut adalah bid'ah yang berlawanan dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Syeikh al-Ramli al-Syafie

Disebutkan di dalam kitab fiqh *Hasyiyatul Qalyubi* bahawa:[159]

قال شخنا الرملي: ومن البدع المنكرة المكروهة فعلها كما في الروضة ما يفعله الناس مما يسمى الكفارة، ومن صنع طعاما للإجتماع عليه قبل الموت أو بعده ومن الذبح على القبور.

Maksudnya:

> Syeikh kami, al-Ramli berkata: "Di antara bid'ah yang mungkarah (yang tidak dibenarkan agama) yang tidak disukai dikerjakan iaitu sebagaimana diterangkan dalam kitab *al-Raudhah* iaitu apa yang dikerjakan orang yang disebut *kifarah* dan hidangan makanan untuk acara berkumpul di rumah keluarga si mati, baik sebelum mahupun sesudah kematian dan juga penyembelihan di kuburan.

---

158 Dinukil daripada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 22.

159 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 69.

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari al-Syafie

Beliau yang merupakan seorang ulamak bermazhab Syafie menulis di dalam kitabnya *Sabil al-Muhtadin,* jld. 2, ms. 87:[160]

> Dan makruh lagi bid'ah bagi yang kematian memperbuat makanan yang diserukannya segala manusia atas memakan dia dahulu daripada menanam dia dan kemudian daripadanya seperti yang telah teradat.

Seterusnya beliau juga berfatwa:

> Dan demikian juga makruh lagi bid'ah bagi segala mereka yang diserunya memperkenankan seruannya dan haram menyediakan makanan akan yang menangis dengan menyawak kerana yang demikian itu menolong atas perbuatan maksiat.

Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani al-Syafie

Dalam kitabnya, *Kashfu al-Litham,* jld. 1, ms. 85 beliau menjelaskan:[161]

> Barang yang dikerjakan oleh ahli mayat daripada memperusahakan makanan dan berhimpun manusia atasnya dahulu daripada tanam mayat dan kemudian daripadanya dan menyembelih pada kubur dan demikian lagi yang dikerjakan oleh manusia dengan barang yang dinamakan dia dengan kaffarah dan daripada dikerjakan washah yakni berhimpun memberi makan awal malam kemudian daripada ditanam mayat dan 7 hari dan 20 dan 40 (hari) dan umpama yang demikian itu seperti yang

---

160 Dinukil daripada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 42-43.

161 Dinukil daripada *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 44-45.

diperbuat oleh kebanyakan orang itu maka adalah segala yang tersebut itu makruh yang dicela syarak kerana tegah pada syarak.

Sebenarnya masih terlalu banyak fatwa Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie berkenaan dengan keharaman mengerjakan kenduri arwah yang tidak sempat penulis kemukakan di sini. Walau bagaimanapun, penulis merasakan adalah cukup sekadar dinukilkan sebahagian sahaja ucapan mereka di sini sebagaimana yang telah penulis kemukakan di atas.

Kesimpulannya, jelas kepada kita bahawa majlis kenduri arwah iaitu mengadakan perkumpulan orang ramai di rumah keluarga si mati dengan persiapan makanan yang dibuat oleh keluarga si mati adalah perbuatan haram yang amat ditegah di sisi agama. Oleh sebab itu kita dapati Imam al-Syafie bersama para imam lainnya termasuk Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad secara ijmak/sepakat dalam mengharamkan kenduri arwah.

Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Syeikh Ahmad Abdurrahman al-Banna di dalam kitabnya berjudul *Fathurrabbani Tartib Musnad Imam Ahmad bin Hanbal,* jld. 8, ms. 95-96:[162]

Telah sepakat imam (mazhab) yang empat (Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad) atas tidak disukainya keluarga si mati membuat makanan untuk orang ramai yang mana mereka berkumpul di situ berdalil dengan hadis Jarir bin Abdullah. Dan zahirnya adalah haram kerana meratapi mayat hukumnya haram,

---

[162] Dinukil daripada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat, jld. 2, ms. 18-19.

sedangkan para sahabat telah memasukkannya (yakni berkumpul-kumpul di rumah keluarga di mati) bahagian dari meratap dan ia (amalan) itu (jelas) haram.

❊ **Sebab-sebab pengharaman kenduri arwah di sisi Imam al-Syafie dan Wahhabi.**

Setelah mengetahui kedudukan amalan kenduri arwah di sisi Imam al-Syafie dan Wahhabi, tentunya ramai yang masih tertanya-tanya mengapakah Imam al-Syafie dan Wahhabi menganggap kenduri arwah/tahlilan sebagai suatu perbuatan yang bid'ah dan haram di sisi agama. Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang mendasari pandangan Imam al-Syafie dan Wahhabi dalam mengharamkan kenduri arwah, antaranya:

PERTAMA:

Kenduri arwah menyerupai tradisi masyarakat *Jahiliyah*. Tidak syak lagi bahawa amalan berkumpul-kumpul di rumah si mati (untuk tujuan kenduri arwah dan bertakziah) adalah termasuk salah satu perbuatan *jahiliyah* yang dibenci oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أربع في أمتي من أمر الجاهلية لا يتركونهن الفخر في الأحساب والطعن في الأنساب والا ستسقاء باالنجوم والنياحة.

Maksudnya:

Empat perkara yang dilakukan oleh umatku yang berasal daripada tradisi Jahiliyah yang belum mereka tinggalkan: Berbangga-bangga dengan keturunan,

mencela keturunan, mempercayai hujan turun berdasarkan ramalan bintang dan meratapi kematian. [163]

Termasuk perbuatan meratap dalam hadis di atas adalah berkumpulnya umat Islam di rumah orang yang ditimpa kematian walaupun bukan tujuan meratap. Berkata salah seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, Jabir bin Abdillah *radhiallahu 'anh*:

كنا نرى لا جتماع إلى أهل الميت وصنعة الطعام من النياحة.

Maksudnya:

Kami (para sahabat) memandang berkumpul di rumah keluarga yang ditimpa kematian dengan membuat makanan termasuk dalam perbuatan meratap. [164]

Telah berkata Imam Ibn Qadamah dalam kitabnya *al-Mughni,* juz 3, ms. 496-497 (cetakan baru di*tahqiq* oleh Syeikh Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki):[165]

فأما صنع أهل الميت طعاما للناس فمكروه لأن فيه زيادة على مصيبتهم وشغلا لهم إلى شغلهم وتشبها بصنيع أهل الجاهلية. وروي أن جريرا وفد على عمر فقال: هل

---

163 Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim* (no. 934).

164 Hadis riwayat Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* (no. 1612).

165 Dinukil daripada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat, jld. 2, ms. 18.

يناح على ميتكم؟ قال: لا. قال: فهل يجتمعون عند أهل الميت ويجعلون الطعام؟ قال: نعم. قال: ذاك النوح.

Maksudnya:

Adapun ahli keluarga si mati membuatkan makanan untuk orang ramai maka itu satu hal yang dibenci (haram). Kerana akan menambah (kesusahan) di atas musibah mereka dan menyibukkan mereka di atas kesibukan mereka dan menyerupai perbuatan jahiliyyah. Dan telah diriwayatkan bahawasanya Jarir pernah bertemu kepada 'Umar. Lalu 'Umar bertanya: "Apakah mayat kamu diratapi?" Jawab Jarir: "Tidak!" 'Umar bertanya lagi: "Apakah mereka berkumpul di rumah si mati dan mereka membuat makanan?"Jawab Jarir: "Ya!" Berkata 'Umar: "Itulah ratapan!.

KEDUA:

Kenduri arwah merupakan suatu pembaziran. Ini kerana pihak yang mengadakan majlis kenduri arwah akan mengeluarkan sejumlah perbelanjaan bagi menampung kos pembiayaan upacara tersebut. Semakin ramai hadirin yang datang dalam upacara tersebut maka semakin besarlah perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan.

Malah dalam sesetengah kes, terdapat dalam kalangan umat Islam yang terpaksa bergadai harta atau membuat pinjaman daripada pihak-pihak tertentu. Ini semua dilakukan adalah semata-mata untuk menampung perbelanjaan majlis tahlilan. Tidak syak lagi bahawa semua ini adalah suatu pembaziran yang dibenci oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana yang telah kita maklumi bersama.

KETIGA:

Kenduri arwah menyusahkan keluarga si mati. Sebagaimana yang telah disentuh dalam perbincangan yang lalu bahawa kenduri arwah/tahlilan adalah suatu yang membebankan umat Islam. Maka sebab itulah kita dapati Islam sebagai agama yang mudah lagi memudahkan ini tidak pernah sama sekali mensyariatkan perkara tersebut kepada umatnya.

Hanya mereka yang jahil terhadap ajaran Islam dan tenggelam dalam lautan taklid membuta tuli kepada pegangan tradisi masyarakat sahaja yang tidak dapat melihat kemudahan agama ini sehingga yang demikian mereka sanggup bersusah payah demi melaksanakan amalan bid'ah ini. Maka benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ الدِّيْنَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادِّيْنَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya agama ini (agama Islam adalah) mudah. Tidak seseorang yang memaksakan diri dalam agama melainkan akan menemui kesulitan.[166]

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

Maksudnya:

Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesulitan bagimu. [Surah al-Baqarah: 185]

<u>KEEMPAT</u>:

---

166 Hadis riwayat al-Bukhari, jld. 1, ms. 23.

Kenduri arwah mendedahkan umat Islam kepada perbuatan memakan harta anak yatim. Dalam kes-kes tertentu, apabila berlaku kematian kepada pasangan suami isteri maka keluarga yang terdekat akan menggunakan harta peninggalan mereka (si mati) sebagai modal bagi menampung kos perbelanjaan majlis tahlilan. Harta yang sepatutnya diberikan kepada anak si mati inilah yang akan dijadikan sebagai sumber bagi menyediakan jamuan yang dihidangkan kepada hadiran.

Ini secara tidak langsung menyebabkan pihak yang membelanjakan harta tersebut dan mereka yang hadir ke dalam majlis tahlilan telah bersekutu dalam perbuatan memakan harta anak yatim iaitu salah satu dosa besar yang amat dimurkai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perhatikan firman-Nya berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ أَمۡوَٰلَ ٱلۡيَتَٰمَىٰ ظُلۡمًا إِنَّمَا يَأۡكُلُونَ فِي بُطُونِهِمۡ نَارٗاۖ وَسَيَصۡلَوۡنَ سَعِيرٗا

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala. [Surah al-Nisa': 10]

KELIMA:

Kenduri arwah termasuk dalam perkara bid'ah yang amat dibenci oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Sebagaimana yang

telah disentuh dalam beberapa halaman sebelum ini, kenduri arwah/tahlilan ini adalah salah satu bid'ah yang mungkar di sisi agama Islam. Dikatakan bid'ah adalah kerana di dalam upacara kenduri arwah terdapat beberapa amalan ritual seperti berzikir, membaca al-Qur'an dan berdoa.

Memang benar amalan membaca al-Qur'an, berzikir dan berdoa itu adalah suatu perkara yang baik dan dianjurkan agama. Akan tetapi apabila ibadah-ibadah tersebut dilakukan dengan tatacara tertentu tanpa adanya dalil yang mensyariatkannya, maka menjadilah ianya sebagai suatu yang bid'ah dalam agama. Dalam kaedah *Ushul al-Fiqh* sedia diterangkan bahawa:

أَلأَصْلُ فِي الْعِبَادَةِ الْبُطْلاَنُ حَتَّى يَقُوْمَ دَلِيْلٌ عَلَى اْلأَمْرِ.

Maksudnya: Asal hukum mengenai ibadat adalah batal (tidak boleh dikerjakan) sehingga datang dalil yang memerintahkan. [167] Kaedah ini menyatakan bahawa sesuatu yang dikatakan sebagai ibadat di dalam agama adalah haram dikerjakan sehinggalah terbukti adanya perintah atau isyarat daripada al-Qur'an mahupun al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang memerintahkan perkara tersebut.

Oleh kerana tidak ada satu pun dalil dari al-Qur'an, al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, amalan para sahabat dan ijmak (kesepakatan) ulamak muktabar terhadap pensyariatan kenduri arwah/tahlilan, maka jelaslah ia adalah suatu yang bid'ah dalam agama. Sedangkan bid'ah dalam agama adalah seburuk-buruk perkara yang amat dibenci oleh

---

[167] Lihat *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* karya Drs. Abdul Ghani Azmi bin Hj. Idris, ms. 17.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَشَرُّ الأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا وَكُلُّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ وَكُلُّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Dan <u>seburuk-buruk perkara</u> adalah yang diada-adakan (dalam agama) dan semua yang diada-adakan adalah bid'ah. Semua yang bid'ah adalah sesat dan semua yang sesat tempat kembalinya adalah neraka.[168]

❋ **Beberapa syubhat dan jawapan.**

Berikut dikemukakan dua syubhat yang lazim dijadikan hujah oleh pendukung bid'ah bagi mensabitkan amalan kenduri arwah, disusuli dengan jawapan *Ahl al-Sunnah* bagi meluruskan semula kekeliruan tersebut. Adapun dua syubhat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

<u>SYUBHAT # 1</u>:

Para pendukung bid'ah kenduri arwah berdalilkan kepada salah satu hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana sabdanya:

إذا مات الإنسان انقطع عنه عمله الا من ثلاثة: صدقة جارية، أوعلم ينتفع به، أوولدصالح يدعوله.

Maksudnya:

---

168 Hadis riwayat Imam Ahmad, jld. 1, ms. 392-393, Abu Daud (no. 1097, 2118), al-Nasa'i, jld. 3, ms. 104-105, al-Tirmidzi (no. 1105), Ibn Majah (no. 1892), al-Hakim, jld. 2, ms. 182-183, al-Darimi, jld. 2, ms. 142 dan lain-lain bersumberkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud *radhiallahu'anh*.

Apabila seorang manusia meninggal dunia, semua amalannya terputus kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya.[169]

Berdasarkan kepada hadis di atas, para penegak dan pembela kenduri arwah berkata bahawa:

1. Dalam upacara kenduri arwah, ahli keluarga si mati akan menghidangkan jamuan kepada para hadirin. Maka amalan ini termasuk dalam kategori ***sedekah jariah*** sebagaimana yang disebut dalam hadis di atas.
2. Adakalanya dalam majlis kenduri arwah juga anak si mati akan terlibat berdoa bersama imam dan hadirin untuk kebaikan kedua ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia. Maka ia termasuk dalam kategori ***anak soleh yang mendoakannya.***

Penjelasan:

Bagi meluruskan semula salah faham di atas, berikut dinukilkan beberapa jawapan *Ahl al-Sunnah* yang penulis nukil daripada buku *Fahami Al-Qur'an Menurut Kaedah Para Ulama* karya saudara Mohd Sabri Muhammed (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007), ms. 59-60:

1) Hakikatnya, ketiga-tiga perkara itu (iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak yang soleh) adalah hasil usaha dan amalannya sendiri <u>sebelum</u> mati. Bertepatan dengan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

---

[169] Hadis riwayat Muslim (no. 3084), al-Tirmidzi (no. 1298), al-Nasa'i (no. 3591), Abu Daud (no. 2494) dan Ahmad (no. 8489)

إن أطيب ما أكل من كسبه وإن ولده من كسبه.

Maksudnya:

Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seorang lelaki adalah apa yang diusahakannya dan sesungguhnya anaknya adalah termasuk hasil usahanya.[170]

2) Sedekah jariah seperti harta waqaf dan sebagainya juga termasuk amalan dan usahanya (sendiri). Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَٰرَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang telah mati dan Kami catatkan segala amalan yang mereka kerjakan serta segala kesan peninggalan mereka (yang dimanfaatkan selepas mati). (Ingatlah) semua perkara Kami catatkan satu-persatu dalam kitab catatan yang jelas. [Surah Yasin: 12]

3) Manakala, ilmu yang telah disebarkan kepada orang ramai kemudian dimanfaatkan oleh mereka selepas kematiannya, ia juga dikira sebagai usaha dan amalan si mati berdasarkan sebuah hadis sahih. Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

---

170 Hadis riwayat al-Tirmidzi dan Abu Daud. Ia disahihkan oleh pen*tahqiq* kitab *Jami' al-Usul.*

من دعا إلى هدى كان له من الأجر مثل أجور من تبعه من غير أن ينقص من أجورهم شيئا.

Maksudnya:

Sesiapa yang berdakwah kepada kebenaran (petunjuk), ia akan mendapat pahala sepertimana yang diperolehi oleh pengikut-pengikut mereka terkemudian tanpa dikurangkan sedikitpun ganjaran pahala itu.

SYUBHAT # 2:

Hukum kenduri arwah sebagai "makruh" di sisi Imam al-Syafie. Ramai pihak yang telah tersalah faham terhadap penggunaan istilah "makruh" di sisi Imam al-Syafie *rahimahullah* khususnya dalam persoalan kenduri arwah sehingga mereka memahami kalimah tersebut sebagai: "Melakukan sesuatu perkara yang ditegah agama akan tetapi tidak dihukum berdosa jika melakukannya dan mendapat pahala jika perkara tersebut ditinggalkan."

Mereka berhujahkan kepada perkataan Imam al-Syafie *rahimahullah* sebagaimana yang tercatat di dalam kitabnya, *al-Umm,* jld. 1, ms. 248:

وَاَكْرَهُ الْمَأْتَم وَهِيَ الْجَمَاعَةُ وَاِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ بُكَاءٌ.

Maksudnya:

Dan aku memakruhkan makan iaitu berkumpul di rumah (si mati) walaupun bukan untuk tangisan (ratapan).

Penjelasan:

Sebenarnya salah faham terhadap maksud sebenar istilah "makruh" di sisi Imam al-Syafie *rahimahullah* di atas dapat

diluruskan semula andai kata mereka sudi untuk merujuk kenyataan Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam keterangannya yang lain. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah*, dalam kitab تحذير المساجد اتخاذ القبور مساجد ms. 51-52 berkata ketika mengulas fatwa Imam al-Syafie *rahimahullah* berkenaan pengharaman membina masjid di atas kuburan: [171]

قول الشافعي رحمه الله: "واكره ان يبنى على القبر مسجد" ... فى عبارة الشافية المتقدمة خاصة على الكراهة التحريمية، لا نه هو المعنى الشرعي المقصود فى الاستعمال القرآن ولا شك ان الشفعي متاثر باسلوب القرآن غاية التأثير... فقد قال تعال: وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ ٱلْكُفْرَ وَٱلْفُسُوقَ وَٱلْعِصْيَانَ ۚ أُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ .

Maksudnya:

Perkataan (Imam) al-Syafie *rahimahullah:* Aku memakruhkan membina masjid di atas kubur. Dalam ungkapan Imam al-Syafie yang lalu ialah makruh yang bermakna haram (*makruh tahrimiyyah*) kerana itulah makna yang dimaksudkan oleh syarak dalam penggunaan (istilah yang dikehendaki oleh) al-Qur'an. Tidak syak lagi bahawa (Imam) al-Syafie terkesan dengan *uslub* al-Qur'an dengan kesan yang mendalam.

---

[171] Lihat penjelasan ini dalam *Persoalan Kuburi, Penyembah & Pemuja Kubur* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2002), ms. 10-12.

Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah *Ta'ala* (dalam surah al-Hujurat, ayat 7 yang bermaksud):[172] *Menjadikan kamu benci (karroha) kekafiran, kefasiqan dan kederhakaan* yang mana semuanya ini (iaitu kekafiran, kefasikan dan kederhakaan) telah diharamkan oleh al-Qur'an.

Sebagai perbandingan, sila perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Isra' ayat 38 berikut:

كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُۥ عِندَ رَبِّكَ مَكۡرُوهٗا ﴿٣٨﴾

Maksudnya:

Semuanya itu kejahatan amat <u>dibenci</u> (makruha) di sisi Tuhanmu.

Maka yang dimaksudkan dibenci (*makruh*) di dalam dua ayat ini menurut Imam al-Syafie adalah makruh yang dimaksudkan haram (*karroha tahrimiyyah*). Oleh itu, jika diandaikan bahawa kalimah "makruh" di sini bermaksud sebagai "melakukannya tidak berdosa dan meninggalkannya diberi pahala", maka apakah dalam ayat ini juga bermaksud jika seseorang melakukan sesuatu perkara yang membawa kepada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan itu sesuatu yang dianggap sebagai tidak berdosa di sisi agama?

❋ **Beberapa perkara yang harus dilakukan oleh orang yang masih hidup apabila kematian menimpa seseorang muslim.**

---

172 Ayat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

وَكَرَّهَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡكُفۡرَ وَٱلۡفُسُوقَ وَٱلۡعِصۡيَانَۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ ﴿٧﴾

Telah kita maklumi bersama bahawa Islam adalah satu ajaran yang amat lengkap dan sempurna. Malangnya sebahagian umat Islam yang jahil dan taksub dalam berpegang kepada amalan turun-temurun tidak dapat melihat kesempurnaan dan kelengkapan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh sebab itulah mereka mudah tergelincir dalam melakukan amalan-amalan bid'ah dalam urusan agama seperti kenduri arwah/tahlilan, yasinan dan seumpama.

Termasuk dalam kesempurnaan dan kelengkapan ajaran Islam adalah berkaitan dengan amalan-amalan yang perlu dilakukan ke atas seseorang umat Islam yang ditimpa kematian. Antara petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hal ini adalah: [173]

PERTAMA:

Hendaklah umat Islam yang terdekat (seperti jiran tetangga) menyediakan makanan kepada keluarga si mati. Bukan sebaliknya iaitu sebagaimana yang berlaku dalam amalan masyarakat kita di mana yang menyediakan makanan ialah keluarga si mati. Apa yang jelas budaya ini bukan sahaja menjauhi petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Malah perbuatan ini juga hanyalah akan membebankan lagi keluarga si mati yang sememangnya sedang menanggung bebanan perasaan sedih akibat daripada kematian ahli keluarga

---

[173] Untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai hal-hal yang boleh dilakukan oleh orang yang masih hidup bagi manfaat orang yang telah meninggal dunia, sila rujuk *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghoffar E.M di atas judul *Hukum dan Tata Cara Mengurus Jenazah Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005). Sila lihat ms. 379 dan seterusnya.

mereka. Syeikh Ahmad Syakir menukil dari kitab *al-Musnad,* jld. 11, ms. 126 dari as-Sindi:[174]

> Intinya, hal ini bertolak belakang dengan tradisi yang dilakukan oleh banyak orang. Dan berkumpul di rumah keluarga mayit (si mati) agar mereka tidak terbebani untuk menghidangkan makanan buat para tamu adalah perkara yang bertolak belakang. Majoriti ahli fiqh menyebutkan: Bertamu ke rumah keluarga mayit adalah bertolak belakang dengan realiti, kerana bertamu biasanya untuk kebahagiaan bukan untuk kesedihan.

Oleh sebab itu menerusi kitabnya *al-Umm,* jld. 1, ms. 278 Imam al-Syafie *rahimahullah* berfatwa agar:[175]

> Tetangga mayat (si mati) atau kaum kerabatnya wajib membuatkan makanan yang mengenyangkan untuk keluarga mayat (si mati) pada siang dan malam harinya. Hal itu merupakan sunnah dan perbuatan yang mulia. Dan merupakan perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang soleh sebelum dan sesudah kami.

Berkata Imam al-Syaukani *rahimahullah* dalam kitabnya *Nail al-Authar,* jld. 4, ms. 148:[176]

---

[174] Dinukil daripada *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari, ms. 93-94.

[175] Dinukil daripada *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari, ms. 93.

[176] Dinukil daripada *Menjelang Ajal: Bimbingan Islam Menghadapi Mati, Perubatan Dan Kematian* karya Akmal Hj. Mohd. Zain (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2001), ms. 108. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Menjelang Ajal* sahaja.

> Berkumpul-kumpul di rumah mayat sesudah penguburan (mayat) dan makan-makan di sisi mereka adalah merupakan satu jenis dari *niyahah* (meratap), sebab menyusahkan mereka dan memberatkan mereka, di samping kesusahan kerana kematian salah seorang ahli keluarganya. Juga berlawanan dengan sunnah. Menurut sunnah, orang-orang yang datang itu yang disuruh menyediakan makanan untuk ahli keluarga si mayit (si mati), bukan sebaliknya. Tetapi mereka menyalahi sunnah, bahkan memberatkan ahli keluarga mayat untuk menyediakan makanan untuk mereka.

Sementara itu, salah seorang ulamak bermazhab Syafie iaitu Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* turut menjelaskan:[177]

> Dan adalah di antara sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah ahli keluarga tidak perlulah menyusah-nyusahkan diri mereka dengan menyediakan makanan (kepada para hadirin). Bahkan sebaliknya, baginda memerintahkan kepada orang lain untuk memberikan makanan kepada keluarga si mati. Mereka menghantar makanan itu kepada ahli keluarga si mati. Amalan ini adalah sebesar-besar akhlak yang mulia.

Dalam pada itu, penulis kitab *al-Fiqhul Islami,* jld. 2, ms. 549 berkata:[178]

> Adapun ahli keluarga si mati membuat makanan untuk orang ramai maka hal tersebut dibenci dan bid'ah yang tidak ada

---

177 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab bin Bustami, ms. 71.

178 Dinukil daripada *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat, jld. 2, ms. 20.

asalnya (tidak disyariatkan dalam agama –pen). Kerana akan menambah musibah mereka dan menyibukkan mereka di atas kesibukan mereka dan menyerupai (*tasyabbuh*) perbuatan orang-orang *jahiliyyah*...

Diterangkan dalam sebuah riwayat bahawa ketika salah seorang sahabat baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu Abu Ja'far gugur dalam berjihad, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memerintahkan para sahabat yang lain untuk membuatkan makanan bagi ahli keluarga Ja'far *radhiallahu'anh*. Perhatikan hadis berikut:

اصْنَعُوْا لآلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَقَدْ أَتَاهُمْ مَا يَشْغَلُهُمْ.

Maksudnya:

Buatkanlah makanan untuk ahli keluarga Ja'far kerana mereka telah ditimpa sesuatu yang menyibukkan mereka (iaitu kematian Ja'far).[179]

KEDUA:

Hendaklah umat Islam mendoakan si mati dengan kebaikan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Mendoakan umat Islam secara umumnya adalah termasuk dalam perkara yang disyariatkan oleh agama. Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini:

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعۡدِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لَنَا وَلِإِخۡوَٰنِنَا

ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلۡإِيمَٰنِ

---

179 Hadis riwayat Ibn Majah dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* (no. 1610).

Maksudnya:

Dan orang-orang yang datang sesudah mereka itu akan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman sebelum kami. [Surah Hasyr: 10]

وَٱسۡتَغۡفِرۡ لِذَنۢبِكَ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۗ

Maksudnya:

Dan minta ampunlah bagi dosa-dosa dan bagi orang-orang yang beriman ... [Surah Muhammad: 19]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

اسْتَغْفِرُوْا لأَخِيكُمْ وَسَلُوا لَهُ بِالتَّثْبِيْتِ فَإِنَّهُ الآنَ يُسْأَلُ.

Maksudnya:

Mohonlah ampunan bagi saudara kamu (yang telah mati) dan mohonlah keteguhan baginya kerana sesungguhnya sekarang ia sedang ditanya (oleh Malaikat Munkar dan Nakir).[180]

Mendoakan umat Islam yang telah meninggal dunia dengan kebaikan juga merupakan salah satu fatwa yang dikeluarkan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* seperti yang telah dijelaskan oleh beliau menerusi kitabnya, *al-Umm,* jld. 4, ms. 120:[181]

---

180 Hadis riwayat Abu Daud (no. 3221) dan lain-lain bersumberkan daripada 'Utsman bin Affan *radhiallahu'anh*. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani menganggap sanad hadis ini sebagai *hasan* (baik).

181 Dinukil daripada *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 544-545.

> Adapun doa', sesungguhnya Allah telah memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk melakukannya dan meminta Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk melaksanakannya. Dengan demikian, apabila dibolehkan berdoa untuk saudaranya yang masih hidup, bererti boleh pula berdoa untuk yang telah meninggal dunia dan *insya'* Allah keberkahan akan sampai padanya.

Demikian juga sebagaimana yang difatwakan oleh Syeikh 'Abd Allah Aziz bin Bazz *rahimahullah* menerusi *Majmu' al-Fatawa wa Muqallat,* jld. 4, ms. 348:[182]

> Amalan sedekah dan doa, ia bermanfaat bagi orang yang hidup dan yang telah mati mengikut kesepakatan kaum Muslimin. Tidak syak lagi, orang yang masih hidup mendapat manfaat pahala daripada sedekah yang dikeluarkan olehnya atau sedekah yang diberi oleh orang lain bagi pihaknya. Begitu juga dengan doa. Orang yang berdoa untuk kedua-dua ibu bapa dan bersedekah bagi pihak mereka ketika mereka masih hidup mendapat manfaat pahala daripada doa dan sedekah tadi.

Walau bagaimanapun, memandangkan nas-nas yang memerintahkan permohonan doa ke atas orang yang telah mati di atas adalah bersifat *mutlak* (umum) maka hendaklah ia diamalkan sesuai dengan sifat ke*mutlakan*nya (keumumannya). Ke*mutlak*kan nas-nas itu pula tidak boleh dibataskan kepada *kaifiyyat* (tata cara) tertentu kerana pembatasan yang demikian adalah bercanggah dengan ketentuan ayat di atas.

---

[182] Dinukil daripada *Jenazah: Menghurai Kemusykilan Berkaitan Pengurusan Jenazah* selenggaraan oleh Mohd. Yusof Arbain dan Sakinah Ariff Johor, ms. 170-171.

Ini seperti amalan kenduri arwah yang dilakukan dengan *kaifiyyat* (tata cara) yang khusus iaitu dilakukan pada hari-hari tertentu iaitu di hari pertama, ketiga, keempat puluh dan keseratus dari hari kematian, di tempat-tempat tertentu, sama ada di rumah si mati atau di kawasan perkuburan, dengan bacaan ayat atau surah tertentu seperti surah Yasin, al-Fatihah dan lain-lainnya serta diiringi dengan lafaz dan bilangan zikir-zikir tertentu sebagaimana yang telah penulis sentuh dalam perbahasan terdahulu.

Sehubungan dengan hal ini, Ustaz Rasul bin Dahri menjelaskan:[183]

> Apa yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Hadis serta contoh yang boleh diambil dari perbuatan para sahabat, hanya amalan berupa doa boleh disampaikan kepada orang yang telah mati tetapi bukanlah dengan cara mentahlilkan, meyasinkan dan membacakan al-Qur'an (secara) beramai-ramai untuk (dihadiahkan pahalanya kepada) si mati sebagaimana yang dilakukan oleh para pembuat bid'ah. Mendoakan si mati dibolehkan apabila mencontohi sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* atau para sahabat, kemudian terserah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk diterima atau ditolak.

Beliau menambah:[184]

> Hakikatnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah menyuruh dan mengajar para sahabat untuk membacakan

---

183 Dinukil daripada *Setiap Bid'ah Menyesatkan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1997), ms. 167. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Setiap Bid'ah Menyesatkan* sahaja.

184 Dinukil daripada *Setiap Bid'ah Menyesatkan* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 167.

al-Qur'an atau menghadiahkan pahala bacaannya kepada orang mati. Apa yang pernah dilakukan oleh baginda kepada para sahabat ialah cara-cara menziarahi kubur dan ucapan yang harus diucapkan semasa mereka masuk ke kawasan perkuburan sebagaimana hadis di bawah ini:

كان رسول الله (ص) يعلمهم اذا خرجوا الى المقابر فكان قائلهم يقول:

Maksudnya:

Pernah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengajar para sahabat semasa mereka ingin berziarah kubur supaya mereka mengucapkan:

السلام عليكم أهل الديار من المؤمنين والمسلمين فان شاء الله بكم لا حقون انتم فرطنا ونحن لكم تبع ونسأل الله لنا ولكم العافية. رواه أحمد ومسلم والنسائى.

Dalam hadis ini Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* mengajarkan para sahabat cara memberi salam dan doa. Baginda tidak pernah pula mengajar atau menyuruh membaca al-Qur'an semasa menziarahi kubur. Dalam hadis-hadis yang sahih telah diceritakan bahawa Nabi *shallallahi 'alaihi wasallam* pernah menziarahi perkuburan Baqi' di Madinah tetapi tiada satu pun riwayat yang sahih menjelaskan bahawa baginda pernah membaca al-Qur'an di atas kuburan atau menghadiahkan pahala bacaan baginda kepada penghuni kubur di Baqi'.

Sekiranya amalan membaca al-Qur'an di kuburan atau di mana sahaja yang bertujuan untuk menghadiahkan pahala bacaannya kepada ahli kubur (arwah atau orang mati) itu baik

dan mulia, ditambah pula dengan mengadakan kenduri dan jemputan secara besar-besaran atau kecil-kecilan itu juga boleh dianggap terpuji dan baik, tentulah Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* orang yang pertama melakukannya. Ini adalah kerana Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah insan yang paling bertakwa dan paling cinta kepada kebaikan.

KETIGA:

Umat Islam hendaklah mengucapkan takziah iaitu menyampaikan kata-kata atau nasihat yang dapat menenangkan atau menghiburkan hati ahli keluarga yang ditimpa kematian. Menurut bahasa, takziah adalah bermakna *tashbir* (menyabarkan), *tasliyah* (menghibur) atau *tatsbit* (menetapkan atau meneguhkan hati). Termasuk juga dalam pengertian takziah ialah segala usaha yang dilakukan oleh orang yang datang bertakziah untuk menyabarkan, menghibur dan menenangkan hati ahli keluarga yang terkena musibah.[185]

Sebaik-baik lafaz dan kaedah bertakziah adalah sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana dalam salah satu hadisnya seperti di bawah ini:

إِنَّ للهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أَعْطَى وَكُلٌّ عِنْدَهُ بِأَجْلٍ مُسَمًّى فَلْتَصْبِرْ وَالْتَحْتَسِبْ.

Maksudnya:

Sesungguhnya milik Allahlah segala yang Dia ambil dan milik-Nya segala yang Dia beri. Segala sesuatu

---

185 Dinukil daripada *Bimbingan Pengurusan Mayat* karya Akmal Haji Md Zain (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2008), ms. 180. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Bimbingan Pengurusan Mayat* sahaja.

memiliki ajal yang telah ditetapkan di sisi-Nya. Maka bersabarlah dan harapkanlah pahala (daripada Allah di atas musibah itu). [186]

Menyampaikan ucapan takziah ini dapat dilakukan pada bila-bila masa terutamanya pada saat kali pertama bertemu dengan ahli keluarga si mati atau ketika penyelenggaraan jenazahnya. Ia juga boleh dilakukan di mana-mana jua tanpa hanya terhad kepada tempat-tempat tertentu seperti berkumpul di rumah ahli keluarga si mati.

Menyampaikan ucapan takziah ini juga tidaklah memerlukan kepada hari-hari tertentu atau pun melalui majlis-majlis yang khusus seperti mana halnya yang dilakukan oleh orang ramai iaitu mengadakan upacara majlis kenduri arwah atau majlis tahlilan kerana perbuatan seumpama ini adalah bercanggah dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan amalan generasi *al-Salaf al-Shalih*.

Berkata salah seorang tokoh ulamak bermazhab Syafie, Ibn al-Qayim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H):[187]

وكان من هديه صلى الله عليه وسلم تعزية أهل الميت ولم يكن من هديه أن يجتمع للعزاء لا عند القبر، وكل هذا بدعة حادثة مكروهة.

Maksudnya:

Dan adalah termasuk petunjuk (sunnah) Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah bertakziah (mengucapkan takziah) kepada

---

186 Hadis riwayat al-Bukhari (no. 1284) dan Muslim (no. 923) bersumberkan daripada Usamah bin Zaid *radhiallahu'anh*.

187 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 70-71.

ahli keluarga si mati. Dan bukanlah dari sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu mengadakan perkumpulan untuk bertakziah, tidak di perkuburan dan tidak pula di tempat lain. Semua perbuatan ini adalah bid'ah yang diada-adakan yang dibenci.

Syeikh Ali Mahfuz al-Misri *rahimahullah* dalam kitabnya berjudul *al-Ibda' fi Madaharil Ibtida',* ms. 230 menulis:[188]

وعلى الجملة: فما يعمله الناس اليوم من اتخاذ الأطعمة للمغزين والنفقات التي تنفق في ليل لى المأتم وما يتبعها مثل ليل لى الجمع والأربعين كله من البدع المذمومة المخالفة لما كان عليه رسول الله صلوات الله وسلامه عليه والسلف الصالح من بعده.

Maksudnya:

Kesimpulannya: Apa yang diamalkan oleh manusia pada hari ini iaitu menyediakan makanan kepada orang-orang yang bertakziah (hadirin yang datang mengucapkan takziah) dan mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk digunakan pada malam-malam perkumpulan itu dan diikuti seperti pada malam-malam Jumaat dan malam-malam empat puluh. Semuanya itu adalah di antara bid'ah-bid'ah yang tercela yang menyalahi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan generasi *al-Salaf al-Shalih...*

<u>KEEMPAT</u>:

---

188 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 72-73.

Jika pihak yang meninggal dunia itu masih memiliki anak, maka hendaklah anak mereka melakukan amal-amal shalih yang masih bermanfaat bagi kedua orang tua mereka. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* berkata ketika diajukan soalan mengenai hukum melakukan amal-amal shalih seperti solat, puasa, menyembelih haiwan dan sebagainya lalu pahalanya dihadiahkan kepada orang yang telah meninggal dunia:[189]

> Jika seseorang meninggal lalu berwasiat agar (orang yang ditinggalkan) menyembelih atau beribadah atas namanya, maka wasiat ini wajib dilaksanakan kerana hal ini merupakan ketaatan kepada Allah dan sesuai dengan syariat-Nya.
>
> Adapun jika dia tidak berwasiat maka harus dilihat siapa yang melaksanakan penyembelihan dan sedekah tersebut. Jika orang itu adalah anaknya maka hal ini dibolehkan dan amalnya diterima kerana anak merupakan hasil usaha orang tuanya, dan masuk dalam keumuman firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:
>
> وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾
>
> Maksudnya:
>
> ***Dan bahawasanya seseorang manusia tidak memperoleh selain apa yang telah diusahakannya.*** [Surah al-Najm: 39]
>
> Dan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

---

189 Dinukil daripada *Majmu'ah Fatawa al-Madinah al-Munawwarah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Taqdir Muhammad Arsyad di atas judul *Fatwa-Fatwa Syaikh Nashiruddin al-Albani* (Media Hidayah, Jogjakarta, 2004), ms. 25-26.

إذا مات الإنسان انقطع عنه عمله الا من ثلاثة: صدقة جارية، أوعلم ينتفع به، أوولدصالح يدعوله.

Maksudnya:

Apabila seorang manusia meninggal dunia, seluruh amalannya terputus kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak shalih yang mendoakannya.[190]

Maka orang yang sudah meninggal tidak berhak lagi atas amal shalih kecuali jika salah satu ketiga perkara (dalam hadis) di atas masih ada. Dan tidak diragukan lagi bahawa jika seseorang anak beribadah dan beramal shalih setelah kematian ayahnya maka amalan anak ini masih merupakan bahagian dari keumuman ayat tadi dan keumuman sabda Rasulullah:

أَطْيَبُ الْكَسْبِ كَسْبُ الرَّجُلِ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ، وَإِنَّ أَوْلاَدَكُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ.

Maksudnya:

Sebaik-baik usaha adalah usaha dari tangannya sendiri dan sesungguhnya anak-anak kamu adalah termasuk hasil usaha kamu.

Jadi, amal shalih yang dilakukan oleh seseorang anak berada dalam lembaran (amal) shalih kedua orang tuanya terutamanya apabila sang anak memang meniatkan (pahala) amalnya itu untuk kedua orang tuanya. Adapun selain anak, maka

---

190 Hadis riwayat Muslim (no. 3084), at-Tirmidzi (no. 1298), al-Nasa'i (no. 3591), Abu Daud (no. 2494) dan Ahmad (no. 8489).

tidak ada ikatan yang membolehkan seseorang mengirim pahalanya kepada orang yang sudah meninggal dunia.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa amal-amal shalih yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada amalan-amalan yang sahih dan bukannya amalan-amalan yang bertentangan dengan petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Termasuk dalam perkara yang bertentangan dengan petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah mengadakan majlis kenduri arwah.

Sebagai contoh, salah satu amalan-amalan shalih yang boleh dilakukan oleh seorang anak apabila ibu bapa mereka telah meninggal dunia adalah dengan sentiasa mendoakan kebaikan mereka. Ini dapat dilakukan pada bila-bila waktu tanpa hanya terhad kepada upacara-upacara tertentu. Mendoakan ibu bapa ini juga tidak memerlukan kepada khidmat daripada para tekong kenduri arwah kerana semua ini hanyalah suatu pembaziran terhadap masa dan harta.

Mungkin ada yang bertanya, apakah doa khusus yang sepatutnya dibaca oleh anak yang kematian ibu bapa? Sebenarnya tiada lafaz doa yang baku dalam perkara ini. Oleh itu, kita bebaskan untuk melafazkan apa jua doa untuk kebaikan ibu bapa yang telah meninggal dunia. Hanya saja yang perlu ditekankan di sini bahawa hendaklah doa tersebut dilakukan mengikut adab-adab yang telah digariskan syarak serta tidak mengandungi sebarang unsur yang boleh menyebabkan doa tersebut tertolak.

Walau bagaimanapun sebaik-baik doa adalah sebagaimana doa yang diajarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan para nabi dan rasul-Nya. Oleh itu disarankan kepada mereka yang ingin mendoakan ibu bapa mereka agar dapat

menghafal doa-doa yang diajarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an sebagaimana yang tertera di dalam surah al-Ahqaf ayat 15, Nuh ayat 28 dan al-Isra' ayat 24.

Sebenarnya, selain daripada mendoakan ibu bapa dengan kebaikan, terdapat banyak lagi amal-amal shalih yang masih boleh dilakukan oleh anak untuk kemanfaatan ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia. Untuk itu, penulis menyarankan para pembaca yang budiman sekalian agar dapat meneliti buku *Wahai Ibu Wahai Ayah!* Karangan saudara Hafiz Firdaus Abdullah yang telah diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.[191]

---

[191] Sila lihat poin "*Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa Setelah Mereka Meninggal Dunia*" kerana di sana telah dibincangkan secara panjang lebar tentang amal-amal shalih yang masih boleh dimanfaatkan oleh anak ke atas ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia.

IMAM AL-SYAFIE DAN WAHHABI DALAM PERSOALAN AMALAN MEN*TALQIN* MAYAT DI KUBURAN

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

❋ Apakah yang dimaksudkan dengan *Talqin*?

Secara umumnya *talqin* adalah merujuk kepada amalan membimbing seseorang yang akan mati dengan ucapan kalimah *Laa ilaaha illallah* agar di akhir hayatnya dia dapat mengucapkan kalimah *Laa ilaaha illallah*. Ini kerana dalam sebuah hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedia diterangkan bahawa apabila seseorang mengucapkan kalimah *Laa ilaaha illallah* ketika akhirnya hayatnya, maka dia akan berjaya memasuki Syurga. Ini sebagaimana sabda baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلاَمِهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang akhir perkataannya: Laa ilaaha illallah, maka ia akan masuk Syurga. [192]

---

[192] Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim, Abu Daud dan lain-lain bersumberkan daripada Mu'az bin Jabal *radhiallahu'anh*. Dinilai sahih oleh Imam al-Suyuthi dalam *al-Jami' as-Shaghier* (no. 8965) dan disepakati kesahihannya oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dalam *Shahih al-Jami' as-Shaghier* (no. 6479).

Perintah untuk men*talqin*kan orang yang hendak meninggal dunia ini adalah berdasarkan salah satu hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri sebagaimana sabdanya dalam hadis berikut:

لَقِّنُوْا مَوْتَاكُمْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ.

Maksudnya:

Talqinlah orang yang akan/hampir mati di antara kamu dengan ucapan: Laa ilaaha illallah.[193]

❋ Benarkah amalan men*talqin*kan orang yang telah meninggal dunia berasal daripada ajaran Imam al-Syafie?

Tidak. Ini kerana jika diteliti kitab-kitab muktabar Imam al-Syafie *rahimahullah* tiada satu jua daripadanya yang menjelaskan bahawa amalan men*talqin*kan orang yang telah mati di perkuburan itu sebagaimana yang masyhur di negara-negara bermazhab Syafie termasuk di Malaysia berasal daripada pandangan mahupun ajaran beliau.

Malahan, tidak ada satu orang jua dalam kalangan murid-murid Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri yang menukilkan pandangan daripada beliau berkenaan anjuran men*talqin*kan orang yang telah meninggal dunia. Hanya saja amalan ini dianjurkan oleh sebahagian para ulamak kebelakangan (*mutakhirin*) dari kalangan bermazhab Syafie yang antara

---

[193] Hadis riwayat al-Bukhari (no. 1283) dan Muslim (no. 926) bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anhu.*

lainnya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah* di dalam kitabnya, *al-Majmu'*.[194]

❋ **Meneliti kedudukan hadis tentang *Talqin*.**

Berikut dipaparkan salah satu hadis berkenaan anjuran men*talqin* mayat di kuburan yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian pihak bagi mensabitkan amalan tersebut:

عن سعيد بن عبذ الله الأودي قال: شهدت أمامة، وهو في النزع فقال: إذا أنا مت فاصنعوا بي كماأمر رسول الله، أن نصنع بموتانا أمرنا رسول الله، فقال إذا مات أحد من إخوانكم فسويتم على قبره، فليقم أحدكم على رأس قبره، ثم يقول يا فلان ابن فلانة، فإنه يسمعه ولا يجيب، ثم يقول: يا فلان ابن فلانة، فإنه يستوي قاعدا، ثم يقول يا فلان ابن فلانة، فإنه يقول: أرشد رحمك الله، ولكن لا تشعرون، فليقل اذكرماخرجت عليه من الدنيا شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا عبده ورسوله، وأنك رضيت بالله ربا وبالإسلام دينا، وبمحمد نبيا. وبالقرآن إماما، فإن منكرا ونكيرا يأخذ كل واحد منهما بيد صاحبه، يقول: انطلق ماتقعد عند من لقن حجته، فإن لم يعرف اسم أمه؟ قال: فلينسبه إلى حواء، فلان بن حواء.

Maksudnya:

Dari Sa'id bin Abdullah al-Audi berkata: Saya menyaksikan Abu Umamah saat menjelang meninggal dunia dan beliau berkata: Apabila saya meninggal dunia

---

194 Lihat *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil, ms. 309.

maka lakukanlah bagiku sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah untuk kami lakukan pada orang yang meninggal. Baginda bersabda: Apabila salah seorang dari kalian meninggal dunia lalu kalian sudah meratakan kuburannya, maka hendaklah salah seorang dari kalian berdiri pada sisi kepala kubur, lalu hendaklah dia berkata: Wahai Fulan anaknya Fulanah kerana dia akan mendengarnya meskipun tidak boleh menjawab.

Kemudian katakan: Wahai Fulan bin Fulanah, maka dia akan duduk sempurna. Kemudian katakan Wahai Fulan anaknya Fulanah", maka dia akan berkata: Berilah aku petunjuk, semoga Allah merahmati kalian. Lalu hendaklah dia katakan: Ingatlah apa yang engkau bawa keluar dari dunia ini iaitu syahadah bahawa Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah seorang hamba dan utusan-Nya, dan engkau redha Allah sebagai Rabb-mu, Islam sebagai agamamu, Muhammad sebagai nabimu, al-Qur'an sebagai imammu. Kerana salah seorang daripada Malaikat Mungkar dan Nakir akan mengambil tangan yang lainnya seraya berkata: Pergilah, tidak perlu duduk pada orang yang sudah ditalqinkan hujahnya.

Dengan ini semua maka Allah akan menjadi hujahnya dalam menghadapi keduanya. Lalu ada seorang yang bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana kalau tidak diketahui nama ibunya? Maka Rasulullah bersabda: Nasabkanlah kepada Hawa, katakan Fulan bin Hawa.

Hadis di atas dikeluarkan oleh at-Thabrani dalam *ad-Du'a* dan *Mu'jam al-Kabir* dari jalan Muhammad bin Ibrahim al-Ala',

telah menceritakan kepada kami Isma'il bin 'Ayyasy, telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Muhammad al-Qurasyi dan Yahya bin Abi Katsir dari Sa'id bin Abdullah al-Audi. Hadis ini adalah hadis *dha'if* (lemah). Berikut dikemukakan beberapa komentar ulamak hadis terhadap kedudukan riwayat di atas: [195]

- Berkata al-Haithami *rahimahullah* dalam *al-Majma',* jld. 3, ms. 45: Dalam sanadnya banyak perawi yang tidak saya kenali.
- Berkata Ibn Solah *rahimahullah*: Sanadnya tidak dapat dijadikan hujah.
- Imam al-Nawawi *rahimahullah* juga melemahkannya sebagaimana dalam *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab,* jld. 5, ms. 304 dan *al-Fatawa,* ms. 54.
- Berkata Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* dalam *Majmu' al-Fatawa,* jld. 4, ms. 296: Hadis ini tidak dihukumi sahih.
- Berkata Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* dalam *Zad al-Ma'ad,* jld. 1, ms. 523: Tidak sahih secara *marfu'*. Beliau juga berkata dalam *Tahdzib as-Sunan*: Hadis ini disepakati akan kelemahannya.

---

[195] Lihat penjelasan ini dalam *Hadits Lemah & Palsu Yang Populer Di Indonesia* karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik, 2007), ms. 145-148, *Bincang-Bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari (Pustaka At-Tibyin, Solo, 2007), ms. 90-91, *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil dalam edisi terjemahan oleh H. Nabhani Idris dan Saefudin Zuhri di atas judul *Manhaj 'Aqidah Imam Asy-Syafi'i* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005), ms. 308-317 dan *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur, 2005), jld. 1, ms. 285-291.

- Imam al-'Iraqi *rahimahullah* juga melemahkannya dalam *Takhrij Ihya',* jld. 4, ms. 420.
- Berkata Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* dalam *Nata'ijul Afkar* dan *Fath al-Bari,* jld. 10, ms. 563: Lemah sekali (*dha'if jiddan*).
- Hadis ini juga dilemahkan oleh Zarkasyi dalam *al-La'ali al-Manstsurah,* ms. 59, al-Suyuthi dalam *ad-Durar al-Manstsurah,* ms. 25 serta Imam ash-Shan'ani dalam *Subulus Salam,* jld. 2, ms. 114.

Kesimpulannya hadis berkenaan dengan amalan men*talqin*kan mayat di atas adalah lemah sama sekali.[196] Demikian juga dengan kedudukan riwayat-riwayat lain yang dianggap sebagai *syawahid* kepada hadis di atas di mana kesemuanya dilihat terlalu longgar untuk berfungsi sebagai penguat bagi mensabitkan amalan men*talqin*kan mayat di sisi kuburan. Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani

---

[196] Sebahagian pihak berhujah bahawa meskipun hadis *talqin* ini adalah hadis yang lemah, namun ianya tetap boleh diamalkan bagi tujuan *fadhaail al-a'mal* (keutamaan amal). Hujah ini dapat dijawab bahawa kebolehan untuk beramal dengan hadis-hadis yang lemah memiliki beberapa syarat yang tersendiri yang harus dipenuhi sebagaimana yang telah digariskan oleh para ilmuan. Dalam kes ini kebolehan untuk mengamalkan hadis *talqin* tersebut adalah tidak dapat diterapkan. Ini kerana, dalam ilmu hadis sedia digariskan bahawa sesuatu hadis lemah yang hendak diamalkan perlulah terlebih dahulu memiliki asas daripada hadis-hadis sahih yang mendukungnya.

Malangnya kaedah ini tidak dapat diaplikasikan terhadap hadis di atas bagi mensyariatkan amalan men*talqin*kan mayat, mengingatkan tidak ada satu jua hadis sahih atau *hasan* yang dapat dijadikan sebagai penguat (*syawahid*) kepada hadis tersebut. Lebih lanjut mengenai perbahasan terhadap syarat-syarat beramal dengan hadis yang lemah, sila rujuk *Hadits Lemah & Palsu Yang Populer Di Indonesia* karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik, 2007). Lihat ms. 15 dan seterusnya.

rahimahullah (1420H) menerusi kitabnya yang berjudul *Irwa' a-Ghalil,* jld. 3, ms. 204-205 menjelaskan:

> Pernyataan bahawa hadis tersebut memiliki *syawahid* adalah pandangan yang terlalu longgar. Sebab, riwayat-riwayat yang disebutkannya sebagai *syawahid* tidak patut dijadikan sebagai *syawahid* dan semua riwayat-riwayat tersebut tidak menunjukkan kepada makna *talqin* sama sekali, melainkan semua berbicara sekitar doa bagi jenazah. Oleh kerana itu, saya tidak mengutipnya.
>
> Hanya ada satu riwayat yang secara tegas menyebutkan tentang *talqin* ini, iaitu riwayat Sa'id bin Manshur. Akan tetapi, fungsinya sebagai penguat kurang kuat kerana isinya lebih mencakup dan lebih luas matannya daripada riwayat itu, dan di dalamnya terdapat kata-kata: *"Kita akan pergi dari orang yang jawapannya diajarkan....."* Maka di mana letak *syahid* (penguatnya) itu?
>
> Sekalipun menjadi penguat, ia tetap tidak boleh dianggap (sebagai *syawahid*) kerana riwayat ini *mauquf* (terhenti), bahkan ini riwayat *maqthu'* (terputus antara *tabi'in* dengan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*). Saya tidak tahu mengapa hal itu terluput daripada (pengetahuan) al-Hafiz Ibn Hajar – semoga Allah mengampuni kami dan dia.

Dengan penerangan di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa amalan men*talqin* mayat di kuburan sebagaimana yang biasa diamalkan oleh sebahagian umat Islam – sekalipun ada yang menganggapnya baik (bid'ah *hasanah*) dan membolehkannya – adalah merupakan bid'ah yang harus

ditinggalkan. Hal ini berdasarkan kepada beberapa alasan berikut:[197]

<u>PERTAMA</u>:

Dewasa ini ramai dalam kalangan umat Islam yang mewajibkan *talqin*. Mereka menganggapnya sebagai sunnah, bahkan dalam kalangan mereka ada yang mengatakan bid'ah jika hal itu ditinggalkan. Akhirnya, sunnah dan bid'ah bercampur. Dengan demikian kita harus berwaspada.

<u>KEDUA</u>:

Masalah ini bukanlah termasuk *fadhaail al-a'mal* (keutamaan amal) sebagaimana dakwaan sesetengah pihak. Akan tetapi ianya adalah tergolong dalam masalah akidah yang di dalamnya mengandungi berita tentang perkara-perkara ghaib yang tidak dapat disaksikan dengan mata seperti perkhabaran mengenai duduknya jenazah, mendengarnya jenazah akan panggilan yang memanggilnya dan ucapan Malaikat Munkar dan Nakir.

Hal ini jelas bercanggah dengan sekian banyak firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan al-Hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang menafikan keupayaan manusia untuk mengetahui perkara-perkara ghaib. Antaranya sebagaimana firman-Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi kedua-dua ayat di bawah ini:

---

197 Penjelasan ini asalnya dikemukakan oleh Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil di dalam buku beliau, *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah*, ms. 316-317. Diikuti dengan beberapa olahan bahasa dan tambahan daripada penulis.

قُل لَّا يَعۡلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ ٱلۡغَيۡبَ إِلَّا ٱللَّهُۚ وَمَا يَشۡعُرُونَ

أَيَّانَ يُبۡعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

Katakanlah: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah. [Surah al-Naml: 65]

Juga firman-Nya dalam ayat yang lain:

۞ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَۚ

Maksudnya:

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Dia sahaja.

KETIGA:

Lafaz hadis tersebut sendiri adalah menyalahi adab rabbani dalam doa dan panggilan. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan kita supaya memanggil seseorang itu dengan menisbahkan kepada nama bapanya dan bukan kepada nama ibunya. Ini sebagaimana firman-Nya:

ٱدۡعُوهُمۡ لِأٓبَآئِهِمۡ هُوَ أَقۡسَطُ عِندَ ٱللَّهِۚ

Maksudnya:

Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan memakai nama bapa-bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah. [Surah al-Ahzab: 5]

Dalam hal ini berkata Syeikh Abu Ishaq al-Huwaini *rahimahullah*:

> Matan hadis ini (hadis tentang *talqin*) juga *mungkar* kerana bertentangan dengan hadis yang sahih bahawa seorang dipanggil dengan nama bapanya, sebagaimana dalam hadis Ibn 'Umar bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: *Sesungguhnya seorang pengkhianat akan diangkat benderanya pada Hari Kiamat dan dikatakan: Inilah pengkhianatan Fulan bin Fulan*. Oleh sebab itu, Imam al-Bukhari *rahimahullah* berkata: Bab manusia dipanggil dengan nama bapa-bapa mereka.

Sedangkan panggilan pada riwayat tentang *talqin* ini dengan nama ibu iaitu "*Hai Fulan bin Fulanah",* jelas bertentangan dengan ayat al-Qur'an dan al-Hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di atas.

KEEMPAT:

Amalan ini tidak masyhur dalam kalangan ulamak sehingga Imam Ahmad *rahimahullah* berkata:

> Aku tidak ketahui ada orang yang mengerjakannya, kecuali penduduk negeri Syam. Padahal (jika riwayat *talqin*) itu (sahih) besar manfaatnya untuk jenazah. Tetapi, mengapa *talqin* ini tidak mendapat perhatian para (generasi) Salaf, malah mereka tidak mengenalnya? Inilah apa yang dapat kami ringkaskan daripada masalah ini. Jika benar, bererti dari Allah, jika salah, bererti dari kami dan dari syaitan serta kami beristighfar kerananya.

Malah amalan ini juga tidak pernah dianjurkan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H) melainkan hanyalah sebilangan pengikut beliau dari kalangan ulamak *mutakhirin*.

Berkata Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil di dalam kitabnya, *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah,* ms. 312:

> Tidak ditemukan ucapan dari Imam al-Syafie *rahimahullah* tentang masalah ini (iaitu anjuran men*talqin*kan mayat) dan tidak ada seorang pun dari kawan-kawan dan pengikutnya yang mengatakan bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* telah mengemukakan pendapatnya mengenai masalah ini. Yang mensunnahkannya hanyalah sebahagian dari pengikut Imam al-Syafie *rahimahullah* seperti yang dituturkan oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah.*

Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* dengan tegas mengatakan di dalam kitab beliau *Zad al-Ma'ad,* jld. 2, ms. 145 sebagai berikut:[198]

> Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah membaca al-Qur'an di kuburan dan tidak pernah pula men*talqin*kan orang mati sebagaimana yang dikerjakan orang sekarang. Bahkan Imam Ahmad bin Hanbal, ketika beliau ditanya oleh Astram tentang men*talqin*kan mayat ini menjelaskan bahawa beliau tidak pernah melihat orang berbuat demikian, kecuali penduduk negeri Syam, ketika wafatnya al-Mughni. Amalan ini secara nyata bukanlah perbuatan yang berpunca dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan juga tidak pernah dilakukan oleh para sahabat

---

[198] Dinukil daripada *Bimbingan Pengurusan Mayat* karya Akmal Haji Md Zain, ms. 158.

Sementara itu, Imam Shan'ani *rahimahullah* menerusi kitabnya yang berjudul, *Subul al-Salam,* jld. 1, ms. 114 menyimpulkan sebagai berikut:[199]

> Kesimpulan daripada para imam ahli *tahqiq,* bahawa hadis men*talqin*kan mayat itu adalah *dha'if* dan mengamalkannya adalah bid'ah. Kerana itu janganlah kamu terpedaya oleh ramainya orang yang mengamalkannya.

<u>KELIMA</u>:

Ia bertentangan dengan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* agar men*talqi*nkan orang yang <u>hampir</u> meninggal dunia (berdasarkan kepada lafaz *mautaakum* موتاكم) dan bukannya orang yang <u>telah</u> mati kerana orang yang telah mati tidak mampu berkata-kata lagi. Perhatikan hadis baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini:

لَقِّنُوْا مَوتَاكُمْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ.

Maksudnya:

Talqinlah orang yang <u>akan/hampir</u> mati di antara kamu dengan ucapan: laa ilaaha illallah. [200]

Kenyataan di atas dikuatkan lagi dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana dalam ayat berikut:

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا ﴿٧٠﴾

---

[199] Dinukil daripada *Bimbingan Pengurusan Mayat* karya Akmal Haji Md Zain, ms. 158.

[200] Hadis riwayat al-Bukhari (no. 1283) dan Muslim (no. 926) bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anh.*

Maksudnya:

Supaya ia (al-Qur'an) memberi peringatan kepada orang-orang yang hidup... [Surah Yasin: 70]

Sama-sama kita perhatikan, bukankah dalam ayat ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan kepada kita bahawa al-Qur'an itu adalah peringatan untuk orang-orang yang masih hidup?[201] Apakah para penggemar dan penegak bid'ah *hasanah* amalan *talqin* ini tidak dapat memahami ayat ini sehingga mereka begitu bersemangat mencipta bid'ah mengajari orang-orang yang telah meninggal dunia? Lucunya, ayat ini sendiri tercantum di dalam surah Yasin, iaitu surah yang menjadi pilihan kebanyakan para penggemar dan penegak bid'ah *hasanah* ketika menziarahi tanah perkuburan.[202]

---

[201] Selain itu lihat juga surah an-Naml ayat 80 yang menegaskan ketidakmampuan orang-orang yang telah mati untuk mendengar.

[202] Untuk perbincangan yang lebih mendalam berkenaan kemungkaran amalan *talqin* mayat, sila rujuk *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil yang kini telah pun diterjemahkan oleh saudara H. Nabhani Idris dan Saefudin Zuhri di atas judul *Manhaj 'Aqidah Imam Asy-Syafi'i* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta, 2005). Sila lihat ms. 308 dan seterusnya.

WAHHABI MENGHARAMKAN QUNUT SUBUH DAN PENENTANG IMAM AL-SYAFIE?

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Apabila kita berbicara mengenai isu Wahhabi, rasanya perbincangan tidak akan lengkap tanpa menyentuh persoalan doa qunut subuh. Di sana-sini jika kita sebut sahaja isu Wahhabi, lazimnya antara persoalan yang dikaitkan oleh sebahagian pihak dengan fahaman ini ialah mengenai doa qunut subuh.

Fenomena ini menimbulkan satu kemusykilan kepada diri penulis, apakah kedudukan sebenar ibadah tersebut di sisi syariat Islam dan hubung kaitnya dengan kelompok yang sering disebut-sebut sebagai kaum Wahhabi ini? Adakah kerana disebabkan perasaan benci terhadap Imam al-Syafie dan mazhab Syafie menyebabkan kaum Wahhabi ini menolak doa qunut subuh? Malah menganggapnya sebagai satu bid'ah jika dilaksanakan secara terus-menerus setiap kali mengerjakan ibadah solat subuh?

Memandangkan persoalan doa qunut subuh ini memiliki kaitan yang amat kuat dengan kelompok Wahhabi, maka artikel ini akan memfokuskan perbincangan kepada beberapa perkara berkaitan persoalan qunut subuh. Antara perkara-perkara yang akan diberi perhatian dalam perbincangan risalah ini adalah:

1) Adakah amalan membaca doa qunut <u>secara tetap</u> pada setiap kali mengerjakan ibadah solat subuh itu adalah

merupakan petunjuk yang berasal dari al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih[203] atau sebaliknya?

2) Benarkah *Ahl al-Sunnah* yang masyhur dengan gelaran Wahhabi mengharamkan qunut, sekaligus menafikan kedudukan amalan tersebut di sisi syariat ?

3) Seterusnya, adakah benar kaum Wahhabi menentang mazhab Imam al-Syafie dan para ulamak bermazhab Syafie, sekaligus merupakan golongan yang telah terkeluar dari mazhab berkenaan?

---

[203] Penulis menegaskan "yang sahih" kerana terdapat sebahagian pihak yang apabila berbicara mengenai soal-soal agama, mereka mencukupkan diri dengan hanya berpaut kepada sesuatu dalil tanpa meneliti terlebih dahulu kedudukan dalil tersebut , adakah ianya sesuatu yang sah (sahih) di sisi al-Sunnah Rasulullah atau sebaliknya.

Apa yang nyata, sikap ini adalah bercanggah dengan ajaran agama yang sememangnya menitikberatkan persoalan kesahihan sesuatu fakta dan sentiasa menuntut penganutnya agar berusaha semampu yang mungkin untuk mengetahui kedudukan sebenar bagi setiap perkara yang menjadi dasar pegangan ataupun amalan mereka dalam beragama. Ini sebagaimana firman Allah dalam surah al-Isra', ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ ۚ إِنَّ ٱلسَّمْعَ وَٱلْبَصَرَ وَٱلْفُؤَادَ كُلُّ أُو۟لَـٰٓئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْـُٔولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya.

❋ **Meneliti kedudukan amalan qunut subuh secara statik di sisi al-Sunnah Rasulullah.**

Demikian persoalan utama yang akan kita sentuh menerusi perbahasan pertama ini. Sebelum kita melanjutkan perbahasan ini, terlebih dahulu suka penulis ingatkan kepada sidang pembaca yang budiman sekalian agar hendaklah sentiasa berlapang dada terhadap apa jua hujah atau fakta yang akan dikemukakan di sepanjang perbincangan risalah ini.

Ini kerana penulis amat menyedari bahawa persoalan yang dibangkitkan menerusi perbahasan ini bukanlah satu persoalan kecil yang hanya boleh dipandang "ringan" begitu sahaja. Sebaliknya ia adalah suatu persoalan atau isu berat yang bakal menyentuh sensitiviti sesetengah pihak.

Walau bagaimanapun perlu ditegaskan di sini bahawa perbincangan ini tidak sekali-kali bertujuan ingin mencetuskan pertelingkahan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam, mengingatkan betapa kejinya perpecahan itu di sisi Allah dan Rasul-Nya. Sebaliknya, tujuan perbincangan ini dikemukakan adalah sekadar untuk perkongsian ilmu semata-mata, di samping ianya merupakan salah satu inisiatif penulis dalam usaha membuka minda dan mata umat Islam untuk melihat keluasan pandangan dan syariat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang maha luas lagi dalam ini.

Justeru, sebagai seorang muslim hendaklah kita menghadapi suasana ini dengan semangat dan minda yang terbuka demi untuk mencari kebenaran yang pastinya akan menjanjikan hidayah petunjuk daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firman-Nya dalam ayat berikut:

ٱلَّذِينَ يَسۡتَمِعُونَ ٱلۡقَوۡلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحۡسَنَهُۥٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمۡ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ١٨

Maksudnya:

(Orang-orang) yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan mengikuti akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama), mereka itulah orang-orang yang telah diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna. [Surah az-Zumar: 18]

Kembali kepada persoalan amalan membaca doa qunut subuh secara tetap, adakah ianya suatu yang bersumberkan kepada petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih atau sebaliknya. Bagi mereka yang mengkaji secara adil dan amanah[204] permasalahan ini, maka mereka akan dapati bahawa pandangan yang paling *rajih* (kuat) lagi mendekati kebenaran adalah pendapat yang mengatakan

---

[204] Ditekankan sifat "adil dan amanah" di sini kerana tidak sedikit dalam kalangan ahli agama yang apabila diajukan sesuatu persoalan berkaitan dengan masalah agama, mereka menjawabnya secara tidak adil dan amanah. Dikatakan sebagai tidak adil kerana ada dalam kalangan sebahagian ahli agama yang apabila mengemukakan sesuatu pandangan, mereka hanya cenderung untuk mengambil pandangan sesuatu pihak tanpa mahu melihat pandangan dari pihak lain yang mungkin lebih *rajih* (kuat) dan *sarih* (jelas) berbanding dengan pandangan yang mereka kemukakan.

Manakala, dikatakan sebagai tidak amanah pula adalah kerana adakalanya pandangan yang mereka kemukakan itu adalah diambil dari sumber yang tidak sahih seperti halnya menggunakan hadis-hadis yang *dha'if* (lemah) atau tertolak sanadnya bagi mendukung sesuatu pandangan atau pemikiran yang mereka cenderungi.

bahawa amalan membaca doa qunut secara tetap pada setiap kali mengerjakan solat subuh bukanlah suatu yang menepati al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mahupun para sahabat *radhiallahu'anhum*. Sebaliknya, yang lebih tepat, ia adalah suatu yang amat berseberangan dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang akan diterangkan dalam perbincangan selanjutnya.

Terkecuali dalam hal ini ialah amalan membaca doa qunut *nazilah,* di mana kita dianjurkan membacanya ketika adanya musibah yang melanda umat Islam sebagaimana yang telah dijelaskan oleh banyak nas dari al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih mahupun *atsar* para sahabat *radhiallahu 'anhum* yang akan dikemukakan sebentar lagi.

Walau bagaimanapun, seperkara yang perlu diketahui berhubung dengan amalan membaca doa qunut *nazilah* ini adalah, ia tidaklah dilakukan secara statik (berterusan) atau hanya terhad kepada solat subuh sahaja. Akan tetapi ia hendaklah dilakukan secara <u>sekali-sekala</u> dalam <u>semua</u> solat fardhu tanpa mengkhususkannya kepada solat subuh sahaja. Berkata Syeikh Sayyid Sabiq *rahimahullah*: [205]

> (Membaca doa) qunut dalam solat subuh itu tidak disyari'atkan kecuali apabila terjadi bahaya (yang menimpa kaum muslimin). Dan kalau terjadi bahaya itu, maka bukan hanya dalam solat subuh sahaja disunatkan berqunut (qunut *nazilah*), tetapi juga di dalam semua solat fardhu yang lain sebagaimana yang diterangkan di atas.

---

205 Dinukil daripada *Fikih Sunnah* karya Syeikh Sayid Sabiq (Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1990), jld.2, ms. 43.

Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* yang juga merupakan salah seorang tokoh ulamak bermazhab Syafie terkemuka berkata dalam kitabnya, *al-Huda*:[206]

> Pengertian terhadap permasalahan qunut yang paling adil dan sekaligus diredai oleh orang-orang yang berilmu, yang mahu bersikap objektif, bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah qunut lalu meninggalkan qunut itu. Tidak qunutnya baginda lebih banyak dari qunutnya. Baginda hanya melakukan qunut tatkala datangnya cubaan, untuk mendoakan suatu kaum dan mendoakan kecelakaan suatu kaum yang lain.
>
> Kemudian baginda tidak melakukan qunut kerana orang-orang yang baginda doakan telah selamat dan orang-orang yang didoakan kecelakaan kepada mereka telah bertaubat atau menyerah. Jadi qunut itu baginda lakukan hanya untuk sesuatu yang menghalangi. Namun tatkala halangan itu hilang, maka baginda tidak lagi berqunut.

Dalam pada itu, Prof. Dr. TM Hasbi Shiddieqie menerusi *Koleksi Hadith-Hadith Hukum*, jld. 3, ms. 250 menerangkan:[207]

> Yang demikian menjadi titik berat pen*tahqiq*an (analisa) kami ialah bahawasanya Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak tetap membaca doa qunut subuh dengan diaminkan oleh makmum. Mengekalkan yang demikian menurut pentahqiqan kami, itulah yang dibid'ahkan oleh mereka yang membid'ahkannya.

---

[206] Dinukil daripada buku *Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001), ms. 52. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Menangani Persoalan Doa Qunut* sahaja.

[207] Dinukil daripada buku *Menangani Persoalan Doa Qunut* karya Hafiz Firdaus Abdullah, ms. 53-54.

Adapun dalil yang dapat dijadikan hujah bagi menguatkan kenyataan para tokoh di atas ini adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Hadis yang bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anh* yang bermaksud:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ كَانَ لاَ يَقْنُتُ إِلاَّ إِذَا دَعَا لِقَوْمٍ أَوْ عَلَى قَوْمٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi tidak melakukan qunut kecuali apabila beliau berdoa untuk (kebaikan) suatu kaum atau berdoa (keburukan ke atas suatu kaum). [208]

KEDUA:

Abdullah Ibn 'Abbas *radhiallahu'anh*:

قنت رسول الله صل الله عليه وسلم متتابعا فى الظهر والعصروالمغرب والعشاء والصبح دبر كل صلاة إذا قال: سمع الله لمن حمده، من الركعة الأ خرة يدعو عليهم، على حي من بني سليم على رعل وذكوان وعصية، ويؤمن من خلفه.

Maksudnya:

---

208 Hadis riwayat Ibn Khuzaimah, jld. 1, ms. 314 (no. 620) dan Ibn al-Jauzi dalam *at-Tahqiq,* jld. 1, ms. 460. Dinilai sahih oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dalam *as-Shahihah* (no. 639).

Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam telah berqunut sebulan berturut-turut dalam solat Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh iaitu dalam rakaat terakhir ketika i’tidal sehabis mengucapkan: Sami' Allahuliman hamidah. Di situ baginda berdoa untuk kebinasaan Bani Sulaim, Ra’al, Dzakwan dan Ushaiyah, sedang makmum yang di belakangnya mengaminkan doa itu. [209]

<u>KETIGA</u>:

'Ashim bin Sulaiman *radhiallahu ‘anh* berkata:

Kami telah bertanya kepada Anas bin Malik radhiallahu ‘anh:

إن قوما يزعمون أن النبي صل الله عليه وسلم لم يزل يقنت في الفجر. فقال: كذبوا! إنما قنت شهرا واحدا يدعو على حي من أحياء المشركين.

Maksudnya:

Orang-orang beranggapan bahawa Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam sentiasa berqunut dalam solat subuhnya, benarkah begitu? Anas menjawab:

---

[209] Hadis riwayat Abu Daud dan berkata al-Nawawi dalam *al-Majmu’*, jld. 3, ms. 482: “*Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang hasan atau sahih.”* Dinilai hasan oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* (no. 1443).

Catatan tambahan: Syeikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* memiliki sebuah risalah yang bermanfaat berkaitan dengan doa qunut yang diberi judul *Syarh Du'aa-il Qunuut.* Kini risalah tersebut telah pun diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh saudara Isma'il Ali bin Jabal di atas judul *Syarah Do'a Qunut* (Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Bogor). Dipersilakan merujuk ke sana untuk mendapatkan maklumat yang bermanfaat berkaitan syarah beliau ke atas doa qunut.

Dustalah mereka! Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam hanya berqunut selama sebulan <u>penuh</u>, dia mendoakan kecelakaan atas suatu kabilah dari kabilah-kabilah musyrikin (yakni qunut nazilah). [210]

Berhubung dengan lafaz doa qunut yang sering dibaca oleh majoriti umat Islam yang berpegang kepada mazhab Syafie sekarang ini iaitu ***Allahummahdinii fiiman hadait***.... sampai akhir" ia sepatutnya hendaklah dibaca ketika solat <u>sunat witir</u> dan bukannya solat <u>fardhu subuh</u>. Apatah lagi jika membacanya secara statik (berterusan), sudah tentu saja perbuatan ini bertentangan dengan al-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang menunjukkan ianya hanya dibaca sekali-sekala dalam solat sunat witir. Hadis-hadis berikut menjadi rujukan:

<u>PERTAMA</u>:

Hasan bin 'Ali *radhiallahu'anh* berkata: ***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah mengajarkan aku beberapa kalimat yang harus aku ucapkan di dalam solat witir iaitu:***

اَللَّهُمَّ اهْدِنِيْ فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِيْ فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِيْ فِيْمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِيْ شَرَّمَا قَضَيْتَ، إِنَّكَ تَقْضِيْ وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لاَ يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، (وَلاَيَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ) تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

Maksudnya:

Allahummah dinii fiiman hadaiit, wa'aafinii fiiman 'aafaiit, watawallanii fiiman tawallaiit, wabariklii

---

[210] Hadis sahih riwayat oleh al-Khatib.

fiimaa a'thoit, waqinii syarromaa qadhoiit, innaka taqdhii walaa yuqdho 'alaik, wa innahu laa yadzilluman waalaiit, walaa ya'izzuman 'aadaiit, tabarokta robbanaa wata 'aalaiit. [211]

<u>KEDUA</u>:

Sa'ad bin Thariq bin Asyam al-Asyja'i *radhiallahu'anh* meriwayatkan:

قُلْتُ لأَبِيْ: يَاأَبَتِ إِنَّكَ صَلَّيْتَ خَلْفَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيْ هَهُنَا وَبِالْكُوْفَةِ خَمْسَ سِنِينَ فَكَانُوْا يَقْنُتُوْنَ فِي الْفَجْرِ؟ فَقَالَ: أَيْ بُنَيَّ مُحْدَثٌ.

Maksudnya:

Saya bertanya kepada ayahku: Wahai ayahku, engkau (mengerjakan) solat di belakang Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, dan di belakang Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman dan 'Ali di sini dan di Kufah selama 5 tahun, apakah mereka melakukan (doa) qunut pada solat subuh? Maka dia (ayahku) menjawab: Wahai anakku, hal tersebut adalah perkara baru (bid'ah). [212]

---

[211] Hadis riwayat Ibn Majah, al-Tirmidzi, Ahmad, ad-Darimi, al-Hakim dan al-Baihaqi dan Abu Daud. Lihat *Shahih al-Tirmidzi*, jld. 1, ms. 144, *Shahih Sunan Abu Daud* (no. 1425), *Shahih Ibn Majah*, jld. 1, ms. 194 dan *Irwa' al-Ghalil*, jld. 2, ms. 172 karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah*. Imam al-Nawawi juga menganggapnya sahih sebagaimana keterangannya di dalam *al-Maj'mu'*, jld. 3, ms. 472.

[212] Hadis riwayat al-Tirmidzi (no. 402), al-Nasa'i (no. 1080) dan dalam *al-Kubra* (no. 667), Ibn Majah (no. 1242), al-Baihaqi, jld. 2, ms. 213, al-Maqdasy dalam *al-Mukhtarah,* jld. 8, ms. 97-98, Ibn al-Jauzi dalam *at-Tahqiq* (no. 677-678) dan lain-lain. Disahihkan oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* dalam *Irwa' al-Ghalil* (no. 345) dan *Shahih Sunan al-Tirmidzi* (no. 402).

Dengan terteranya hadis-hadis dan *atsar* daripada para sahabat yang sahih di atas ini, maka nyatalah kepada kita bahawa yang disyari'atkan membaca doa ***Allahumahdinii fiiman hadaiit...*** ialah ketika dalam solat sunat witir, bukannya solat fardhu subuh. Sekiranya amalan membaca doa qunut witir sambil diaminkan oleh makmum itu dilakukan secara statik (berterusan) pada solat fardhu subuh oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiallahu 'anhum*, maka sudah pasti riwayat mengenainya masyhur dan akan sampai kepada pengetahuan kita sebagaimana halnya ibadah solat dan ibadah-ibadah lainnya.

Malangnya sehingga kini tidak ditemui satu pun hadis atau riwayat yang sahih yang menerangkan sedemikian. Jika ada sekalipun, hadis atau riwayat tersebut tidak terlepas daripada kelemahan dan kritikan oleh para ahli hadis. Prof. Dr. TM Hasbi Shiddieqie menerusi *Koleksi Hadith-Hadith Hukum,* vol 5, ms. 10 menerangkan: [213]

> Para *fuqaha'* hadis berkata, kita mengetahui dengan yakin bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak (berdoa) qunut secara tetap. Jika Nabi ada berqunut secara tetap, tentulah banyak sahabat yang meriwayatkannya. Padahal tidak seorang sahabat pun yang meriwayatkan Nabi berdoa dalam berdiri (doa qunut), baik di solat subuh mahupun di solat yang lainnya, melainkan meminta pertolongan Allah untuk menyelamatkan suatu kaum atau membinasakan sesuatu kaum yang lain.

---

213 Dinukil daripada buku *Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?* karya Hafiz Firdaus Abdullah, ms. 52.

❋ **Meneliti kedudukan hadis yang mensyariatkan doa qunut dilakukan secara terus-menerus pada solat fardhu subuh.**

Salah satu hadis yang paling lazim dan masyhur dijadikan dalil oleh sebahagian pihak khususnya oleh para *fuqaha'* dari mazhab Syafie bagi mensabitkan amalan membaca doa qunut terus-menerus pada solat fardu subuh adalah sebagaimana riwayat Anas bin Malik *radhiallahu'anh* berikut:

مَازَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ يَقْنُتُ فِيْ صَلاَةِ الْغَدَاةِ حَتَىَّ فَارَقَ الدُّنْيَا.

Maksudnya:

Terus-menerus Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam qunut pada solat subuh sehingga beliau meninggalkan dunia.

Hadis ini adalah hadis yang mungkar. [214] Ia dikeluarkan oleh Ibn Abi Syaibah (no. 7002), 'Abdurrazaq dalam *al-Mushannaf*, jld. 3, ms. 110 (no. 4964), Ahmad, jld. 3, ms. 162, ath-Thahawi dalam *Syarah Ma'ani al-Atsar,* jld. 1, ms. 244, Ibn Syahin dalam *Hasikhul Hadith wa Mansukhih* (no. 220), al-Hakim dalam kitab *al-Arba'in* sebagaimana dalam *Nashbur Rayah,* jld. 2, ms. 132, al-Baihaqi, jld. 2, ms. 201 dan dalam *as-*

---

[214] Lihat penjelasan ini dalam risalah *Hukum Qunut Shubuh* karya Ustaz Dzulqarnain yang dimuatkan di dalam majalah *An-Nashihah*, Volume 03 Th. 1/1422H/2002M – ms. 59 dan seterusnya, *Hadits Lemah & Palsu Yang Populer Di Indonesia* karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik, 1428H), ms. 124 dan seterusnya serta *Al-Masaa-il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur, 2005), lihat *Masalah 16: Kelemahan Hadis Qunut Shubuh Terus Menerus,* jld. 1, ms. 229 dan seterusnya.

*Shugr*a, jld. 1, ms. 273, al-Baghawi dalam *Syarhus Sunnah,* jld. 3, ms.124-124 (no. 639), al-Daruquthni dalam *Sunan*nya, jld. 2, ms. 39, al-Maqdasi dalam *al-Mukhtarah*, jld. 6, ms. 129-130 (no. 2127), Ibn al-Jauzi dalam *at-Tahqiq* (no. 689-690) dan dalam *al-'Ilal al-Mutanahiyah* (no. 753) dan al-Khatib al-Baghdadi dalam *Mudhih Auwan al-Jama' wa at-Tafriq,* jld. 2, ms. 255 dan dalam kitab *al-Qunut* sebagaimana dalam *at-Tahqiq*, jld. 1, ms. 463. Semuanya berpangkal kepada jalan Abu Ja'far ar-Razi dari ar-Rabi' bin Anas dari Anas bin Malik secara *marfu'*.

Muhammad bin 'Ali al-Balkhi dan al-Hakim berpendapat bahawa hadis ini adalah hadis yang sahih sebagaimana yang disebut di dalam *Khulasah al-Badrul Munir,* jld. 1, ms. 127. Demikian juga pandangan ini turut dipersetujui oleh Imam al-Baihaqi. Walau bagaimanapun, pandangan para tokoh ini terhadap kesahihan riwayat di atas telah pun ditolak oleh sebahagian besar para ahli hadis yang lain.

Antara sebab penolakan para ulamak hadis ke atas kesahihan hadis di atas adalah kerana di dalam sanadnya terdapat seorang rawi yang bernama Abu Ja'far ar-Razi iaitu salah seorang rawi yang terkenal sebagai lemah di dalam meriwayatkan hadis. Berikut dikemukakan beberapa komentar oleh para ahli hadis terhadap Abu Ja'far ar-Razi:

- Imam Ibn Turkumani, dia berkata di dalam *al-Jauhar an-Naqy* berkata: Bagaimana boleh sanadnya menjadi sahih sedang rawi yang meriwayatkannya dari Rabi' bin Anas adalah Abu Ja'far 'Isa bin Mahan ar-Razi *mutakallamun fihi* (dikritik).
- Berkata Ibn Hanbal dan al-Nasa'i: *Laisa bi qawi* (bukan orang yang kuat).
- Berkata Abu Zur'ah: *Yahimu katsiran* (banyak salahnya).

- Berkata al-Fallas: *Sayyi'ul hifzh* (buruk hafalannya).
- Ibn Hibban berkata: Dia bercerita dari rawi-rawi yang masyhur hal-hal yang mungkar.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah dalam kitabnya, *Zad al-Ma'ad,* jld. 1, ms. 276 setelah menukil suatu keterangan dari gurunya, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* tentang salah satu bentuk hadis *mungkar* yang diriwayatkan oleh Abu Ja'far ar-Razi, beliau berkata: Dan yang dimaksudkan bahawa Abu Ja'far ar-Razi ialah orang yang memiliki hadis-hadis yang *mungkar*, sama sekali tidak boleh diguna berhujah oleh seorang pun para ahli hadis. Periwayatan hadisnya yang ia bersendirian dengannya.

Ringkasnya, sesiapa sahaja yang meneliti keterangan para ulamak hadis tentang Abu Ja'far ar-Razi ini akan mendapati bahawa kritikan terhadap beliau adalah *jarh mufassar* (kritikan yang jelas menerangkan sebab kelemahannya seorang rawi). Maka apa yang disimpulkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* dalam *Taqrib Tahdzib* adalah amat tepat. Beliau berkata: *Shadiqun sayyi'ul hifzh khususan 'anil Mughirah* (jujur tetapi buruk hafalannya, terlebih lagi riwayatnya daripada Mughirah).

Sebagai tambahan, berikut dikemukakan komentar al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* ke atas hadis Abu Ja'far ar-Razi sebagaimana yang dinukilkan oleh saudara Hafiz Firdaus Abdullah menerusi buku beliau, *Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?,* ms. 39-40:

> Seandainya hadis (riwayat) Anas yang mengatakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sentiasa berqunut dalam solat

> subuhnya sehingga baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* wafat adalah sah (sahih), nescaya ianya sudah dapat mengakhiri perselisihan (dalam persoalan doa qunut ini). Akan tetapi, oleh kerana hadis ini diriwayatkan dari jalan Abu Ja'far ar-Razi yang dikatakan oleh Abdullah bin Ahmad sebagai tidak kuat, dan oleh Ali bin al-Madani, dia mengatakan ar-Razi itu sering keliru, dan oleh Abu Zar'ah, dia mengatakan ar-Razi itu banyak salahnya. Juga oleh 'Amr bin Ali Fallas, dia berkata ar-Razi itu baik, akan tetapi hafalannya tidak baik, dan Ibn Ma'in berkata, ar-Razi itu boleh dipercayai, akan tetapi sering keliru, namun tidak sedikit juga yang menganggap dia itu boleh dipercayai.

Demikian penjelasan para ahli hadis terhadap kedudukan hadis berkenaan qunut yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian pihak bagi mensabitkan amalan membaca doa qunut subuh. Dengan terdedahnya kelemahan hadis di atas dan penjelasan para ahli hadis yang mengikutinya, nyatalah kepada kita bahawa amalan membaca doa qunut pada solat subuh secara tetap dan berterusan itu bukanlah berasal dari amalan dan tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih mahupun amalan para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Apa yang jelas adalah ianya hanyalah merupakan suatu yang berasal daripada pandangan dan hasil *ijtihad* yang lemah oleh sebahagian para tokoh dalam mazhab Syafie.

Maka, sekali lagi ingin ditegaskan di sini bahawa sikap yang benar yang perlu diterapkan pada diri masing-masing ketika menghadapi suasana ini adalah dengan kembali semula kepada prinsip Imam al-Syafie *rahimahullah,* iaitu imam besar

yang menjadi ikutan oleh para pengikut mazhab Syafie itu sendiri sebagaimana katanya: [215]

كُلُّ مَا قُلْتُ: وَكَانَ عَنَ النَّبِيِّ خِلَافَ قَوْلِيْ مِمَّا يَصِحُّ، فَحَدِيْثُ النَّبِيِّ أَلَى وَلاَ تُقَلِّدُوْنِيْ.

Maksudnya:

> Setiap apa yang telah aku ucapkan, padahal telah datang dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang bertentangan dengan ucapanku itu, maka mengambil hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah yang utama, dan janganlah kamu bertaklid kepadaku!

Ingin penulis menambah, sekalipun jika hendak diandaikan hadis di atas memiliki penguat dari jalan lain yang berstatus sahih[216], namun ianya masih tidak dapat dijadikan

---

[215] Dinukil daripada buku *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 51.

[216] Salah seorang tokoh yang menganggap hadis yang menerangkan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sentiasa mengerjakan qunut subuh sehingga ke akhir hayat baginda sebagai berstatus sahih ialah Imam al-Hakim *rahimahullah* menerusi kitabnya, *al-Arba'in*. Walau bagaimanapun, penilaian beliau ke atas hadis tersebut adalah tidak tepat berdasarkan kepada dua faktor berikut:

Pertama:

Penilaian beliau terhadap status hadis tersebut sebagai sahih adalah bercanggah dengan penilaian *jumhur* (majoriti) ahli hadis terkemuka yang menilainya sebagai *dha'if*. Apatah lagi hadis yang menerangkan bahawa baginda mengekalkan amalan berqunut sepanjang hayat baginda di dalam solat fardhu subuh itu tidak pernah diriwayatkan oleh mana-mana jua ahli hadis muktabar khususnya dua orang jaguh hadis terkemuka, iaitu Imam Muslim *rahimahullah* dan Imam al-Bukhari *rahimahullah*.

Tambahan pula Imam al-Hakim *rahimahullah* adalah terkenal sebagai salah seorang tokoh yang amat bermudah-mudahan di dalam

hujah bagi mensabitkan amalan membaca doa qunut secara tetap setiap kali mengerjakan ibadah solat fardhu subuh kerana:

---

mensahihkan sesuatu hadis yang sebenarnya adalah berstatus *dha'if* atau *maudhu'*. Sikap bermudah-mudahan beliau (*tasahul*) di dalam membuat penilaian ke atas sesuatu hadis ini bukanlah suatu yang asing bagi mereka yang bergelumang dalam bidang hadis. Justeru, tidaklah menghairankan apabila kita temui di dalam kitab-kitab beliau terkandung beberapa hadis *dha'if* atau *maudhu'* yang telah dinilai sebagai sahih oleh beliau termasuklah hadis mengenai kekekalan amalan qunut baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam solat fardhu subuh di atas.

Kedua:

Ditinjau dari sudut yang lain, matan (kandungan) hadis tersebut juga dilihat bercanggah dengan kenyataan Anas bin Malik *radiallahu'anh* dalam beberapa riwayatnya yang lain yang dinilai sebagai sahih dan lebih kuat berbanding riwayat di atas. Kenyataan hadis-hadis sahih yang menerangkan bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* melaksanakan qunut hanya selama sebulan bertolak belakang dengan kandungan hadis *dha'if* di atas yang menerangkan kekekalan amalan qunut baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam solat subuh sehingga akhir hayatnya.

Di samping itu, riwayat-riwayat yang sama juga menjelaskan bahawa qunut yang dilakukan oleh baginda tersebut tidaklah diterhadkan kepada solat subuh sahaja. Akan tetapi ia juga meliputi solat-solat fardhu lainnya. Kedua-dua buah hadis sahih riwayat Anas bin Malik *radhiallahu'anh* berikut dikemukakan sekali lagi bagi menguatkan kenyataan ini:

'Ashim bin Sulaiman *radhiallahu'anh* berkata yang bermaksud: ***Kami telah bertanya kepada Anas bin Malik radhiallahu'anh: Orang-orang beranggapan bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasalam sentiasa berqunut dalam solat subuhnya, benarkah begitu? Anas menjawab: Dustalah mereka! Rasulullah shallallahu 'alaihi wasalam hanya berqunut selama sebulan penuh, dia mendoakan kecelakaan atas suatu kabilah dari kabilah-kabilah musyrikin (yakni qunut nazilah).*** [Hadis sahih riwayat al-Khatib]

Anas bin Malik *radhiallahu'anh* meriwayatkan di mana dia berkata yang bermaksud**:** ***Dan adalah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasalam berdoa kepada Allah terhadap Bani Sulaim dalam rakaat terakhir setiap solat fardu selama sebulan.*** [Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari* (no. 7341)]

<u>PERTAMA</u>:

Hadis tersebut adalah bersifat <u>umum</u> iaitu hanya sekadar menerangkan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan qunut. Sedangkan lafaz "qunut" itu sendiri adalah suatu yang bersifat *musytarak* iaitu suatu lafaz yang mengandungi beberapa pengertian atau maksud. Antara lain maksud bagi qunut adalah seperti khusyuk, selalu taat, doa, menghinakan diri kepada Allah, diam, tunduk, mengekalkan ibadah, lama berdiri dalam solat.[217] Lebih lanjut, sila lihat kamus atau kitab-kitab fekah yang memberikan definisi kepada istilah qunut ini.

Kembali kepada hadis di atas, jika dilihat hadis tersebut tidak sedikit jua menerangkan secara terperinci apakah jenis qunut yang dilakukan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam kaedah *Ushul al-Fiqh* sedia dinyatakan bahawa, jika sesebuah nas itu bersifat umum maka hendaklah ia juga difahami dan diterima sebagaimana adanya tanpa mengkhususkannya kepada sesuatu pengertian tertentu melainkan jika terdapat *qarinah* (petunjuk ilmiah) yang mendukungi pengkhususan atau pembatasan tersebut.

Malangnya kaedah ini tidak dapat diterapkan bagi menjustifikasikan kesabitan qunut subuh memandangkan tiada satu jua nas yang menunjukkan adanya pembatasan kepada keumuman lafaz qunut dalam hadis di atas kepada makna mengekalkan bacaan doa qunut dengan lafaz doa qunut witir pada setiap kali mengerjakan solat fardhu subuh.

Dengan ini, jelas kepada kita bahawa pendapat yang membataskan keumuman bagi lafaz qunut dalam hadis di atas

---

[217] Dinukil daripada buku *Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus, ms. 191.

kepada pengertian membaca doa qunut secara statik (berterusan) selepas bangkit dari rukuk ketika solat fardhu subuh adalah pandangan yang lemah dan tidak berdiri di atas hujah yang kukuh (*rajih*) dan jelas (*sarih*).

KEDUA:

Sekalipun pengertian bagi lafaz qunut dalam hadis di atas hendak difahami sebagai melakukan qunut dalam pengertian membaca doa selepas bangkit dari mengerjakan rukuk, maka hendaklah lafaz doa yang dibaca itu adalah lafaz doa qunut nazilah sebagaimana terang hadis-hadis yang sahih sebelum ini, bukannya lafaz doa qunut solat sunat witir sebagaimana yang menjadi amalan majoriti para pengikut mazhab Syafie.[218] Selain itu, ia juga hendaklah diamalkan secara sekali-sekala (tidak selalu) selaras dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasalam* yang lalu, bukan secara tetap atau berterusan (statik).

❊ Benarkah Wahhabi menentang mazhab Syafie dan telah terkeluar daripada mazhab tersebut?

---

[218] Berkaitan dengan lafaz doa qunut nazilah, sebenarnya tidak ada satu jua hadis atau pun riwayat yang menerangkan adanya lafaz-lafaz khas tertentu yang perlu dibaca apabila doa qunut nazilah hendak diamalkan. Dalam perkataan lain, lafaz bagi doa qunut nazilah bukanlah suatu lafaz yang kaku atau hanya terikat dengan susunan perkataan atau lafaz-lafaz tertentu. Sebaliknya, lafaz doa qunut nazilah tersebut adalah suatu yang bersifat bebas, sesuai dengan keadaan yang dialami oleh umat Islam pada ketika itu. Oleh itu, umat Islam berhak memilih apa sahaja bentuk atau lafaz doa yang mereka ingini, asalkan doa tersebut berkaitan dengan musibah yang sedang dialami oleh mereka. *Wallahu a'lam.*

Para pentaklid buta dan pentaksub mazhab sering sahaja beranggapan bahawa orang yang tidak membaca doa qunut ketika solat subuh sebagai golongan yang terkeluar dari mazhab Syafie. Walhal, jika dinilai secara adil dan saksama, golongan yang lebih layak dinobatkan sebagai golongan yang terkeluar dari mazhab Syafie ialah diri mereka sendiri.

Hal ini kerana, sebagaimana yang telah dijelaskan sendiri oleh Imam al-Syafie, mazhab beliau dalam beragama adalah dengan berpegang kepada hadis atau al-Sunnah Rasulullah yang sahih serta menolak apa-apa pegangan atau amalan yang jelas bertentangan dengan petunjuk hadis atau al-Sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Tidak ketinggalan dalam hal ini ialah pandangan yang dikemukakan oleh beliau sendiri di mana beliau seringkali menegaskan bahawa apa-apa pandangan atau fatwa beliau yang jelas bertentangan dengan al-Sunnah Rasulullah yang sahih hendaklah diabaikan dan mengambil apa yang datang dari al-Sunnah Rasulullah tersebut. Malang sekali apabila pesanan Imam al-Syafie yang amat berharga ini tidak difahami, apalagi diamalkan oleh sebahagian besar para pengikut dan pentaksub mazhabnya. Realiti membuktikan bahawa kebanyakan dalam kalangan mereka yang mengaku sebagai bermazhab Syafie sendiri ialah mereka yang begitu tegar di dalam menentang habisan-habisan manhaj Imam al-Syafie *rahimahullah* yang cuba disubur dan dipraktikkan oleh para pendukung Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ini. Sebagai tambahan, sila perhatikan penjelasan-penjelasan Imam al-Syafie *rahimahullah* berikut di bawah ini:

Al-Hafiz al-Dzahabi *rahimahullah* menyebutkan dalam kitabnya, *Siyar A'lamin Nubala'* (X/35), bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* pernah berkata:[219]

إِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ، فَهُوَا مَذْهَبِيْ، وَا ضْرِبُوا بِقَوْلِيْ الْحَا ئِطِ

Maksudnya:

> Apabila telah sahih sebuah hadis, maka itulah mazhabku, dan buanglah perkataanku (yang menyelisihi hadis tersebut) ke arah tembok!

Imam al-Baihaqi telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Manaqib Syafie* (I/473) bahawa juga mengatakan kepada seorang muridnya, Imam Rabi' bin Sulaiman al-Muradi *rahimahullah*: [220]

كُلُّ مَسْأَلَةٍ تَكَلَّمْتُ فِيْهَا صَحَّ الْخَبَرُ فِيْهَا عَنِ النَّبِيِّ عِنْدَ أَهْلِ النَّقْلِ بِخِلاَفِ مَاقُلْتُ، فَأَنَا رَاجِعٌ عَنْهَا فِيْ حَيَاتِيْ وَبَعْدَ مَوْتِيْ.

Maksudnya:

> Setiap masalah yang telah aku ucapkan, padahal telah sahih hadis dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menurut para ulamak hadis yang bertentangan dengan apa yang telah aku ucapkan itu, maka aku akan selalu *ruju'* (menarik kembali) dari pendapatku yang bertentangan dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu, baik saat aku masih hidup mahupun setelah aku mati.

---

[219] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'e Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 55.

[220] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'e Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 50.

Imam Ibn Abi Hatim ar-Razi *rahimahullah* telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Adab Syafie,* ms. 93-94, bahawa Imam Abu Tsaur *rahimahullah* iaitu seorang murid Imam al-Syafie *rahimahullah* – berkata: Saya pernah mendengar Imam al-Syafie *rahimahullah* mengatakan:[221]

كُلُّ حَدِيْثٍ عَنِ النَّبِيِّ، فَهُوَ قَوْلِيْ، وَإِنْ لَمْ تَسْمَعُوْهُ مِنِّيْ.

Maksudnya:

> Setiap hadis yang bersumberkan dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah pernyataanku (pendapatku) walaupun kamu sendiri tidak (pernah) mendengarnya dariku.

Demikan pendirian Imam al-Syafie *rahimahullah* terhadap al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di mana beliau tidak pernah sekali-kali ingin mendahulukan pendapatnya sehingga mengatasi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebenarnya masih terdapat banyak lagi wasiat dan pesanan Imam al-Syafie *rahimahullah* terhadap para pentaklidnya yang tidak sempat penulis ungkapkan di sini.

Oleh itu, sebagai alternatif penulis menyarankan agar para pembaca sekalian merujuk sendiri buku-buku di bawah ini untuk mengetahui pendirian sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah* serta para ulamak muktabar bermazhab Syafie terhadap al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan amalan bermazhab dalam beragama:

---

[221] Dinukil daripada *Wasiat & Prinsip Imam Syafi'e Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 56.

1. *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* oleh Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Media Tarbiyah, Bogor).
2. *Wasiat Imam Syafie* oleh Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3. *Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah* oleh Abu Umar Basyir (Rumah Dzikir, Solo).[222]

❋ **Benarkah hanya Wahhabi sahaja yang tidak melakukan qunut subuh?**

Menjawab tuduhan liar para pentaklid buta dan pentaksub mazhab yang berpandangan bahawa golongan yang tidak melaksanakan doa qunut pada solat fardu subuh sebagai golongan yang telah terkeluar dari mazhab Syafie, ingin penulis tegaskan di sini bahawa dalam kalangan para pemuka mazhab Syafie sendiri juga didapati ada sebahagiannya yang meninggalkan amalan membaca doa qunut pada solat subuh. Persoalannya, wajarkah mereka – iaitu para imam yang mulia

---

[222] Buku ini telah berjaya membongkar sebahagian besar amalan masyhur di Nusantara yang dinasabkan kepada Imam al-Syafie dan mazhab Syafie, akan tetapi amalan-amalan tersebut sebenarnya bukanlah berasal dari ajaran tokoh berkenaan mahupun mazhabnya.

Fenomena ini juga biasa berlaku di Malaysia di mana sesetengah pihak yang berdegil dalam melakukan sesuatu amalan bid'ah cuba mempertahankan bid'ah tersebut dengan alasan kononnya ia adalah ajaran Imam al-Syafie atau mazhab Syafie. Walhal hakikatnya jika diteliti kitab-kitab muktabar Imam al-Syafie atau para ulamak bermazhab Syafie ternyata semua itu tidaklah sebagaimana yang didakwa.

Justeru, penulis menyarankan kepada para pembaca sekalian agar dapat meneliti sendiri buku berkenaan bagi melihat amalan-amalan atau fahaman yang selama ini sebenarnya bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah yang sahih akan tetapi diatas-namakan dengan nama Imam al-Syafie atau mazhab Syafie.

ini – juga boleh dianggap sebagai penentang mazhab Syafie sekaligus termasuk dalam kalangan mereka yang layak dianggap sebagai golongan yang terkeluar dari mazhab tersebut.

Al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* iaitu salah seorang ulamak *Syafi'iyyah* terkemuka menyebutkan di dalam kitabnya *al-Bidayah wa an-Nihayah* (XII/229) dalam menyebutkan biografi ringkas Imam Abu al-Hasan al-Karajji *rahimahullah* (532H) yang juga merupakan seorang ulamak pembesar bermazhab Syafie menyatakan bahawa beliau (Imam al-Karajji):

وكان لا بقنت في الفجر، ويقول: لم يصح ذلك في حديث، وقد كان إمامنا الشافعي يقول: إذاصح الحديث، فهو مذهبي، واضربوا بقولي الحائط.

Maksudnya:

(Imam al-Karajji) tidak melaksanakan qunut pada solat subuh. Ia beralasan bahawa <u>tidak ada satu pun hadis yang sahih</u> dalam masalah ini (iaitu berkenaan amalan membaca doa qunut pada solat subuh untuk dijadikan hujah –pen) dan Imam kami; Imam al-Syafie telah menyatakan: Bila sebuah hadis itu sahih, maka itulah mazhabku dan buanglah perkataanku (pendapatku yang menyelisihi hadis sahih) ke arah tembok.

Begitu juga Imam Taqiyyuddin al-Subki *rahimahullah* (756H) – yang juga merupakan seorang pembesar ulamak *Syafi'iyyah* – pernah meninggalkan qunut subuh beberapa lama, lantaran mengikuti apa yang telah diterangkan oleh Imam Abu al-Hasan al-Karajji di atas, sebagaimana hal itu beliau terangkan sendiri di dalam risalah emas beliau yang berjudul *Ma'na Qaulil Imam al-Muththalibi Idza Shahhal Haditsu*

Fahuwa Madzhabi, III/103 – *Majmu'atur Rasaa-ilil Muniriyyah*.[223]

Demikian sedikit penjelasan berkenaan doa qunut subuh dan sikap *Ahl al-Sunnah* terhadap pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah* berhubung dengan permasalahan tersebut. Diharapkan dengan penjelasan yang amat ringkas dan sederhana ini mampu membuka minda dan mata para pentaklid buta dan pentaksub mazhab yang setia untuk melihat sikap Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para ulamak agung bagi mazhab yang mereka anuti itu sendiri terhadap persoalan membaca doa qunut.

Lebih lanjut berkenaan doa qunut subuh, penulis menyarankan agar para pembaca merujuk sendiri buku yang bertajuk *Menangani Permasalahan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?* Oleh Hafiz Firdaus Abdullah (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2002). Bagi melihat kedudukan hadis-hadis yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian para ulamak *Syafi'iyyah* dalam usaha mereka mempertahankan amalan membaca doa qunut subuh, sila rujuk:

1) Artikel *Semua Hadis Tentang Qunut Subuh Terus Menerus Adalah Lemah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas yang dimuatkan oleh beliau di dalam bukunya berjudul *ar-Rasaail* (Pustaka Abdullah, Jakarta).
2) *Himpunan Hadis Dha'if dan Maudhu'* karya Drs. Abdul Ghani Azmi Haji Idris (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur).[224]

---

[223] Dinukil daripada buku *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Taksub Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 89-90.

❋ **Kesimpulan.**

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada perbincangan artikel ini maka dapatlah dirumuskan bahawa:

PERTAMA:

Mengekalkan amalan membaca doa qunut pada setiap kali mengerjakan ibadah solat fardu subuh dengan lafaz doa qunut witir sambil diaminkan oleh para makmum sebagaimana yang menjadi amalan kebanyakan umat Islam yang bermazhab Syafie adalah suatu yang jelas bercanggah dengan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih serta amalan para sahabat *radhiallahu 'anhum*.

KEDUA:

Tidak ada satu jua riwayat yang sahih daripada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mahupun *atsar* dari para sahabat *radhiallahu 'anhum* yang menerangkan adanya perintah mengekalkan amalan membaca doa qunut pada setiap kali mengerjakan ibadah solat fardhu subuh. Jika ada sekalipun, hadis atau riwayat-riwayat tersebut tidak terlepas daripada dua kemungkinan, sama ada [1] hadis atau riwayat tersebut adalah hadis yang *dha'if* dan [2] ianya adalah hadis atau riwayat yang bersifat umum iaitu hanya sekadar menerangkan "qunut" baginda tanpa menerangkan secara terperinci dan jelas apa dan bagaimanakah "qunut" baginda tersebut dilakukan.

---

[224] Para pembaca juga disarankan meneliti sebuah buku yang berjudul *Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru) karangan sahabat penulis, Mohd Yaakub Mohd Yunus yang turut membincangkan secara khusus persoalan qunut subuh ini.

<u>KETIGA</u>:

Jika hendak ditajamkan juga maksud hadis atau riwayat yang menerangkan secara umum amalan qunut baginda setiap kali mengerjakan solat fardhu subuh kepada amalan membaca doa qunut selepas bangkit dari rukuk, maka hendaklah lafaz doa yang dibaca itu adalah lafaz doa qunut nazilah dan <u>bukannya</u> lafaz doa qunut dalam solat sunat witir. Selain itu, hendaklah juga ia dilakukan dalam semua solat-solat fardhu yang lainnya dan tidak hanya terhad pada solat subuh sahaja.

<u>KEEMPAT</u>:

Ahl al-Sunnah yang selama ini dimasyhurkan dengan gelaran Wahhabi dan penentang mazhab Syafie tidaklah mengharamkan qunut, apatah lagi mencairkan kedudukan amalan tersebut di sisi syariat agama. Apa yang benar *Ahl al-Sunnah* hanyalah "membid'ahkan" qunut <u>dalam konteks tatacara atau *kaifiyyat*</u> yang bercanggah dengan petunjuk al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih di dalam melaksanakan ibadah tersebut sebagaimana yang telah dihuraikan dalam perbincangan risalah ini.

<u>KELIMA</u>:

Berdasarkan kepada kesimpulan keempat-empat poin di atas, dapatlah dirumuskan bahawa anggapan sesetengah pihak yang mengatakan *Ahl al-Sunnah* sebagai penentang Imam al-Syafie atau terkeluar dari mazhab imam berkenaan hanyalah fitnah dan dakwaan kosong yang tidak berasaskan kepada hujah ilmiah semata-mata. Setepatnya, yang paling layak dianugerahkan pingat emas penentang tegar Imam al-Syafie dan yang terkeluar dari mazhab imam tersebut ialah golongan pemfitnah itu sendiri yang sememangnya begitu degil di dalam menerima dan mempraktikkan wasiat Imam al-Syafie agar

sentiasa mengunggulkan al-Sunnah yang sahih di atas selainnya.

KEENAM:

Kepada para *muqallid* (para pentaqlid buta) yang masih berdegil setelah sampai keterangan kami ini kepada mereka, maka hendaklah mereka mengemukakan kepada kami tiga keterangan:[225]

1. Hendaklah mereka membantah keterangan kami yang men*dha'if*kan hadis qunut subuh terus-menerus secara "ilmu hadis".
2. Hendaklah mereka mensahihkan hadis qunut yang telah kami *dha'if*kan secara "ilmu hadis".
3. Hendaklah mereka memberikan kepada kami hadis-hadis sahih yang menunjukkan dengan tegas (lagi jelas) bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ada mengerjakan qunut subuh terus-menerus seperti yang mereka kerjakan.

---

[225] Sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat menerusi bukunya yang berjudul *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)*, jld. 1, ms. 233.

ADAKAH AMALAN YASINAN MALAM JUMAAT MERUPAKAKAN AJARAN IMAM AL-SYAFIE DAN PARA ULAMAK BERMAZHAB SYAFIE ?

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Antara yang lazim diamalkan oleh masyarakat Islam di Nusantara umumnya dan masyarakat Islam di Malaysia khususnya pada setiap malam Jumaat ialah membaca surah Yasin. Pada kebiasaannya, amalan membaca surah Yasin – atau lebih tepat dikenali sebagai Yasinan – ini dilakukan di masjid-masjid atau di surau-surau, dengan cara berjamaah (beramai-ramai) di mana salah seorang ketua daripada *halaqah* Yasinan diberi tanggungjawab untuk memimpin bacaan surah Yasin.

Pada akhir upacara Yasinan tersebut ia diserikan dengan zikir-zikir tertentu, dimulai dengan bacaan surah al-Fatihah, *tahlil* serta beberapa doa khas yang disebut sebagai *takhtim tahlil*. Demikian secara ringkas mengenai gambaran umum upacara Yasinan pada malam Jumaat yang lazim diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia.[226]

---

[226] Penulis pernah menyaksikan sebahagian umat Islam yang turut menyediakan air di dalam beberapa buah botol lalu dihidangkan di tengah-tengah *halaqah* upacara Yasinan malam Jumaat. Apabila ditanya mengenai hikmah di sebalik penyediaan air tersebut, mereka menjelaskan bahawa 'keberkatan' daripada amalan Yasinan akan menyerap masuk ke dalam air yang terhidang itu. Menurut dakwaan mereka lagi, air yang memiliki 'keberkatan' daripada bacaan surah Yasin tersebut menyediakan pelbagai khasiat untuk kesihatan rohani dan jasmani manusia. Umpamanya dapat melembut dan membersihkan hati daripada sifat-sifat *mazmumah*,

Sebelum ini kita telah pun membongkar beberapa amalan 'masyhur' dalam masyarakat Islam di Malaysia yang didakwa oleh sesetengah pihak sebagai amalan yang termasuk dalam al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah* atau mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, melalui pembongkaran tersebut jelas kepada kita semua bahawa dakwaan ini adalah tidak berasas sama sekali.

Menerusi artikel ini pula kita akan membongkar satu lagi amalan "masyhur" dalam masyarakat Islam di Malaysia yang turut dinasabkan kepada ajaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan Imam al-Syafie *rahimahullah* atau mazhab Syafie.

---

mencerdaskan minda, menyembuhkan pelbagai penyakit zahir dan batin dan sebagainya.

Amat dukacita, apabila diminta dalil dan hujah di sebalik dakwaan tersebut, mereka pula gagal memberikan jawapan yang sewajarnya. Sebaliknya hanya menyandarkan dakwaan tersebut kepada tok guru atau ustaz-ustaz tertentu yang dianggap sebagai orang yang bertangunggjawab di dalam 'menjanjikan' keberkatan air Yasinan tersebut.

Di sini dapat kita lihat satu lagi sikap negatif yang dimiliki oleh sebahagian umat Islam khususnya di Malaysia yang begitu mudah mengatakan amalan itu dan ini sebagai baik dan memiliki 'keberkatan' tanpa terlebih dahulu merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Apa yang lebih memilukan, sikap seumpama ini datangnya daripada sebahagian golongan yang memakai gelaran agama. Disebabkan oleh pengaruh mereka ini, amalan-amalan sebegini terus berkembang dan diterima oleh masyarakat awam tanpa pernah dipersoalkan akan dalil dan hujah di sebaliknya.

Sebenarnya sikap suka mengatakan amalan itu dan ini sebagai baik dan memiliki 'keberkatan' tidak hanya terhad terhadap amalan Yasinan Jumaat semata-mata, akan tetapi juga meliputi amalan lainnya. Penulis sehingga kini berasa musykil, apakah golongan ini tidak merasa takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga begitu berani meletakkan diri mereka sejajar dengan kedudukan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam menentukan amalan itu dan ini sebagai baik dan memiliki 'keberkataan'? Sama-samalah kita fikirkan.

Amalan yang dimaksudkan ialah mengkhususkan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Sama ada benar atau tidak dakwaan pihak-pihak ini, marilah kita ikuti perbahasan selanjutnya.

❈ **Benarkah amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat merupakan al-Sunnah Rasulullah dan ajaran Imam al-Syafie atau para ulamak muktabar bermazhab Syafie?**

Sejujurnya, sejauh kajian penulis sehingga kini tidak pernah penulis temui adanya satu jua hadis daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan keterangan *atsar* para sahabat *radhiallahu 'anhum* yang sahih yang menganjurkan amalan membaca surah Yasin secara tetap pada setiap malam Jumaat. Demikian juga tidak ditemui dalam mana-mana jua kitab Imam al-Syafie *rahimahullah* mahupun para ulamak muktabar bermazhab Syafie yang menganjurkan atau menganggap baik amalan tersebut.

Seandainya amalan ini termasuk dalam sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah* dan para ulamak muktabar yang mengikuti beliau maka sudah pasti sahaja keterangan mengenainya akan sampai ke pengetahuan kita. Namun hal ini tidak mungkin berlaku kerana tidak ditemui dalil-dalil yang sahih lagi *sarih* mengenai hal tersebut.

Ketiadaan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, keterangan *atsar* para sahabat *radhiallahu 'anhum,* fatwa Imam al-Syafie *rahimahullah* serta para ulamak *Syafi'iyyah* mengenai anjuran <u>mengkhususkan</u> bacaan surah Yasin pada <u>setiap</u> malam Jumaat menjadi bukti yang kukuh bahawa amalan tersebut bukanlah

berasal daripada tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* Imam al-Syafie *rahimahullah* mahupun para ulamak yang mengikuti beliau.

Sebaliknya – apa yang pasti – ia hanyalah merupakan amalan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Islam di Malaysia tanpa ada perintah dan anjurannya daripada al-Qur'an dan/atau al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

❋ **Apakah amalan-amalan yang khas pada malam Jumaat menurut al-Sunnah Rasulullah yang sahih?**

Salah satu amalan khas pada malam Jumaat menurut al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang boleh dilakukan oleh umat Islam ialah membaca surah al-Kahfi.[227] Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi beberapa buah hadisnya, antaranya:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَلَهُ مِنَ النُّوْرِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ.

---

[227] Selain membaca surah al-Kahfi, umat Islam juga digalakkan melakukan pelbagai ibadat sunat lainnya seperti memperbanyakkan selawat ke atas Nabi, bersedekah, memperbanyakkan doa dan sebagainya. Lebih lanjut sila lihat:

1) *Al-Jumu'ah Adab wa Ahkam Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah* karya Syaikh Jabir bin Abdul Qayyum As-Saidi; dalam edisi terjemahan oleh Sarwedi M. Amin Hasibuan, Lc di atas judul *Jum'atan Bersama Nabi* (Aqwam, Solo, Indonesia).
2) *Amalan Sunat Hari Jumaat & Surah Al-Kahfi* karya Mohd Fikri Che Hussain (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3) *Meraih Rahmat dan Barakah Di Hari Jumaat* karya Ahmad Hambali Al-Juz'e; terjemahan oleh Amrinurashid (Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd., Kuala Lumpur).

Maksudnya:

Sesiapa membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat nescaya akan dibuatkan baginya cahaya di antara dua Jumaat.[228]

Dalam lafaz lain yang dinilai sahih oleh Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* dalam *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah* (no. 2751) bersumberkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu'anh* disebut bahawa:

من قرأ سورة الكهف كما أنزلت كانت له نورايوم القيامة من مقامه إلى مكة.

Maksudnya:

Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sebagaimana ia diturunkan (nescaya) baginya cahaya pada Hari Kiamat dari tempatnya sehingga ke Makkah.

Dengan pemaparan hadis di atas maka terang bagi kita bahawa amalan mengkhususkan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat adalah suatu yang diada-adakan (bid'ah) di dalam agama. Lebih-lebih lagi amalan ini menjadi penyebab kepada terkuburnya salah satu sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sewajarnya dihidupkan oleh umat Islam pada hari atau malam Jumaat iaitu membaca al-Kahfi sepertimana jelas hadis di atas.[229]

---

[228] Hadis riwayat al-Hakim jld. 2, ms. 368 dan disahihkan oleh al-Baihaqi, jld. 3, ms. 249 bersumberkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu'anh.*

[229] Walau bagaimanapun terdapat sebahagian daripada para pengamal Yasinan ini yang turut bersetuju bahawa apa yang diamalkan oleh mereka itu bukanlah suatu yang berasal daripada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mahupun ajaran para ulamak bermazhab Syafie.

Maka amat benarlah apa yang pernah diungkapkan oleh Hasan bin ‘Athiyah *rahimahullah*:

مَا ابْتَدَ عَ قَوْمٌ بِدْعَةً فِيْ دِيْنِهِمْ إِلاَّ نُزِعَ مِنْ سُنَّتِهِمْ مِثْلُهَا.

Maksudnya:

Tidaklah satu kaum mencipta satu bid’ah dalam agamanya melainkan tercabut dari sunnah (Nabi) mereka seperti itu pula.[230]

❋ **Beberapa syubhat dan jawapan.**

Para pendukung bid’ah memiliki sejumlah hujah bagi mempertahankan amalan mengkhususkan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Berikut diperturunkan **empat** hujah yang paling lazim dikemukakan oleh golongan ini dan jawapan semula oleh *Ahl al-Sunnah* terhadapnya. Antaranya:

Sungguhpun demikian mereka tetap jua berdegil dalam meneruskan tradisi tersebut di atas alasan ianya adalah suatu bid’ah yang dipandang baik (bid’ah *hasanah*) di sisi agama.

Sebenarnya alasan seumpama ini tidak hanya terhad kepada amalan Yasinan malam Jumaat sahaja akan tetapi ia juga meliputi semua amalan bid’ah lainnya sebagaimana yang dibahaskan di dalam buku ini. Oleh sebab itulah kita melihat amalan-amalan bid’ah yang berkembang di negara amat rumit untuk dibendung lagi. Hal ini tidak lain adalah disebabkan oleh kegagalan sebahagian besar umat Islam di Malaysia dalam memahami konsep bid’ah menurut perspektif yang benar sebagaimana yang difahami di sisi *Ahl al-Sunnah.*

Terhadap persoalan bid’ah *hasanah* ini, ianya akan dibahaskan dalam perbincangan yang akan datang iaitu menerusi artikel berjudul *Imam al-Syafie Dan Bid’ah Hasanah* sebagaimana yang penulis lampirkan bersama buku ini. Sila lihat Artikel # 3.

[230] Dikeluarkan oleh al-Lalika’i dalam *Syarh Ushul al-I’tqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* (no. 129). Dikeluarkan juga oleh ad-Darimi dengan sanad yang dinilai sahih oleh Syaikh Husain Salim Asad dalam semakannya ke atas *Musnad ad-Darimi* (no. 99).

SYUBHAT # 1:

Para penegak amalan Yasinan malam Jumaat berdalilkan kepada dua buah hadis berikut.[231] Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ قَرَأَ يس فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ غُفِرَلَهُ.

Maksudnya:

Barangsiapa membaca surah Yasin pada malam Jumaat maka akan diampuni dosa-dosanya.

Sabdanya dalam riwayat yang lain:

إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا وَ قَلْبُ الْقُرْآنِ يس وَ مَنْ قَرَأَ يس كَتَبَ الله بِقِرَاءَتِهَا قِرَاءَةَ الْقُرْآنِ عَشَرَ مَرَّاتٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya segala sesuatu pasti memiliki hati dan hati al-Qur'an adalah surah Yasin. Dan barangsiapa membaca surah Yasin nescaya Allah menulis baginya pahala seperti pahala membaca al-Qur'an sepuluh kali.

Penjelasan:

Terhadap hadis yang **pertama** di atas ia adalah hadis palsu (*maudhu'*) kerana di dalamnya terdapat perawi bernama al-Aghlab bin Tamim. Beliau ialah seorang perawi yang terkenal

[231] Lihat juga *Bincang-Bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari (Pustaka At-Tibyan, Solo, 2007), ms. 20 dan seterusnya untuk melihat lain-lain hadis palsu dan lemah yang sering dijadikan hujah oleh *Ahl al-Bid'ah* bagi mensabitkan amalan Yasinan pada malam Jumaat.

di dalam meriwayatkan banyak hadis-hadis *mungkar* (*mungkarul hadith*). Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* pula mengklasifikasikan hadis ini sebagai hadis yang sangat lemah (*dha'if jiddan*) sebagaimana yang tersebut di dalam kitabnya, *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah* (no. 5111).

Sebagaimana hadis pertama di atas, hadis **kedua** yang mengikutinya juga adalah adalah hadis palsu (*maudhu'*). Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi dalam *Sunan al-Tirmidzi* jld. 4, ms. 337 (no. 3048). Diriwayatkan juga oleh Imam ad-Darimi, jld. 2, ms. 456 dengan sanad dari Humaid bin Abdur Rahman dari Hasan bin Soleh dari Harun Abu Muhammad dari Muqatil bin Hayyan dari Qatadah dari Anas *radhiallahu'anh*.

Imam al-Tirmizi berkata: Hadis ini adalah *hasan* yang *gharib* (asing). Kami tidak mengenalinya kecuali dengan sanad tunggal ini dan Harun Abu Muhammad adalah *majhul* (tidak dikenali). Berdasarkan keterangan Imam al-Tirmidzi ini dapat kita simpulkan bahawa beliau sendiri telah men*dha'if*kan hadis ini. Para pakar yang lain seperti al-Hafiz Ibn Katsir dalam kitab tafsirnya, *Tafsir Ibn Katsir,* jld. 3, ms. 563, Ibn Hajar dalam kitabnya *al-Tahdzib* dan al-Mundziri dalam kitab *al-Tarhib,* jld. 2, ms. 322 turut menyatakan riwayat tersebut adalah *gharib* (asing).

Sementara itu Ibn Abi Hatim dalam kitabnya *al-'Ilal* menjelaskan: Saya tanyakan hadis tersebut pada ayahku, maka dia menjawab: apakah dalam sanadnya terdapat Muqatil bin Sulaiman? Sungguh aku telah melihat hadis tersebut pada awal kitab yang dipalsukan oleh Muqatil bin Sulaiman dan hadis itu adalah palsu tidak bersumber. Demikian sebagaimana yang dijelaskan oleh Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* di dalam kitabnya *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah* (no. 169). Lihat juga penjelasan beliau di dalam *Dha'if Jami' al-Shagier* (no. 1935).

Jelasnya, ulamak-ulamak hadis sepakat mengatakan bahawa Harun Abu Muhammad ialah seorang yang *majhul* (tidak dikenali). Sedangkan bagi seorang rawi yang telah diklasifikasikan sebagai *majhul* akan dimasukkan oleh para ulamak hadis ke dalam darjat rawi yang *dha'if* yang mana riwayatnya tidak boleh diterima.

Oleh kerana itu, jatuhlah hadis ini ke darjat *dha'if* yang tidak boleh diamalkan, lebih-lebih lagi jika ucapan itu datangnya daripada Imam Ibn Abi Hatim. Jika perkataan Imam Ibn Abi Hatim salah seorang imam ahli hadis yang telah meneliti satu persatu keadaan *rajalul* hadis ini benar, maka tidak syak lagi hadis ini digolongkan sebagai *maudhu'* (palsu).

SYUBHAT # 2:

Mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat merupakan salah satu kaedah untuk mendekatkan umat Islam kepada al-Qur'an. Ini kerana kebanyakan umat Islam mutakhir kini amat malas membaca al-Qur'an, apatah lagi menjadikannya sebagai amalan harian.

Penjelasan:

Hujah ini dapat dijawab bahawa sekiranya masyarakat Islam di Malaysia menjauhi diri daripada amalan membaca al-Qur'an disebabkan oleh sifat malas maka yang sewajarnya diubah ialah sifat mereka itu sendiri dan bukannya syariat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Penggubalan ke atas syariat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini sekali-kali tidak akan membawa umat Islam untuk kembali kepada semangat mencintai dan mengamalkan bacaan al-Qur'an seandainya sikap mereka itu sendiri yang tidak diubah terlebih dahulu.

SYUBHAT # 3:

Tidak ada nas yang melarang mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat.

Penjelasan:

Apa yang sewajarnya dilakukan oleh umat Islam dalam mempraktikkan ajaran agama Islam ini ialah mengamalkan apa jua amalan yang jelas diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* baik menerusi al-Qur'an al-Karim mahupun al-Sunnah Rasul-Nya yang sahih, iaitu Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bukan sebaliknya iaitu mencipta sesuatu amalan yang tiada contoh dan perintahnya daripada al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah yang sahih lalu dijustifikasikan di atas alasan "tiada nas yang melarangnya".[232]

Hendaklah kita sedari bahawa alasan atau ungkapan seumpama ini sebenarnya adalah termasuk dalam keumuman firman Allah *Subahanahu wa Ta'ala* yang menegah umat

---

232 Perlu diketahui bahawa alasan seumpama ini merupakan strategi yang paling masyhur dijadikan hujah oleh *Ahl al-Bid'ah* bagi menjustifikasikan pelbagai amalan bid'ah yang diwujudkan oleh mereka di dalam agama. Dengan alasan bahawa selagi tidak ada nas dari al-Qur'an dan/atau al-Sunnah yang menyatakan secara spesifik bahawa amalan-amalan yang sedang dilakukan oleh mereka sebagai termasuk dalam kategori bid'ah maka selagi itu mereka tetap jua berdegil di dalam mempertahankan bid'ah-bid'ah tersebut. Malah dengan alasan yang sama mereka dilihat menjadi semakin aktif dalam mewujudkan pelbagai amalan bid'ah lainnya sebagaimana yang dapat kita saksikan ketika ini.

Walhal jika mereka ini sudi meluangkan sedikit sahaja masa untuk mencermati dan merenungi sejenak ayat pertama dari surah al-Hujurat dan kedua-dua hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mengikutinya sebagaimana yang penulis kemukakan dalam penjelasan di atas maka sudah pasti mereka akan dapati ianya sudah cukup memadai bagi menolak apa jua amalan yang tidak pernah diperintahkan oleh kedua-dua sumber wahyu tersebut. Ini sekalipun amalan-amalan tersebut tidak pernah disebut secara spesifik oleh al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana halnya dengan amalan Yasinan pada setiap malam Jumaat.

manusia daripada “mendahului” Allah dan Rasul-Nya sebagaimana firman-Nya dalam ayat berikut:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُقَدِّمُوا۟ بَيْنَ يَدَىِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۝١

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mendahului Allah dan Rasulnya dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui. [Surah al-Hujurat: 1]

Termasuk dalam perkara “mendahului” Allah dan Rasul-Nya adalah mengkhususkan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Ini kerana amalan tersebut tidak pernah dicontoh atau diperintahkan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam,* walhal baginda *shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah mengingatkan bahawa:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengada-adakan (mencipta perkara baru) di dalam urusan kami (iaitu di dalam perkara berkaitan agama) apa-apa yang tidak ada padanya (contoh daripada kami) maka tertolaklah ia. [233]

Juga sabdanya dalam riwayat yang lain :

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

---

233 Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari* (no. 2696).

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengerjakan sesuatu amalan (dalam urusan ibadat) yang bukan mengikut (spesifikasi) cara kami, maka ia adalah tertolak (tidak diterima).[234]

Dalam pada itu juga amalan seumpama ini tidak terkenal di sisi generasi *al-Salaf al-Shalih* khususnya para sahabat *radhiallahu'anhum,* sedangkan mereka adalah sebaik-baik umat yang sewajarnya dijadikan contoh teladan dalam mempraktikkan ajaran-ajaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Peringatan daripada salah seorang sahabat baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini adalah memadai untuk dijadikan sebagai sumber pedoman buat kita bersama. Berkata Huzaifah al-Yaman *radhiallahu'anh*:

كُلُّ عِبَادَةٍ لَمْ يَتَعَبَّدْ بِهَا أَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلاَ يَتَعَبَّدُوْا بِهَا، فَإِنَّ الأَوَّلَ لَمْ يَدَعْ لِلآخِرِ مَقَالاً، فَاتَّقُوْا اللهَ يَا مَعْشَرَ الْقُرَّاءِ خُذُوْا طَرِيْقَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.

Maksudnya:

Setiap ibadah yang tidak pernah dilakukan oleh (para) sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sebagai ibadah (maka) janganlah kamu melakukannya. Sebab generasi pertama itu tidak memberikan kesempatan kepada generasi berikutnya untuk berpendapat (dalam masalah agama). Bertaqwalah wahai para qurra' (Ahl al-Qur'an) dan ambillah jalan orang-orang sebelum kamu.[235]

---

[234] Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim* (no. 1718).

[235] Dikeluarkan oleh Ibn Baththah dalam kitabnya *al-Ibanah.*

SYUBHAT # 4:[236]

Bukankah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan kita membaca al-Qur'an?

Penjelasan:

Memang Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan kita membaca al-Qur'an. Seperti dalam sabda baginda:

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ.

Maksudnya:

Bacalah al-Qur'an sebab di Hari Kiamat kelak ia akan memberi syafaat bagi pembacanya. [237]

Tetapi Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah menyuruh kita membaca surah Yasin secara khusus pada malam tertentu secara bersama-sama. Bahkan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang mengkhususkan hari Jumaat atau malamnya untuk diisi dengan ibadah-ibadah tertentu (yang tiada sandarannya di sisi al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih).

Diriwayatkan dari Abu Hurairah *radhiallahu'anh* dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda bersabda:

لاَتَخْتَصُّوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي وَلاَ تَخُصُّوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ الأَيَّامِ إِلاَّ أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ.

Maksudnya:

---

[236] Sebagaimana yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari di dalam buku beliau berjudul *Bincang-Bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan*, ms. 16-17.

[237] Hadis riwayat Muslim bersumberkan daripada Abu Umamah Al-Bahili *radhiallahu'anh.*

Janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat dari malam-malam lainnya untuk (mengerjakan) solat malam. Jangan pula kamu mengkhususkan hari Jumaat dari hari-hari lainnya untuk berpuasa. Kecuali apabila bertepatan dengan puasa sunat yang biasa dia lakukan.[238]

❋ **Kesimpulan.**

Kesimpulannya amalan membaca surah Yasin pada setiap kali menjelangnya malam Jumaat sebagaimana yang telah menjadi darah daging sebahagian umat Islam di Malaysia bukanlah suatu yang berasal daripada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasalam* mahupun ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah*.

Apa yang jelas amalan tersebut adalah bercanggah dengan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan fatwa Imam al-Syafie *rahimahullah* yang menganjurkan umat Islam agar menjadikan amalan membaca surah al-Kahfi sebagai amalan sunat pada setiap hari atau malam Jumaat. Berkata Imam al-Syafie *rahimahullah* menerusi kitabnya yang masyhur, *al-Umm*:[239]

> Saya juga menyukai agar seseorang membaca surah al-Kahfi pada siang dan malam Jumaat, berdasarkan keterangan hadis Rasul *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Apa yang difatwakan oleh Imam al-Syafie di atas ini adalah searah dengan pandangan salah seorang tokoh besar *Ahl*

---

[238] Hadis riwayat Muslim (no. 1144).

[239] Dinukil daripada *Mukhtashar Kitab al-Umm Fil Fiqhi* karya Imam al-Syafie Abu Abdullah Muhammad bin Idris; dalam edisi terjemahan oleh Mohammad Yasir Abd Mutholib di atas judul *Ringkasan Kitab Al-Umm* (Pustaka Azzam, Jakarta, 2004), jld. 1, ms. 292.

al-Sunnah semasa yang kebetulan juga antara tokoh yang turut ditohmah sebagai berfahaman Wahhabi. Beliau yang penulis maksudkan ialah Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah*. Berikut dinukilkan fatwa beliau yang dimaksudkan:[240]

> Sesungguhnya disunatkan kepada umat Islam agar membaca surah al-Kahfi secara keseluruhannya sehingga tamat. Bacaannya ini bukan dibaca dalam solat Subuh pagi Jumaat sebagaimana yang dilakukan oleh sesetengah imam yang tidak meneliti perkara ini secara tepat.
>
> Bahkan pembacaan surah tersebut tidak dibaca di dalam solat memandangkan solat Subuh pagi Jumaat disunatkan membaca dua surah yang diketahui ramai iaitu surah al-Sajadah dan al-Insan. Manakala surah al-Kahfi dibaca di luar solat, harus dibaca selepas solat Jumaat ataupun sebelumnya kerana ia tetap mendapat ganjaran.

❋ Penjelasan tambahan.

Penulis ingin menarik perhatian para pembaca yang budiman sekalian kepada salah satu fitnah yang sering dilontarkan oleh para pemuka dan pendukung bid'ah ke atas *Ahl al-Sunnah* bahawa *Ahl al-Sunnah* yang dimasyhurkan oleh mereka sebagai "Wahhabi" kononnya melarang keras umat Islam daripada membaca al-Qur'an lantaran menganggapnya sebagai amalan yang bid'ah di sisi agama.

Sebelum menjawab fitnah yang tidak berasas lagi bersifat kemelampauan ini, marilah kita perhatikan terlebih dahulu

---

[240] Dinukil daripada *Amalan Sunat Hari Jumaat & Surah Al-Kahfi* karya Mohd Fikri Che Hussain (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009), ms. 29.

salah satu *atsar* sahabat dan komentar daripada Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* yang mengikutinya di bawah ini.

عن سعيد المسيب: أنه رأى رجلا يصلى بعد طلوع الفجر أكثر من ركعتين، يكثر فيها الر كوع والسجود، فنهاه، فقال: يا ابا محمد! يعذبني الله على الصاة؟ قال: لا! ولكن يعذبك غلى خلاف السنة.

Maksudnya:

Daripada Said bin al-Musayyib bahawasanya dia telah melihat seorang lelaki solat setelah terbit fajar lebih daripada dua rakaat. Lelaki itu memperbanyakkan rukuk dan sujud dalam solatnya itu. Lalu beliau pun melarang lelaki itu berbuat sedemikian. Maka lelaki itupun berkata kepadanya: Wahai Abu Muhammad! Adakah Allah mengazabku di atas solat yang aku kerjakan ini? Beliau menjawab: Tidak! akan tetapi Allah mengazabmu kerana perlakuanmu ini menyelisih sunnah (Nabi shallallahu 'alaihi wasallam). [241]

Menerusi kitabnya yang berjudul *Irwa' al-Ghalil*, jld. 2, ms. 236, Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* berkata ketika mengulas riwayat di atas: [242]

Ini adalah jawapan yang sangat baik daripada Said ibn al-Musayyib dan merupakan senjata yang paling tajam terhadap *Ahl*

---

[241] Dikeluarkan oleh al-Baihaqi jld. 2, ms. 654 (no. 4445) dengan sanad yang sahih.

[242] Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Abdul Wahab Bustami (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006), ms. 222-223.

> *al-Bid'ah* yang sering menganggap baik perbuatan bid'ah dengan label zikir dan solat, kemudian mereka mengingkari *Ahl al-Sunnah* yang mengingkari perbuatan mereka dan menuduh *Ahl al-Sunnah* mengingkari zikir dan solat. Padahal, *Ahl al-Sunnah* sebenarnya hanya mengingkari penyimpangan mereka dari sunnah dalam tata-cara dan perlaksanaan zikir, solat dan amalan yang seumpama.

Ringkasnya *Ahl al-Sunnah* tidak pernah sama sekali melarang umat Islam daripada melakukan amalan-amalan yang jelas pensyariatannya di sisi ajaran agama seperti halnya membaca al-Qur'an, berzikir dan lain-lain seumpama sebagaimana yang didakwa oleh *Ahl al-Bid'ah*. Hanya sahaja *Ahl al-Sunnah* menegaskan bahawa hendaklah amalan-amalan tersebut dilakukan sesuai dengan cara atau kaedah (*kaifiyyat*) sebagaimana yang didatangkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Membaca al-Qur'an memang diperintahkan oleh ajaran agama akan tetapi mengkhususkan bacaan sesuatu surah pada masa dan dengan *kaifiyyat* (tatacara) tertentu tanpa adanya dalil yang mensyariatkan pengkhususan demikian adalah bid'ah di sisi agama. Ini sebagaimana yang berlaku pada amalan mengkhususkan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat yang tidak pernah ada contoh dan perintahnya dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* para sahabat *radhiallahu 'anhum* serta Imam Syafie *rahimahullah* atau para ulamak muktabar *Syafi'iyyah*.

Hal ini berbeza dengan amalan mengkhususkan bacaan surah al-Kahfi pada hari dan malam Jumaat kerana pengkhususan tersebut sememangnya memiliki dalil yang kukuh lagi jelas di sisi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

wasallam yang sahih sebagaimana yang telah penulis jelaskan dalam beberapa perenggan yang lalu. *Wallahu a'lam*.

BENARKAH TIDAK MELAFAZKAN NIAT SEBELUM MEMULAKAN SOLAT HANYA AMALAN GOLONGAN WAHHABI?

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Antara isu yang sering dipolemikkan adalah penolakan sesetengah pihak terhadap melafazkan niat *“Usholli Fardhu* (Sahaja aku solat fardhu)….” sebelum mengerjakan ibadah solat. Menurut mereka tindakan ini bukan sahaja ciri utama golongan Wahhabi bahkan ia boleh mencacatkan ibadah solat kerana niat itu adalah rukun dalam solat dan jika ditinggalkan maka terbatallah solat tersebut menurut *syara’*.

Dalil wajibnya niat adalah hadis daripada ‘Alqamah bin Waqqash al-Laitsi *radhiallahu'anh*, dia berkata:[243]

سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى.

Maksudnya:

Aku mendengar Umar bin Khattab berkata di atas mimbar: Aku mendengar Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tiap-tiap amal perbuatan harus

---

243 Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, Kitab *Bada’ al-Wahyu*, (no. 1).

disertai dengan niat, balasan bagi setiap amal manusia sesuai dengan apa yang diniatkan.

❋ Definisi niat.

Niat adalah keinginan atau azam untuk mengerjakan ibadah (dalam konteks ini ibadah solat) semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah. Niat ini tempatnya di hati dan tidak perlu dilafazkan. Dalam bukunya *Ighatsatu'l Lahfan*, Imam Ibn al-Qayyim *rahimahullah* menyatakan:[244]

> Niat ertinya menyengaja dan bermaksud sungguh-sungguh untuk melakukan sesuatu. Dan tempatnya ialah di dalam hati, dan tidak ada sangkut-pautnya sama sekali dengan lisan…

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* tentang hadis: ***Tiap-tiap amal perbuatan harus disertai dengan niat***.. ianya menunjukkan:[245]

> Setiap pekerjaan harus didasari dengan niat. Al-Khauyi mengatakan: Seakan-akan Rasulullah memberi pengertian bahawa niat itu bermacam-macam sebagaimana perbuatan. Seperti orang yang melakukan perbuatan dengan motivasi ingin mendapatkan redha Allah dan apa yang dijanjikan kepadanya, atau ingin menjauhkan diri dari ancaman-Nya. Sebahagian riwayat menggunakan lafaz *al-Niyat* dalam bentuk *mufrad* (tunggal) dengan alasan, bahawa tempat niat adalah dalam hati

---

244 Dinukil darpada kitab *Fiqhus Sunnah* karya Syeikh Sayyid Sabiq; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Fikih Sunnah* (Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1990), jld. 1, ms. 286. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Fiqhus Sunnah*.

245 Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari Syarh Shahih al-Bukhari*; edisi terjemahan dengan tajuk *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari* (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002), jld. 1, ms. 18. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Fathul Baari*.

sedangkan hati itu satu, maka kata niat disebutkan dalam bentuk tunggal…

Tambah al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* lagi:[246]

> Imam al-Nawawi mengatakan, bahawa niat bererti maksud, iaitu keinginan yang ada dalam hati. Tetapi Syeikh al-Karmani menambahkan, bahawa keinginan hati adalah melebihi maksud.

Seterusnya al-Hafiz menyatakan:[247]

> Baidhawi berkata: Niat adalah dorongan hati untuk melakukan sesuatu sesuai dengan tujuan, baik mendatangkan manfaat atau menolak mudarat, sedangkan syari'at adalah sesuatu yang membawa kepada perbuatan yang diredhai Allah dan mengamalkan segala perintah-Nya.

Dari keterangan di atas dapatlah kita membuat rumusan bahawa: Setiap amal seseorang mukmin yang terbit dari kehendak, azam, cita-cita dan gerak hatinya yang disedari dan tidak dipaksa, maka itulah yang dinamakan niat.

❈ Bagaimana Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memulakan solat?

Antara hadis-hadis yang menggambarkan bagaimana baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* memulakan solatnya adalah seperti berikut:[248]

---

246 Rujuk kitab Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 1, ms. 19.

247 Rujuk kitab Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari,* jld. 1, ms. 19.

248 Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, *Kitab al-Shalat* (no. 498).

PERTAMA:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَفْتِحُ الصَّلَاةَ بِالتَّكْبِيرِ.

Maksudnya:

Dari Aishah dia berkata: Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membuka solatnya dengan Takbir.

KEDUA:

عَنْ عَلِيٍّ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ.

Maksudnya:

Dari Ali bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Kunci solat itu ialah berwuduk, pembukaannya membaca takbir, dan penutupnya ialah memberi salam. [249]

KETIGA:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَتَحَ التَّكْبِيرَ فِي الصَّلَاةِ فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ.

Maksudnya:

Dari Abdullah ibn Umar radhiallahu'anh, dia berkata: Aku telah menyaksikan Rasulullah shallallahu

---

[249] Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi dalam *Sunan al-Tirmidzi*, *Kitab al-Thaharah* (no.3), Imam Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Thaharah* (no. 56) dan Imam Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*, *Kitab al-Thaharah* (no. 271).

'alaihi wasallam membuka solatnya dengan takbir, kemudian mengangkat kedua tangannya. [250]

Masih banyak lagi dalil-dalil yang membuktikan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memulakan solatnya dengan lafaz *takbir*. Hadis-hadis ini kesemuanya menunjukkan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak melafazkan apa-apa perkataan pun sebelum *takbir*.

Maka dengan ini *Ahl al-Sunnah* berpendirian untuk tidak melafazkan niat seperti *"Ushollli Fardhu* (Sahaja aku solat fardhu)..*"* ketika memulakan solat sebagaimana yang kebiasaan diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia. Ini adalah dalam rangka mencontohi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam ibadah solat sepertimana yang diwajibkan ke atas kita sebagaimana sabdanya: [251]

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

Maksudnya:

Solatlah kamu sekalian sebagaimana kamu melihat aku bersolat.

❋ **Pandangan Imam al-Syafie tentang melafazkan niat.**

Imam al-Syafie *rahimahullah* memang terkenal sebagai seorang imam yang teguh dalam berpegang kepada sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh sebab itu beliau telah diberi gelaran *al-Nashir al-Sunnah* (pembela sunnah). Imam Ahmad *rahimahullah* yang juga anak murid Imam al-Syafie

---

[250] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Azan* (no. 738).

[251] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Azan* (no. 631)

rahimahullah pernah berkata:

> Sungguh Imam al-Syafie *rahimahullah* adalah seorang pembela sunnah.

Menurut Imam Ahmad *rahimahullah* lagi:

> Aku tidak pernah melihat orang yang lebih mengikut sunnah seperti Imam al-Syafie *rahimahullah*.

Imam Ahmad *rahimahullah* seterusnya berkata:

> Di antara kesungguhan Imam al-Syafie *rahimahullah* yang terpuji adalah apabila dia mendengar hadis yang belum ada padanya, maka dia mengambilnya dan meninggalkan pendapatnya.[252]

Dengan semangat beliau yang tinggi dalam mencontohi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* maka tidak aneh sekiranya pandangan beliau tentang apa yang perlu diucapkan ketika hendak memulai solat adalah selari dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Berkata Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam kitab beliau *al-Umm*:[253]

> Siapa yang pandai membaca takbir, niscaya tidaklah dia memulakan solatnya melainkan dengan takbir itu sendiri dan takbirnya ialah *Allahu Akbar*.

Menurut Syeikh Mohammad Abdul Qoder al-Mandeeli:[254]

---

[252] Dinukil dari kitab *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala Fi Itsbat al-'Aqidah* karya Syeikh Muhammad A.W. al-'Aqil, ms. 80.

[253] Rujuk, *al-Umm (Kitab Induk)* karya Imam al-Syafie (Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1989), jld. 1, ms. 241. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *al-Umm*.

[254] Lihat Mohammad Abdul Qoder al-Mandeeli, *Persoalan Yang Berkehendak Kepada Melaksanakan Untuk Mengatasi dan Mengubah Adat-*

Adapun orang yang berkata sunat berlafaz (niat) sebelum takbir, maka perkataannya menyalahi perkataan Imam al-Syafie sendiri.

❋ **Kekeliruan tentang pendapat Imam al-Syafie mewajibkan lafaz niat.**

Pendapat bahawa Imam al-Syafie *rahimahullah* telah mewajibkan melafaz niat sebelum solat berpunca dari kekeliruan Abu Abdulah al-Zubairi *rahimahullah* (seorang tokoh bermazhab Syafie) dalam memahami kata-kata Imam al-Syafie *rahimahullah* yang berbunyi:

> Jika kamu berniat untuk haji dan umrah dianggap memadai sekalipun tidak dilafazkan, tidak seperti solat, tidak dianggap sah kecuali dengan *al-nuthq*.

Bagi al-Zubairi *al-nuthq* di sini bermaksud dilafazkan niat. Namun begitu maksud *al-nuthq* yang sebenar adalah *takbiratul ihram* iaitu solat itu dimulakan dengan melafazkan takbir (*Allahu Akbar*). Menurut Imam al-Nawawi *rahimahulah*:[255]

> Berkata para sahabat kami: Telah berlaku kekeliruan oleh orang yang menyatakannya, kerana bukan itu yang dimaksudkan oleh al-Syafie dengan kata *al-nuthq* di dalam solat.

Adat Yang Berlaku Dalam Masyarakat Dengan Sangkaan Ibadat (Makkah al-Mukarramah, 1423H), ms. 16.

[255] Dinukil daripada kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hasan bin Mahmud bin Salaman, *al-Qawl al Mubiin Fii Akhtaa' al Mushallin*; edisi terjemahan dengan tajuk *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin* (Pustaka Azzam, 2001) ms. 100. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin.*

Akan tetapi yang dimaksudkan dengan *al-nuthq* oleh beliau (al-Syafie) adalah takbir (*Allahu Akbar* –pen).

Imam Ibn Abi al-'Izz *rahimahullah* pula berkata:[256]

Tidak ada seorang ulamak pun dari imam empat, tidak al-Syafie mahupun yang lainnya yang mensyaratkan melafazkan niat. Menurut kesepakatan mereka, niat itu tempatnya di dalam hati. Hanya sahaja sebahagian ulamak kebelakangan mewajibkan seseorang melafazkan niatnya dalam solat. Dan pendapat ini digolongkan sebagai mazhab al-Syafie. Al-Nawawi *rahimahullah* berkata: Itu tidak benar.

Telah berkata Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah*:[257]

Jika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berdiri untuk solat, maka beliau mengucapkan takbir, tanpa mengucapkan apa pun sebelumnya, tidak melafazkan niat dan tidak seorangpun di antara sahabat, *tabi'in* dan imam yang empat pernah melakukannya. Kebiasaan beliau saat takbiratul ihram adalah melafazkan '*Allahu Akbar'* tanpa ucapan lain.

Qadi Abu ar-Rabii Sulaiman bin 'Umar al-Syafie *rahimahullah* berkata:[258]

---

256 Rujuk kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hasan bin Mahmud bin Salaman *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin*, ms. 100.

257 Lihat Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Mukhtashar Zadul-Ma'ad*, peringkas Muhammad Abdul Wahhab at-Tamimi; edisi terjemahan dengan tajuk *Mukhtasar Zaadul Ma'ad Bekal Menuju Akhirat* (Pustaka Azzam, 1999), ms. 19.

258 Rujuk kitab Syeikh Abu Ubaidah Mashur, *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin*, ms. 98.

> Mengeraskan suara ketika membaca lafaz niat dan membaca ayat-ayat al-Qur'an di belakang imam bukanlah dari sunnah, sebaliknya makruh. Jika yang dikerjakan itu boleh mengganggu orang lain yang sedang solat maka hukumnya menjadi haram. Sesiapa yang mengatakan bahawa mengeraskan suara semasa melafazkan niat itu sunnah, maka pendapat itu adalah salah. Tidak dihalalkan kepada sesiapa pun untuk mengatakan sesuatu dalam agama Allah tanpa ilmu.

Terdapat sesetengah pihak yang menganjurkan untuk membaca ayat al-Qur'an tertentu sebelum memulakan solat seperti surah al-Nas. Ini adalah bertujuan untuk menghilangkan gangguan syaitan dan perasaan was-was supaya dapat khusyuk ketika bersolat. Namun begitu amalan ini dianggap oleh Qadi Abu ar-Rabii Sulaiman bin 'Umar al-Syafie *rahimahullah* sebagai sesuatu yang bukan sunnah kerana ia tidak pernah dianjurkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* para *al-Salaf al-Shalih* mahupun para Imam yang empat. Sekiranya amalan ini benar-benar baik dan bermanfaat kepada manusia nescaya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak akan alpa untuk mengajarkannya kepada para sahabat baginda dan pasti akan wujud hadis-hadis yang menganjurkannya.

Antara perkara yang sering berlaku di dalam masyarakat kita adalah pengulangan melafazkan niat dan mengangkat takbir berkali-kali kerana adanya perasaan was-was bahawa niat yang dilafazkan itu tidak betul sehingga membatalkan solatnya. Tindakan ini boleh menganggu ke*khusyu'*kan jemaah lain yang bersolat berhampiran. Sikap sebegini sebenarnya timbul di atas kejahilan seseorang dan ia merupakan satu perbuatan bid'ah yang tercela.

Berkata Imam al-Suyuthi al-Syafie *rahimahullah*:[259]

.... daripada bid'ah itu adalah, was-was (selalu ragu -pen) sewaktu berniat dalam solat. Hal ini tidak pernah diperbuat oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* mahupun sahabat beliau. Mereka dulu tidak pernah melafazkan niat solat sedikit pun selain hanya lafaz takbir. Allah Ta'ala telah berfirman:

لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٌ...

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik... [Surah al-Ahzaab (33): 21]

Imam al-Syafie *rahimahullah* berkata:[260]

Was-was dalam berniat semasa solat atau bersuci berpunca dari kejahilan atau kerosakan akal.

Menurut Syeikh Sayyid Sabiq *rahimahullah*:[261]

Ungkapan-ungkapan (lafaz niat - pen) yang dibuat-buat (direka – pen) dan diucapkan pada permulaan bersuci (wuduk) dan solat ini, telah dijadikan oleh syaitan sebagai arena pertarungan bagi orang-orang yang diliputi was-was, yang menahan dan menyiksa mereka dalam lingkaran tersebut, dan menuntut mereka untuk menyempurnakannya. Maka anda lihat masing-masing mereka mengulang-ulanginya dan bersusah-payah

---

[259] Rujuk kitab Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, *Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami*, ms. 44.

[260] Rujuk kitab Syeikh Abu Ubaidah Mashur, *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin*, ms. 99.

[261] Rujuk kitab Syeikh Sayyid Sabiq, *Fiqhus Sunnah*, jld. 1, ms. 286.

untuk melafazkan pada hal demikian itu sama sekali tidak termasuk dalam ibadah solat.

Semoga dengan penjelasan ini maka jelaslah tindakan *Ahl al-Sunnah* untuk tidak melafazkan niat bukanlah termasuk dalam perkara yang boleh membatalkan solat mereka malah inilah yang lebih sesuai dengan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan mazhab Imam al-Syafie *rahimahullah*. Semoga pembaca budiman dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk mengikuti apa yang sesuai dengan sunnah Rasul *shallallahu 'alaihi wasallam*.

IMAM AL-SYAFIE DAN AIR MUSTAKMAL

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Pandangan yang lazimnya diterima-pakai di Malaysia dan diajar di mana-mana pengajian fardu 'ain, air mustakmal itu tidak boleh digunakan untuk bersuci. Pandangan ini juga telah dianggap secara automatik sebagai pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah*. Berpegang selain dari pandangan ini bukan sahaja dianggap menderhaka kepada mazhab Syafie, bahkan sekiranya air mustakmal itu digunakan untuk berwuduk nescaya wuduk kita itu tidak sah. Wuduk yang tidak sah akan menjejaskan kualiti solat seseorang. Oleh itu, permasalahan air mustakmal harus kita perhatikan dengan serius kerana solat adalah perkara pokok di dalam Islam.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

رَأْسُ الأَمْرِ الإِسْلاَمُ وَعَمُودُهُ الصَّلاَةُ وَذِرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ.

Maksudnya:

Pangkal semua urusan agama adalah Islam, tiangnya adalah solat dan puncak tertingginya adalah jihad. [262]

---

262 Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi di dalam *Sunan al-Tirmidzi* , *Kitab al-Iman* (no. 2541).

❋ Definisi air mustakmal.

Air mustakmal adalah air yang suci tetapi tidak menyucikan. Dalam *Ensklopidi Hukum Islam, Bab Air*, air mustakmal didefinasikan sebagai:[263]

> Air yang kurang dari dua kolah (216 liter) yang terpisah atau mengalir dari atau pada anggota tubuh seseorang yang berwuduk atau mandi wajib. Umpamanya, air yang digunakan untuk berwuduk terjatuhnya semula ke dalam bekas simpanan air yang digunakan sebagai sumber air wuduk atau air yang sama (tidak mengalir dari sumber yang baru) yang digunakan untuk mengulangi basuhan keseluruhan anggota wuduk.

Dalam ertikata lain sekiranya kita sedang berwuduk atau mandi lalu percikan air dari anggota badan kita termasuk ke dalam bekas air seperti kolah, baldi, tong dan bekas takungan air lain yang mana kandungan airnya kurang dari dua kolah, air di dalam bekas itu dihukumkan sebagai mustakmal. Ia tidak sah digunakan untuk berwuduk. Persoalannya, benarkah dakwaan ini? Mari kita lihat perbahasan seterusnya.

❋ Adakah tubuh mukmin itu najis?

Kebiasaannya yang menyebabkan air itu tidak suci dan tidak boleh berwuduk menggunakannya adalah disebabkan ia telah tercampur dengan unsur-unsur najis. Persoalannya, adakah tubuh seorang mukmin itu dianggap sebagai najis sehingga percikan air dari anggota tubuhnya boleh menjejaskan kesucian sumber air untuk berwuduk?

---

[263] Rujuk buku Hafiz Firdaus Abdullah, *Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2000), ms. 29.

Untuk menjawab persoalan ini, mari kita lihat sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu'anh*:[264]

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقِيَهُ فِي بَعْضِ طَرِيقِ الْمَدِينَةِ وَهُوَ جُنُبٌ. فَانْخَنَسْتُ مِنْهُ فَذَهَبَ فَاغْتَسَلَ ثُمَّ جَاءَ فَقَالَ: أَيْنَ كُنْتَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ. قَالَ: كُنْتُ جُنُبًا فَكَرِهْتُ أَنْ أُجَالِسَكَ وَأَنَا عَلَى غَيْرِ طَهَارَةٍ. فَقَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ إِنَّ الْمُسْلِمَ لاَ يَنْجُسُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam telah bertembung dengannya di salah satu jalan di kota Madinah sedangkan waktu itu dia berada dalam keadaan junub. Lalu dia pun menyelinap pergi daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam kemudian terus mandi junub. Setelah itu, dia datang kembali. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam telah bertanya: Ke mana engkau pergi wahai Abu Hurairah? Jawabnya: Aku berada dalam keadaan junub dan aku tidak suka mendampingimu ketika aku tidak berada dalam keadaan suci. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Maha Suci Allah! Orang mukmin itu tidak najis.

Imam al-Bukhari *rahimahullah* memasukkan hadis ini di dalam bab: "Peluh orang junub dan seorang muslim tidak najis". Jelas melalui hadis di atas, ia membuktikan tubuh seorang mukmin itu bukanlah najis walaupun berada dalam keadaan berjunub. Oleh itu, tidak ada alasan untuk menyatakan bahawa sekiranya terpercik air dari tubuh seorang mukmin yang tidak

[264] Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Ghusl* (no. 283).

berjunub lalu jatuh ke dalam bekas air akan menghilangkan kesucian air itu. Jelas apabila barang yang suci bertemu barang yang suci ia tidak akan memberi apa-apa kesan.[265] Menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah*:[266]

> Ibn Hibban telah menyebut hal ini di dalam satu bab khusus di dalam kitabnya sebagai bantahan terhadap orang yang berpendapat bahawa orang yang junub dan berniat mandi wajib, lalu air percikan mandi wajibnya itu jatuh ke dalam bekas maka airnya menjadi najis.

❋ **Nabi tidak mengharamkan penggunaan air mustakmal.**

Terdapat beberapa riwayat yang *tsabit* daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa air mustakmal itu adalah suci dan boleh digunakan untuk berwuduk. Humran (hamba kepada Uthman bin Affan) telah berkata:[267]

أَنَّهُ رَأَى عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ دَعَا بِوَضُوءٍ فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَيْهِ مِنْ إِنَائِهِ فَغَسَلَهُمَا ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ أَدْخَلَ يَمِينَهُ فِي الْوَضُوءِ ثُمَّ تَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ وَاسْتَنْثَرَ ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلاَثًا... ثُمَّ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ نَحْوَ وُضُوئِي.

Maksudnya:

Sesungguhnya dia telah melihat Uthman bin Affan meminta sebekas air untuk berwuduk. Kemudian, beliau menuangkan air dari bekas itu ke telapak tangannya dan

---

265 Rujuk kitab Syeikh Sayyid Sabiq, *Fiqhus Sunnah*, jld. 1, ms. 37.

266 Rujuk kitab al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari* , jld. 2, ms. 469.

267 Hadis riwayat al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, kitab *al-Wudhu'* (no. 164).

mencuci kedua-duanya tiga kali. Kemudian dia memasukkan tangan kanannya ke dalam bekas air wuduk itu lalu berkumur-kumur serta memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya. Setelah itu dia membasuh mukanya tiga kali... Kemudian dia (Uthman bin Affan) berkata: Aku melihat Rasulullah berwuduk seperti wudukku ini.

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Humran telah melihat sendiri bahawa Uthman bin Affan *radhiallahu'anh* telah mencelup tangannya ke dalam sebuah bekas berisi air dan terus menggunakan air itu untuk membasuh anggota wuduk yang lain. Sekiranya air mustakmal itu tidak suci untuk berwuduk, pasti dia akan menyuruh Humran untuk menggantikan air di dalam bekas itu kerana ia tidak sah digunakan untuk berwuduk.

Kebenaran menggunakan air mustakmal untuk berwuduk atau mandi junub terbukti apabila Uthman *radhiallahu'anh* menegaskan bahawa ***aku melihat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berwuduk seperti wudukku ini***. Bukankah ini menunjukkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga menggunakan air mustakmal untuk berwuduk?

Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan sebuah *atsar* secara *mu'allaq*:[268]

وَأَمَرَ جَرِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَهْلَهُ أَنْ يَتَوَضَّئُوا بِفَضْلِ سِوَاكِهِ.

Maksudnya:

Jarir bin Abdullah radhiallahu 'anh memerintahkan keluarganya agar berwuduk

---

[268] *Atsar* riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, kitab *al-Wudhu'*, Bab "Mempergunakan Sisa Air Wudhu' Orang Lain."

menggunakan sisa air yang dipakainya untuk bersiwak (gosok gigi).

Hadis yang diriwayatkan secara *mu'allaq* adalah hadis yang terputus dari awal-awal sanadnya seorang perawi atau lebih. Melalui *atsar* ini, Imam al-Bukhari *rahimahullah* tidak menunjukkan sanad *atsar* tersebut melainkan secara terus meriwayatkannya daripada Jarir bin Abdullah *radhiallahu'anh*. Namun, menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah,* sanad *atsar* tersebut telah diriwayatkan juga oleh imam-imam hadis yang lain. Riwayat dan silsilahnya (sanad *atsar* tersebut – pen) juga disebut oleh Ibn Abi Syaibah dan al-Daruqutni serta selain mereka daripada jalur Qais bin Abu Hazim daripada Jarir bin Abdullah.[269]

Mengikut amalan kebiasaan di Malaysia ternyata sisa air yang dipakai untuk mencelupkan kayu siwak (sugi) adalah termasuk dalam jenis air mustakmal yang tidak boleh lagi digunakan untuk berwuduk. Sedangkan, al-Hafiz Ibn Hajar *rahimahullah* mendatangkan riwayat bahawa Jarir bin Abdullah telah membenamkan hujung kayu suginya ke dalam bekas air itu. Kesimpulannya, jelas sekali perbuatan Jarir bin Abdullah *radhiallahu'anh* yang merupakan seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menyelisihi amalan yang lazim diamalkan di Malaysia ini.

Abu Juhaifah *radhiallahu 'anh* berkata:[270]

---

[269] Rujuk kitab Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 2, ms. 196.

[270] Hadis riwayat al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, kitab *al-Wudhu'*, (no. 187).

خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْهَاجِرَةِ فَأُتِيَ بِوَضُوءٍ فَتَوَضَّأَ فَجَعَلَ النَّاسُ يَأْخُذُونَ مِنْ فَضْلِ وَضُوئِهِ فَيَتَمَسَّحُونَ بِهِ.

Maksudnya:

Suatu hari, ketika waktu tengahari, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah keluar lalu diberikan sebekas air untuk berwuduk. Setelah selesai, orang ramai menggunakan lebihan air wuduknya itu lalu berwuduk.

Berkenaan dengan hadis ini, al-Hafiz Ibn Hajar *rahimahullah* berkata: [271]

> Di sini terdapat keterangan yang sangat jelas mengenai sucinya air mustakmal.

Apa yang dapat kita simpulkan dari riwayat-riwayat di atas ialah air mustakmal itu suci lagi menyucikan tanpa perlu diragui. Syeikh Sayyid Sabiq *rahimahullah* berkata:[272]

> Hukumnya (air mustakmal) suci lagi menyucikan sebagaimana halnya air mutlak tanpa ada perbezaan walau sedikit. Hal itu disebabkan asalnya yang suci, sedangkan tidak ditemui satu alasan pun yang mengeluarkannya dari kesucian itu.

❋ Adakah Imam al-Syafie menolak kesucian air mustakmal untuk berwuduk?

---

271 Rujuk kitab Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 2, ms. 196.

272 Rujuk kitab Syeikh Sayyid Sabiq, *Fiqhus Sunnah*, jld. 1, ms. 36.

Setelah dirujuk Kitab *al-Umm* karangan Imam al-Syafie *rahimahullah* tentang *al-Thaharah* (bersuci) jld. 1, ms. 32 hingga 44, ketika beliau membicarakan hukum penggunaan air yang kurang dari dua kolah, ternyata perbincangan beliau lebih berkisar tentang apabila air yang kurang dari dua kolah tersebut bercampur dengan najis. Maka di dalam keadaan ini hukum air tersebut adalah tidak menyucikan dan tidak sah digunakan untuk berwuduk. Sedangkan bagi air yang umat Islam di Malaysia definasikan sebagai mustakmal maka beliau menganggap ia suci lagi menyucikan.

Seperti apa yang tertulis di dalam Kitab *al-Umm*:[273]

> Al-Rabi' berkata peluh orang Kristian, orang berjunub dan wanita yang sedang haid itu suci. Demikian juga peluh orang majusi dan peluh setiap binatang ternak itu suci. Air sisa minuman binatang ternak dan binatang buas seluruhnya itu suci kecuali anjing dan babi.
>
> Al-Rabi' berkata dan termasuk kata-kata al-Syafie ialah: Apabila seseorang meletakkan air, lalu dia mengerjakan perbuatan sunat dengan bersugi dan dia membenamkan sugi itu ke dalam air, kemudian dia mengeluarkannya, pasti dia dapat berwuduk dengan air itu. Kerana yang terdapat pada sugi itu adalah air liurnya. Dan kalau dia meludah atau berdahak atau mengeluarkan hingus ke dalam air, nescaya ia tidak menajiskan air itu. Binatang ternak itu sendiri minum di dalam air dan kadang-kadang bercampuran air liur dengan air maka ia tidak menajiskan air kecuali anjing dan babi.

273 Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 1, ms. 38.

> Begitu juga kalau berpeluh, lalu peluhnya terjatuh ke dalam air, nescaya tidak menajiskan. Ini kerana, peluh manusia dan binatang ternak itu tidak najis dan sama sahaja dari mana tempat peluh itu keluar sama ada dari bawah bahu atau lainnya.

Kesimpulannya, pandangan Imam al-Syafie *rahimahullah* jelas selari dengan hadis-hadis yang sabit daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang keharusan menggunakan air mustakmal untuk berwuduk atau mandi junub. Tidak ada dalil sahih yang disepakati oleh ulama fekah atau hadis mengenai larangan menggunakan air mustakmal.

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani al-Syafie *rahimahullah*, istilah itu tidak pernah wujud dalam syarak. Sedangkan, *tsabit* perbuatan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menggunakan air yang kurang daripada dua kolah dan tidak dianggap air mustakmal yang tidak boleh digunakan untuk mengangkat hadas.

BENARKAH HANYA WAHHABI SAHAJA YANG MEMBACA SELAWAT NABI DALAM *TASYAHHUD* TANPA PERKATAAN *SAIYYIDINA*?

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Bagi masyarakat Islam di Malaysia, amalan kebiasaan yang dilakukan ketika pembacaan selawat dalam *tasyahhud* atau ketika berdoa akan dilafazkan perkataan *sayyidina* (tuan kami) sebelum nama Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai tanda penghormatan kepada baginda. Bagi mereka yang enggan menambah perkataan tersebut di dalam *tasyahhud* ketika bersolat atau ketika berdoa seringkali dituduh sebagai golongan yang tidak menghormati atau mencintai Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam,* bahkan ia turut dituduh sebagai amalan golongan Wahhabi.

Memang telah disepakati oleh semua ulamak bahawa selawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan satu perintah dari Allah *'Azza Wa Jalla* sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada

Nabi (Muhammad shallallahu ‘alaihi wasallam); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. [Surah al-Ahzaab (33) :56]

Menurut Syeikh al-Albani *rahimahullah*:[274]

> Pengertian selawat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang paling baik adalah seperti yang dikemukakan oleh Abu ‘Aliyah, iaitu Allah berselawat kepada Nabi maksudnya Allah memuji dan memuliakannya. Malaikat berselawat kepada Nabi maksudnya mereka memohon kepada Allah untuk mengurniakan kedudukan terpuji dan terhormat kepada beliau. Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab *Fathul Baari* mengemukakan suatu pendapat yang popular tentang makna Allah berselawat kepada Nabi ialah Allah memberi rahmat kepadanya.

Dr. TM Hasbi al-Shiddiqiey *rahimahullah* pula berkata:[275]

> Adapun pengertian kita berselawat kepada Nabi ialah mengakui kerasulannya serta memohon kepada Allah semoga Allah melahirkan atau mengurniakan keutamaan dan kemuliaan kepada baginda.

Selanjutnya Imam al-Syafie *rahimahullah* menulis:[276]

---

[274] Rujuk kitab Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Shifatu Shalaati an-Nabiyyi shallallahu 'alaihi wasallam min at-Takbiiri ila at-Tasliimi Ka-annaka Taraaha*; edisi terjemahan dengan tajuk *Sifat Solat Nabi S.A.W.* (Media Hidayah, Yogyakarta, 2000), ms. 205. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Shifatu Shalaati an-Nabiyyi shallallahu 'alaihi wasallam*.

[275] Dinukil daripada kitab *Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam*, Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1999), ms. 11.

Maka tidak adalah berselawat pada tempat yang lebih utama daripada dalam solat. Kami mendapat petunjuk dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan yang saya terangkan, bahawa selawat kepada Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam* itu fardhu dalam solat.

Oleh itu jelaslah bagi kita bahawa berselawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah satu perkara yang disyari'atkan di dalam solat. Maka ada baiknya untuk kita meneliti hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mengajar kita mengenai tatacara untuk berselawat yang boleh dimanfaatkan dalam bacaan *tasyahhud*. Mempelajari cara Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan mengamalkannya adalah satu kaedah yang dituntut dalam Islam kerana beliau merupakan contoh ikutan yang terbaik bagi kita semua sebagaimana firman Allah *'Azza Wa Jalla*:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). [Surah al-Ahzaab (33) :21]

---

276 Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 1, ms. 280.

Hadis-hadis tersebut adalah seperti di bawah :

PERTAMA:

عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ أَبِي لَيْلَى قَالَ: لَقِيَنِي كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ فَقَالَ: أَلا أُهْدِي لَكَ هَدِيَّةً سَمِعْتُهَا مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقُلْتُ: بَلَى. فَأَهْدِهَا لِي فَقَالَ: سَأَلْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ الصَّلاةُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ عَلَّمَنَا كَيْفَ نُسَلِّمُ عَلَيْكُمْ. قَالَ: قُولُوا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya:

Abdurrahman bin Abi Lailah berkata: Saya berjumpa dengan Ka'ab bin Abi Lailah lalu dia berkata: Mahukah aku hadiahkan kepadamu satu hadiah yang aku pernah mendengarnya dari Nabi shallallahu 'alaihi wasallam? Jawabku: Boleh! Hadiahkanlah kepadaku! Dia berkata: Kami (para sahabat) pernah bertanya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bagaimana (cara) berselawat kepada kamu (wahai) ahlul bait, kerana sesungguhnya Allah telah mengajarkan kepada kami bagaimana (caranya) kami memberi salam (kepadamu)?

Dalam riwayat lain, Ya Rasulullah sesungguhnya kami telah mengetahui bagaimana (caranya) kami mengucapkan salam kepadamu, maka bagaimanakah cara kami berselawat kepadamu?

Baginda menjawab: Ucapkanlah oleh kalian Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. Ya Allah, berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. [277]

KEDUA:

عَنْ مُوسَى بْنِ طَلْحَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ الصَّلَاةُ عَلَيْكَ. قَالَ: قُولُوا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَآلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَآلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya:

Dari Musa bin Thalhah, dari bapanya (iaitu Thalhah bin 'Ubaidullah) dia berkata: Kami (para sahabat) bertanya: Ya Rasulullah, bagaimanakah (caranya) berselawat kepadamu? Baginda bersabda: Ucapkanlah oleh kalian Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. Dan berkatilah Muhammad dan keluarga

---

[277] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab Ahadith al-Anbiya'*, (no. 3370).

Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia). [278]

KETIGA:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الأَنْصَارِيِّ أَنَّهُ قَالَ: أَتَانَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسِ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ فَقَالَ لَهُ بَشِيرُ بْنُ سَعْدٍ: أَمَرَنَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ نُصَلِّيَ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَكَيْفَ نُصَلِّ عَلَيْكَ. فَسَكَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى تَمَنَّيْنَا أَنَّهُ لَمْ يَسْأَلْهُ ثُمَّ قَالَ: قُولُوا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya:

Dari Abi Mas'ud al-Anshari, dia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam datang kepada kami sedang kami berada di majlis Sa'ad bin 'Ubadah. Kemudian Basyir bin Sa'ad bertanya kepada baginda: Allah Ta'ala telah memerintahkan kepada kami berselawat kepadamu ya Rasulullah, maka bagaimanakah (caranya) kami berselawat kepadamu?

Kata Abi Mas'ud: Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam diam sehingga kami ingin kalau sekiranya dia (Basyir bin Sa'ad) tidak bertanya kepada baginda. Kemudian Rasulullah shallallahu 'alaihi

---

278 Hadis riwayat Ahmad dalam *Musnad Ahmad* (no. 1323) dan juga diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i*, *Kitab al-Sahwa*, (no. 1273 dan 1274).

wasallam bersabda: Ucaplah oleh kalian Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada keluarga Ibrahim, Ya Allah, berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati keluarga Ibrahim, atas seluruh alam sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia.)... [279]

KEEMPAT:

أَبُو حُمَيْدٍ السَّاعِدِيُّ أَنَّهُمْ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ نُصَلِّي عَلَيْكَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قُولُوا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ فِي حَدِيثِ الْحَارِثِ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ قَالا جَمِيعًا كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya:

Abu Humaid al-Saa'idi dia berkata: Bahawasanya mereka (para sahabat) bertanya: Ya Rasulullah, bagaimana (caranya) kami berselawat kepadamu? Jawab baginda: Ucapkanlah oleh kalian Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan kepada isteri-isteri beliau dan keturunannya, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada keluarga Ibrahim. Ya Allah, berkatilah Muhammad dan kepada isteri-isteri beliau dan keturunannya sebagaimana Engkau telah memberkati

---

[279] Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i*, *Kitab al-Sahwa*, (no. 1268) dan juga diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi dalam *Sunan al-Tirmidzi*, *Kitab Tafseer al-Qur'an* (no. 3144).

keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia.) [280]

KELIMA:

عن أبي هريرة رضي الله عنه ، أنه قال : يا رسول الله ، كيف نصلي عليك ؟ يعني: في الصلاة . فقال : تقولون : اللهم صل على محمد وآل محمد كما صليت على إبراهيم ، وبارك على محمد وآل محمد كما باركت على إبراهيم ، ثم تسلمون علي.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah, dia berkata: Wahai Rasulullah, bagaimana kami berselawat untukmu iaitu ketika dalam solat? Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Ucapkanlah oleh kalian: Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim, dan berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim, kemudian kalian mengucapkan salam kepadaku. [281]

KEENAM:

عن عبد الرحمن بن أبي ليلى ، عن كعب بن عجرة رضي الله عنه ، عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه كان يقول في الصلاة : اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على إبراهيم

---

[280] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Anbiya'* (no. 3369) dan *Kitab al-Da'wat* (no. 6360). Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, *Kitab al-Shalah* (no. 407).

[281] Hadis riwayat Imam al-Syafie di dalam *Musnad al-Syafie* (no. 163).

وآل إبراهيم ، وبارك على محمد وآل محمد كما باركت على إبراهيم وآل إبراهيم ، إنك حميد مجيد.

Maksudnya:

Daripada Abdurrahman bin Abi Lailah daripada Ka'ab bin 'Ujrah radhiallahu'anh, mengkhabarkan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, baginda mengucapkan di dalam solat (untuk berselawat) Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, dan berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. [282]

Selain dari selawat-selawat di atas terdapat beberapa lagi cara selawat yang telah diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang boleh kita dapati dari hadis-hadis yang sahih dari baginda yang boleh dimanfaatkan dalam bacaan untuk *tasyahhud*. Maka sewajarnya kita untuk mencontohi cara bacaan yang benar-benar telah diajar sendiri oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini sesuai dengan anjuran baginda sendiri untuk mengikuti hanya baginda di dalam ibadah solat sebagaimana sabdanya:[283]

---

282 Hadis riwayat Imam al-Syafie di dalam *Musnad al-Syafie* (no. 164).

283 Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Azan*, (no. 631).

Mohd Hairi Nonchi: Perbincangan lanjut berkaitan selawat ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menurut al-Sunnah yang sahih boleh dirujuk melalui sumber-sumber berikut:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

Maksudnya:

Solatlah kamu sekalian sebagaimana kamu melihat aku bersolat.

Setelah membaca hadis-hadis di atas mungkin para pembaca akan tertanya-tanya tentang perbezaan lafaz selawat dalam bacaan *tasyahhud* awal dan *tasyahhud* akhir (bagi solat yang lebih dari 2 rakaat). Keumuman hadis-hadis tentang lafaz selawat ini menunjukkan tidak ada perbezaan bacaannya dalam kedua-dua *tasyahhud*. Inilah juga pendapat Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam kitab *al-Umm*:[284]

> Bacaan selawat pada *tasyahhud* awal dan *tasyahhud* kedua adalah sama, tidak ada perbezaan.

Apa yang biasa diamalkan di Malaysia dan yang tertulis dalam kitab-kitab *fardhu 'ain,* terdapat perbezaan antara bacaan *tasyahhud* awal dan akhir. *Tasyahhud* awal hanya memadai dibacakan *tahiyat* sahaja. Pendapat Imam al-Syafie *rahimahullah* yang sebenar adalah kedua-dua *tasyahhud* awal dan akhir hendaklah disempurnakan dengan *tahiyat* dan selawat

---

1) *Fadhlus Shalaah 'alan Nabiy Shallallahu 'alaihi wasallam* karya Syeikh Muhammad Jamil Zainu; terjemahan oleh Abu 'Aisyah Helmi Adrian di atas judul *Keajaiban Shalawat: Hak Nabi Yang Wajib Dipenuhi Oleh Umatnya* (Media Tarbiyah, Bogor).

2) *Sifat Selawat & Salam Kepada Nabi* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

3) *Selawat Atas Nabi* karya Farid Muhammad Fawaileh (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur).

4) *Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah S.A.W* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

[284] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm*, jld. 1, ms. 282.

kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana terdapat dalam hadis-hadis baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Semoga mereka yang mengaku bermazhab Syafie memperhatikan perkara ini demi untuk menjaga kesempurnaan *tasyahhud* dalam solat.

Setelah kita meneliti hadis-hadis yang sahih tentang bacaan selawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka jelaslah <u>tidak ada satu pun</u> lafaznya yang disebutkan perkataan *Sayyidina*. Sekiranya kita telah bersetuju bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah *Uswatun Hasanah* (contoh ikutan terbaik) dan baginda juga memerintah kita untuk mencontohi baginda dalam bersolat, maka patutkah kita memiliki cara bacaan selawat yang berbeza atau menambah perkataan-perkataan tertentu dalam lafaz yang diajar oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri seolah-olah apa yang diajar oleh baginda kurang sempurna?

Tentu sekali tidak! Apatah lagi Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri melarang kita memberi gelaran-gelaran yang berlebihan kepada baginda (termasuk *Sayyidina*) dan hanya mencukupkan diri kita dengan gelaran yang Allah '*Azza Wa Jalla* berikan kepadanya iaitu ***'abduhu wa rasuluhu***' (hamba Allah dan Pesuruh Allah). Ini sebagaimana sabda-sabdanya :

<u>PERTAMA</u>:

عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ عَلَى الْمِنْبَرِ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لاَ تُطْرُونِي كَمَا أَطْرَتْ النَّصَارَى ابْنَ مَرْيَمَ فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُهُ فَقُولُوا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ.

Maksudnya:

Umar al-Khattab radhiallahu'anh berkata, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda: Janganlah kamu melampaui batas dengan mengagung-agungkan aku sebagaimana kaum Nasrani telah melakukan terhadap Isa anak Maryam. Sesungguhnya tiadalah aku melainkan hanyalah Hamba Allah dan Pesuruh Allah. [285]

KEDUA:

عَنْ مُطَرِّفٍ قَالَ: قَالَ أَبِي انْطَلَقْتُ فِي وَفْدِ بَنِي عَامِرٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: أَنْتَ سَيِّدُنَا. فَقَالَ: السَّيِّدُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قُلْنَا وَأَفْضَلُنَا فَضْلاً وَأَعْظَمُنَا طَوْلاً. فَقَالَ: قُولُوا بِقَوْلِكُمْ أَوْ بَعْضِ قَوْلِكُمْ وَلاَ يَسْتَجْرِيَنَّكُمْ الشَّيْطَانُ.

Maksudnya:

Mutharrif bin Abdullah radhiallahu'anh berkata bahawa ayahnya pernah bersama satu rombongan dari Banu Amir pergi berjumpa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Apabila mereka tiba, mereka berkata kepada Rasulullah: Anta Sayyidina! (Anda tuan kami).

Nabi menjawab: Tuan kamu adalah Allah Tabaraka wa Ta'ala. Mereka (Banu Amir) berkata lagi: Engkau adalah yang paling mulia kemuliaannya, dan yang paling besar keutamaannya. Rasulullah menjawab: Berkatalah

---

[285] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab Ahadith al-Anbiya'* (no. 3445).

kamu dengan perkataan kamu itu, akan tetapi janganlah sampai syaitan menjadikan kamu sebagai wakilnya.[286]

<u>KETIGA</u>:

عَنْ أَنَس بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَجُلاً قَالَ: يَا مُحَمَّدُ يَا سَيِّدَنَا وَابْنَ سَيِّدِنَا وَخَيْرَنَا وَابْنَ خَيْرِنَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَيْكُمْ بِتَقْوَاكُمْ وَلاَ يَسْتَهْوِيَنَّكُمْ الشَّيْطَانُ أَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَاللَّهِ مَا أُحِبُّ أَنْ تَرْفَعُونِي فَوْقَ مَنْزِلَتِي الَّتِي أَنْزَلَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya:

Anas bin Malik radhiallahu'anh berkata seorang Arab telah datang kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam seraya berkata: <u>Ya sayyidina ibni sayyidina</u>! (Wahai Tuan kami dan anak kepada Tuan kami). Rasulullah menjawab: Wahai manusia, berkatalah apa yang engkau kehendaki, akan tetapi berhati-hatilah kalau-kalau syaitan mempermainkan engkau dan mempengaruhi engkau sehingga menyebabkan engkau melampaui batas. Sesungguhnya aku adalah Muhammad ibni Abdillah; dan aku bersumpah kepada Allah bahawasanya aku tidak suka sesiapa mengangkat kedudukan aku melebihi sedikitpun daripada apa yang telah Allah tentukan bagiku.[287]

Ada pihak yang menyatakan larangan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tersebut bukanlah secara mutlak, ini hanyalah

---

286 Hadis riwayat Imam Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Adab* (no. 4172).

287 Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad* (no. 12093).

menunjukkan kesempurnaan keperibadian baginda dalam bersifat *tawadhu'* (merendah diri). Oleh itu penambahan *Sayyidina* dalam selawat itu adalah sebagai tanda hormat kita kepada baginda dan memperbaiki lagi ibadah selawat tersebut.

Wahai pembaca yang budiman, mustahil masih ada perkara berkaitan dengan kesempurnaan ibadah yang yang terluput dari ajaran Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu... [Surah al-Maidah (5) : 3]

Dengan terwahyunya ayat ini, maka segala bentuk ibadah yang disyari'atkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah lengkap lagi sempurna sebagaimana yang telah diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada para sahabatnya untuk diwarisi kepada generasi kemudiannya. Maka apa sahaja amalan yang tidak dikerjakan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan sahabatnya maka ia sememangnya bukan sebahagian dari ibadah termasuklah amalan mengucapkan *Sayyidina* dalam bacaan selawat.

Ibn Abbas *radhiallahu'anh* ketika menafsirkan ayat ini berkata (*Tafsir Ibn Katsir*, jld 2, ms. 12):[288]

> Allah memberi khabar kepada Nabi-Nya, bahawa agama keimanan sudah disempurnakan tidak perlu ditambah, dan telah dicukupkan tidak perlu dikurangi, kerana Allah meredhainya dan tidak murka selamanya.

Apatah lagi Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* juga telah bersabda:

قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا لاَ يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلاَّ هَالِكٌ.

Maksudnya:

Sesungguhnya aku telah meninggalkan ajaran yang putih bersih, yang malamnya laksana siangnya (akibat dari kejelasan ajaran Nabi shallallahu 'alaihi wasallam - pen), tidak seorangpun yang menyimpang darinya kecuali orang yang binasa. [289]

Sekiranya penambahan *Sayyidina* dalam selawat ini adalah satu amalan mulia yang boleh mendekatkan kita kepada syurga, mungkinkah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mengkhabarkan kepada kita hanya kerana baginda itu bersifat *tawadhu'*? Tentu sekali tidak!

Tanggapan mereka menambahkan *Sayyidina* itu sebenarnya mencantikkan lagi amalan selawat adalah

---

288 Dinukil dari kitab *Mauqif Ahli Sunnah Wal Jamaah Min Ahli Ahwa' wa al-Bid'a* karya Dr.Ibrahim bin Amir Ar-Ruhaili; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah* (Pustaka Al-Kautsar, Jakarta, 2002) ms. 29.

289 Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad* (no. 16519)

bercanggah dengan pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah* kerana di dalam kitabnya *al-Risalah*, dia berkata:[290]

> Sesiapa yang mencipta *istihsan* (mencipta suatu perkara yang disangka baik), maka dia telah mencipta syarak, dan sesiapa yang mencipta syarak maka dia telah kafir.

Pernyataan Imam al-Syafie ini di sokong pula oleh firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

Maksudnya:

Dan mereka menyangka bahawa mereka telah melaksanakan perbuatan-perbuatan (ibadah yang mereka cipta mengikut cara mereka sendiri) adalah baik. [Surah al-Kahfi (18) : 104]

Yang sebenar adalah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memang tidak pernah mensyariatkan kata-kata *Sayyidina* dalam selawat kepada baginda. Syeikh al-Albani *rahimahullah* telah berkata:[291]

> Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* pernah ditanya orang tentang kalimat selawat untuk Nabi yang dibaca dalam solat dan di luar solat[292], baik yang wajib mahupun yang

---

290 Rujuk *Bid'ah dan Percanggahannya* karya Ustaz Rasul Dahri, ms. 74.

291 Rujuk kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Abani, *Shifatu Shalaati an-Nabiyyi Shallallahu 'alaihi wasallam*, ms. 216.

292 **Mohd Hairi Nonchi:** Sebahagian pihak ada yang berpandangan bahawa tidak menjadi kesalahan jika kalimah *Saiyyidina* diucapkan di luar solat kerana apa yang dilarang oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* berhubung dengan penambahan kalimah tersebut hanyalah apabila ia dilakukan di dalam solat sahaja. Walau bagaimanapun pandangan ini jelas

sunnah: Apakah dalam ucapan selawat itu diisyaratkan menggunakan kata-kata *Sayyid*, seperti orang mengatakan *"Allahumma shalli 'ala sayyidina Muhammad"* atau " '*ala sayyidil khalqi"* atau " '*ala sayyidi waladi*" atau hanya menggunakan kata-kata "*Allahumma shalli 'ala Muhammad"*. Manakah yang lebih baik daripada ucapan-ucapan itu? Apakah digunakan kata-kata *Sayyid* atau tidak menggunakannya kerana tidak tersebut dalam hadis-hadis.

Jawab al-Hafiz: Benar, mengucapkan lafaz-lafaz selawat sebagaimana tersebut dalam riwayat hadis adalah yang benar. Janganlah sampai ada orang yang mengatakan Nabi tidak menggunakan kata-kata *Sayyid* dalam bacaan selawat hanya disebabkan sikap rendah diri (*tawadhu'*) sahaja sebagaimana juga tidak layak ketika orang mendengar disebut nama Nabi tidak menyahut dengan ucapan *shallallahu 'alaihi wasallam*. Semua orang Islam dianjurkan untuk mengucapkan kata tersebut setiap kali mendengar sebutan nama Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Saya (al-Hafiz Ibn Hajar) menyatakan bahawa sekiranya benar bahawa ucapan *Sayyid* itu ada, nescaya disebutkan dalam riwayat dari sahabat dan *tabi'in*. Akan tetapi, saya (al-Hafiz Ibn Hajar) tidak menemukan adanya riwayat semacam itu dari seorang sahabat atau *tabi'in* pun, padahal begitu banyak cara bacaan selawat yang diterima dari mereka.

---

keliru. Hal ini kerana jika diperhatikan hadis-hadis yang lalu jelas menunjukkan bahawa pelarangan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* terhadap para sahabat yang melakukan penambahan kalimah *Sayyidina* tersebut juga berlaku ketika mereka berada <u>di luar</u> solat dan bukannya <u>di dalam</u> solat.

Imam al-Syafie *rahimahullah Ta'ala* sebagai seorang yang paling menghormati Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak menyebutkan kata *Sayyidina* dalam awal pembukaan (*muqaddimah*) kitabnya. Padahal Imam al-Syafie adalah contoh ikutan para pengikut mazhabnya. Beliau (Imam al-Syafie) hanya (sekadar) menyebutkan "*Allahumma shalli 'ala Muhammad".*

Tambahan lagi setelah dirujuk kitab *al-Umm* dalam Bab "*Tasyahhud* Dan Selawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*" ternyata Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri meriwayatkan sifat selawat Nabi daripada Abu Hurairah (rujuk hadis kelima) dan Abdurrahman bin Abi Lailah (rujuk hadis keenam) *radhiallahu'anhuma* yang tidak terdapat perkataan *Sayyidina* di dalamnya.

Jelas dakwaan sesetengah kelompok agamawan bahawa tidak membaca lafaz *Sayyidina* dalam selawat sebagai tidak menghormati baginda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan merupakan amalan golongan Wahhabi adalah sama sekali tidak berasas. Bacaan tanpa *Sayyidina* inilah merupakan pegangan Imam al-Syafie *rahimahullahu ta'ala* yang tulen dan menepati hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Dewasa ini ramai orang yang tidak ambil peduli lagi untuk benar-benar mencontohi *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* dalam tatacara berselawat. Malah mereka bukan sekadar menambah lafaz *Sayyidina* atau lafaz-lafaz lain dalam selawat, tetapi ada yang sampai ke tahap menggubah tatacara atau lafaz-lafaz baru secara total tanpa ada contohnya dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, generasi *tabi'in*

mahupun imam-imam mazhab yang empat.[293] Pada tanggapan mereka ini adalah satu perbuatan yang lebih bermanfaat dari lafaz aslinya yang datang dari baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Tindakan sebegini sepatutnya dihindari secara total oleh umat Islam dan kembali kepada ajaran Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang terdapat di dalam hadis-hadis baginda yang sahih. Ini adalah kerana Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah makhluk yang paling sempurna ibadahnya dan yang paling mulia di sisi Allah '*Azza Wa Jalla*. Maka sewajarnya untuk kita tidak mencontohi ikutan yang lain selain dari baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Menurut Syeikh Abu Ubaidah:[294]

> Setelah kita ketahui bahawa bacaan selawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan sebuah ibadah dan sesuatu bersifat *tauqify* (terhenti sebagaimana ajaran Nabi

---

293 **Mohd Hairi Nonchi:** Malah terdapat sebahagian daripada selawat-selawat bid'ah tersebut yang berbaur dengan perkataan-perkataan khurafat dan syirik seperti *Selawat al-Fatih, Selawat Naariyah, Selawat al-Masyisyiyah, Selawat al-Basyisyah, Selawat Burdahul Bushiri* dan *Selawat al-Badriyah*. Sila lihat penjelasan ini dalam:

1) *Fadhlus Shalaah 'alan Nabiy Shallallahu 'Alaihi Wasallam* karya Syeikh Muhammad Jamil Zainu; terjemahan oleh Abu 'Aisyah Helmi Adrian di atas judul *Keajaiban Shalawat: Hak Nabi Yang Wajib Dipenuhi Oleh Umatnya* (Media Tarbiyah, Bogor, 2008). Lihat ms. 54 dan seterusnya.
2) *Sifat Selawat & Salam Kepada Nabi* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010). Lihat ms. 67 dan seterusnya.

294 Rujuk kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hassan, *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin*, ms. 162.

shallallahu 'alaihi wasallam) maka kita semua wajib membaca selawat kepada beliau dengan lafaz yang telah ditetapkan.....

Kita tidak boleh menambah mahupun mengubah lafaz yang telah ditetapkan dengan bentuk formula selawat yang baru. Kerana tindakan itu merupakan salah satu bentuk pembangkangan terhadap pemilik syariat (iaitu Allah *Ta'ala*) yang sebenarnya harus kita patuhi dan kita cintai dengan sepenuh hati.

ADAKAH IMAM AL-SYAFIE MENGERJAKAN SOLAT SUNAT *MUTLAK* ATAU *QABLIYYAH* JUMAAT?

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Mendirikan solat sunat *Mutlak* pada hari Jumaat, iaitu sebelum imam naik ke mimbar dan azan dilaungkan merupakan satu amalan yang agak asing bagi kebanyakan umat Islam di Malaysia. Lazimnya mereka lebih terbiasa untuk mengerjakan solat sunat *Qabliyyah* Jumaat berbanding solat sunat *Mutlak* ini sehinggakan sesetengah pihak akan terpinga-pinga apabila disebut solat sunat *Mutlak* pada hari Jumaat ini.

Apa yang lebih mendukacitakan terdapat sekelompok golongan yang fanatik mazhab beranggapan mereka yang tidak mengerjakan solat *Qabliyyah* Jumaat itu sebagai terkeluar daripada Mazhab Syafie, bahkan bukan lagi termasuk *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Adakah tuduhan mereka ini berasas atau hanya kata-kata yang terbit dari mulut-mulut yang tidak amanah?[295]

---

[295] **Mohd Hairi Nonchi**: Selain membaca risalah ini, para pembaca juga disarankan untuk meneliti kedua-dua sumber di bawah ini yang turut membahaskan secara terperinci mengenai persoalan kedudukan *Qabliyyah* Jumaat di sisi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih dan Imam al-Syafie *rahimahullah*. Kedua-dua sumber yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1) *Pencerahan Dalam Persoalan Solat Sunat Qabliyyah Jumaat* karya Hafiz Firdaus Abdullah; dalam *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah Buku 4* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Sebelum kita memulakan perbahasan dalam bab ini hendaklah kita kembali semua kepada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk memahami tatacara perlaksanaan solat Jumaat.

Daripada al-Sa'ib bin Yazid *radhiallahu'anh*, dia berkata:

كَانَ النِّدَاءُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَوَّلُهُ إِذَا جَلَسَ الإِمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَلَمَّا كَانَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَثُرَ النَّاسُ زَادَ النِّدَاءَ الثَّالِثَ عَلَى الزَّوْرَاءِ.

Maksudnya:

Seruan (azan) pada hari Jumaat pada mulanya (dilakukan) apabila imam duduk di atas mimbar, (begitulah) pada zaman Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar dan 'Umar radhiallahu'anh. Namun tatkala manusia bertambah ramai pada (zaman 'Uthman radhiallahu 'anh), beliau menambahkan seruan ketiga di atas al-Zaura'.[296]

Di dalam riwayat yang lain juga daripada al-Sa'ib bin Yazid *radhiallahu'anh*, dia berkata:

وَكَانَ التَّأْذِينُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ حِينَ يَجْلِسُ الإِمَامُ يَعْنِي عَلَى الْمِنْبَرِ.

---

2) *Penerangan Yang Manfaat Bagi Dua Azan Dan Sunat Qabliyyah Jumaat Menurut Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* karya Syeikh Ismail Lufti Fatoni (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

[296] Hadis riwayat al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 912).

Maksudnya:

Azan pada hari Jumaat itu dilaungkan pada saat imam duduk iaitu di atas mimbar. [297]

Menerusi dua hadis di atas dapat kita fahami bahawa pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* azan bagi solat Jumaat hanyalah sekali. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya akan memasuki masjid apabila telah masuk waktu untuk solat Jumaat lalu baginda naik ke mimbar. Setelah itu tukang azan akan melaungkan azan. Setelah berakhirnya laungan azan Rasulullah terus memulakan khutbah Jumaat. Justeru tiada selang masa yang memungkinkan untuk baginda mahupun para sahabat untuk mengerjakan solat *Qabliyyah* Jumaat di antara azan dan khutbah. Imam al-Syafie *rahimahullah* juga telah berkata:[298]

> Aku (Imam al-Syafie) lebih menyukai azan pada hari Jumaat itu dilaungkan ketika imam telah masuk ke masjid dan dia telah duduk di atas tempat berkhutbah (mimbar). Apabila imam telah berbuat begitu, juru azan hendaklah mula melaungkan azan. Apabila telah selesai (azan), imam hendaklah berdiri lalu berkhutbah.

Dari sini dapat kita fahami bahawa pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda dan para sahabat tidak mengerjakan solat sunat *Qabliyyah* sesudah azan kerana tidak ada ruang waktu untuk mereka mengerjakannya. Ini adalah kerana sebaik sahaja selesai azan, imam akan membacakan khutbahnya.

---

[297] Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 912).

[298] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 2, ms. 15.

Telah berkata al-Hafiz al-'Iraqi *rahimahullah* berkaitan dengan hal ini:[299]

> Tidak diriwayatkan daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda pernah solat sunat sebelum solat Jumaat kerana baginda keluar untuk solat Jumaat lalu Bilal azan di hadapannya kemudian berkhutbah.

Sekira ada yang menyatakan bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* solat sunat di rumahnya, maka tentu telah datang riwayat daripada isteri-isteri baginda akan hal tersebut. Tetapi tidak ada seorang pun daripada para isteri baginda yang meriwayatkan sebegitu. Berkaitan dengan hal ini seorang tokoh bermazhab Syafie iaitu al-Hafiz Abu Syamah al-Syafie *rahimahullah* turut berkata:[300]

> Bahawa kebiasaan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika keluar dari rumahnya pada hari Jumaat, maka baginda terus naik ke mimbar lalu mu'adzin (tukan azan) melaungkan azan. Setelah mu'adzin selesai melaungkan azannya, maka baginda terus menyampaikan khutbahnya. Seandainya pada solat Jumaat tersebut wujud solat sunat *Qabliyyah,* tentu sesudah azan selesai dilaungkan baginda akan menyuruh para sahabat mendirikan solat sunat tersebut. Bahkan baginda sendiri akan

---

[299] Dinukil dari kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Al-Awjiba an-Naafi'ah 'an As'ilati Lajnah Masjid al-Jaami'ah;* dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Solat Jum'at Bersama Rasulullah: Hukum Dan Bid'ah Solat Jumaat* (Najla Press, Jakarta, 2002), ms. 43-44. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Al-Awjiba an-Naafi'ah 'an As'ilati Lajnah Masjid al-Jaami'ah*.

[300] Rujuk kitab al-Hafiz Abu Syamah, *al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits*, di*tahqiq* oleh Basyir Muhammad Uyun; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Bid'ah Yang Dibungkus Dengan Hadis Palsu*, (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002) ms. 225-226.

mendirikannya terlebih dahulu sebelum menyuruh para sahabatnya. Pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak dikenali solat sunat pada hari Jumaat yang didirikan setelah azan dilaungkan dan didirikan di hadapan khatib.

Seterusnya mari kita melihat penjelasan Imam al-Syafie *rahimahullah* tentang kewujudan solat sunat *Mutlak* ini di dalam kitabnya *al-Umm*. Beliau telah menyatakan:[301]

> Dikhabarkan kepada kami oleh Ibrahim bin Muhammad, Ishak bin Abdullah telah mengkhabarkan kepadaku daripada Sa'id al-Makbari, daripada Abu Hurairah *radhiallahu'anh* bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang solat pada tengahari hinggalah tergelincir matahari kecuali pada hari Jumaat.

Dalam kitabnya yang sama juga dinyatakan:[302]

> Dikhabarkan kepada kami oleh Malik daripada Ibn Syihab, daripada Tha'labah bin Abu Malik, bahawa dia mengkhabarkan kepadanya bahawa mereka itu berada pada zaman Umar bin al-Khattab *radhiallahu'anh* pada hari Jumaat mengerjakan solat (sunat *Mutlak*) sehingga datanglah Umar bin al-Khattab. Ketika Umar telah datang dan duduk di atas mimbar dan mu'adzin telah melaungkan azan, mereka duduk berbincang-bincang. Sehingga apabila juru azan sudah diam, mereka pun diam. Tiada seorang pun yang berbicara ketika itu.

---

[301] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 2, ms. 21.

[302] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 2, ms. 22.

> Disampaikan juga hadis kepada saya oleh Ibn Abi Fudaik, daripada Ibn Abi Dzi'b, daripada Ibn Syihab, yang mengatakan disampaikan hadis kepada saya oleh Tha'labah bin Abi Malik, bahawa sebaik sahaja imam duduk, perbuatan bertasbih hendaklah dihentikan. Begitu juga setelah imam memulakan percakapan (khutbah), sebarang percakapan orang lain hendaklah dihentikan. Thabit perbuatan mereka berbincang-bincang pada hari Jumaat dan Umar sedang duduk di atas mimbar. Apabila juru azan sudah diam, Umar akan berdiri dan ketika itu tiada seorangpun yang berkata-kata sehingga Umar akan selesai berkhutbah. Apabila iqamah untuk solat dilaungkan, Umar akan turun dari mimbar dan ketika itu mereka mula berkata-kata.
>
> Apabila orang ramai pergi ke Jumaat, nescaya mereka itu mengerjakan solat, sehingga imam berada di atas mimbar. Apabila imam telah berada di atas mimbar, nescaya dicegah dari mereka itu orang yang telah mengerjakan solat dua rakaat (*Tahiyatul Masjid* - pen) atau lebih dari berkata-kata. Sehingga imam itu sudah mulai berkhutbah. Apabila dia telah mula berkhutbah, nescaya diam dengan memperhatikan.

Berdasarkan kata-kata Imam al-Syafie *rahimahullah* ini, dapatlah kita rumuskan bahawa:

PERTAMA:

Sunnah mengerjakan solat sunat *Mutlak* sebelum azan dikumandangkan. Berkenaan dengan solat sunat *Mutlak* ini, Syeikh al-Albani *rahimahullah* berkata:[303]

---

[303] Rujuk kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Al-Awjiba an-Naafi'ah 'an As'ilati Lajnah Masjid al-Jaami'ah*, ms. 60.

Dianjurkan kepada orang yang masuk masjid pada hari Jumaat mengerjakan solat sunat *Mutlak* sebelum duduk tanpa terikat dengan bilangan (rakaat), tidak ditentukan waktunya hinggalah imam keluar.

Tentang larangan mengerjakan solat pada waktu tengahari sehingga gelincir matahari tidak termasuk hari Jumaat. Keharusan ini hanya dikhususkan pada hari itu sahaja. Oleh itu, solat sunat *Mutlak* ini boleh dilakukan sebelum azan solat Jumaat dialunkan sebanyak dua rakaat-dua rakaat tanpa batasan jumlah yang tertentu.

Justeru, perhatikanlah hal ini kerana berapa ramaikah umat Islam di Malaysia yang melakukan solat sunat *Mutlak* yang sememangnya disyariatkan bahkan dianjurkan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* sendiri berdasarkan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ اغْتَسَلَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ فَصَلَّى مَا قُدِّرَ لَهُ ثُمَّ أَنْصَتَ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْ خُطْبَتِهِ ثُمَّ يُصَلِّي مَعَهُ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الأُخْرَى وَفَضْلُ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ.

Maksudnya:

Sesiapa mandi pada hari Jumaat kemudian datang ke masjid untuk solat Jumaat lalu mengerjakan solat sekadar kemampuannya, diam ketika mendengarkan khutbah imam sehingga selesai serta mengerjakan solat bersamanya, dosa-dosanya yang terdapat di antara

Jumaat itu dengan Jumaat berikutnya akan diampun dan ditambah tiga hari. [304]

<u>KEDUA</u>:

Tidak mengapa berbicara ketika azan dikumandangkan. Tetapi, haram berbicara ketika imam sudah memulakan khutbahnya. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ وَالإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ.

Maksudnya:

Apabila kamu berkata kepada temanmu di hari Jumaat: Diamlah! Padahal imam sedang berkhutbah, sesungguhnya engkau telah melakukan perbuatan sia-sia.[305]

Setelah imam mula berkhutbah, tidak dibenarkan lagi makmum mengerjakan solat sunat kecuali bagi mereka yang belum mengerjakan solat sunat dua rakaat *tahiyatul masjid*.

❋ **Hadis tentang solat *Qabliyyah* Jumaat adalah *dha'if* (lemah).**

Hadis yang sering dipergunakan untuk menjustifikasikan solat *Qabliyyah* Jumaat adalah hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah dan al-Thabrani *rahimahullah* iaitu:

---

304 Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 857).

305 Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 934).

كَانَ يُصَلِّي قَبْلَ اَلْجُمُعَةِ أَرْبَعًا وَبَعْدَهَا أَرْبَعًا لاَ يُفْصَلُ فِي شَيْءٍ مِنْهُنَّ.

Maksudnya:

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam selalu solat sebelum (Qabliyyah) Jumaat empat rakaat dan sesudah (Ba'diyah) sebanyak empat rakaat, baginda tidak memisahkan di antara empat rakaat itu (dengan salam).[306]

Namun begitu perawi-perawi dalam sanad hadis ini telah dikritik oleh ulamak hadis seperti Imam Ahmad, Imam al-Bushiriy, Imam al-Zayla'iy, Imam Ibn Qayyim, Imam al-Nawawi, al-Hafiz Ibn Hajar dan Imam al-Albani *rahimahumullah* sehingga taraf hadis ini adalah berstatus *dha'if jiddan* (sangat lemah). Telah sepakat ulamak hadis bahawa hadis *dha'if jiddan* tidak boleh dijadikan sandaran untuk menetapkan hukum.[307]

Al-Hafiz Ibn Hajar *rahimahullah* iaitu seorang tokoh ulamak hadis bermazhab Syafie juga telah berkata:[308]

> Ada juga hadis yang menyebutkan disunnahkan melaksanakan solat sunat sebelum (*Qabliyyah*) Jumaat, tetapi sanad hadis ini *dha'if* (lemah). Di antaranya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah oleh al-Bazzar:

---

306 Hadis riwayat Imam Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*, *Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah Fiha* (no. 1119) dan Imam al-Thabrani dalam kitab *al-Mu'jam Kabir* (no. 12674).

307 Sila rujuk tulisan Ustaz Abdul Hakim bin Amir Abdat bertajuk *Kelemahan Hadits Solat Sunat Qabliyyah Jum'at* dalam kitab *al-Masaa-il (Masalah-Masalah Agama)*, jld. 4, ms. 331-336.

308 Rujuk kitab al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari Bi Syarh Shahih al-Bukhari*, jld. 5, ms. 210-211 ketika mensyarah hadis no. 937.

كَانَ يُصَلِّي قَبْلَ اَلْجُمُعَة رَكْعَتَيْنِ وَبَعْدَهَا أَرْبَعًا.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melaksanakan solat sunat dua rakaat sebelum (Qabliyyah) solat Jumaat, dan empat rakaat setelah solat Jumaat.

Hadis serupa daripada 'Ali yang diriwayatkan oleh Atsram dan al-Thabrani dalam kitab al-Ausath:

كَانَ يُصَلِّي قَبْلَ اَلْجُمُعَة أَرْبَعًا وَبَعْدَهَا أَرْبَعًا.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melaksanakan solat sunat sebelum (Qabliyyah) solat Jumaat empat rakaat dan setelahnya empat rakaat.

Akan tetapi dalam silsilah sanad riwayat ini terdapat Muhammad bin Abdurrahman al-Sahmi, dan dia adalah orang yang *dha'if* (lemah) menurut Imam al-Bukhari dan lainnya. Atsram mengatakan bahawa hadis ini adalah hadis yang lemah. Daripada Ibn 'Abbas juga disebutkan hadis yang serupa, akan tetapi dengan tambahan لاَ يُفْصَلُ فِي شَيْءٍ مِنْهُنَّ "***Baginda tidak memisahkan empat rakaat itu (dengan salam)***". Ibn Majah meriwayatkan hadis ini dengan sanad yang lemah. Imam al-Nawawi mengatakan dalam kitab *al-Khulashah*, bahawa hadis ini adalah hadis yang batil. Hadis ini juga disebutkan daripada Ibn Mas'ud dan silsilah sanadnya lemah dan terputus.

Sekian penjelasan al-Hafiz Ibn Hajar *rahimahullah* mengenai kedudukan sebenar hadis yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian pihak bagi mensabitkan solat sunat *Qabiliyyah* Jumaat. Jelasnya hadis tersebut adalah *dha'if jiddan*. Oleh yang demikian ianya tidak dapat dijadikan sandaran bagi mensabitkan solat sunat *Qabliyyah* Jumaat. Seterusnya mari

kita menyemak pula lain-lain hujah yang sering dijadikan alasan oleh sebahagian pihak yang mensabitkan solat sunat *Qabliyyah* Jumaat.

❋ **Hujah-hujah lain yang berkaitan solat *Qabliyyah* Jumaat.**

Bagi para ulamak yang mensabitkan solat *Qabliyyah* Jumaat mereka meng*qiyas*kannya (menyamakannya) dengan solat *Qabliyyah* Zohor. Hakikatnya solat Jumaat merupakan solat yang memiliki lebih dari 20 hukum (ketentuan-ketentuan) tersendiri yang berbeza dengan solat Zohor. Perbezaan ini tidak boleh disamakan (di*qiyas*kan) kepada solat lain. Telah diriwayatkan daripada 'Abdullah ibn 'Umar di mana beliau berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي قَبْلَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ وَبَعْدَهَا رَكْعَتَيْنِ وَبَعْدَ الْمَغْرِبِ رَكْعَتَيْنِ فِي بَيْتِهِ وَبَعْدَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ وَكَانَ لاَ يُصَلِّي بَعْدَ الْجُمُعَةِ حَتَّى يَنْصَرِفَ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ.

Maksudnya:

Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersolat sebelum Zohor dua rakaat dan sesudah Zohor dua rakaat, sesudah Maghrib dua rakaat di rumahnya dan sesudah Isyak dua rakaat. Dan baginda tidak bersolat sesudah Jumaat sehinggalah meninggalkan masjid dan baginda bersolat dua rakaat.[309]

---

309 Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 937).

Menerusi hadis ini kita dapati ‘Abdullah Ibn ‘Umar *radhiallahu’anh* telah membezakan solat Zohor dan solat Jumaat dan ini membuktikan kedua-dua jenis solat itu adalah solat fardu yang berbeza. Solat Zohor memiliki sunat *Qabliyyah* dan *Ba’diyyah* manakala solat Jumaat hanya terdapat solat *Ba’diyyah*. Sekiranya kedua solat fardhu tersebut sama, maka tiada perlu bagi ‘Abdullah ibn ‘Umar untuk membezakan kedua solat itu dalam hadis di atas.

Mereka turut berhujah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada ‘Abdullah ibn Mughaffal *radhiallahu’anh*:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلاةٌ بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلاةٌ ثُمَّ قَالَ فِي الثَّالِثَةِ لِمَنْ شَاءَ.

Maksudnya:

Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Di antara setiap dua azan ada solat, di antara setiap dua azan ada solat (kemudian baginda bersabda pada kali ke tiga), kepada sesiapa yang mahu. [310]

Turut diriwayatkan daripada ‘Abdullah ibn al-Zubair *radhiallahu’anh* bahawasanya Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَا مِنْ صَلاَةٍ مَفْرُوضَةٍ إِلاَّ وَبَيْنَ يَدَيْهَا رَكْعَتَانِ.

Maksudnya:

---

[310] Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Azan* (no. 627).

Tiada satu pun solat fardhu melainkan dihadapannya (sebelumnya) ada dua rakaat (solat sunat).[311]

Namun hadis-hadis ini hanyalah merupakan petunjuk umum dalam solat-solat fardu iaitu di terdapat solat sunat *Qabliyyah*. Adapun solat Jumaat telah dikecualikan menerusi hadis-hadis yang lebih khusus seperti riwayat daripada al-Sa'ib bin Yazid *radhiallahu'anh* yang telah dibincangkan di atas yang menunjukkan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tiada ruang masa untuk mengerjakan solat *Qabliyyah* Jumaat memandangkan setelah azan baginda terus bangun untuk memberi khutbah. Tatacara sedemikian rupa turut diteruskan oleh para *Khulafa' al-Rasyideen*.

Mungkin ada yang beranggapan bahawa pada zaman 'Uthman *radhiallahu'anh* telah di tambahkan satu lagi azan maka solat *Qabliyyah* Jumaat itu boleh dilaksanakan di antara dua selang waktu di antara dua azan tersebut. Hal ini juga tidak benar kerana pada zaman 'Uthman azan pertama dilaungkan bukan di Masjid tetapi di al-Zaura' (sebuah ruangan di pasar) sebelum masuknya waktu untuk solat Jumaat. Azan di masjid pada masa itu kekal hanya sekali sebagaimana pada zaman Rasulullah. Justeru tetap tiada ruang waktu untuk mengerjakan solat *Qabliyyah* Jumaat sebagaimana sangkaan mereka.

Mereka turut mempergunakan riwayat tentang seorang sahabat bernama Sulaik al-Ghathafani *radhiallahu'anh* yang lewat menghadiri solat Jumaat yang mana ketika itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedang berkhutbah di atas mimbar. Sulaik terus duduk lalu baginda menyuruh beliau mengerjakan

---

311 Hadis riwayat Imam Ibn Hibban dalam *Shahih Ibn Hibban, Kitab al-Solat* (no. 2455).

solat dua rakaat. Pada tanggapan mereka, menerusi hadis ini baginda menyuruh Sulaik untuk mendirikan solat *Qabliyyah* Jumaat. Hadis ini telah di riwayatkan ramai ulamak hadis seperti al-Bukhari, Muslim, al-Thahawi, Daruquthni dan juga penulis-penulis kitab *Sunan* (iaitu al-Nasa'i, Ibn Majah, Abu Daud dan Ahmad). Berikut penulis paparkan hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

جَاءَ رَجُلٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ النَّاسَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ أَصَلَّيْتَ يَا فُلانُ قَالَ لا قَالَ قُمْ فَارْكَعْ رَكْعَتَيْنِ.

Maksudnya:

Daripada Jabir ibn 'Abdullah radhiallahu'anh, dia berkata: Seseorang datang ketika Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sedang melakukan khutbah Jumaat maka baginda bertanya: Hai fulan! Sudahkah engkau mengerjakan solat (dua rakaat). Dia menjawab: Belum Rasulullah berkata: Berdiri dan solatlah.[312]

Daripada Jabir *radhiallahu'anh*, dia berkata:

جَاءَ سُلَيْكٌ الْغَطَفَانِيُّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدٌ عَلَى الْمِنْبَرِ فَقَعَدَ سُلَيْكٌ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرَكَعْتَ رَكْعَتَيْنِ قَالَ لا قَالَ قُمْ فَارْكَعْهُمَا.

Maksudnya:

Sulaik al-Ghathafani datang untuk melaksanakan solat Jumaat ketika Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berdiri di atas mimbar. Sulaik kemudian duduk

---

312 Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah*, (no. 930).

dan tidak melaksanakan solat (dua rakaat) terlebih dahulu. Lalu baginda bertanya: Apakah engkau sudah solat dua rakaat? Dia menjawab: "Belum. Baginda bersabda: Berdiri dan solatlah.[313]

Namun menerusi hadis-hadis ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebenarnya menyuruh Sulaik mengerjakan solat *Tahiyyatul Masjid*. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* setelah membawa beberapa hadis berkaitan dengan peristiwa Sulaik ini, beliau berkata:[314]

> Dari hadis-hadis ini dapat disimpulkan bahawa khutbah (Jumaat) tidak menghalangi orang yang baru datang untuk melakukan solat *Tahiyyatul Masjid.*

Di dalam *Sunan Ibn Majah* terdapat lafaz yang sedikit berbeza tentang peristiwa ini. Daripada Jabir *radhiallahu'anh*, dia berkata:

جَاءَ سُلَيْكٌ الْغَطَفَانِيُّ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصَلَّيْتَ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ تَجِيءَ قَالَ لا قَالَ فَصَلِّ رَكْعَتَيْنِ وَتَجَوَّزْ فِيهِمَا.

Maksudnya:

Sulaik al-Ghathafani datang (untuk melaksanakan solat Jumaat) ketika Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sedang berkhutbah, lalu baginda bertanya kepadanya: Adakah kamu telah solat (sunat) sebelum kamu datang? Dia menjawab: Tidak (belum). Lalu

---

313 Hadis riwayat Imam Muslim di dalam *Shahih Muslim*.

314 Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Baari Syarah Sahih al-Bukhari,* jld. 5, ms. 152.

baginda menyuruhnya bersolat dengan solat yang ringkas. [315]

Hadis ini turut berkaitan dengan solat *Tahiyyatul Masjid* sebagaimana hadis-hadis yang lain. Tentang pertanyaan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ***Adakah kamu telah solat (sunat) sebelum kamu datang?*** yang berbeza dengan matan-matan lain, al-Hafiz al-Mizzi mengisyaratkan kepada kewujudan *illah* (faktor kelemahan tersembunyi di dalam sesuatu hadis walaupun sanadnya kelihatan sahih) dengan tambahan itu. Beliau berkata:[316]

> Ini adalah suatu pen*tashifan* (kesilapan penulisan hadis) oleh para perawi, sesungguhnya ia (matan) yang sebenar adalah: ***Adakah kamu telah solat (sunat) sebelum kamu duduk***, tetapi penulis hadis telah tersilap. Sesungguhnya kitab Ibn Majah biasa diguna oleh perawi-perawi lemah yang tidak mengambil berat tentangnya. Oleh yang demikian terdapat padanya kesilapan dan pen*tashifan*. Berbeza dengan *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim* kerana sesungguhnya ia biasa digunakan oleh para *huffaz* (penghafaz yang kuat) dan mereka mengambil berat dalam memastikan ketepatan dan kesahihan (matan) kedua-duanya.

Mereka turut membawa beberapa riwayat umum para sahabat yang mengerjakan solat Sunat sebelum Jumaat. Hanya sahaja riwayat tersebut lebih menjurus kepada perbuatan para sahabat dalam mendirikan solat sunat *mutlak* atau solat

---

315 Hadis riwayat Imam Ibn Majah di dalam *Sunan Ibn Majah* (no. 1104).

316 Rujuk Ibn al-Qayyim, *Zad al-Ma'ad Fi Hady Khair al-'Ibad*, jld. 1, ms. 435. Penulis nukil dari buku *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz, ms. 267-268.

Tahiyatul Masjid sebagaimana yang telah diperjelaskan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* sebelum ini.

Setelah mengetahui kelemahan hadis solat *Qabliyyah* Jumaat ini, maka penulis ingin menganjurkan kepada para pembaca yang budiman untuk meninggalkannya dan menggantikannya pula dengan melaksanakan solat sunat *Mutlak* seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini memandangkan solat sunat *Mutlak* tersebut memang sahih ada contohnya daripada baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* dan juga merupakan mazhab sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah*.

PANDANGAN IMAM AL-SYAFIE TENTANG AZAN UNTUK SOLAT JUMAAT

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Umat Islam di Malaysia rata-ratanya berpendapat laungan azan untuk solat Jumaat di kumandangkan sebanyak dua kali iaitu ketika masuk waktu dan ketika khatib berada di atas mimbar sejurus sebelum memulakan khutbah. Tatacara ini dianggap sebagai mazhab Imam al-Syafie *rahimahullah* dan disandarkan kepada perbuatan Khalifah 'Uthman al-Affan *radhiallahu'anh*. Sekiranya ada masjid di Malaysia yang hanya melaungkan azan sekali pada hari Jumaat ia dianggap bercanggah dengan mazhab Syafie dan berkemungkinan 'dicop' sebagai masjid golongan Wahhabi. Sebelum kita membahaskan isu ini dengan lebih jauh, adalah wajar untuk kita terlebih dahulu melihat latar belakang sejarah berkaitan azan untuk solat Jumaat.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, Khalifah 'Umar al-Khaththab *radhiallahu'anhuma*, azan untuk solat Jumaat hanya dikumandangkan satu kali iaitu setelah imam memasuki masjid dan duduk atas mimbar. Tetapi pada zaman Khalifah Uthman al-Affan *radhiallahu'anh*, jumlah umat Islam di kota Madinah al-Munawwarah semakin ramai, rumah-rumah mereka semakin jauh dari Masjid Nabawi dan kedaan kota semakin sibuk dan pesat membangun.

Disebabkan oleh perkembangan tersebut, Khalifah Uthman al-Affan *radhiallahu'anh* telah ber*ijtihad* bahawa laungan azan untuk solat Jumaat yang dikumandang hanya sekali di Masjid Nabawi sudah tidak memadai untuk memanggil orang ramai solat berjemaah di masjid. Maka beliau memerintahkan satu lagi azan dilaungkan <u>sebelum masuk waktu</u> solat Jumaat di sebuah ruangan pasar miliknya bernama al-Zaura' agar orang ramai yang sibuk dengan urusan harian bersiap sedia untuk mengerjakan solat Jumaat. Tempat yang bernama al-Zaura' ini terletak di tengah-tengah kota Madinah.

Perbuatan 'Uthman ini pada dasarnya menepati kaedah *Ma La Yatim al-Wajib Illa Fahuwa Wajib* (Perkara yang tidak sempurna perkara wajib melainkan dengannya maka ia juga adalah wajib). Justeru perbuatan ini bukanlah bid'ah apatah lagi azan pertama itu tidak dilakukan di Masjid Nabawi yang kekal dengan hanya satu azan sahaja oleh seorang tukang azan sebagaimana pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan khalifah-khalifah sebelum beliau.

Pandangan di atas ini disokong dengan sebuah riwayat daripada al-Sa'ib bin Yazid *radhiallahu'anh*, dia berkata:

كَانَ النِّدَاءُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَوَّلُهُ إِذَا جَلَسَ الإِمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَلَمَّا كَانَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَثُرَ النَّاسُ زَادَ النِّدَاءَ الثَّالِثَ عَلَى الزَّوْرَاءِ.

Maksudnya:

Seruan (azan) pada hari Jumaat pada mulanya (dilakukan) apabila Imam duduk di atas mimbar, (begitulah) pada zaman Nabi shallallahu 'alaihi

wasallam, Abu Bakar dan 'Umar radhiallahu'anhuma. Namun tatkala manusia bertambah ramai pada (zaman 'Uthman radhiallahu'anh), beliau menambahkan seruan ke tiga di atas al-Zaura'.[317]

Iqamah juga dikenali sebagai azan maka maksud tiga azan dalam hadis ini adalah dua kali azan yakni di al-Zaura' dan Masjid Nabawi dan sekali *Iqamah* sejurus sebelum melaksanakan solat Jumaat. Berkaitan dengan faktor yang menyebabkan Saidina 'Uthman *radhiallahu'anh* mengarahkan diserukan azan pertama di al-Zaura', menurut Syeikh Abu Ubaidah Masyhur:[318]

> Sebab yang mendorong 'Uthman untuk melakukan azan dua kali sudah tidak ada lagi pada zaman sekarang ini. Sebab dulu 'Uthman berada di sebuah kota yang sangat besar seperti al-Madinah al-Munawwarah dengan hanya satu masjid di dalamnya. Padahal jumlah penduduk terlalu banyak dan tempat tinggal sangat berjauhan. Oleh kerana itu mereka kesulitan mendengar suara azan yang dikumandangkan dari pintu masjid.
>
> Adapun kota yang sudah banyak masjidnya, maka orang tidak perlu lagi untuk berjalan jauh-jauh ketika hendak menghadiri solat Jumaat. Selain itu bukankah azan pada zaman sekarang telah dimasukkan ke dalam pengeras suara. Maka azan dua kali yang diupayakan oleh 'Uthman tidak perlu lagi dikerjakan. Kesimpulannya, bahawa menurut kami, sekarang ini sudah cukup mengumandangkan azan sekali sahaja, seperti yang

---

[317] Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jumu'ah* (no. 912).

[318] Rujuk kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hassan, *al-Qawl al Mubiin Fii Akhtaa' al Mushallin*, ms. 344.

dikerjakan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Azan itu hendaklah dilakukan ketika imam keluar dan mula naik ke atas mimbar.

Menurut Syeikh Wahid Abdussalam Bali, senario yang memungkinkan untuk melaungkan azan dua kali untuk solat Jumaat pada zaman sekarang adalah seperti berikut:[319]

> Jika sekarang ada sebuah kampung yang tidak memiliki pengeras suara untuk mengeraskan suara azan, penduduknya tidak memiliki jam untuk memberitahukan kepada mereka bahawa waktu (untuk solat) Jumaat sudah dekat, dan tidak pula di rumah-rumah mereka terdapat radio dan sejenisnya dari sarana-sarana komunikasi moden yang dengannya mereka boleh mengetahui masuknya waktu solat Jumaat, maka disyariatkan agar *mu'adzin* mengumandangkan azan kepada mereka di tempat tinggi beberapa waktu sebelum waktu Jumaat yang cukup untuk bersiap-siap untuk menunaikan solat Jumaat.
>
> Adapun jika manusia memiliki jam yang dapat memberitahukan waktu kepada mereka, atau di masjid terdapat pengeras suara yang boleh memperdengarkan kepada manusia di rumah-rumah dan tempat kerja mereka, maka azan awal di dalam keadaan ini tidak diperlukan lagi. Sebaiknya, ketika itu hanya mencukupkan dengan satu azan pada saat khatib naik mimbar.

Justeru azan dua kali untuk Solat Jumaat pada zaman ini sudah tidak menepati kaedah *Ma La Yatim al-Wajib Illa Fahuwa Wajib* kerana perkembangan teknologi serta

---

319 Rujuk Syeikh Wahid Abdussalam Bali, *Al-Kalimat al-Nafi'ah fil Akhtha' asy-Sya'iah*; dalam edisi terjemahan oleh Ahmad Syaikhu, S. Ag dengan tajuk *474 Kesalahan Dalam Akidah & Ibadah Beserta Koreksinya* (Darul Haq, Jakarta, 2005), ms. 385.

bertambahnya bilangan masjid di seluruh negara Islam tidak memerlukan lagi penambahan azan sebagaimana pada zaman 'Uthman. Berkaitan dengan laungan azan bagi solat Jumaat, Imam al-Syafie *rahimahullah* telah berkata:[320]

> Aku (Imam al-Syafie) lebih menyukai azan pada hari Jumaat itu dilaungkan ketika imam telah masuk ke masjid dan dia telah duduk di atas tempat berkhutbah (mimbar). Apabila imam telah berbuat begitu, juru azan hendaklah mula melaungkan azan. Apabila telah selesai (azan), imam hendaklah berdiri lalu berkhutbah.

Dikhabarkan kepada kami oleh al-Rabi' yang mengatakan:[321]

> Dikhabarkan kepada kami oleh al-Syafie, yang mengatakan: Dikhabarkan kepada saya oleh orang yang dapat dipercayai, daripada al-Zuhri, daripada al-Sa'ib bin Yazid: Bahawa adalah permulaan bagi azan itu bagi Jumaat, ketika imam duduk atas mimbar pada masa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, Abu Bakar dan Umar. Pada zaman Khalifah 'Uthman dan telah banyak orang lalu 'Uthman menyuruh dengan azan kedua. Lalu dilaksanakan azan itu. Maka tetaplah urusannya atas yang demikian.
>
> 'Atha' menentang bahawa 'Uthman yang mengadakan azan kedua itu. Dan mengatakan: Azan kedua itu diadakan oleh Mu'awiyah – dan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lebih mengetahui. Manapun (antara –pen) orang yang dua (iaitu 'Uthman atau Muawiyah – pen) yang mengadakan (azan kedua tersebut – pen),

---

320 Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 2, ms. 15.

321 Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 2, ms. 15-16.

maka keadaan yang pada masa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah saya (Imam al-Syafie) lebih menyukai.

Sekian kata-kata Imam al-Syafie *rahimahullah*. Dari ini dapat kita rumuskan bahawa :

1. Imam al-Syafie *rahimahullah* berpandangan azan untuk solat Jumaat itu dilaungkan ketika khatib telah berada di atas mimbar. Setelah azan selesai khatib terus akan membaca khutbah Jumaat.
2. Selanjutnya Imam al-Syafie *rahimahullah* menyentuh tentang sejarah penambahan azan untuk solat Jumaat yang pada zaman 'Uthman dan Mu'awiyyah (yang benar ia berlaku pada zaman 'Uthman –pen). Adapun menurut Imam al-Syafie *rahimahullah* mencontohi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah lebih beliau sukai iaitu kekal dengan hanya satu azan sahaja iaitu ketika Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah duduk di atas mimbar. Ini sebagaimana dikatakan oleh al-Sa'ib bin Yazid *radhiallahu'anh*, dia berkata:

كَانَ بِلاَلٌ يُؤَذِّنُ إِذَا جَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَإِذَا نَزَلَ أَقَامَ.

Maksudnya:

Bilal menyerukan azan bila Nabi shallallahu 'alaihi wasallam telah duduk di atas mimbar, dan dia iqamah bila baginda telah turun.[322]

---

[322] Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i Kitab al-Jumu'ah* (no. 1377).

Wahai pembaca yang budiman, ketahuilah bahawa inilah mazhab sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah* tentang jumlah azan untuk solat Jumaat yang sering dicemuh sebagai amalan golongan Wahhabi. Hujah mereka yang menyatakan tambahan azan itu tetap wajar dilakukan kerana ia adalah amalan 'Uthman dan para sahabat juga adalah kurang wajar kerana tatacaranya berbeza. Jika benar mereka ingin mengikuti kaedah 'Uthman maka tatacara azan pertama itu perlu dilaksanakan seperti berikut :

1. Azan pertama itu dikumandangkan sebelum masuk waktu solat Jumaat untuk menjadi tanda bahawa waktu untuk solat Jumaat semakin hampir dan mengajak orang ramai ke masjid.
2. Azan pertama tersebut tidak dikumandangkan di masjid tetapi di tempat di mana orang ramai berkumpul pada zaman ini seperti di pejabat-pejabat atau kilang-kilang, pusat membeli-belah, kawasan perumahan yang jauh dari masjid dan lain-lain kawasan yang di anggap wajar.
3. Azan di masjid kekal dengan hanya satu azan iaitu ketika masuknya waktu solat Jumaat dan khatib telah berada di atas mimbar.

ADAKAH MENGGERAKKAN-GERAKKAN JARI TELUNJUK KETIKA *TASYAHHUD* PERBUATAN WAHHABI?

Oleh

Mohd Yaakub Mohd Yunus

Amalan menggerak-gerakkan jari telunjuk ketika *tasyahhud* awal dan akhir merupakan satu perbuatan yang tersebut begitu asing. Justeru ada di antara umat Islam di Malaysia yang menuduh amalan tersebut tidak dicontohkan daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* malah boleh membatalkan solat kerana terdapat pergerakan lebih dari tiga kali.

Segelintir pihak pula menuduh amalan menggerak-gerakkan jari telunjuk ketika *tasyahhud* merupakan ciri-ciri golongan Wahhabi.[323] Untuk kita meneliti sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sebenar dalam isu gerak atau tidak menggerakkan jari ketika *tasyahhud* ini, akan penulis paparkan beberapa hadis yang berkaitan.

❋ **Hadis-hadis mengenai keadaan jari telunjuk Rasulullah ketika ber*tasyahhud*.**

---

[323] **Mohd Hairi Nonchi:** Antara yang membuat tuduhan ini ialah Zamihan Mat Zin al-Ghari. Belia bukan sahaja memperlekehkan sunnah Rasulullah ini malah beliau juga membuat dakwaan palsu bahawa amalan ini tidak pernah diajar oleh mana-mana ulamak muktabar Ahl al-Sunnah wa a-Jama'ah.

PERTAMA:

عَنْ عَامِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا قَعَدَ فِي التَّشَهُّدِ وَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ لاَ يُجَاوِزُ بَصَرُهُ إِشَارَتَهُ.

Maksudnya:

Abdullah bin Zubair radhiallahu'anh berkata: Bahawasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, adalah baginda ketika berdoa (tasyahhud), beliau mengisyaratkan dengan jarinya. [324]

KEDUA:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ أَنَّهُ ذَكَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُشِيرُ بِأُصْبُعِهِ إِذَا دَعَا وَلَا يُحَرِّكُهَا.

Maksudnya:

Abdullah bin Zubair radhiallahu'anh berkata: Bahawasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, adalah baginda ketika berdoa (tasyahhud), beliau mengisyaratkan dengan jarinya dan tidak menggerak-gerakkannya. [325]

KETIGA:

---

[324] Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i*, *Kitab al-Sahwa* (no. 1258) dan juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad* (no. 15518).

[325] Hadis riwayat Imam Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Shalat* (no. 839).

أَنَّ وَائِلَ بْنَ حُجْرٍ أَخْبَرَهُ قَالَ: قُلْتُ لأَنْظُرَنَّ إِلَى صَلاَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ يُصَلِّي فَنَظَرْتُ إِلَيْهِ فَقَامَ فَكَبَّرَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى حَاذَتَا بِأُذُنَيْهِ ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى كَفِّهِ الْيُسْرَى وَالرُّسْغِ وَالسَّاعِدِ فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يَرْكَعَ رَفَعَ يَدَيْهِ مِثْلَهَا قَالَ وَوَضَعَ يَدَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ لَمَّا رَفَعَ رَأْسَهُ رَفَعَ يَدَيْهِ مِثْلَهَا ثُمَّ سَجَدَ فَجَعَلَ كَفَّيْهِ بِحِذَاءِ أُذُنَيْهِ ثُمَّ قَعَدَ وَافْتَرَشَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ وَرُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَجَعَلَ حَدَّ مِرْفَقِهِ الأَيْمَنِ عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى ثُمَّ قَبَضَ اثْنَتَيْنِ مِنْ أَصَابِعِهِ وَحَلَّقَ حَلْقَةً ثُمَّ رَفَعَ إِصْبَعَهُ فَرَأَيْتُهُ يُحَرِّكُهَا يَدْعُو بِهَا.

Maksudnya:

Dari Wail bin Hujur dia berkata: Sesungguhnya betul-betul aku telah melihat bagaimana caranya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mendirikan solat. Aku melihat baginda berdiri kemudian bertakbir sambil mengangkat kedua tangannya sehingga setentang dengan kedua telinganya…

Kemudian beliau duduk (tasyahhud), kemudian baginda membuat satu lingkaran bulat (dengan kedua-dua jarinya iaitu jari tengah dan ibu jarinya) kemudian baginda mengangkat jari telunjuknya, maka aku melihat baginda terus menggerak-gerakkan jarinya dan baginda berdoa dengannya. [326]

<u>KEEMPAT</u>:

---

[326] Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i* , *Kitab al-Iftitah* (no. 879) dan juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *Musnad Imam Ahmad* (no. 18115).

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ حَلَّقَ بِالإِبْهَامِ وَالْوُسْطَى وَرَفَعَ الَّتِي تَلِيهِمَا يَدْعُو بِهَا فِي التَّشَهُّدِ.

Maksudnya:

Dari Wail bin Hujur, dia berkata: Aku melihat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melingkarkan ibu jari dan jari tengahnya, dia mengangkat (jari telunjuk) yang dekat keduanya, baginda berdoa dengannya pada waktu tasyahhud. [327]

KELIMA:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا قَعَدَ فِي التَّشَهُّدِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى وَعَقَدَ ثَلاَثَةً وَخَمْسِينَ وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ.

Maksudnya:

Diriwayatkan dari Abdullah bin Umar (Ibnu Umar): Bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam biasa apabila duduk di dalam solat (tasyahhud) baginda letakkan kedua tangannya di atas kedua lututnya, dan baginda angkat jarinya yang kanan yang dekat dengan ibu jari (jari telunjuk) baginda berdoa dengannya, dan tangan kirinya di lututnya baginda hamparkan di atasnya. [328]

KEENAM:

---

[327] Hadis riwayat Imam Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*, *Kitab Iqamah al-Shalah wa al-Sunnah Fiha* (no. 902).

[328] Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, *Kitab al-Masajid wa Mawadhi' al-Shalah* (no. 580).

فَقَالَ أَبُو حُمَيْدٍ أَنَا أَعْلَمُكُمْ بِصَلاَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَسَ يَعْنِي لِلتَّشَهُّدِ فَافْتَرَشَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَأَقْبَلَ بِصَدْرِ الْيُمْنَى عَلَى قِبْلَتِهِ وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى وَكَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَأَشَارَ بِأُصْبُعِهِ يَعْنِي السَّبَّابَةَ.

Maksudnya:

Abu Humaid radhiallahu'anh berkata: Akulah orang yang paling tahu di antara kalian tentang cara solat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, (kemudian dia menerangkan), sesungguhnya Rasulullah duduk (untuk tasyahhud) baginda hamparkan kaki kirinya, dan baginda hadapkan kaki kanan ke arah kiblatnya, dan baginda letak telapak kanannya di lututnya yang kanan dan telapak kirinya di lutut yang kiri, lalu baginda berisyarat dengan jarinya yakni jari telunjuk. [329]

Ini adalah beberapa contoh sifat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika ber*tasyahhud*. Ternyata ada hadis yang menunjukkan baginda hanya menunjuk dengan jari telunjuknya tanpa menggerakkannya dan ada juga hadis yang menunjukkan beliau menggerak-gerakkannya secara berterusan sehingga memberi salam.

Hadis riwayat Abdullah bin Zubair *radhiallahu'anh* secara jelas menyatakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya menunjuk dengan jari telunjuknya tanpa menggerakkannya

---

329 Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi dalam *Sunan al-Tirmidzi*, *Kitab al-Shalah* (no. 270) dan juga diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Shalah* (no. 840).

sebagaimana lafaz hadis tersebut ***... beliau mengisyaratkan dengan jarinya dan tidak menggerak-gerakkannya."***

Manakala tentang hadis dari Wail bin Hujur *radhiallahu'anh*, Syeikh Abu Ubaidah menyatakan: [330]

> Inilah riwayat sahih yang menerangkan tentang pergerakan jari telunjuk ketika solat (dalam *tasyahhud* – pen). Di dalam hadis di atas disebutkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ***Yuharriku ashaabi'ahu (terus menggerak-gerakkan jarinya)***. Kata *Yuharriku* di atas menggunakan *fi'il mudhaari'* (kata kerja yang digunakan untuk masa sekarang dan akan datang). Dalam kaedah tatabahasa arab, *fi'il mudhaari'* memiliki pengertian *istimrar*, iaitu perbuatan yang dilakukan secara terus-menerus. Jadi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menggerakkan jarinya secara terus-menerus hingga beliau melakukan salam.

Manakala hadis-hadis yang menyatakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* berdoa dengan jari telunjuknya dan berisyarat dengan jari telunjuknya maka ada ulamak yang menafsirkan ia sebagai tidak menggerakkan dan ada juga ulamak yang menafsirkan sebagai menggerak-gerakkan jari telunjuk. Syeikh al-Albani *rahimahullah* umpamanya telah berpendapat bahawa hadis-hadis tentang *tasyahhud* yang menyatakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* berisyarat dengan jari telunjuknya membuktikan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* menggerak-gerakkannya. Beliau telah menyatakan: [331]

---

[330] Rujuk kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hassan, *Al-Qawl al-Mubiin fii Akhthaa' al-Musholliin*, ms. 168.

[331] Rujuk kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Tamamul Minnah fit-Ta'liq 'Ala Fiqhus Sunnah*, jld. 1, ms. 268.

Isyarat yang diterangkan oleh riwayat-riwayat ini bukanlah nas (dalil) yang meniadakan *tahrik* (menggerak-gerakkan jari telunjuk ketika *tasyahhud*), kerana menurut dari segi bahasa, kelaziman isyarat itu disertai gerakan. Misalnya, seseorang akan memberi isyarat: 'Dekatlah kepadaku' (dengan menggunakan tangan – pen) kepada seseorang yang jauh. Dan memberi isyarat 'duduklah' (dengan menunjuk ke tempat duduk – pen) kepada orang yang sedang berdiri. Pada ilustrasi di atas, tidak seorangpun memahami bahawa orang (yang memberi isyarat – pen) di atas tidak menggerakkan tangannya. Mengapa kita perlu pergi begitu jauh.

Contoh yang paling baik yang akan kami sampaikan kepada pembaca ialah hadis dari 'Aisyah mengenai solat para sahabat di belakang Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sambil berdiri. Sedangkan baginda duduk. Beliau memberi isyarat 'Duduklah' kepada para para sahabat. Hadis ini disepakati kesahihannya.[332] Setiap orang yang berakal tentu tahu bahawa isyarat Nabi tidak sekadar mengangkat tangan seperti ketika Nabi menjawab salam kaum Ansar dan beliau sedang solat. Isyarat ini tentu disertai

---

332 Hadis yang dimaksudkan oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* adalah seperti berikut:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَيْتِهِ وَهُوَ شَاكٍ فَصَلَّى جَالِسًا وَصَلَّى وَرَاءَهُ قَوْمٌ قِيَامًا فَأَشَارَ إِلَيْهِمْ أَنْ اجْلِسُوا.

Maksudnya:

Rasulullah solat di rumahnya, beliau di dalam keadaan kesulitan, maka baginda solat dengan duduk, para sahabat solat di belakangnya dengan berdiri, maka baginda memberi isyarat kepada mereka (untuk solat) dengan duduk. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Azan*, (no.688)]

gerakan tangan. Kerana itu, tidak selayaknya kita memahami bahawa riwayat-riwayat ini bertentangan dengan riwayat *tahrik*, tetapi justeru ada kesesuaian.

Tambah Syeikh al-Albani *rahimahullah* lagi: [333]

> Di antara riwayat yang menguatkan pendapat di atas adalah hadis sahih mengenai isyarat Nabi dengan jari telunjuknya dalam khutbah Jumaat sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim dan yang lainnya dan di*takhrij* dalam *al-Irwa'* (2/77). Adalah satu kelaziman bahawa Nabi menggerakkan telunjuknya sebagai isyarat ketauhidan, bukan sekadar isyarat tanpa menggerakkan telunjuk. Hal ini disaksikan oleh riwayat Ibn Khuzaimah dalam sahihnya (2/35) dengan sanad *dha'if* (lemah) dari Sahl bin Saad, seperti hadis Imarah dengan lafaz:
>
> وَاَشَارَ بِأُصْبُعِهِ السَّبَّابَةِ يُحَرِّكُهَا.
>
> ***Dan Nabi memberi isyarat dengan jari telunjuknya sambil menggerakkannya.***
>
> Ibn Khuzaimah mentafsirkan hadis Imarah ini dengan menyatakan: Bab Isyarat khatib di atas mimbar dengan telunjuk ketika berada dalam khutbahnya dan menggerakkannya ketika memberi isyarat itu.

❋ Adakah jari telunjuk diangkat hanya ketika kalimah *Ilallah* إلا الله disebut?

Tentu ramai yang tertanya-tanya mengenai amalan kebiasaan umat Islam di Malaysia ketika *tasyahhud* yang hanya mengangkat jari telunjuk ketika menyebut إلا الله ***illallah*** (dari

---

[333] Rujuk kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Tamamul Minnah fit-Ta'liq 'Ala Fiqhus Sunnah*, jld. 1, ms. 268.

kalimah لا إله إلا الله ***laa ilaaha illallah***) ketika ber*syahadah*. Sebenarnya amalan ini tidak ada contohnya dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, *tabi'in* dan *tabi'ut tabi'in* malah amalan ini juga bukannya ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah* atau mana-mana ulamak bermazhab Syafie sebelum kurun ke 5 hijrah.

Imam al-Syafie *rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Umm* berpendapat jari telunjuk diangkat secara <u>terus-menerus</u> dari awal hingga akhir *tasyahhud*. Menurut Imam al-Syafie *rahimahullah*: [334]

> Dia menghamparkan tangannya yang kiri atas pahanya yang kiri. Dia menggenggam anak jari tangannya yang kanan atas pahanya yang kanan, selain telunjuk dan ibu jari. Dan dia menunjukkan (mengisyaratkan) dengan telunjuk.

Imam al-Syafie *rahimahullah* juga membawa riwayat dari Ibn Umar *radhiallahu'anh* lalu beliau berkata: [335]

> Adalah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* apabila beliau duduk dalam solat (ketika *tahiyat* – pen), beliau meletakkan telapak tangannya yang kanan atas pahanya yang kanan. Beliau menggenggam seluruh anak jarinya dan beliau mengisyaratkan dengan anak jarinya yang mengiringi ibu jari (telunjuk). Dan beliau meletakkan telapak tangannya yang kiri di atas pahanya yang kiri.

Demikianlah pendapat sebenar Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam hal ini. Pendapat beliau ini juga disokong oleh *fuqaha' Syafi'iyyah* seperti al-Baihaqi, al-Mawarzi dan al-

---

[334] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 1, ms. 277.

[335] Rujuk kitab Imam al-Syafie, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 1, ms. 277.

Mawardi *rahimahumullah*. Malah Imam al-Mawardi (dilahirkan di Basrah pada tahun 364 H) menyatakan dalam kitabnya *al-Hawi al-Kabir Syarah Mukhtasar al-Muzani* (jld. 2, ms. 132-133) bahawa *fuqaha' Syafi'iyyah* pada zamannya mengamalkan kedua-dua pendapat iaitu menggerak-gerakkan jari telunjuk dan tidak menggerakkannya secara terus dari awal sehingga salam. Tidak ada pendapat bahawa mereka mengangkat jari hanya ketika menyebut kalimah إلا الله ***illallah*** dalam *tasyahhud*.

Semoga dengan pendedahan ini umat Islam di Malaysia akan kembali kepada mazhab Imam al-Syafie *rahimahullah* yang sebenar, yang sentiasa tegar di atas sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sesuai dengan gelaran beliau sebagai *al-Nashir al-Sunnah* (pembela sunnah). Umat Islam di Malaysia harus membuang sikap taklid buta terhadap amalan yang mereka warisi secara turun-temurun dan sepatutnya melakukan usaha yang gigih untuk meneliti sunnah-sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Amalan hanya bertaklid buta kepada amalan nenek moyang ini telah dicela dengan keras oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmannya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ قَالُوا۟ حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۚ أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah menurut kepada apa yang telah diturunkan oleh Allah (al-Quran) dan kepada Rasul-Nya (yang menyampaikannya), mereka menjawab: Cukuplah bagi

kami apa yang kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya. Adakah (mereka akan menurut juga) sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat hidayah petunjuk? [Surah al-Maidah (5): 104]

Firman-Nya lagi:

وَكَذَٰلِكَ مَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ فِي قَرۡيَةٖ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتۡرَفُوهَآ إِنَّا
وَجَدۡنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٖ وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم مُّقۡتَدُونَ ﴿٢٣﴾ ۞ قَٰلَ أَوَلَوۡ جِئۡتُكُم
بِأَهۡدَىٰ مِمَّا وَجَدتُّمۡ عَلَيۡهِ ءَابَآءَكُمۡۖ قَالُوٓاْ إِنَّا بِمَآ أُرۡسِلۡتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٢٤﴾
فَٱنتَقَمۡنَا مِنۡهُمۡۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

Dan demikianlah halnya (orang-orang yang taklid buta); Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) kepada (penduduk) sesebuah negeri, seseorang Rasul pemberi amaran, melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama dan sesungguhnya kami hanya mengikut jejak mereka sahaja. Rasul itu berkata:

Adakah (kamu akan menurut juga mereka) walaupun aku membawa kepada kamu agama yang lebih jelas hidayah petunjuknya daripada jalan agama yang kamu dapati datuk nenek kamu menurutnya? Mereka menjawab: Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa

yang kamu diutuskan membawanya. Lalu Kami balas keingkaran mereka dengan azab yang membinasakan; maka perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-Rasul-Nya. [Surah al-Zukhruf (43) : 23-25]

Tentang dakwaan mereka bahawa menggerak-gerakkan jari telunjuk secara berterusan dalam *tasyahhud* boleh membatalkan solat kerana terdapat pergerakkan lebih dari tiga kali, telah berkata al-Nawawi *rahimahullah* dalam *Syarh al-Muhadzdzab* (jld. 3, ms. 454): [336]

> Haram hukumnya menggerak-gerakkan jari ketika solat. Jika tetap menggerakkanya maka solatnya menjadi batal. Pendapat ini diceritakan dari Abu Ali ibn Abu Hurairah. Namun pendapat tersebut dianggap *syadz* (bertentangan dengan dalil yang lebih sahih) dan *dha'if* (lemah).

Maka menurut Imam al-Nawawi *rahimahullah* – iaitu salah seorang tokoh besar bermazhab Syafie - dakwaan terbatalnya solat dengan gerakan sebanyak tiga kali itu tidak ada dasarnya dari hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan sepatutnya kita menolak dakwaan semacam ini. Jadi telah jelaslah bagi kita bahawa amalan *tahrik* ini memang ada dasarnya melalui hadis-hadis dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Berkata Syeikh al-Albani *rahimahullah*:[337]

> Menggerakkan jari telunjuk dalam *tasyahhud* merupakan perbuatan yang sah dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*,

---

[336] Rujuk kitab Abu Ubaidah Mashur bin Hassan, *al-Qawl al Mubiin Fii Akhtaa' al Mushallin*, ms. 172.

[337] Rujuk kitab Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Abani, *Shifatu Shalaati an-Nabiyyi Shallallahu 'alaihi wasallam*, ms. 196.

dilakukan oleh Imam Ahmad dan Imam-Imam *Ahl al-Hadis* yang lainnya. Oleh kerana itu, hendaklah takut kepada Allah bagi orang yang beranggapan bahawa perbuatan ini sia-sia, tidak patut dilakukan dalam solat. Kerana anggapan itu mereka tidak mahu menggerakkan telunjuknya dalam solat, padahal mereka tahu riwayatnya sah. Mereka mencari-cari alasan untuk men*takwil*nya (memberi tafsiran lain – pen) dengan menyalahi ketentuan bahasa Arab dan pengertian yang difahami para imam.

Kesimpulannya, dalam ber*tasyahhud,* Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menggerak-gerakkan jari telunjuknya secara berterusan dan sesekali beliau hanya menunjuk jari telunjuknya ke arah kiblat tanpa menggeraknya dari awal hingga salam. Oleh itu kedua-duanya mempunyai dalil yang sahih dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Maka bebas bagi umat Islam memilih untuk beramal antara kedua-duanya tanpa ragu-ragu.

Manakala amalan mengangkat jari telunjuk ketika menyebut إلا الله ***illallah*** (dari kalimah لا إله إلا الله ***Laa ilaaha illallah***) ketika bersyahadah sememangnya tidak memiliki dalil yang sahih serta ianya bukan daripada ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah*. Maka sewajarnya pembaca-pembaca yang budiman melakukan penilaian semula ke atas amalan tersebut.

Lampiran Atikel # 1

WAHHABI DAN KERUNTUHAN KERAJAAN ISLAM TURKI UHTMANIYAH

Oleh

Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah

Menerusi salah satu risalah beliau yang berjudul *Usah Terpesona Tajdid Segera Wahabi: Mula abad ke-18 Wahabi menentang ulil amri sehingga musnah kerajaan Islam Uhtmaniah* (*Berita Minggu,* Ahad 20 Disember 2009, ms. 30), Muhammad Uthman El-Muhammady menulis:

> Berbanding tajdid Ahli Sunnah kita boleh sebutkan tajdid segera Wahabi bermula dari abad ke-18 itu. Antara yang berlaku ialah tuduhan umat Islam melakukan kesyirikan dan bidaah, lalu atas nama mengembalikan sunnah dan memerangi bidaah, berlaku penentang terhadap ulil amri waktu itu iaitu kerajaan Uthmaniah Turki yang berabad mempertahankan Islam yang sedang dimusuhi Barat. Apabila ia dilemahkan dari dalam oleh usaha golongan itu atas nama menegakkan tauhid dan sunnah, akhirnya ia lemah dari dalam, apalagi golongan itu bermuafakat dengan British dan Perancis[338] seperti tercatat

---

[338] **Mohd Hairi Nonchi:** Dakwaan Muhammad Uthman El-Muhammady bahawa Wahhabi mengadakan permuafakatan dengan British dan Perancis dalam usaha menjatuhkan kerajaan Islam Turki Uthmaniah hanyalah satu dakwaan yang kosong dan fitnah semata-mata. Malah dalam tulisannya itu beliau sendiri gagal membawakan bukti-bukti ilmiah yang konkrit mengenai kesahihan dakwaan yang dilontarkan oleh beliau ke atas Wahhabi. Kegagalan

dalam *'Unwan al-Majdi,* akhirnya jatuhlah khalifah itu dengan Kamal Attarturk memberi pukulan maut ke atasnya.

Sebenarnya isu yang dibangkitkan oleh Muhammad Uthmaniyah El-Muhammady di dalam kenyataannya di atas bukanlah satu isu yang baru. Malah isu ini juga pernah disuarakan oleh beliau sejak beberapa tahun yang lalu iaitu di dalam *Mingguan Malaysia,* 27 November, 2005.[339]

Muhammad Uthman El-Muhammady berbuat demikian mengesahkan lagi kecetekan ilmu pengetahuan beliau terhadap ilmu sejarah.

Bagaimana mungkin dapat dikatakan bahawa Wahhabi dan British boleh mewujudkan permuafakatan sedangkan hakikatnya British sendiri amat membenci gerakan Wahhabi. Ini dapat dilihat dengan sikap British sendiri yang dilihat begitu mudah melabelkan gelaran Wahhabi kepada sesiapa jua yang berusaha menentangnya tanpa mengira sama ada mereka yang digelar Wahhabi itu berasal daripada India, Arab mahupun selainnya. Tindakan British ini tidak lain adalah semata-mata bagi menunjukkan rasa benci mereka terhadap golongan Wahhabi. Maulana Syeikh Muhammad bin Manzur al-Nu'mani *rahimahullah* iaitu seorang tokoh ulamak berbangsa India telah pun menjelaskan hakikat ini:

> Pihak Inggeris mengeksploitasi isu Syeikh Imam Muhammad bin Abd al-Wahhab di negara India. Mereka menggelarkan setiap individu yang melakukan penentangan terhadap Inggeris dengan gelaran Wahhabi. Dalam konteks ini pihak Inggeris turut menggelarkan para ulamak Deobandi dengan gelaran al-Wahhabiyyin disebabkan penentangan yang kuat mereka terhadap empayar Britain. [Lihat *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Edisi Lengkap)* karya Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd al-Lathif, ms. 406]

[339] **Mohd Hairi Nonchi:** Sebenarnya Muhammad Uthman El-Muhammady bukanlah menyendiri di dalam melontarkan fitnah ke atas Wahhabi berkaitan dengan isu kejatuhan kerajaan Islam Turki Utmaniyyah ini. Tindakan yang sama juga pernah dilakukan oleh salah seorang 'tokoh agama' tanah air yang juga merupakan penentang tegar kepada para pendukung dakwah *al-Salafiyyah.* Beliau yang dimaksudkan ialah Zamihan Mat Zin al-Ghari.

Bagi menjawab semula fitnah yang dilontarkan oleh beliau ini, ada baik kiranya kita meneliti sebuah risalah yang penulis nukil daripada buku berjudul *Aliran Dakwah di Malaysia: Satu Titik Pertemuan* karya saudara Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007), ms. 336 di bawah ini:

Suatu tuduhan yang tidak pernah putus diperkatakan ialah bahawa, golongan Wahhabiah yang menjadi punca kejatuhan khilafah Turki Uthmani. Tuduhan palsu yang tidak berasaskan fakta sejarah ini perlu diperbetulkan, apalagi kerana ia turut dibangkitkan oleh Ustaz Muhd. Uhtman El-Muhammady. Menurutnya, fahaman Wahhabi itu sendiri berkembang luas sehingga menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah di Turki (*Mingguan Malaysia,* 27 Nov. 2005). Sesiapa yang meneliti sejarah Asia Barat secara saksama, nescaya akan mendapati bahawa kejatuhan khilafah Turki Uthmaniyah tidak ada kaitan sama sekali dengan peranan Saudi-Wahhabi. Untuk memahami peranannya, elok ditinjau latar belakang tanah Hijaz (Makkah-Madinah) terlebih dahulu.

Dengan tamatnya era Khulafa' al-Rasyidin (661M), maka lenyaplah juga kepentingan Hijaz (Makkah-Madinah) sebagai pusat pemerintahan dan tamadun Islam. Dengan kenaikan kerajaan Bani Umayyah (661-750M) yang berpusat di Syam atau Damsyik, timbul pemberontakan oleh 'Abdullah bin Zubair di

---

Walau bagaimanapun, segala fitnah yang dilontarkan oleh 'tokoh agama' ini juga telah berjaya dibidas secara ilmiah oleh saudara Dr. Azwira Abdul Aziz menerusi sebuah bukunya yang berjudul *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006). Lebih lanjut, dipersilakan merujuk buku yang dimaksudkan bagi melihat beberapa fitnah yang dilontarkan oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari dan jawapan semula *Ahl al-Sunnah* ke atas fitnah-fitnah tersebut.

Hijaz pada zaman Abdul Malik bin Marwan (685-705M), dan juga pemberontakan Khawarij dan penduduk Hijaz pada zaman Marwan bin Muhammad (744-750M).

Pada zaman kerajaan Bani Abbasiah (750-1258M) yang berpusat di Baghdad, golongan Syiah Alawiyah menjadikan kota Hijaz sebagai pusat penentangan mereka terhadap kerajaan ini. Inilah era pertama sejarah golongan Alawiyah, iaitu era pemberontakan Syiah Alawiyah di Hijaz. Antara para pemberontak tersebut ialah:

1. Muhammad bin Abdullah ("al-Nafs al-Zakiyah") bin al-Hassan bin al-Hussain bin Ali bin Abi Talib, yang melancarkan pemberontakannya pada zaman Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pada tahun 145H/761M. Kerana tewas, saudaranya Ibrahim bin Abdullah meneruskan pemberontakannya di Basrah, Iraq.

2. Al-Hussain bin Ali bin al-Hassan bin Ali bin Abi Talib, yang dibaiat sebagai khalifah di Madinah oleh golongan Alawiyah, dan bangkit memberontak terhadap Khalifah al-Hadi pada tahun 169H.

3. Muhammad (al-Dibaj) bin Jaafar al-Sadiq, yang dilantik sebagai khalifah oleh golongan Alawiyah pada zaman Khalifah al-Makmun (813-833M). Walau pun tewas, tetapi Khalifah al-Makmun telah mengampunkannya.

4. Serangan golongan Qaramitah (Syiah Batiniyah) dari Bahrain terhadap pemerintah Bani Abbasiah di Makkah pada 929M. Mereka telah membunuh lebih kurang 30, 000 jamaah haji serta merampas Hajar Aswad lalu dibawa ke Bahrain, sebelum dipulangkan 22 tahun kemudian.

5. Penguasaan Bani al-Ukhairdhir (Syiah Zaidiyah) secara autonomi di Hijaz pada 335-350H, setelah memisahkan diri daripada Bani Abbasiah.

Demikianlah sejak pemberontakan "al-Nafs al-Zakiyah" hingga serangan puak Qaramitah, telah terjadi tidak kurang daripada tujuh puluh kali pemberontakan Alawiyah atau Syiah di Makkah.[340] Selepas era pemberontakan Syiah Alawiyah, muncullah era kedua, iaitu era pemerintahan mereka sendiri di Hijaz yang disebut "*Nizam al-Asyraf*" atau sistem pemerintahan para Syarif, yang bermazhab Syiah yang bermula sejak tahun 928M hingga tahun 1924M. Bagaimanapun ia bukanlah mutlak (*de facto*) di bawah kuasa mereka, tetapi lebih banyak dipengaruhi oleh kerajaan-kerajaan luar yang lebih kuat. Para penguasa luar yang turut mencaturi zaman "*Nizam al-Asyraf*" ialah seperti berikut:

1. Penguasaan Mesir (Fatimiyah, Ayyubiyah, Mamluk).
2. Penguasaan Turki Uthmaniyah (1517-1803M).
3. Penguasaan Saudi-Wahhabi (1803-1813M) yang berpusat di Dar'iyah.
4. Penguasaan Muhammad Ali Pasya (1813-1841M) dari Mesir.
5. Penguasaan Turki Uthmaniyah (1841-1916M).

Tetapi mulai tahun 1916, Syarif Hussain bin Ali (1908-1924) lalu mengisytiharkan kemerdekaan Hijaz daripada penguasaan Turki, dengan membentuk sistem monarki (*Nizam*

---

[340] Kupasan terperinci tentang era pemberontakan ini dapat dirujuk dalam karya Dr. Ahmad Syalabi, *Sejarah dan Kebudayaan Islam,* jld. 3, Pustaka Nasional, Singapura, 1982, ms. 139-147, dan Dr. Hassan Ibrahim Hassan, *Sejarah Islam,* jld. 3, Yayasan Islam Terengganu, 1978, ms. 148-173.

al-Mamlakah). Bagaimanapun dengan kebangkitan semula gerakan Saudi-Wahhabi, akhirnya pemerintahan Syarif Hussain jatuh pada tahun 1924, dan digantikan oleh kerajaan Saudi-Wahhabi 1925.[341]

Sejauh manakah kebenaran dakwaan Ustaz Muhd. Uthman El-Muhammady bahawa fahaman Wahhabilah yang menjadi punca kejatuhan kerajaan Turki Uthmani? Sesiapa yang meneliti sejarah hubungan mereka secara saksama, nescaya akan mendapati bahawa, golongan Saudi-Wahhabi sentiasa menghormati serta setia kepada Khilafah Uthmaniyah, dan kejatuhan Khilafah Islam ini pula tidak ada kaitannya sama sekali dengan golongan Wahhabi.

Pertama-tama sekali tentang sikap politik Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab, menurut Dr. Ajil Jasim al-Nasymi dalam tulisannya *"Pemerintahan Khilafah dan Gerakan Wahhabiyah,"* dalam kitab-kitabnya (Muhammad bin Abdul Wahab) tidak ada yang menegaskan permusuhannya terhadap pemerintahan khilafah.[342] Tumpuan beliau hanya kepada usaha

---

[341] Tinjauan tentang era "*Nizam al-Sayraf*" ini dapat dirujuk dalam karya Dr. Badri Yatim, *Sejarah Sosial Keagamaan Tanah Suci Hijaz (Mekah dan Madinah)* 1800-1925, PTS Logos, Jakarta, ms. 25-46.

[342] **Mohd Hairi Nonchi:** Ini dapat dilihat menerusi beberapa fatwanya yang menegaskan kewajipan untuk sentiasa taat kepada para pemimpin Islam dan melarang daripada mencabut ketaatan daripada mereka. Ketaatan ini tetap dicurahkan tanpa mengira sama ada pemimpin itu adalah pemimpin yang shalih atau sebaliknya, selagimana tidak terdapat tanda-tanda kekafiran yang nyata pada diri mereka. Perhatikan fatwa-fatwa beliau berikut: Dalam kitab *ad-Durar al-Saniyyah,* jld. 1, ms. 33 dinyatakan bahawa Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab *rahimahullah* berkata:

> Semua umat Islam wajib patuh kepada imam muslimin selagi mereka tidak menyuruh kepada perbuatan mungkar dan maksiat terhadap Allah. Umat Islam mestilah meredai dan membai'ah imam atau khalifah itu. Haram bagi umat keluar atau ingkar kepada imam

dakwah, nasihat, atau menentang kemungkaran-kemungkaran (syirik dan bid'ah).

Dari segi bukti sejarah misalnya, ketika Amir Saudi bin Abdul Aziz berjaya menguasai Makkah pada tahun 1803 dalam era "*Nizam al-Asyraf*", dia mengutus surat kepada Sultan Salim III di Turki menyatakan pengakuannya sebagai sultan. Malah, ketika Amir Saudi digantikan oleh puteranya, Abdullah, dia juga mendukung khilafah Islam dengan menyatakan kesetiaannya kepada Sultan Uhtmani.

Bukan sahaja pada zaman "*Nizam al-Asyraf*", malah ketika golongan Saudi-Wahhabi berkuasa penuh di Hijaz yang bermula pada tahun 1925 itu pun, mereka masih mengakui kekhilafahan Uthmaniyah. Contoh terbaik ialah tindakan Malik Abdul Aziz bin Abdul Rahman (1932-1953) yang telah mengutus surat kepada Sultan Abdul Hamid II (1876-1909), dengan

---

atau khalifah. [Lihat *Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab: Antara Fakta & Palsu*, selenggaraan Sakinah Ariff Johor, ms. 71]

Kemudian dalam kitab *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, jld. 5, ms. 11 dinyatakan bahawa Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab berfatwa:

> Aku meyakini kewajipan untuk mendengar serta mentaati para pemimpin kaum muslimin. Ia sama ada di kalangan pemimpin yang shalih (baik) mahu pun yang buruk ahlaknya. Ini selagi mana mereka tidak memerintahkan perkara kemaksiatan terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ketaatan ini ditujukan terhadap sesiapa sahaja yang dilantik sebagai khalifah yang dipersetujui lantikannya oleh orang ramai yang meredai kepimpinannya. Ini walaupun dia memperolehi kekuasaan khalifah melalui paksaan, menjadi suatu kewajipan mentaatinya dan dilarang melakukan penentangan terhadapnya. [Lihat *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab*, Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd al-Lathif, ms. 397]

mengakui kedaulatannya dan kesetiannya kepada khalifah Turki.[343]

Jelaslah bahawa, golongan Saudi-Wahhabi bukannya memusuhi bahkan mengakui kedaulatan dan menunjukkan kesetiannya kepada khalifah Uthmaniyah. Sebenarnya mereka yang menentang khalifah Turki yang bermazhab sunni (hanafi) itu ialah, para pemerintah Asyraf (syarif-syarif) Makkah sendiri yang bermazhab Syiah. Contohnya ialah percubaan Syarif Ghalib yang memerintah Makkah bagi pihak Sultan Uthmaniyah yang merancang untuk membebaskan dirinya daripada penguasaan Istanbul. Tetapi sebelum sempat bertindak, ia dicabar oleh golongan Wahhabi yang kemudiannya berjaya menguasai Makkah sepanjang tahun 1803-1813. Malah, yang lebih penting lagi ialah tindakan Syarif Hussain yang sanggup berkerjasama dengan wakil British, T.E Lawrence, untuk melancarkan "Pemberontakan Arab" pada tahun 1916 menentang Sultan Abdul Hamid II di Turki.

Tidak cukup setakat itu, projek mega landasan keretapi oleh Sultan Abdul Hamid II di antara Damsyik dengan Makkah itu bukan sahaja telah disekat oleh Syarif Hussain bin Ali setakat di Madinah sahaja, malah landasan yang sudah berjaya dibangunkan di Madinah itupun kemudiannya diletupkan oleh pihak Inggeris dengan kerjasama Faisal bin Hussain bin Ali. Padahal, biaya untuk projek mega ini datangnya daripada sumbangan derma Dunia Islam, dan tujuan didirikan itupun

---

[343] Kupasan lanjut tentang hubungan setia antara kerajaan Saudi-Wahhabi dengan khilafah Uthmani tersebut dapat dirujuk di dalam karya Dr. Nasir bin Abdul Karim al-Aql, *Hanya Islam Bukan Wahhabi,* Darul Falah, Jakarta, 2006, ms. 352-361.

adalah untuk mendaulatkan gagasan pan-Islamisme atau Penyatuan Dunia Islam.[344]

Jika dari segi pertama sudah jelas bahawa, golongan Saudi-Wahhabi menunjukkan kesetiaan kepada khilafah Uthmaniyah, maka persoalannya bolehkah ia didakwa sebagai punca yang membawa kejatuhan khilafah ini? Jelasnya, adakah kejatuhan Turki Uthmani yang kemudiannya digantikan oleh kerajaan sekular pemimpin tokoh Yahudi Dunama yang bernama Mustafa Kemal pada tahun 1925 itu berlaku kerana golongan Saudi-Wahhabi?

Pada hakikatnya, sebab-sebab kejatuhan Turki Uthmani dapat disimpulkan kepada tiga faktor besar, iaitu:

1. Keruntuhan akhlak para pemerintah.
2. Gerakan Yahudi Freemason.
3. Kerajaan Kristian Eropah.

Di antara ketiga-tiga faktor besar ini, faktor utamalah yang paling dominan. Memang pada peringkat awalnya, khilafah Uthmaniyah dikuasai oleh sultan-sultan yang berwibawa besar dan mempunyai komitmen dengan manhaj al-Sunnah dalam perjalanan dakwah dan jihadnya. Tetapi pada peringkat kemudiannya, muncullah para penguasa yang menjauh daripada syariat Allah, terlalu menjaga hati rakyat bukan Islam tetapi zalim ke atas umat Islam. Mereka hidup mewah, berpoya-poya dan tenggelam dalam syahwat.[345] Kalau pun benar tuduhan

---

[344] Lihat Dr. Eeman Mohamed Abbas, *Sultan Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Islamiah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2002, ms. 713-736.

[345] Lihat kupasannya dalam karya Dr. Ali Muhammad al-Syalabi, *Bangkit dan Runtuhnya Khilafah Uthmaniyah,* Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2003, ms. 652-736; Dr. Eeman, *op.cit,* ms. 81-97.

bahawa, golongan Saudi-Wahhabi menentang khilafah Uthmaniyah dengan cara membebaskan Hijaz daripada penguasaan Uthmaniyah, maka golongan Saudi-Wahhabi bukanlah satu-satunya pihak yang berbuat demikian. Selain di Hijaz, di sana-sini timbul gerakan-gerakan menuntut kemerdekaan seperti berikut:[346]

1. Di Mesir – Gerakan Ali Bek al-Kabir, kemudian gerakan Muhammad Ali.
2. Palestin – Gerakan pemimpin penduduk tempatan Zahir Umar.
3. Di Lebanon – Gerakan Fakhrudin Ma'ni, kemudian gerakan orang-orang Syihabiyah.
4. Di Iraq – Gerakan raja-raja Pasya, puncaknya adalah Sulaiman Pasya (Abu Laila).
5. Di Yaman – Gerakan al-Zaidiyah.
6. Di Afrika – Gerakan Sanusiyah.

Dengan menyingkap tabir sejarah hubungan Saudi-Wahhabi dengan khilafah Turki Uthmaniyah serta faktor-faktor kejatuhan Khilafah Islam hendaknya tidaklah timbul lagi sebarang tuduhan bahawa, golongan Wahhabilah yang menjadi punca kejatuhan Khalifah Islam di Turki tersebut. hendaknya kita menjadi golongan 'celik sejarah' bukannya 'buta sejarah' sehingga timbul tuduhan yang melulu dan tidak berasaskan

[346] Selanjutnya lihat: Syeikh Ahmad al-Usairy, *Sejarah Islam Sejak Zaman Nabi hingga Abad 20.* Jakarta: Akbar Media Eka Sarana, 2003, ms. 370.

kepada fakta-fakta sejarah yang sebenar, sebaliknya berasaskan emosi semata-mata. [347]

[347] **Mohd Hairi Nonchi:** Untuk perbahasan yang lebih mendalam berkenaan isu kejatuhan Kerajaan Islam Turki Uthmaniyah dan hubungkaitnya dengan gerakan Wahhabi, pembaca disarankan merujuk sebuah buku berjudul *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Edisi Lengkap)* karya Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd al-Lathif (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru 2009). Lihat ms. 395 dan seterusnya.

Lampiran Artikel # 2

WAHHABI: PUNCA PERPECAHAN UMAT ?

Oleh:

Mohd Hairi Nonchi

Masyhur dikatakan bahawa antara faktor utama yang membawa kepada perpecahan umat Islam di Malaysia adalah disebabkan oleh fahaman Wahhabi yang kian menular dewasa ini. Sering kali ada pihak yang membicarakan mengenai fahaman ini, lazimnya ia akan dikaitkan dengan isu perpecahan di kalangan umat Islam.

Senario ini telah menimbulkan beberapa persoalan kepada kita semua, apakah punca utama yang menyebabkan fahaman ini sering sahaja dilabelkan sebagai "pemecah belah" umat Islam? Adakah prinsip atau ajaran yang dibawa dan cuba diterapkan oleh fahaman Wahhabi ke dalam masyarakat Islam di Malaysia selama ini bercanggah dengan ajaran Islam yang dibawa oleh al-Qur'an, al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih dan ajaran Imam al-Syafie *rahimahullah*?

Artikel yang serba ringkas ini akan membawa sidang pembaca yang budiman sekalian untuk menganalisis faktor-faktor yang mendasari perpecahan umat Islam, diikuti dengan jawapan penulis bagi meluruskan semula salah faham sesetengah pihak terhadap dakwah yang dibawa oleh para pendukung al-Sunnah yang sering dianggap sebagai "pemecah belah masyarakat". Pada akhir risalah ini pula penulis akan menyenaraikan beberapa cadangan penting sebagai resolusi bagi

mengatasi penyakit perpecahan yang kian melanda umat Islam masa kini.

❋ **Peringatan Rasulullah mengenai suasana perpecahan yang melanda umat Islam.**

Dalam sebuah hadis, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَلاَ إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ اِفْتَرَقُوْا عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِيْنَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ: ثِنْتَانِ وَسَبْعُوْنَ فِيْ النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِيْ الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya:

Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) telah berpecah kepada tujuh puluh dua kumpulan, dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan), tujuh puluh dua daripadanya akan masuk neraka dan hanya satu daripadanya akan masuk syurga iaitu al-Jamaah. [348]

Sejak awal-awal lagi, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengkhabarkan kepada umatnya bahawa

---

348 Hadis riwayat Ahmad, al-Darimi, al-Thabrani, Ibn Majah, al-Tirmidzi, Ibn Hibban, al-Hakim dan lain-lain. Hadis ini disahihkan oleh al-Tirmidzi, al-Hakim, al-Dzahabi dan al-Juzani dalam kitab *al-Abathil,* jld. 1, ms. 302, al-Baghawi dalam *Syarhus Sunnah,* jld. 1, ms. 213, al-Syathibi dalam *al-I'tisham,* jld. 2, ms. 698 (*tahqiq* Salim al-Hilali), Ibn Taimiyyah dalam *Majmu' al-Fatawa,* jld. 3, ms. 345, Ibn Hibban *Shahih Ibn Hibban,* jld. 8, ms. 48, Ibn Katsir dalam *Tafsir Ibn Katsir,* jld. 1, ms. 390, Ibn Hajar dalam *Takhrij al-Kasysyaf,* ms. 63, al-Hafiz al-'Iraqi dalam *al-Mughni 'an Hamli al-Asfar* (no. 3240), al-Bushairi dalam *Mishbah az-Zujajah,* jld. 4, ms. 180, Syeikh al-Albani dalam *Silsilah al-Shahihah* (no. 203) dan lain-lain yang sangat banyak jumlahnya.

selepas kewafatan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* umat Islam akan berpecah kepada beberapa kumpulan. Ternyata apa yang diungkapkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi hadis di atas benar-benar berlaku ketika ini di mana umat Islam telah pun berpecah belah kepada pelbagai aliran, jamaah, parti, kumpulan atau golongan sebagaimana yang dapat kita saksikan bersama.

❈ **Mengapakah umat Islam saling berpecah belah?**

Terdapat banyak faktor yang menjadi penyebab kepada tercetusnya perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun, di antara sekian banyak faktor tersebut, terdapat dua faktor utama yang dilihat sebagai punca terbesar yang menyemarakkan api perpecahan dalam kalangan umat Islam. Dua faktor yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Mengubah suai ajaran agama (bid'ah).

Tidak syak lagi bahawa punca utama dan pertama yang mencetuskan perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam adalah disebabkan oleh faktor bid'ah di dalam agama. Bid'ah secara umumnya merujuk kepada tindakan mengubahsuai ajaran agama sama ada dengan cara menokok tambah sesuatu yang "baru" ke dalam urusan agama mahupun dengan cara yang sebaliknya, iaitu mengurangkan apa-apa yang telah disyariatkan oleh ajaran agama. Ini berlaku sama ada dalam bentuk amalan (ibadah *khususiyyah*) mahupun dalam bentuk keyakinan (iktikad).

Hal ini sebagaimana yang diisyaratkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri menerusi salah sebuah hadisnya:

فإنه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافا كثيرا فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين تمسكوا بها وعضوا عليها بالنواجذ وإياكم ومحدثات الأمور فإن كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة.

Maksudnya:

Sesungguhnya sesiapa di antara kamu yang hidup selepas (kewafatan) aku dia akan melihat banyak perselisihan, maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' Rasyidin Mahdiyin selepasku, gigitlah ia (sekuat hati) dengan gigi geraham (kamu) dan jauhilah perkara yang diada-adakan (dalam urusan agama ini) kerana ia adalah bid'ah sedangkan setiap bid'ah itu (adalah) sesat.[349]

Khutbah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ini dilihat mengandungi mukjizat ilmiah yang besar kerana ia menggambarkan suasana perselisihan yang akan berlaku kepada umat Islam disebabkan oleh amalan bid'ah yang mereka lakukan selepas kewafatan baginda *shalallahu 'alaihi wasallam*. Justeru, baginda *shalallahu 'alaihi wasallam* dengan tegas mengingatkan kepada sesiapa yang hidup pada zaman perselisihan itu supaya menghadapinya dengan cara berpegang teguh kepada sunnah dan juga sunnah para khalifah yang menggantinya.

---

[349] Hadis riwayat Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud* (no. 4607). Disahihkan oleh Syeikh al-Albani dalam *Silsilah ash-Shahihah*, jld. 6, ms. 526 (no. 2735).

Selain daripada menggambarkan suasana perselisihan, khutbah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* itu juga mengisyaratkan kepada bahaya pemikiran dan amalan bid'ah sebagai faktor yang menyebabkan berlakunya perselisihan tersebut.[350]

Dalam konteks ini, al-Marhum Muhammad Rashid Reda *rahimahullah* berkata menulis di dalam kitabnya yang berjudul *at-Ta'rif Bi Kitab al-'I'tisham*, ms. 3-4:[351]

> Ulamak sains sosial, ahli politik dan pakar sejarah pelbagai bangsa bersepakat bahawa bangsa Arab bangkit mencapai kemajuan dan kegemilangan terakhir mereka kerana kesan daripada ajaran Islam yang menyatupadu dan memperbaiki keadaan diri dan kelakuan (*jahiliyah*) mereka. Tetapi ramai yang tidak bersepakat dalam menentukan faktor kejatuhan umat Islam selepas kebangkitan, sehingga ada yang meletakkan kesalahan itu pada agama.
>
> Sedangkan kata-kata orang berilmu menetapkan bahawa agama yang pernah menjadi faktor kebaikan dan perubahan tidak mungkin (di satu masa) akan menjadi faktor kemusnahan dan kelemahan, kerana faktor yang sama tidak akan menghasilkan kesan yang berbeza. Jika benar ajaran Islam memberi kesan kemunduran kepada generasi terkemudian, maka yang demikian

---

[350] Lihat *Khilaf dalam Islam: Sebab dan Adab*, Ustaz Abdul Rasyid bin Idris @ Adir, Ustaz Dr. Azwira bin Abdul Aziz dan Ustaz Fadlan bin Mohd Othman (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru), 39-40. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Khilaf dalam Islam: Sebab dan Adab* sahaja.

[351] Lihat *Khilaf dalam Islam: Sebab dan Adab,* Ustaz Abdul Rasyid bin Idris @ Adir, Ustaz Dr. Azwira bin Abdul Aziz dan Ustaz Fadlan bin Mohd Othman, 39-40.

itu pastinya bukan (berasal) dari ajaran Islam sebenar yang mendatangkan kebaikan kepada generasi terdahulu. Bahkan ianya tentu kerana faktor bid'ah yang memecahkan perpaduan mereka dan memesongkan mereka daripada jalan yang lurus.

Kenyataan di atas juga disokong oleh sebuah hadis di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa di antara punca berlakunya porak peranda dalam kalangan umat Islam adalah disebabkan oleh perbuatan bid'ah yang diada-adakan oleh mereka di dalam urusan agama. Perhatikan hadis di bawah ini:

عن أنس رضى الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من غشث أمتي فعليه لعنت الله والملائكة والناس أجمعين، قيل: يا رسول الله، وما الغش؟ قال: أن يبتدع لهم بدعة فيعمل بها.

Maksudnya:

Daripada Anas radhiallahu'anh berkata, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda: Barangsiapa yang memporak perandakan umatku, maka Allah akan murka kepadanya dan murkalah malaikat dan murkalah segenap manusia. Baginda ditanya (oleh para sahabat): Wahai Rasulullah, apakah yang dinamakan dengan memporak perandakan itu? Baginda menjawab: Bahawa ia berbuat bid'ah kepada mereka suatu bid'ah lalu dikerjakan. [352]

KEDUA:

---

352 Hadis riwayat al-Daruquthni bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anh*.

Keengganan pihak yang saling berselisih untuk kembali kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Ikhtilaf atau perselisihan pendapat adalah merupakan satu fenomena biasa dan lumrah berlaku ke atas umat manusia. Tidak terkecuali dalam menghadapi fenomena ini ialah umat Islam sendiri. Hakikatnya tiada siapa jua di dunia ini yang dapat mengelakkan diri daripada menghadapi fenomena tersebut. Ini adalah kerana perbezaan pendapat yang berlaku dalam kalangan manusia adalah merupakan salah satu *sunnatullah* yang telah ditentukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas para hamba-Nya.

Hakikat ini telah pun dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firman-Nya menerusi ayat berikut:

وَلَوۡ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخۡتَلِفِينَ ١١٨

إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمۡۗ وَتَمَّتۡ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمۡلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ

ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجۡمَعِينَ ١١٩

Maksudnya:

Dan kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan manusia umat yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisih. Kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu, dan kerana itulah Dia menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu. Sesungguhnya Aku memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia. [Surah al-Hud: 118-119]

Sungguh pun fenomena perselisihan pendapat ini adalah suatu perkara yang lumrah berlaku ke atas umat manusia (dalam konteks perbincangan ini ialah umat Islam), namun ia tidak harus dijadikan alasan oleh umat manusia – khususnya umat Islam – untuk pasrah kepada ketentuan tersebut, lalu membiarkan sahaja perselisihan dan perpecahan berlaku dalam kalangan mereka. Sikap seperti ini amat menjauhi perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menggesa mereka agar sentiasa bersatu padu sebagai satu jamaah.

Atas dasar inilah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan mereka supaya segera kembali kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasul-Nya tatkala tercetusnya perselisihan antara mereka. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikut menjadi rujukan:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَـٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلاً ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah dan (al-Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Amat dukacita kerana terdapat dalam kalangan sebahagian umat Islam yang apabila tercetus perselisihan

antara mereka maka akan ada salah satu pihak daripadanya yang enggan untuk kembali kepada seruan ayat di atas. Mereka tidak sudi menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih sebagai penamat perselisihan yang timbul di antara mereka.

Sebaliknya apa yang berlaku adalah, mereka lebih cenderung mengambil sesuatu selain daripada kedua-dua sumber wahyu tersebut sama ada berupa kebiasaan-kebiasaan (adat) masyarakat, ajaran mazhab mahupun pandangan tokoh tertentu yang jelas menyelisihi petunjuk al-Qur’an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang sahih. Inilah sebabnya mengapa perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam itu sentiasa berlaku dan terus berpanjangan.[353]

❋ Benarkah Wahhabi sebagai pencetus kepada perpecahan umat Islam di Malaysia?

Dalam beberapa huraian yang lalu kita telah pun membicarakan secara ringkas tentang dua faktor terpenting yang menjadi penyebab kepada berlakunya perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Jika dikaji kedua-dua faktor tersebut, ternyata ianya tidak ada kaitan sedikit jua dengan fahaman Wahhabi. Justeru, andaian dan tohmahan sesetengah pihak yang sering beranggapan Wahhabi sebagai faktor utama yang membawa kepada perpecahan umat Islam

---

[353] Untuk melihat perbincangan yang lebih terperinci mengenai sebab-sebab perselisihan dan perpecahan umat Islam, sila rujuk *Mukhtashar Kitab Al-I’tisham* oleh Alawi bin ‘Abdul Qadir As-Saqqaf (ringkasan kepada kitab *Al-I’tisham* oleh Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Syathibi); kini sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Arif Syarifuddin di atas judul *Ringkasan Al-I’tisham: Membedah Seluk Beluk Bid’ah* (Media Hidayah, Yogyakarta, 2003). Sila lihat ms. 179 dan seterusnya.

adalah tidak tepat sama sekali. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan dua poin berikut:

- **Pertama:** Fahaman Wahhabi tidak pernah menyeru umat Islam untuk berpegang kepada sesuatu yang lain daripada al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Ini jelas terbukti bahawa apabila munculnya perselisihan pendapat dalam sesuatu perkara, Wahhabi akan menuntut supaya perkara tersebut segera dikembalikan kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, yang diikat dengan pengkaedahan ilmiah sebagaimana yang digariskan oleh para ulamak muktabar Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

  Ini berbeza dengan sikap para pemfitnah Wahhabi yang sering memaksa umat Islam – khususnya orang awam – untuk terus terpaku dan terbelenggu di bawah kongkongan adat/kebiasaan dan ajaran mazhab tertentu sekalipun telah jelas sebahagian daripada adat dan/atau ajaran mazhab tersebut adalah bercanggah dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah yang sahih.

- **Kedua:** Umum sedia maklum bahawa fahaman Wahhabi terkenal sebagai satu-satunya aliran yang amat sensitif terhadap pelbagai fahaman dan amalan bid'ah yang berlaku dalam masyarakat Islam. Setiap kali bermunculan fahaman dan amalan bid'ah, maka golongan Wahhabi pasti akan berusaha keras membanteras bid'ah tersebut. Wahhabi tidak akan pernah sekali-kali berdiam diri membiarkan fahaman dan amalan bid'ah tersebut daripada terus menular ke dalam masyarakat. Tindakan Wahhabi dalam menentang sekeras-kerasnya fahaman dan amalan bid'ah ini adalah tidak lain disebabkan oleh

kesedaran mereka yang tinggi terhadap bahaya bid'ah dan implikasinya terhadap kehancuran akidah dan kesatuan umat Islam.

Prinsip ini tidak terdapat pada para penentang tegar Wahhabi kerana para penentang Wahhabi ini sering kali melihat fahaman dan amalan bid'ah yang berleluasa dalam masyarakat sebagai perkara *furu'iyyah* yang tidak sepatutnya dibincangkan.[354] Lebih-lebih lagi, usaha pembanteras terhadap fahaman dan amalan bid'ah yang dilakukan oleh Wahhabi itu dilihat oleh mereka sebagai suatu tindakan yang bercanggah dengan amalan 'arus perdana'[355] yang menjadi pegangan dan kebiasaan majoriti umat Islam di negara ini. Pada mereka biarlah umat Islam hanyut dan tenggelam dalam lumpur bid'ah,

---

[354] Inilah antara sebab mengapa sesuatu fahaman dan amalan bid'ah yang berleluasa dalam masyarakat amat sukar untuk dibanteras. Hal ini tidak lain adalah disebabkan oleh kejahilan sebahagian besar umat Islam terhadap persoalan bid'ah dan perbezaannya dengan perkara-perkara *furu'iyyah* di sisi agama. Sebagai akibatnya, pelbagai fahaman dan amalan bid'ah yang berkembang di negara ini tidak lagi dilihat sebagai suatu kemungkaran yang perlu dibanteras. Sebaliknya ia dilihat sebagai perkara *furu'iyyah* yang wajib dipertahankan demi memelihara persatuan umat Islam. Lebih lanjut, sila rujuk risalah penulis yang berjudul *Mengapa Asyik Bincang Perkara Furu'iyyah?* yang dimuatkan di dalam buku penulis yang berjudul *Cukupkah Sekadar Niat?* terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor.

[355] Sehingga kini penulis masih tertanya-tanya, apakah yang dimaksudkan oleh Muhammad Uthman El-Mahammady dan golongan yang sefaham dengan beliau di sebalik seruan mereka ke arah berpegang kepada fahaman dan amalan "arus perdana"? Apakah seruan ini bermaksud umat Islam diwajibkan berpegang kepada ajaran dan fahaman agama yang telah digubal untuk disesuaikan dengan arus semasa? Jika demikianlah maksudnya maka di manakah letaknya perbezaan antara "seruan" mereka ini dengan fahaman yang dibawa oleh para pendukung Islam Liberal yang sentiasa berusaha mencairkan syariat Islam demi menyesuaikan ajarannya dengan arus semasa? *Wallahu a'lam.*

asal sahaja kesatuan rapuh lagi palsu yang mereka wujudkan di atas bid'ah-bid'ah tersebut dapat dipertahan dan diperkukuhkan.

❋ **Benarkah menjelaskan al-Sunnah Rasulullah merupakan punca utama perpecahan umat Islam?**

Para penegak dan pembela bid'ah sering kali beranggapan bahawa tindakan menjelaskan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan membanteras amalan-amalan bid'ah dalam masyarakat wajar dielakkan kerana ia bukan sahaja akan menjauhkan umat Islam daripada mendekati ajaran agama, malah ia juga akan menyemarakkan lagi api perpecahan di kalangan umat Islam.

Sebenarnya andaian seumpama ini bukanlah berasal daripada mereka yang benar-benar beriman kepada agama Allah dan Rasul-Nya melainkan datangnya daripada orang-orang munafik yang sememangnya amat memusuhi ajaran Islam yang dibawa oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah pun mengisyaratkan kewujudan golongan ini di dalam al-Qur'an sebagaimana firman-Nya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ

يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودًا ﴿٦١﴾

Maksudnya:

Apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (kembali) kepada apa yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul, nescaya kamu lihat orang-orang munafik

menghalang-halangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya (dari mengikuti) engkau. [Surah al-Nisa':61]

ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتُ بَعۡضُهُم مِّنۢ بَعۡضٍۚ يَأۡمُرُونَ بِٱلۡمُنكَرِ

وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمَعۡرُوفِ

Maksudnya:

Orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama. Mereka menyuruh kepada yang mungkar dan melarang daripada yang ma'ruf. [Surah at-Taubah: 67]

❋ **Langkah penyelesaian kepada masalah perpecahan umat Islam.**

Mengakhiri perbincangan kita yang serba ringkas ini, berikut akan penulis kemukakan tiga langkah penting sebagai kaedah rawatan bagi mengatasi penyakit perpecahan yang kian kronik melanda umat Islam ketika ini. Diharapkan dengan adanya komitmen kita semua dalam mengambil langkah-langkah tersebut akan dapat menjadikan kita semua, umat Islam, sebagai satu umat yang bersatu padu dan saling berkasih sayang antara satu sama lain.

Adapun tiga langkah yang penulis maksudkan adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Berpegang teguh kepada tali (agama) Allah.

Hendaklah umat Islam seluruhnya berjamaah iaitu bersatu padu dengan berpegang teguh kepada tali (agama) Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Hal ini sebagaimana firman-Nya dalam surah ali-Imran, ayat 103 yang bermaksud:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ

Maksudnya:

... Dan berpegang teguhlah kamu kepada <u>tali Allah</u> dan janganlah kamu bercerai-berai ...

Hendaklah kita fahami bersama bahawa yang dimaksudkan dengan ***tali Allah*** di dalam ayat ini adalah merujuk kepada ajaran Islam yang bersumberkan kepada petunjuk al-Quran al-Karim dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Perintah untuk berpegang kepada ***tali Allah*** di dalam ayat ini bukanlah bererti kita diperintahkan untuk berpegang kepada manhaj jamaah[356] atau parti sekian-sekian, kebiasaan-kebiasaan masyarakat tertentu, mazhab-mazhab tertentu, ajaran syeikh-syeikh tertentu atau apa jua selain daripada ajaran yang dibawa oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih kerana semua itu tidak akan berupaya menyatupadukan umat Islam untuk menjadi satu jamaah sebagaimana yang dikehendaki dan diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Salah seorang sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu 'Abdullah ibn Mas'ud *radhiallahu'anh* ketika menjelaskan maksud ***tali Allah*** dalam ayat di atas menyebut:

---

[356] Lebih lanjut tentang hukum berjamaah di dalam Islam, sila rujuk buku *Hukum Dan Adab Berjamaah Dalam Islam,* Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

إن هذا الصراط محتضر، تحضره الشياطين، ينادون: يا عبد الله هلم! هذا الصراط، ليصدوا عن سبيل الله! فاعتصموا بحبل الله، فإن حبل الله هو كتاب الله.

Maksudnya:

Sesungguhnya jalan ini dihadiri oleh para syaitan, mereka berseru: Wahai hamba Allah, kemarilah! Ini adalah jalan (yang benar)", mereka lakukan itu untuk menghalang-halangi manusia dari jalan Allah . Maka, berpegang teguhlah kamu dengan "tali Allah" (kerana) sesungguhnya (yang dimaksudkan dengan) "tali Allah" itu adalah (berpegang teguh kepada) Kitabullah (al-Qur'an al-Karim). [357]

Apa yang diterangkan oleh 'Abdullah ibn Mas'ud *radhiallahu'anh* di atas adalah tidak bercanggah dengan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana dalam hadisnya berikut:

تركت فيكم ما إن تمسكتم به لن تضلوا بعدي أبدا: كتاب الله و سنتي.

Maksudnya:

---

[357] Diriwayatkan oleh Abu'Ubaid dalam *Fadhaail al-Qur'an,* ms. 75, al-Darimi, jld. 2, ms. 433, Ibn Nashr dalam *as-Sunnah* (no. 22), Ibn Dhurais dalam *Fadhaail al-Qur'an,* ms. 74, Ibn Jarir dalam *Tafsir*nya (no. 7566) (*tahqiq* Ahmad Syakir), al-Thabrani, jld. 9, ms. 9031, al-Ajurri dalam *asy-Syarii'ah*, ms. 16 dan Ibn Baththah dalam *al-Ibaanah* (no. 135) dan riwayat ini sahih. Lihat keterangan ini dalam, *Sittu Durar min Ushuuli Ahlil Atsar* karya 'Abdul Malik bin Ahmad Ramadhani; dalam edisi terjemahan di bawah judul *6 Pilar Utama Dakwah Salafiyyah* oleh Mubarak B.M Bamuallim Lc (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta, 2005), ms. 112. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Sittu Durar min Ushuuli Ahlil Atsar* sahaja.

Aku tinggalkan kamu dua perkara (yang) jika kamu berpegang teguh kepada keduanya (maka) kamu tidak akan tersesat selama-lamanya (iaitu) Kitabullah (al-Qur'an) dan Sunnahku. [358]

Oleh yang demikian, umat islam hendaklah sentiasa mengunggulkan kedua-dua petunjuk wahyu tersebut di atas segala sesuatu yang lain serta menolak apa-apa yang bercanggah dengannya baik berupa pandangan peribadi, kebiasaan-kebiasaan (adat) tertentu, ajaran tok guru mahupun pandangan mazhab-mazhab tertentu.

KEDUA:

Saling bertoleransi.

Hendaklah umat Islam saling bertoleransi dalam menghadapi suasana perbezaan pandangan yang berlaku sesama mereka. Sekali lagi ditegaskan bahawa perbezaan pandangan adalah suatu yang lumrah ke atas umat manusia. Oleh itu, sekiranya wujud perselisihan pendapat, maka hendaklah perselisihan itu segera dikembalikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih untuk dinilai manakah pandangan yang mendekati petunjuk kedua-dua sumber wahyu tersebut.

Sekiranya masing-masing pihak memiliki dalil yang kukuh maka hendaklah mereka saling berlapang dada antara satu dengan yang lain. Tidak dibolehkan saling menghukum dalam perkara yang wujud padanya perselisihan yang

---

[358] Hadis riwayat Imam Malik dalam *al-Mawaththa',* jld. 2, ms. 899. Hadis ini dinilai *hasan* (baik) oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dalam *al-Misykat* (no. 186).

dibenarkan syarak (*ikhtilaf muktabar*).[359] Hanya dengan sikap saling bertoleransi ini sahaja umat Islam akan sentiasa berada dalam satu jamaah. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَاضَلَّ قَوْمٌ بَعْدَ هُدًى كَانُوا عَلَيْهِ أُوتُوا الْجَدَلَ.

Maksudnya:

Tidaklah suatu kaum itu tersesat setelah mendapat petunjuk kecuali kerana melakukan perdebatan.[360]

KETIGA:

Bersedia untuk kembali kepada kebenaran.

Umat Islam seluruhnya hendaklah sentiasa bersiap sedia dan berlapang dada dalam menerima sesuatu kebenaran yang bersumberkan daripada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ini sekalipun kebenaran tersebut adalah sesuatu yang bercanggah dengan apa yang menjadi prinsip atau pegangan mereka selama ini.

Pada masa yang sama juga hendaklah umat Islam dengan penuh rela hati bersegera meninggalkan apa jua pandangan atau kebiasaan sedia ada yang jelas bercanggah dengan kebenaran tersebut. Sesungguhnya, kedegilan dan keegoan untuk tunduk

---

[359] Lebih lanjut, sila rujuk buku:

1) *Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat* karangan Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

2) *Khilaf dalam Islam: Sebab dan Adab,* koleksi artikel karangan Ustaz Abdul Rasyid Idris @ Adir, Ustaz Dr. Azwira Abdul Aziz dan Ustaz Fadlan Mohd Othman (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

[360] Hadis riwayat Ahmad, al-Tirmidzi dan lain-lain. Hadis ini adalah *hasan* (baik). Lihat *Shahih al-Jami'* (no. 5633).

dan kembali kepada kebenaran setelah ia tertegak di hadapan mata adalah di antara faktor terpenting yang menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam terus berlaku tanpa berkesudahan. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. [Surah Ali 'Imran: 105]

❋ **Penjelasan tambahan:**

Sesetengah pihak berhujah kepada sebuah hadis bagi membenarkan *ikhtilaf* berlaku dalam kalangan umat Islam. Hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

اختلاف أمتي رحمة.

Maksudnya:

Perselisihan (ikhtilaf) dalam umatku adalah rahmat.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam kitabnya *al-Risalah al-Asy'ariyah* dan Nashr al-Maqdisi dan semuanya tanpa sanad. Hadis ini telah dikategorikan oleh beberapa orang ulamak hadis sebagai tidak ada asal usulnya. Perkataan ini bermaksud tidak ada asal usulnya dalam mana-mana buku hadis. Begitulah pendapat yang dikemukakan oleh al-Subki sebagaimana dicatatkan oleh Syeikh Muhammad Nashiruddin

al-Albani *rahimahullah* dalam bukunya *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah* (no. 57).

Imam al-Iraqi *rahimahullah* juga menolak kesahihan hadis ini menerusi *al-Mughni An Hamli al-Asfar* (no. 74). Dilihat dari sisi yang lain, hadis ini jelas menyalahi usul dan kaedah asas ilmu hadis atau *illah* pada hadis ini jelas menyalahi al-Qur'an yang menggalakkan ummah bersatu dan tidak berpecah belah.

Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* di dalam kitabnya, *I'lam al-Muwaqqi'in* mengatakan bahawa seandai *ikhtilaf* (perselisihan) itu rahmat, adakah *ittifaq* atau sepakat itu bala? Pendapat Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* ini juga disokong oleh ulamak lain yang dengan tegar menentang hadis itu. Ibn Hazm *rahimahullah* misalnya, dalam bukunya *al-Ihkam fi Ushul al-Ahkam* setelah menegaskan bahawa ungkapan itu bukan hadis, beliau mengatakan bahawa ungkapan itu merupakan kata-kata yang paling buruk.

Lampiran Artikel # 3

WAHHABI DAN IMAM AL-SYAFIE DALAM PERSOALAN BID'AH *HASANAH* [361]

Oleh

Ustaz Rasul Dahri

Antara ucapan (*qaul*) Imam al-Syafie yang disalah ertikan oleh sebahagian masyarakat Islam sehingga menjadi isu kontroversi dan polemik ialah tentang maksud dan pembahagian bid'ah yang mana beliau pernah berkata:

ينقسم البدعة الى حسنة وسيئة، او محمودة ومذمومة. وعلى هذا تشتمل كل حادث بعد عصر الرسول الله صلى الله عليه وسلم وعصر. الخلفاء الراشدين.

Maksudnya:

> Bid'ah itu terbahagi kepada yang baik (*hasanah*) dan yang buruk (*sayyi'ah*) atau terpuji (*mahmudah*) dan tercela (*mazmumah*). Dalam perkara ini, termasuklah setiap yang diada-

---

361 Dipaparkan dengan izin Ustaz Rasul Dahri (semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa memberkati beliau dan ahli keluarga beliau), dinukil daripada *Wasiat Imam Syafie* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001). Sila lihat bab: *Ucapan Imam Asy-Syafie Yang Kontroversi,* ms. 23-36. Diikuti dengan beberapa tambahan daripada penulis sebagai pelengkap perbahasan.

adakan selepas zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan zaman Khulafa' al-Rasyidin. [362]

عن حرملة بن يحي رحمه الله قال: سمعت الشافعي رحمه الله تعال يقول: البدعة بدعتان. بدعة محمودة و بدعة مذمومة. فما وافق السنة فهو محمود وما خالف السنة فهو مذموم.

Maksudnya:

Dari Harmalah bin Yahya *rahimahullah* berkata: Aku mendengar al-Syafie *rahimahullah* berkata: Bid'ah ada dua iaitu bid'ah yang terpuji dan bid'ah yang tercela. Apa yang bersesuaian dengan al-Sunnah maka itu adalah terpuji dan apa yang bertentangan dengan al-Sunnah maka itu tercela.[363]

وقال الربيع رحمه الله: قال الشافعي رحمه الله تعال: المحدثات من الامور ضربان: احدهما ما احدث يخالف كتابا او سنة او اجماعا او اثارا فهذه البدعة الضلالة. والثاني من الخير لا خلاف فيه لواحد من هذا فهي غير مذمومة.

Maksudnya:

Berkata ar-Rabi' *rahimahullah*: Telah berkata al-Syafie *rahimahullah*: Perkara-perkara yang diada-adakan itu terbahagi kepada dua: Yang pertama, apa yang dicipta bertentangan

---

362 Lihat البدعة تحديدها ومو قف الا سلام منها ms. 160. Dr. Izzat Ali 'Atiah. Darul Kitab al-Arabi, Lebnon.

363 Lihat الباعث على انكار البدع والحوادث ms. 12. Abu Syamah asy-Syafie.

dengan al-Kitab, al-Sunnah, ijmak atau *atsar*, maka inilah bid'ah yang sesat. Kedua, apa yang dicipta berupa kebaikan yang tidak bertentangan dengan salah satu dari perkara (al-Kitab, al-Sunnah, ijmak atau atsar sahabat), maka itu ciptaan yang tidak tercela. [364]

Persoalan-persoalan (syubhat) yang timbul dari *qaul* Imam al-Syafie di atas telah dijelaskan oleh ulamak *al-Salaf al-Shalih,* antaranya Abdul Qayyum bin Muhammad Nasir as-Sahaibani *rahimahullah*. Beliau telah membincangkan dengan membawa keterangan berikut:

PERTAMA:

Tidak seharusnya diterima perkataan seseorang manusia yang bertentangan dengan perkataan (sabda) Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* walau siapa pun orangnya. Perkataan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah hujah bagi setiap orang dan bukan pula perkataan seseorang itu menjadi hujah untuk menentang (meninggalkan) sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*[365] sedangkan Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda tentang persoalan bid'ah:

كُلُّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ وَكُلُّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

---

364 Lihat الحاوي jld. 1, ms. 539 oleh Imam al-Suyuthi, *Tahqiq* oleh Muhammad Muhyidin Abdul Hamid. Terbitan at-Tijariyah.

365 Lihat:

1) اللمع فى الرد على محسني البدع ms. 36 Abdul Qayyum bin Muhammad bin Hashir as-Sahaibani.
2) منا قب الشافعي jld. 1, ms. 469.
3) الباعث على انكار البدع والحواد ث ms. 94. Syihabudin Abu Muhammad Abdul Rahman bin Ismail (lebih dikenali dengan laqab) Abu Syamah.

Maksudnya:

Setiap yang bid'ah itu sesat dan setiap yang sesat itu ke dalam neraka.

Dalam hal ini Abdullah bin Abbas *radhiallahu 'anh* berkata:

لَيْسَ اَحَد اِلاَّ وَيُؤْخَذُ مِنْ رَاْيِهِ وَيُتْرَكُ مَا خَلاَ النَّبِي صَلَّى الله عُلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya:

Tidak ada pendapat seseorang (yang boleh terus diterima kerana) ia boleh diambil atau ditinggalkan kecuali pendapat (sabda) Nabi shallallahu 'alaihi wasallam.[366]

<u>KEDUA</u>:

Sesiapa yang mahu memberi perhatian (memahami) tentang *qaul* Imam al-Syafie (membahagikan bid'ah kepada yang baik dan tercela) maka tidak akan meragui bahawa yang dimaksudkan oleh Imam al-Syafie ialah bid'ah dari segi bahasa bukan *syar'i*. Ini berdalilkan (kenyataan Imam al-Syafie) sesungguhnya setiap bid'ah dalam syarak (agama) adalah bertentangan dengan al-Kitab dan al-Sunnah. Imam al-Syafie sendiri mengaitkan bid'ah yang baik dengan apa yang tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana setiap bid'ah dalam syarak bertentangan dengan firman Allah

---

366 Lihat فتاو ائة المسلمين ms. 138 Mahmud Khatab as-Subki. Al-Istiqamah.

Subhanahu wa Ta'ala dan al-Hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:[367]

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ

Maksudnya:

Hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu.[368]

قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Bersabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: Sesiapa yang mengada-adakan (mencipta) yang baru dalam urusan (agama) ini yang bukan darinya maka ia tertolak. [369]

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengerjakan satu amal yang bukan dari suruhan kami maka ia tertolak.[370]

Apa yang dimaksudkan oleh Imam al-Syafie sebagai bid'ah yang *mahmudah* (baik/terpuji), misalnya pembukuan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan

---

367 Lihat اللمع فى رد على محسني البدع ms. 37. Abdul Qayyim bin Muhammad bin Nashir as-Sahaibani.

368 Surah al-Maidah: 5.

369 Hadis riwayat Ahmad (no. 24840) dan al-Bukhari (no. 2499).

370 Hadis riwayat al-Bukhari.

sembahyang tarawih, ini amat tepat menurut definisi bahasa kerana walaupun ia tidak ada contoh sebelumnya tetapi ia ada dasarnya dari syarak.[371]

Begitu juga dengan pembinaan madrasah kerana belajar itu wajib menurut syarak, pastinya pembelajaran yang sempurna dan selesai ialah madrasah. Semua yang berkaitan dengan dunia yang tidak memudaratkan adalah bid'ah keduniaan yang *hasanah* dan tidak bertentangan dengan syarak.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa setiap bid'ah yang dikatakan terpuji sebenarnya ia bukanlah bid'ah, kerana ia tidak melibatkan urusan agama hanya disangka sebagai bid'ah lantaran kurang memahami istilah bid'ah dari segi bahasa dan syarak. Adapun bid'ah yang dianggap keji dan sesat setelah didapati secara *qath'i* (pasti) ialah yang bertentangan dengan al-Kitab dan al-Sunnah dan jelas tiada dalilnya dari syarak.[372]

<u>KETIGA</u>:

Memang sudah diketahui tentang pendirian Imam al-Syafie *rahimahullah* yang tegas, beliau sangat teliti dalam mengikuti (*ittiba*') kepada sunnah Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* dan sangat benci kepada *muqallid* (orang yang bertaklid buta) dan orang yang menolak hadis Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini terbukti semasa beliau disoal tentang sesuatu perkara maka beliau menjawab:

> Wahai orang yang bertanya! Bumi manakah yang akan aku pijak dan langit manakah yang akan aku berlindung apabila aku telah meriwayatkan sesuatu hadis Rasullullah *shallallahu 'alaihi*

---

371 Lihat: اللمع فى رد على محسني البدع ms. 38.

372 *Ibid.*

wasallam kemudian aku tidak berkata dengannya? Sewajarnya bagiku mendengar dan melihat (patuh dan taat kepada hadis).

Kalau demikianlah pengakuan, sikap, pendirian dan pegangan Imam al-Syafie *rahimahullah* terhadap hadis Rasullullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka tidak sepatutnya seseorang itu berprasangka terhadapnya sehingga melagakan pandangan beliau dengan hadis sahih[373] terutamanya hadis di bawah ini:

فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya setiap yang bid'ah itu menyesatkan.

Yang paling tepat dan benar ialah perkataan Imam al-Syafie *rahimahullah* ini semestinya diletakkan di tempat yang sesuai dengan hadis di atas bukan (dijadikan alasan) untuk menentang hadis tersebut, kerana apa yang dimaksudkan oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* ialah bid'ah dari segi bahasa[374] (لغوي) sahaja bukan dari segi syarak atau dalam persoalan agama.

Imam al-Syafie *rahimahullah* pernah menegaskan dengan perkataan beliau:

قال الشافعي رحمه الله تعالى: اذا وجد تم فى كتابي خلاف سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم فقولوا بها ودعواما قلته.

---

373 *Ibid*. ms. 39.

374 *Ibid*. ms. 39.

Maksudnya:

Berkata al-Syafie *rahimahullah*: Apabila kamu temui di dalam kitabku apa yang bertentangan dengan sunnah Rasullullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka berkatalah (ambillah/berpeganglah) kamu dengan sunnah tersebut dan hendaklah kamu tinggalkan apa yang telah aku katakan. [375]

قال الشافعي رحمه الله تعالى: كل حديث عن النبي صلى الله عليه وسلم فهو قولي و ان لم تسمعوه مني.

Maksudnya:

Berkata al-Syafie *rahimahullah*: Setiap hadis daripada nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah ucapanku (ikutanku) walaupun kamu tidak pernah mendengar dariku.

قال الشافعي رحمه الله تعالى: كل مسالة صح فيها الخبر عن رسول الله صلى الله عليه وسلم عند اهل النقل بخلاف ما قلت، فانا راجع عنها فى حياتي وبعد موتي.

Maksudnya:

Setiap masalah yang benar datangnya daripada Rasullullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menurut ahli Naql sedangkan ia bertentangan dengan apa yang telah aku katakan, maka aku akan kembali merujuk pada hadis itu selama hidupku atau setelah kematianku. [376]

---

375 Lihat المجموع jld. 1, ms. 63.

376 Lihat سير اعلام النبلاء jld. 10, ms. 34.

عن الامام ابي حنيفة ومالك والشافعي واحمد انهم قالوا: لايحل لاحد ان يفتى بكلامنا او يأخذ بقولنا ما لَم يعرف من اين اخذنا.

Maksudnya:

> Dari Imam Abu Hanifah, Malik, al-Syafie dan Ahmad mereka berkata: Tidak dihalalkan bagi seseorang untuk memberi fatwa dengan perkataan kami atau berpegang dengan perkataan kami selagi dia tidak mengetahui dari mana kami mengambil perkataan tersebut. [377]

❋ 10 sebab mengapa bid'ah *hasanah* wajib ditolak. [378]

Syeikh Abd al-Qayyum bin Muhammad dalam bukunya *al-Luma' Fi ar-Rad Ala Muhassini al-Bida',* ms. 49-55 telah menyenaraikan sepuluh sebab mengapa bid'ah *hasanah* wajib ditolak di sisi syariat agama, antaranya:

<u>PERTAMA</u>:

Bahawa dalil-dalil yang mencela bid'ah sifatnya adalah umum, tidak dikhususkan. Dalil-dalil yang banyak jumlahnya itu semuanya tidak menunjukkan pengecualian sama sekali. Tidak terdapat dari dalil-dalil tersebut yang menetapkan

---

377 Lihat:

1) الا حكام فى اصول الا حام jld. 1, ms. 145. Abu Ali bin Hazam al-Andulusi.
2) جامع بيان العم وفضله jld. 1, ms. 147. Abu 'Umar Yusuf bin Abd al-Barr al-Qurthubi.
3) الفتاوى jld. 1, ms. 147.

378 Dinukil daripada *Membela Sunnah Nabawiyah* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami, ms. 36-38.

bahawa di antara bid'ah-bid'ah itu ada yang sifatnya sebagai *al-Huda'* (petunjuk) dan tidak terdapat riwayat yang menyatakan: "Bahawa bid'ah itu adalah sesat kecuali ini dan itu." Dan tidak ada pun nas yang bermaksud seperti itu.

Maka jika di sana ada bid'ah menurut pandangan syarak sebagai bid'ah *hasanah* (bid'ah yang dianggap baik), sudah tentulah akan disebutkan oleh ayat atau hadis. Akan tetapi, ianya tidak ada. Perkara ini menunjukkan bahawasanya dalil-dalil yang banyak jumlahnya itu wajib difahami menurut zahir dari nas-nas tersebut yang sifatnya menyeluruh dan umum untuk semua bid'ah yang tidak seorang pun yang boleh terlepas dari ketetapan ini.

KEDUA:

Telah ditetapkan dalam kaedah *Ushul Fiqh* bahawa setiap kaedah yang menyeluruh atau dalil-dalil syarak yang menyeluruh, bilamana ia terulang dalam pelbagai keadaan, pada semua waktu dan keadaan yang berbeza-beza, kemudian bersamaan itu pula, ia tidak diiringi dengan sesuatu yang mengkhususkan atau mengecualikan, maka perkara ini menunjukkan ketetapan dalil-dalil yang berlaku menurut ketetapan zahir lafaznya yang mutlak dan umum. Bertolak dari sinilah, adanya hadis-hadis yang mencela dan memperingatkan dari bid'ah yang bersifat mutlak, umum dan menyeluruh itu.

KETIGA:

Ijmak (kesepakatan) *al-Salaf al-Shalih* dari kalangan sahabat, tabi'in dan para ulamak setelah mereka di atas pencelaan terhadap bid'ah, menghinakannya, menjauhkannya serta menjauhi sesiapa sahaja yang terpengaruh dengan bid'ah tersebut. Juga tidak terjadi pada mereka sikap berdiam diri terhadap perkara ini. Tidak ada pula ada pengecualian daripada

mereka tentang bahaya dan buruknya perkara bid'ah. Maka sikap ini merupakan ijmak ulamak yang telah baku yang menunjukkan bahawa bid'ah itu semuanya tercela, tidak ada kebaikan sedikit pun padanya.

KEEMPAT:

Bahawasanya bid'ah hanya bergantung pada bid'ah itu sendiri (tidak bersumber daripada syariat) kerana bid'ah merupakan tindakan menyaingi dan menolak syariat, maka segala sesuatu yang keadaannya seperti ini mustahil untuk dikatakan sebagai baik atau buruk. Ataupun tidak mungkin di sana ada sebahagian yang terpuji dan sebahagian yang lain tidak terpuji, kerana ia tidak dibenarkan baik secara dalil *aqli* mahu pun *naqli* untuk menganggap baiknya suatu perkara yang menyelisihi syariat.

KELIMA:

Pendapat yang mengatakan adanya bid'ah *hasanah* akan membuka pintu-pintu bid'ah untuk orang masuk ke dalamnya. Kemudian tidak mungkin membantah apa pun bid'ahnya, kerana setiap pelaku bid'ah akan mengaku bahawa amalannya itu adalah bid'ah *hasanah*. Maka golongan Syiah akan mengatakan bid'ahnya dengan bid'ah *hasanah*. Begitu juga Muktazilah, Jahmiyyah, Khawarij dan golongan-golongan yang lain. Sebaliknya wajib ke atas kita untuk membantah mereka dengan hadis: "Semua bid'ah adalah sesat."

KEENAM:

Apakah sandaran untuk menyatakan baiknya bid'ah? Dan ucapan dan pendapat siapakah yang dirujuk dalam persoalan ini? Bilamana dikatakan: "Rujukannya adalah mestilah sesuai dengan syariat." Kita katakan: "Semua yang bersesuaian dengan

syariat sama sekali bukanlah bid'ah." Jika dikatakan: "Rujukannya adalah akal." Kita jawab: "Akal itu berbeza-beza dan berlainan, maka akal yang manakah yang digunakan sebagai rujukan itu? Dan manakah yang diterima hukumnya? Kerana semua pelaku bid'ah akan menyangka bahawa amalan bid'ah *hasanah* adalah baik menurut akal?

KETUJUH:

Pendapat adanya bid'ah *hasanah* akan membawa kepada penyimpangan dan kerosakan agama, kerana setiap (zaman) muncul satu kaum, mereka akan menambah ke dalam agama suatu peribadatan yang kemudian diberi nama dengan bid'ah *hasanah*. Sehingga akan semakin banyaklah kebid'ahan dan bentuk-bentuk peribadatan dalam syariat agama, lalu agama akan berubah dan akhirnya rosak seperti rosaknya agama-agama yang terdahulu.

KELAPAN:

Bolehlah dikatakan kepada orang yang mengatakan adanya bid'ah *hasanah*: Bilamana boleh menambahkan perkara agama dengan alasan bid'ah *hasanah* , bererti mereka juga boleh mengurangi dan menolak ajaran agama ini kerana tidak ada perbezaan di antara menambah dan mengurangi. Kerana bid'ah itu boleh berupa melakukan amalan dan boleh juga berupa meninggalkan amalan. Maka jika demikian, akan rosaklah agama ini dengan menambah dan menguranginya, cukuplah dengan perkara ini akan terjadi kesesatan.

KESEMBILAN:

Sesetengah orang mengatakan: Jika dalam syariat ada bid'ah *hasanah,* maka sesungguhnya kita akan berbuat bid'ah dengan meninggalkan bid'ah *hasanah* tersebut dan kami menilai

bahawa tidak mengamalkannya lebih bermanfaat bagi agama dan dunia, lebih mempersatukan kalimat kita dan menjauhkan dari perpecahan dan perselisihan. Jika pendapat kami ini benar, maka tidak boleh seorang pun menyelisihi kebenaran yang ada, tetapi sekiranya tidak, maka bid'ah *hasanah* boleh diterima menurut pendapat kalian. Jadi, bid'ah dalam semua keadaan adalah batil sifatnya. Inilah yang kami maksudkan dalam kenyataan kami itu.

<u>KESEPULUH</u>:

Bagi yang telah mengetahui bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah makhluk yang paling mengetahui *al-haq* (kebenaran), paling fasih dalam menerangkan dan bertutur-kata serta orang yang paling banyak memberikan nasihat, dan dia akan mengetahui bahawa pada diri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terdapat kesempurnaan ilmu yang *haq,* kemampuan yang sempurna dalam menjelaskan dan keinginan yang sempurna untuk menyampaikan *al-haq*nya itu. Maka dengan kesempurnaan unsur-unsur ilmu, kemampuan serta kemahuan ini memestikan adanya hasil dalam bentuk yang sempurna pula. Di sinilah, dia akan mengetahui bahawa sabda-sabda baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan ucapan yang paling tepat, paling sempurna dan paling besar haknya dalam menjelaskan perkara agama ini.

Maka sesiapa yang tersemat di dalam hatinya pemahaman seperti ini, kemudian mengimaninya dengan mantap, dia akan mengetahui dengan yakin bahawa sekiranya di sana ada bid'ah *hasanah*, nescaya telah dijelaskan kepada kita dan sudah pasti ianya telah dikhabarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Tetapi ini tidak baginda lakukan,

maka kita dapat mengetahui bahawa semua bid'ah itu adalah sesat.[379]

[379] Terdapat beberapa buah buku di pasaran tempatan berkaitan persoalan bid'ah *hasanah* yang amat bermanfaat untuk dibaca. Buku yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1) *Bid'ah Hasanah: Tokok Tambah Amalan Rasulullah* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor).
2) *Bid'ah Hasanah Istilah yang Disalah Fahami* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3) *Adakah Bid'ah Hasanah?* karya Abdul Qayyum Muhammad Nashir as-Sahabani (Cahaya Tauhid Press, Malang).

Lampiran Artikel # 4

MAKSUD *AS-SAWADUL A'ZHAM* MENURUT PERSPEKTIF *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH*: SEBUAH JAWAPAN KEPADA TULISAN YUSRI MOHAMAD[380]

Oleh:

Nawawi Subandi

Salah satu persoalan yang hangat diperdebatkan dewasa ini berhubung dengan isu perkembangan fahaman Wahhabi ialah seruan pihak-pihak tertentu supaya umat Islam kembali kepada *as-Sawadul A'zham* (السواد الأعظم) dan berpegang kepada aliran 'arus perdana' yang berpaksikan kepada pegangan dan amalan semasa majoriti umat Islam khususnya di Malaysia. Salah seorang individu yang dilihat turut memainkan peranan aktif di sebalik seruan ini ialah saudara Yusri Mohamad iaitu salah seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga merupakan mantan presiden kepada pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Seruan beliau ke arah berpegang kepada *as-Sawadul A'zham* (السواد الأعظم) dan aliran "arus perdana" ini dapat dilihat menerusi salah satu rencana beliau yang berjudul *Mencari*

---

380 **Mohd Hairi Nonchi:** Dikemukakan dengan izin saudara Nawawi Subandi – semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa memberkati beliau dan ahli keluarga beliau – diikuti dengan beberapa suntingan daripada penulis (Mohd Hairi) bagi melengkapkan perbahasan. Saudara Nawawi Subandi boleh dikenali dengan lebih dekat melalui capaian berikut: http://an-nawawi.blogspot.com.

Kebenaran Beragama sebagaimana yang tersiar di dalam *Utusan Malaysia,* Sabtu, 28 November 2009, ms. 10 yang lalu. Bagi membuktikan kenyataan ini, berikut akan penulis paparkan sebahagian daripada kandungan risalah tersebut sebagai tatapan para pembaca yang budiman sekalian:[381]

> ... Selain daripada mengenali latar belakang dan kecenderungan seseorang yang ingin diikuti, satu lagi panduan yang sangat utama dalam memilih kebenaran dalam agama adalah dengan kesetiaan dengan aliran arus perdana dan mengelakkan aliran-aliran yang *Syaaz* (ganjil, asing dan kontroversi)......
>
> Mengenali dan menolak yang *Syaaz* adalah prinsip pokok dalam Islam seperti yang dinyatakan nas-nas termasuk ayat 115, Surah al-Nisa` dan hadith yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menghimpunkan Umat ini diatas suatu kesesatan, dan sesungguhnya Tangan Allah itu bersama al-Jamaah, maka ikutlah as-Sawaad al-A`zam (majoriti ulama) dan sesiapa yang mengasingkan diri maka dia mengasingkan dirinya ke Neraka" (Riwayat Abu Nu'aim, Hakim dan al-Tirmizi seperti disebut oleh al-`Ajluni dalam Kasyful al-Khafa'). Persoalan ini boleh didapati huraiannya dalam perbahasan berkaitan prinsip-prinsip Ijma`, Jumhur, Mu`tamad dan as-Sawaad al-A'zam dalam bab-bab ilmu yang berkaitan....
>
> Malangnya, kita dapati ada tokoh-tokoh tertentu yang banyak mempertikaikan (baca menyesatkan) amalan-amalan yang sudah diterima umum dalam masyarakat kita yang ada asasnya didalam Islam seperti tahlil arwah, bacaan Yaasin diwaktu

---

[381] Para pembaca juga boleh meneliti artikel ini melalui sumber internet menerusi capaian berikut: http://pena-yusri.blogspot.com/2009/11/mencari-kebenaran-dalam-beragama.html

tertentu dan berubat dengan air yang dijampi. Malah ada yang dengan sinis meminta mereka yang percaya dengan air jampi ini untuk terus menjampi sahaja air di empangan agar semua orang boleh jadi baik!.....

Akhir-akhir ini ada juga yang cenderung mempermasalahkan kedudukan mazhab Syafie sebagai mazhab utama dan rasmi di Negara kita. Sebenarnya pilihan ini adalah pilihan semulajadi berdasarkan sejarah sampainya dan tersebarnya Islam di Nusantara. Kita umumnya memahami sistem bermazhab yang menyebabkan kita tidak terlalu taasub mazhab Syafie. Cuma kita mungkin akan curiga jika ada amalan-amalan kita yang berdasarkan mazhab Syafie hendak dipertikaikan dan ditukar tanpa ada asas dan alasan yang kukuh serta dibuat diluar kerangka fatwa rasmi. Anehnya ada yang membayangkan kita terlalu taasub dengan Mazhab Syafie sehingga ke tahap menganggap Imam-imam lain seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad terkeluar daripada kalangan Ahli Sunnah wal Jama`ah. Adakah ada dikalangan kita yang ada menganggap begitu?

Apapun nama dan gelarannya, tidaklah terlalu sukar mengenali yang tokoh atau aliran yang Syaaz dalam Islam. Jika pandangan dan kecenderungan seumpama ini diberi kebebasan untuk disebarkan dalam masyarakat kita, pelbagai kesan negatif akan timbul. Selain kekeliruan fahaman agama sehingga ke tahap melanggar hak dan adab terhadap para ulama muktabar silam dan semasa, ia juga boleh menimbulkan ketegangan dan perpecahan dalam masyarakat awam...

Sekian penjelasan saudara Yusri Mohamad. Menerusi risalah ini penulis tidaklah bercadang untuk menjawab kesemua

dakwaan saudara Yusri Mohamad sebagaimana di atas. Ini memandangkan sebahagian besar daripada dakwaan-dakwaan beliau tersebut telah pun disentuh di dalam beberapa perbincangan yang lalu. Oleh yang demikian, perkara yang akan kita fokuskan di dalam perbincangan ini hanyalah berkaitan dengan persoalan-persoalan berikut, antaranya:

1) Sejauh manakah kaedah menolak sesuatu yang dianggap sebagai "*syadz*" (ganjil, asing dan kontroversi) dan mengikuti aliran "arus perdana" sebagaimana kenyataan saudara Yusri Mohamad di atas benar-benar berupaya membawa umat Islam untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu Islam yang tulen sebagaimana yang difahami dan dipraktikkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiallahu'anhum*?

2) Benarkah kesemua perkara yang dilihat sebagai "*syadz*" dan bercanggah dengan fahaman yang dibawa oleh aliran "arus perdana" tersebut adalah sesat, sekaligus ia wajar ditolak tanpa perlu dikaji semula kedudukannya di sisi al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, apakah ianya benar-benar berada di paksi kesesatan sebagaimana yang didakwa atau sebaliknya?

3) Persoalan seterusnya, apakah sebenarnya yang difahami oleh saudara Yusri Mohamad mengenai hadis-hadis yang menyeru umat Islam agar berpegang teguh kepada "*as-Sawadul A'zham*"? Apakah kefahaman beliau terhadap hadis-hadis mengenai *as-Sawadul A'zham* tersebut adalah selaras dengan kefahaman generasi *al-Salaf al-Shalih* khususnya di kalangan para sahabat *radhiallahu'anhum* dan para imam muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*?

Sebelum mengorak langkah, marilah kita tinjau terlebih dahulu beberapa buah hadis yang berkaitan dengan *as-Sawadul A'zham, al-Jama'ah* dan *Iftiraqul Ummah* (perpecahan umat).

❋ **Beberapa buah hadis berkaitan *as-Sawadul A'zham* Dan *Iftiraqul Ummah* (perpecahan umat).**

Dibawah ini akan penulis bawakan beberapa hadis berkaitan *as-Sawadul A'zham,* antaranya:

PERTAMA:

فإن بني إسرائيل افترقوا على إحدى وسبعين فرقة ، والنصارى على اثنتين وسبعين فرقة ، وإن أمتي ستفترق على ثلاث وسبعين فرقة ، كلها على الضلالة ، إلا السواد الأعظم. قالوا : يا رسول الله ، ما السواد الأعظم ؟ قال : من كان على ما أنا عليه وأصحابي ، من لم يمار في دين الله تعالى ولم يكفر أحدا من أهل التوحيد بذنب.

Maksudnya:

Bahawa Sesungguhnya bani Isra'il telah berpecah menjadi tujuh puluh satu firqah (golongan/puak), dan Nashrani pula berpecah menjadi tujuh puluh dua firqah, manakala umatku pula akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga firqah. Kesemua mereka di atas kesesatan, kecuali as-Sawadul A'zham. (Para sahabat bertanya): Wahai Rasulullah, apa itu as-Sawadul A'zham? (Rasulullah menjawab): Sesiapa sahaja yang berada di atas jalanku dan para sahabatku. Iaitu mereka yang tidak keluar dari agama Allah Ta'ala dan tidak

mengeluarkan seorang pun dari ahli tauhid dengan dosanya.[382]

<u>KEDUA</u>:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

ان بني إسرائيل افترقت على إحدى وسبعين فرقة هذ الأمة تزيد عليها واحدة كلها في النار إلا السواد الأعظم.

Maksudnya:

Bahawasanya Bani Isra'il telah berpecah menjadi tujuh puluh satu golongan, dan umat ini akan menambah di atasnya satu lagi (menjadi 72 golongan), semua ke Neraka kecuali as-Sawadul A'zham.[383]

<u>KEEMPAT</u>

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

اختلفت اليهود على إحدى وسبعين فرقة ، سبعون فرقة في النار وواحدة في الجنة ، واختلفت النصارى على اثنتين وسبعين فرقة ، واحدة وسبعون في النار وفرقة واحدة في الجنة ، فقال : تختلف هذه الأمة على ثلاث وسبعين فرقة ، اثنتان وسبعون في النار وواحدة في الجنة. قلنا : انعتهم لنا قال : السواد الأعظم.

Maksudnya:

---

[382] Dikeluarkan oleh al-Ajurri dalam *asy-Syari'ah* oleh jld. 1, ms. 122 dan Imam al-Thabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabir*, jld. 8, ms. 152 (no. 7659). Bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anh.*

[383] Diriwayatkan oleh Imam al-Marwadzi, jld. 1, ms. 22 (no. 56), bersumberkan daripada Abi Umamah *radhiallahu'anh.*

Telah berpecah orang-orang Yahudi menjadi tujuh puluh satu firqah (golongan/puak), tujuh puluh firqah di neraka dan hanya satu di syurga. Dan kaum Nasrani pula telah berpecah kepada tujuh puluh dua firqah, dan tujuh puluh satu di neraka, manakala hanya satu di syurga. Kemudian beliau (Nabi) bersabda: Akan berpecah umatku ini menjadi tujuh puluh tiga firqah, tujuh puluh dua golongan di neraka dan hanya satu di syurga. Yang satu itu adalah as-Sawadul A'zham.[384]

<u>KELIMA:</u>

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

ما كان الله ليجمع هذه الأمَّة على ضلالة أبدا، ويد الله على الجماعة هكذا، فعليكم بالسواد الأعظم، فإنه من شذَّ شَذَّ في النار.

Maksudnya:

Tidaklah Allah akan menghimpun umat ini di atas kesesatan untuk selama-lamanya. Dan tangan Allah di atas jamaah ini. Hendaklah kamu mengikuti as-Sawadul A'zham kerana sesungguhnya sesiapa yang terasing (syaadz), maka dia terasing ke dalam neraka.[385]

Perbincangan berkenaan hadis-hadis *as-Sawadul A'zham* di atas ini tidak akan lengkap tanpa kita melihat kepada hadis-hadis *al-Jama'ah* dan *iftiraqul ummah* (perpecahan umat). Maka

---

[384] Dikeluarkan oleh al-Lalika'i *rahimahullah* lihat *Syarah Ushul I'tiqad,* jld. 1, ms. 155 (no. 131).

[385] Dikeluarkan oleh Imam Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*, jld. 11, ms. 442 (no. 3940) dan Syeikh al-Albani *rahimahullah* dalam *Taraji'at al-'Allamah al-Albani fi at-Tashih wa at-Tad'if*, jld. 1, ms. 13 (no. 85), bersumberkan daripada Anas bin Malik *radhiallahu'anh*.

di sini dibawakan beberapa hadis berkaitan dengannya, antaranya:

<u>PERTAMA</u>:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً وَإِنَّ هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ ثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab telah berpecah menjadi tujuh puluh dua golongan. Dan bahawasanya umat ini juga akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan. Tujuh puluh dua di neraka, dan yang satu di dalam jannah, dan mereka itu adalah al-Jama'ah.[386]

<u>KEDUA</u>:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً قَالُوا وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

Maksudnya:

---

[386] Dikeluarkan oleh Imam Abu Daud *Sunan Abu Daud*, jld. 12, ms. 196 (no. 3981). Lihat juga *Silsilah ash-Shahihah*, jld. 1, ms, 404 (no. 204) oleh Syeikh Muammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah*. Hadis ini bersumberkan daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu'anh*.

Dan sesungguhnya bani Isra'il telah berpecah menjadi tujuh puluh dua golongan. Dan ummatku akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan. Semua mereka di neraka kecuali satu golongan. (Para sahabat bertanya): Siapakah dia (golongan yang satu) ya Rasulullah? Rasulullah menjawab: Sesiapa yang berada pada apa yang aku dan para sahabatku berada di atasnya.[387]

Dalam riwayat yang lain berkenaan golongan yang satu:

هم من كان على مثل ما أنا عليه اليوم وأصحابي.

Maksudnya:

Mereka adalah orang-orang yang keadaannya sebagaimana keadaanku dan keadaan para sahabatku pada hari ini.[388]

❈ **Tafsiran para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadap hadis-hadis *as-Sawadul A'zham, al-Jama'ah* dan *Iftiraqul Ummah.***

---

[387] Dikeluarkan oleh Imam al-Tirmidzi dalam *Sunan al-Tirmidzi*, jld. 3, ms. 235 (no. 2565). Lihat juga *Shahih Sunan al-Tirmidzi*, jld. 6, ms. 141 (no. 2641) dan *Taraji'at al-'Allamah al-Albani fi at-Tashih wa at-Tad'if*, jld. 1, ms. 35 (no. 9) oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah,* bersumberkan daripada 'Abdullah bin 'Amr *radhiallahu'anh.*

[388] Hadis ini diriwayatkan dari beberapa sahabat, antaranya seperti Abu Hurairah, Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Anas bin Malik, 'Auf bin Malik, Ibn Mas'ud, Abi Umamah, 'Ali bin Abi Thalib serta Sa'ad bin Abi Waqqas *radhiallahu'anhum*. Hadis ini adalah hadis yang sahih. Kesahihan hadis ini diperakui oleh para ahli hadis antaranya ialah Imam al-Tirmidzi, Imam al-Hakim, Imam al-Dzahabi, Imam al-Baghawi (*Syarhus Sunnah*), al-Syathibi (*al-I'tisham*), Syaikh al-Islam Ibn Taimiyah (*Majmu' al-Fatawa*), Imam Ibn Hibban (*Shahih* beliau) dan al-Hafiz Ibn Katsir (*Tafsir al-Qur'an al-'Azhim*).

Setelah kita meneliti hadis-hadis berkenaan *as-Sawadul A'zham* dan *Iftiraqul Ummah,* maka marilah kita tinjau pula pandangan atau tafsiran salah para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih* terhadap maksud hadis-hadis berkenaan.

Syeikh Salim 'Ied al-Hilali *hafizhahullah* berkata:[389]

> Lafaz-lafaz hadis (seperti): *Sesiapa sahaja yang berada pada jalan yang aku dan para sahabatku berada hari ini" (Ma ana 'alaihi wa al-Yaum wa ash-Habihi), al-Jama'ah* dan *as-Sawadul A'zham* ini maknanya adalah satu dan tidak berbeza, sama, dan tidak berselisih, sejalan dan tidak bertolak belakang, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Ajurri *rahimahullah* di dalam kitabnya *asy-Syari'ah*. Beliau berkata:
>
> Rasulullah ditanya: Siapakah *al-Najiyah* (golongan yang selamat)? Baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* menjawab dengan jawapan yang ada dalam hadis: Sesiapa sahaja yang berada pada jalan yang aku dan para sahabatku berada hari ini (*Ma ana 'alaihi wa al-Yaum wa ash-Habihi*). Juga menjawab dengan jawapan yang ada dalam hadis yang kedua (*al-Jama'ah*). Juga yang ada di dalam hadis yang ketiga iaitu *as-Sawadul A'zham* dan ada juga di dalam hadis yang keempat iaitu: Semuanya di neraka kecuali satu, iaitu *al-Jama'ah*. Al-Ajurri berkata*:* (Semua itu) maknanya satu, insya' Allah.

Imam Ibn al-Atsir *rahimahullah* berkata:[390]

---

389 Rujuk Salim 'Ied al-Hilali dalam *Limadza Ikhtartu al-Manhaj as-Salafy*?; dalam edisi dalam edisi terjemahan di atas judul *Mengapa Memilih Manhaj Salaf*, (Pustaka Imam Bukhari, Indonesia, cet. 5, 2007), ms. 61-62.

390 Rujuk Imam al-Barbahari dalam *Syarhus Sunnah*, di*tahqiq* oleh Muhammad Sa'id Salim al-Qahthani, ms. 22.

وفيه (عليكم بالسَّوادِ الأعْظَم) أي جُمْلة النَّاس ومُعْظَمهم الذين يجتمعون على طاعة السُّلطان وسُلُوك النَّهج المُسْتقيم.

Maksudnya:

Dan yang dimaksudkan dengan *'alaikum bi as-Sawadul A'zham* (kamu di atas *as-Sawadul A'zham*) adalah sekumpulan besar manusia yang berhimpun di dalam mentaati sultan (pemimpin) dan berjalan di atas jalan yang benar (lurus).

Berkata Imam al-Barbahari *rahimahullah*:

واعلم رحمك الله أن الدين إنما جاء من قبل الله تبارك وتعالى لم يوضع على عقول الرجال وآرائهم وعلمه عند الله وعند رسوله فلا تتبع شيئا بهواك فتمرق من الدين فتخرج من الإسلام فإنه لا حجة لك فقد بين رسول الله صلى الله عليه و سلم لأمته السنة وأوضحها لأصحابه وهم الجماعة وهم السواد الأعظم والسواد الأعظم الحق وأهله فمن خالف أصحاب رسول الله صلى الله عليه و سلم في شيء من أمر الدين فقد كفر.

Maksudnya:

Wahai saudaraku *rahimakallah*, bahawasanya agama itu adalah hanya apa yang datang dari Allah *Tabaraka wa Ta'ala* dan bukanlah apa yang ditetapkan oleh akal serta pemikiran manusia. Setiap ilmu agama itu sumbernya adalah dari Allah dan Rasul-Nya, maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu sehingga kamu terlepas dari agama lalu keluar dari Islam.

Tidak ada alasan bagi kamu, kerana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menjelaskan kepada seluruh umatnya dan mengajarkan kepada para sahabatnya dengan lengkap. Mereka adalah *al-Jama'ah* dan *as-Sawadul A'zham*. *As-Sawadul A'zham* adalah kebenaran dan para pembelanya, maka sesiapa yang menyelisihi para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam sebahagian perkara agama, maka dia termasuk orang yang ingkar (kafir).

Ishaq bin Rahawaih berkata sebagaimana yang dibawakan oleh Imam al-Syathibi *rahimahullah* di dalam kitabnya, *al-I'tisham*, jld. 1, ms. 482:

قال إسحاق: لو سألت الجهال عن السواد الأعظم لقالوا: جماعة الناس ولا يعلمون أن الجماعة عالم متمسك بأثر النبي صلى الله عليه و سلم وطريقه فمن كان معه وتبعه فهو الجماعة.

Maksudnya:

Ishaq (bin Rahawaih) berkata: Jika kamu bertanya kepada orang-orang yang jahil berkenaan maksud *as-Sawadul A'zham*, sudah tentu mereka akan menjawab: Majoriti/himpunan manusia, dan sebenarnya mereka tidak mengetahui bahawa *al-Jama'ah* itu adalah para ulamak yang berpegang teguh kepada *atsar* (jejak/prinsip) Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* serta golongan yang sentiasa bersama beliau, dan mereka yang mengikutinya adalah *al-Jama'ah*.

Sementara itu Imam Sufyan al-Tsauri *rahimahullah* (161H) pula menyebutkan bahawa:

المراد بالسواد الأعظم هم من كان من أهل السنة والجماعة ولو واحدا.

Maksudnya:

Yang dikehendaki dengan *as-Sawadul A'zham,* mereka itu ialah orang dari *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* walaupun ia seorang diri.

❋ **Pengertian *al-Jama'ah.***

Al-Jama'ah secara bahasa berasal dari kata: جمع yang ertinya berkisar pada pengumpulan, konsensus dan pertemuan. Kata *jama'a* merupakan lawan kata: تفرق yang bererti bercerai berai. Ibn Faris *rahimahullah* menyebutkan di dalam kitabnya, *Mu'jam al-Maqayis fii al-Lughah* dalam *kitab: al-jim, bab: ma ja'a min kalam al-'arab fi al-mudha'af wa al-muthabiq awaaluhu jim,* ms. 224 menjelaskan bahawa huruf *jim, mim* dan *'ain* merupakan satu asas yang menunjukkan pengertian terhimpunnnya sesuatu. Dikatakan: جمعت الشيء جمعا ertinya "saya benar-benar menghimpunkan sesuatu itu."

Adapun pengertian *al-Jama'ah* menurut istilah ulamak 'aqidah Islam adalah orang-orang dari kalangan *al-Salaf al-Shalih* (para pendahulu yang shalih) iaitu kalangan sahabat, *tabi'in* dan para pengikut mereka yang setia hingga datangnya hari pembalasan (Hari Kiamat) yang berkumpul di atas kebenaran yang jelas yang bersumber dari al-Qur'an dan al-Sunnah.[391] Ini sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Ibn Mas'ud *radhiallahu'anh* di mana beliau berkata:[392]

---

391 Lihat penjelasan ini dalam *Nuru as-Sunnah wa Zhulumatu al-Bid'ah* karya Dr. Syeikh Sa'id bin Ali bin Wahf al-Qahthani, dalam edisi terjemahan

ان جمهور الناس فارقوا الجماعة   وأن الجماعة ما وافق الحق وأن كنت وحدك.

Maksudnya:

Sesungguhnya kebanyakan manusia berpecah dari al-Jama'ah dan al-Jama'ah itu adalah apa yang bersesuaian dengan kebenaran meskipun anda berseorangan.

Dalam ungkapan yang lain disebut:[393]

إنما الجماعة ما وافق طاعة الله وإن كنت وحدك.

Maksudnya:

Sesungguhnya al-Jama'ah itu adalah sesiapa yang mengikuti ketaatan kepada Allah meskipun engkau berseorangan.

Manakala Imam Imam 'Abdurrahman bin 'Ismail Abu Syamah Syamah al-Syafie *rahimahullah* menerusi kitabnya, *al-Ba'its 'ala Inkari al-Bida' wa al-Hawadits*, jld. 1, ms. 22 pula menerangkan:

أن اختيارك لنفسك خير من   اختيار الله ورسوله
وحيث جاء الأمر بلزوم الجماعة فالمراد به لزوم الحق
واتباعة وان كان المتمسك بالحق قليلا والمخالف كثيرا لأن

---

oleh Abu Barzani di atas judul *Sunnah Yes, Bid'ah No!* (Maktabah Al-Hanif, Yogyakarta, 2006), ms. 10-11.

392 Rujuk Imam 'Abdurrahman bin 'Ismail Abu Syamah dalam *al-Ba'its 'ala Inkaril Bida' wal Hawadits*, jld. 1, ms. 22.

393 Rujuk al-Laalika'i dalam *Syarah Ushul I'tiqad Ahlus Sunnah wal-Jama'ah*, jld. 1, ms. 163.

الحق الذي كانت عليه الجماعة الأولى من النبي صلى الله عليه و سلم وأصحابه رضى الله عنهم ولا نظر الى كثرة أهل الباطل بعدهم.

Maksudnya:

> Sebenarnya pilihan yang terbaik untuk diri anda adalah memilih Allah dan Rasul-Nya, di mana telah datang perintah supaya berpegang teguh kepada *al-Jama'ah*. Maka yang dimaksudkan dengannya adalah berpegang teguh kepada kebenaran dan mengikutinya, walaupun orang yang berpegang teguh itu sedikit dan yang menyelisihinya itu banyak. Kerana kebenaran adalah apa yang berada pada *al-Jama'ah* (kumpulan) pertama, iaitu Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersama para sahabatnya. Dan janganlah kita mengambil kira golongan setelah mereka yang berada di atas kebatilan walaupun jumlah mereka adalah ramai (majoriti).

Dalam pada itu, Imam Ibn Hibban *rahimahullah* berkata di dalam kitab *Shahih*nya (*Shahih Ibn Hibban*):

قال أبو حاتم : الأمر بالجماعة بلفظ العموم ، والمراد منه الخاص، لأن الجماعة هي إجماع أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم ، فمن لزم ما كانوا عليه وشذ عن من بعدهم لم يكن بشاق للجماعة ، ولا مفارق لها ، ومن شذ عنهم وتبع من بعدهم كان شاقا للجماعة ، والجماعة بعد الصحابة هم أقوام اجتمع فيهم الدين والعقل والعلم ، ولزموا ترك الهوى فيما هم فيه. وإن قلت أعدادهم ، لا أوباش الناس ورعاعهم ، وإن كثروا.

Maksudnya:

Abu Hatim berkata: Perintah berjama'ah disebutkan dengan lafaz umum, tetapi apa yang dimaksudkan adalah khusus, kerana *al-Jama'ah* adalah ijmak para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dengan itu, sesiapa yang berpegang teguh kepada apa yang ditempuh oleh para sahabat (mengikuti prinsip para sahabat) walaupun mereka bersendirian (terasing) dari orang-orang setelah mereka, maka mereka tidaklah termasuk orang-orang yang menentang dan menyelisihi *al-Jama'ah*.

Tetapi sesiapa yang menyelisihi para sahabat dan mengikuti prinsip orang-orang setelah mereka (setelah para sahabat), maka dia adalah terkeluar dari *al-Jama'ah* (menyelisihi *al-Jama'ah*). Sedangkan pengertian *al-Jama'ah* setelah sepeninggalan para sahabat adalah orang-orang yang pada diri mereka berkumpul tiang-tiang agama, akal, dan ilmu, serta sentiasa meninggalkan hawa nafsu yang ada pada mereka dan jumlah mereka adalah sedikit. Dan bukanlah *al-Jama'ah* itu kumpulan manusia sebarangan dan orang-orang kecil yang tidak berilmu walaupun jumlahnya ramai.

Imam al-Syathibi *rahimahullah* telah membawakan lima pendapat berkenaan maksud *al-Jama'ah*. Antara pendapat tersebut adalah sebagaimana yang telah diringkaskan oleh Syaikh Alawi 'Abdul Qadir as-Saqqaf *rahimahullah* menerusi *Mukhtashar Kitab al-I'tisham*, ms. 133-134:

إنها السواد الأعظم من أهل الإسلام. فعلى هذا القول يدخل في الجماعة مجتهدو الأمة وعلماؤها وأهل الشريعة العاملون بها، ومن سواهم داخلون في حكمهم، لأنهم تابعون

لهم ومقتدون بهم، فكل من خرج عن جماعتهم فهم الذين شذوا وهم نهبه الشيطان ويدخل في هؤلاء جميع أهل البدع لأنهم مخالفون لمن تقدم من الأمة، لم يدخلوا في سوادهم بحال.

Maksudnya:

> (*Al-Jama'ah*) yang dimaksudkan adalah *as-Sawadul A'zham* (majoriti) dari umat Islam. Dari pandangan ini, yang termasuk ke dalam *al-Jama'ah* adalah para mujtahid dan ulamak ummat ini, para ahli fiqh, serta orang-orang yang mengikuti dan mencontohi mereka. Setiap orang yang tidak mengikuti mereka bererti dia telah memisahkan diri dari *al-Jama'ah* dan akan menjadi mangsa syaitan. Dan mereka yang tergolong ke dalam kelompok yang keluar dari *al-Jama'ah* adalah semua *Ahl al-Bid'ah*. Kerana mereka menyelisihi para pendahulu umat ini.

Setelah membawakan pandangan-pandangan tersebut, beliau (Imam al-Syathibi *rahimahullah*) mengulas lanjut di dalam kitabnya, *al-I'tisham*, jld. 1, ms. 482:

فانظر في حكايته تتبين غلط من ظن أن الجماعة هي جماعة الناس وإن لم يكن فيهم عالم وهو وهم العوام لا فهم العلماء فليثبت الموفق في هذه المزلة قدمه لئلا يضل عن سواء السبيل ولا توفيق إلا بالله.

Maksudnya:

> Maka lihatlah, dari sini kita dapat mengetahui kesalahan mereka yang mengatakan bahawa *al-Jama'ah* itu ditentukan berdasarkan majoriti manusia, walaupun tidak terdapat seorang

alim pun di dalam kumpulan mereka. Dan bahawasanya ini hanyalah prasangka orang-orang awam, bukannya kefahaman para ulamak. Dari itu, kita perlulah memperteguhkan pendirian kita supaya tidak tergelincir sebagaimana mereka dan supaya tidak tersesat memasuki jalan yang buruk. Tiada taufiq untuk itu melainkan hanya dari Allah.

Dari keterangan di atas maka jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan *al-Jama'ah* ialah merujuk kepada jama'ah Islam yang pertama iaitu umat Islam yang berada pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (iaitu para sahabat) serta sesiapa jua dari kalangan umat Islam di sepanjang zaman yang sejalan dengan manhaj mereka (para sahabat *radhiallahu'anhum*) di dalam mengikut ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Sesetengah ulamak ada yang mengatakan bahawa makna *al-Jama'ah* adalah:

المراد بالجماعة من كان على الحق واحدا وذلك لأن الحق هو ما كان عليه الجماعة فى الصدر الأول ولا نظرة لكثرة أهل الباطل وإن كانوا جميع الدنيا.

Maksudnya:

Adapun yang dikehendaki dengan *al-Jama'ah* ialah siapa sahaja yang berada di atas kebenaran, yang demikian itu ialah kerana kebenaran ialah apa-apa yang ada pada *al-Jam*a'ah di masa pertama (permulaan Islam) dan tidak boleh ada pandangan kepada ramainya para ahli kebatilan, sekalipun keadaan mereka itu memenuhi seluruh dunia ramainya.

Dengan demikian yang dimaksudkan dengan kata *al-Jama'ah* itu mempunyai erti yang khusus atau tertentu, yakni

jama'ah Islam yang pertama, pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dahulu bersama para sahabat. Kemudian orang yang perbuatan dan amal ibadatnya seiring dengan sunnah Rasulullah juga disebut termasuk golongan al-Jama'ah, walaupun keadaannya sendirian.[394] Hakikat ini sebagaimana terang Abdullah bin Mas'ud kepada Amr bin Maimun *radhiallahu'anhuma*:

إن جمهور الجماعة الذي، فارقوا الجماعة، الجماعة ما وافق الحق وإن كنت وحدك.

Maksudnya:

Sesungguhnya al-Jama'ah itu ialah mereka yang berlainan (menyalahi) dengan kebanyakan orang. Al-Jama'ah ialah mereka yang sejalan dengan al-haq (kebenaran) sekalipun keadaanmu yang menyendiri.

❋ Apakah yang dimaksudkan dengan ijmak?

Setelah kita memahami makna sebenar kalimah *as-Sawadul A'zham* dan *al-Jama'ah* dalam hadis-hadis yang lalu, maka marilah kita meninjau pula apakah pandangan para ulamak terhadap maksud sebenar bagi ijmak. Terlebih dahulu, sama-sama kita perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan tafsiran Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* yang mengikutinya di bawah ini:

---

394 Penjelasan ini asalnya dikemukakan oleh saudara Umar Hasyim dalam bukunya berjudul *Siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah?: Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Dalam Islam*, ms. 223-224.

وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلۡهُدَىٰ وَيَتَّبِعۡ غَيۡرَ سَبِيلِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصۡلِهِۦ جَهَنَّمَۖ وَسَآءَتۡ مَصِيرًا ١١٥

Maksudnya:

Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, Kami biarkan ia bergelumang terhadap kesesatan yang telah meliputinya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahannam, dan Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. [Surah al-Nisa':115]

Ketika menjelaskan ayat di atas, Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* menerusi kitab tafsirnya, *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim* (dikenali juga sebagai kitab *Tafsir Ibn Katsir*), jld. 2, ms. 412 berkata:

وقوله: (وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى) أي: ومن سلك غير طريق الشريعة التي جاء بها الرسول صلى الله عليه وسلم، فصار في شق والشرع في شق، وذلك عن عَمْد منه بعدما ظهر له الحق وتبين له واتضح له. وقوله: (وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ) هذا ملازم للصفة الأولى، ولكن قد تكون المخالفة لنص الشارع، وقد تكون لما أجمعت عليه الأمة المحمدية، فيما علم اتفاقهم عليه تحقيقًا، فإنه قد ضُمِنت لهم العصمة في اجتماعهم من الخطأ، تشريفًا لهم وتعظيما لنبيهم (صلى الله عليه وسلم). وقد وردت في ذلك أحاديث صحيحة كثيرة، قد ذكرنا منها

طرقًا صالحًا في كتاب "أحاديث الأصول"، ومن العلماء من ادعى تواتر معناها، والذي عول عليه الشافعي، رحمه الله، في الاحتجاج على كون الإجماع حجة تَحْرُم مخالفته هذه الآية الكريمة، بعد التروي والفكر الطويل. وهو من أحسن الاستنباطات وأقواها، وإن كان بعضهم قد استشكل ذلك واستبعد الدلالة منها على ذلك.

Maksudnya:

Firman Allah: ***Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kebenaran baginya...*** adalah sesiapa yang berjalan di atas selain jalan syariat yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dengan sebab itu dia telah berada di suatu kedudukan tertentu, manakala syariat pula berada pada kedudukan yang lain. Perkara tersebut berlaku dengan sengaja setelah jelas, nyata dan terangnya kebenaran.

Firman Allah: ***Dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin...*** ini saling berkait dengan sifat nas yang pertama tadi. Tetapi, bentuk penyimpangan tersebut boleh merujuk sama ada kepada penyimpangan dari pemberi syariat atau boleh juga merujuk kepada ijmak (kesepakatan) umat Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* yang telah diketahuinya secara pasti. Kerana ayat ini mengandungi jaminan untuk kesepakatan mereka yang tidak mungkin salah, sebagai pengiktirafan bagi mereka dan pengagungan bagi Nabi mereka.

Terdapat begitu banyak hadis sahih yang menjelaskan perkara tersebut. Dan ayat ini pula yang dijadikan sandaran (dasar) oleh Imam al-Syafie *rahimahullah* di dalam berhujah

iaitu bahawa ijmak merupakan *hujjah* yang diharamkan bagi seseorang untuk menyelisihinya, setelah melalui penelitian yang penuh kehati-hatian dan perkiraan yang lama. Perkara tersebut merupakan hasil kesimpulan yang terbaik dan kuat, walaupun terdapat sebahagian ulamak yang mempersoalkannya dan menganggapnya terlalu jauh.

Berdasarkan kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan penjelasan Imam al-Hafiz Ibn Katsir al-Syafie *rahimahullah* yang mengikutinya di atas maka dapat kita fahami bahawa maksud sebenar bagi ijmak sebagaimana yang difahami di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih* adalah seperti berikut:

- **Pertama:** Ijmak yang sah di sisi agama adalah ijmak yang lahir daripada sikap ketelitian yang tinggi terhadap sesuatu perkara kerana hanya dengan sikap seperti ini akan terhasilnya sebuah kesimpulan yang terbaik dan kuat pada perkara-perkara yang diijmakkan.

- **Kedua:** Sesuatu ijmak itu tidak mungkin akan berhasil dengan cara yang bertentangan dengan dalil-dalil *syar'i*. Para ulamak telah bersepakat bahawa umat Islam tidak akan bersepakat melainkan hanyalah apabila mereka berada di atas dalil-dalil *syar'i*. Oleh itu, sekiranya terdapat dalam kalangan umat Islam yang berkata mengenai sesuatu persoalan agama dan membuat kesimpulan bagi sesuatu hukum tanpa berpijak kepada dalil-dalil *syar'i* yang bertunjangkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, maka hal tersebut adalah merupakan kesalahan dan ijmak tidak akan sekali-kali lahir dalam keadaan yang seperti ini.

- **Ketiga:** Sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Hafiz Ibn Katsir al-Syafie *rahimahullah* di atas bahawa mereka yang menyelisihi syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah dinggap sebagai telah terkeluar dari *al-Jama'ah* Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh yang demikian, mereka tidak layak dianggap sebagai termasuk dalam lingkungan ijmak yang dimaksudkan.
- **Keempat:** Syarat sah bagi diterima sesuatu ijmak di sisi agama bukanlah tertakluk kepada ketentuan suara majoriti semata-mata akan tetapi ia tertakluk kepada dasar yang membentuk ijmak itu sendiri. Jumlah yang ramai (majoriti) itu bukanlah ukuran yang tepat bagi menentukan sesuatu itu berpijak di atas kebenaran atau sebaliknya. Akan tetapi penentuan sama ada benar atau tidaknya sesuatu perkara yang diijmakkan itu adalah terletak di atas asas-asas yang menunjangi pembentukan ijmak itu sendiri, iaitu al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih sesuai dengan penafsiran generasi *al-Salaf al-Shalih*.
- **Kelima:** Ijmak yang dianggap benar di sisi agama adalah ijmak yang berasal daripada para ulamak Salaf (generasi awal) iaitu daripada kalangan para sahabat, *tabi'in* dan *tabi'ut tabi'in*. Ada pun generasi selepas mereka (iaitu generasi selepas tiga kurun pertama tahun Hijriah atau lebih tepat dikenali sebagai al-Kalaf) adalah terdedah kepada pelbagai macam perselisihan yang dengan itu menyukarkan mereka untuk mencapai sesuatu ijmak yang kukuh lagi kuat. Oleh sebab itu, Imam al-Barbahari *rahimahullah* menerusi kitabnya *Syarhus Sunnah*

(di*tahqiq* oleh Muhammad Sa'id Salim al-Qahthani), ms. 22 pernah mengingatkan:

> *As-Sawadul A'zham* adalah kebenaran dan para pembelanya, maka sesiapa yang menyelisihi para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam sebahagian perkara agama, maka dia termasuk orang yang ingkar.

Demikian juga sebagaimana yang pernah dituturkan oleh Ishaq bin Rahawaih *rahimahullah* sebagaimana nukil Imam al-Syathibi menerusi kitabnya, *al-I'tisham*, jld. 1, ms. 482:

> Jika kamu bertanya kepada orang-orang yang jahil berkenaan maksud *as-Sawadul A'zham*, sudah tentu mereka akan menjawab majoriti (kebanyakan) manusia dan sebenarnya mereka tidak mengetahui bahawa *al-Jama'ah* itu adalah para ulamak yang berpegang teguh kepada *atsar* (prinsip) Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* serta golongan yang sentiasa bersama beliau (iaitu para sahabat) dan mereka yang mengikutinya adalah (termasuk dalam cakupan makna) *al-Jama'ah* (yang dimaksudkan).

❋ Golongan yang *syadz* atau golongan "Arus Perdana"?

Dalam usaha beliau menyeru masyarakat awam supaya berpegang teguh kepada aliran "Arus Perdana", Yusri Mohamad juga turut mempertikaikan kedudukan mereka yang dilihat sebagai ganjil (*syadz*) dan berbeza dengan kefahaman dan amalan golongan majoriti (kebanyakan) umat Islam di negara ini.

Dalam perkataan lain, Yusri Mohamad beranggapan bahawa golongan yang enggan melaksanakan doa qunut subuh secara tetap, men*talqin* mayat di kuburan, mengkhususkan amalan membaca yasin pada setiap malam Jumaat, melaksanakan kenduri arwah, berzikir berjamaah dan lain-lain kebiasaan yang diterima umum di negara ini adalah termasuk dalam kelompok *syadz* yang wajar dihindari oleh umat Islam.

Perkara ini sebenarnya perlu diteliti dan diperhalusi dengan baik. Ini kerana agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan seterusnya menjadi agama yang kita anuti ini bukanlah sebuah agama yang bertunjangkan kepada manhaj demokrasi. Sebaliknya ia adalah agama yang ditegakkan di atas wahyu yang bersumberkan daripada petunjuk al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Justeru, sesuatu kebenaran atau kebatilan di sisi agama ini bukanlah ditentukan oleh suara majoriti dan nilaian akal manusia semata-mata akan tetapi adalah terletak di atas neraca gabungan kedua-dua sumber wahyu Ilahi tersebut. Untuk itu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah mengingatkan kepada kita melalui banyak firman-Nya, antara lain sebagaimana ayat-ayat berikut:

قُل لَّا يَسْتَوِي ٱلْخَبِيثُ وَٱلطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ ٱلْخَبِيثِ ۚ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya:

Katakanlah: Tidak sama yang buruk dengan yang baik, <u>meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu</u>, maka bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal, agar kamu mendapat keberuntungan. [Surah al-Ma'idah: 100]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

Dan jika kamu menuruti <u>kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini</u> nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah). [Surah al-An'am: 116]

Melalui ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan orang yang berakal agar tidak mengukur baik buruknya sesuatu berdasarkan kecenderungan orang kebanyakan. Keburukan tidaklah berubah menjadi kebaikan dengan alasan ramai penggemar. Sesuatu yang haram juga tidak lantas boleh dianggap halal lantaran sudah ramai individu yang melakukan. Sebaliknya, baik dan benar tidaklah berubah statusnya menjadi buruk disebabkan sedikitnya orang yang menjalankan.

Alangkah pentingnya ayat di atas dikumandangkan di zaman ini. Ketika arus kebanyakan menjadi ukuran kebenaran. Bahkan, menjadikan suara kebanyakan sebagai parameter

kebenaran itu telah menjadi ideologi dunia. Ideologi dipersembahkan oleh fahaman demokrasi yang meletakkan rakyat sebagai pemegang kedaulatan dalam segala aspek. Rakyat (terbanyak) berhak menentukan halal dan haramnya suatu perkara semahu mereka. Ia adalah suatu fahaman yang mengukur kebenaran semata-mata dari banyaknya suara. Semboyannya adalah *vox populi vox dei,* suara terbanyak adalah representatif dari suara Allah *Subhanahu wa Ta'ala*?

Bahkan jika yang dimaksudkan dengan kalimat "kebanyakan" adalah majoriti manusia, maka tidak kita dapatkan dalam al-Qur'an melainkan menunjukkan kualiti yang buruk. Seperti firman Allah "*Dan kebanyakan mereka tidak berakal"* atau firman-Nya "*Akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."*

Kalimah "kebanyakan" dalam al-Qur'an juga dikenal pasti dengan mudah terpengaruh, tidak berhati-hati, tidak berfikir secara jernih, mudah lalai dan lengah, ikut arus dan mudah digiring pendapatnya. Orang "kebanyakan" adalah golongan yang tidak peka, tidak pandai mengambil pengajaran dan tidak pandai bersyukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشۡكُرُونَ ٢٤٣

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia terhadap manusia, tetapi <u>kebanyakan manusia</u> tidak bersyukur. [Surah al-Baqarah: 243]

Di samping itu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan bahawa mengikut cara dan rentak orang kebanyakan berpotensi untuk terjerumus ke jurang kesesatan dan kesalahan.

وَإِن تُطِعۡ أَكۡثَرَ مَن فِي ٱلۡأَرۡضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنۡ هُمۡ إِلَّا يَخۡرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah). [Surah al-An'am: 116] [395]

❋ **Yang benar, biasanya sedikit.**

Jika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menghitung watak keburukan dengan kuantiti yang banyak, sebaliknya terhadap kaum yang dipuji, beriman, taat dan bersyukur, biasanya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyifatkannya dengan *"qalil"* (sedikit).

وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٞ ﴿٤٠﴾

---

395 Lihat artikel *Kebenaran Bukan Diukur Daripada Kebanyakan* karya Abu Umar Abdillah; dalam *Majalah I,* bil. 87, Januari 2010, (Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd, Selangor), ms. 73.

Maksudnya:

Dan tidak beriman kepada Nuh itu kecuali sedikit sahaja. [Surah Hud: 40]

مَّا يَعۡلَمُهُمۡ إِلَّا قَلِيلٞۗ

Maksudnya:

Tidak ada yang mengetahui (bilangan) mereka kecuali <u>sedikit</u>. [Surah al-Kahfi: 22]

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ وَقَلِيلٞ مَّا هُمۡۗ

Maksudnya:

kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal shalih dan amat <u>sedikit</u> mereka ini. [Surah Shad: 24]

Kuantiti yang sedikit dari orang-orang yang lurus dan benar dapat kita lihat dari banyaknya ayat yang menyebutkan golongan tersebut dalam bentuk perkecualian. Seperti .. *kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih serta saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran..,* juga ... *kecuali orang yang solat, yang rutin dalam solatnya,* atau firman Allah .. *kecuali orang-orang yang bertakwa* dan sebagainya. Jadi, kita maklum bahawa sesuatu yang dikecualikan lebih sedikit dari jumlah keseluruhannya. [396]

❋ **Kesimpulan.**

---

[396] Lihat artikel *Kebenaran Bukan Diukur Daripada Kebanyakan* karya Abu Umar Abdillah; dalam *Majalah I,* bil. 87, Januari 2010, ms. 73.

Sekali lagi ditegaskan bahawa penentuan sama ada benar atau salah sesuatu perkara itu bukanlah ditimbang-tara di atas neraca demokrasi, iaitu menganggap suara majoriti sebagai benar manakala yang minoriti atau ganjil dianggap sebagai sesat dan batil.

Ini kerana, jika manhaj penilaian ala-demokrasi ini diterapkan dalam agama maka ini secara tidak langsung akan mengisyaratkan kesesatan agama yang dibawa oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bukankah agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pada suatu ketika dahulu juga merupakan sebuah agama yang asing dan ganjil serta diikuti oleh golongan umat Islam minoriti yang amat dibenci dan dimusuhi oleh golongan majoriti masyarakat Arab jahiliyyah?

Hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wallam* dan kata-kata para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang mengikutinya berikut di bawah ini menjadi rujukan:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ

Maksudnya:

Islam itu bermula asing lagi aneh (ganjil) dan akan kembali asing sebagaimana asal datangnya. Maka beruntunglah mereka yang dianggap aneh (asing). [397]

Adapun makna *al-Ghuraba'* (golongan yang asing) dalam hadis ini adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*:

النُّزَّاعُ مِنَ الْقَبَائِلِ.

---

[397] Hadis riwayat Muslim, jld. 1, ms. 350 (no. 208).

Maksudnya:

Orang-orang yang tersingkir jauh dari kabilah-kabilah (kelompok) mereka. [398]

Juga sabdanya:

اَلَّذِيْنَ يُصَلِحُوْنَ عِنْدَ فَسَادِ النَّاس.

Maksudnya:

Orang-orang yang shalih yang berada di tengah banyaknya orang-orang yang buruk, orang yang menderhakai mereka lebih banyak daripada yang mentaati mereka. [399]

Sementara itu dalam hadisnya yang lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Amr bin 'Auf *radhiallahu'anh* baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut:

... اَلَّذِيْنَ يُصَلِحُوْنَ مَا أَفْسَدَ النَّاسُ مِنْ بَعْدِي مِنْ سُنَّتِي.

Maksudnya:

Iaitu orang-orang yang memperbaiki sunnahku sepeninggalku (selepas kewafatan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasalam) sesudah dirosakkan oleh manusia.[400]

---

[398] Hadis riwayat Ahmad dalam *Musnad Ahmad* jld. 1, ms. 398, bersumberkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud *radhiallahu'anh.*

[399] Rujuk al-Lalika'i dalam *Syarh Ushul al-I'tiqad Ahlis Sunnah* (no. 173) bersumberkan daripada 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash *radhiallahu'anh*. Hadis ini *shahih li ghairihi* kerana ada beberapa *syawahid*nya. Lihat penjelasan Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* dalam *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah* (no. 1273).

[400] Hadis riwayat al-Tirmidzi (no. 2630). Beliau menjelaskan hadis ini adalah hadis *hasan shahih.*

Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* (751H) berkata ketika menerangkan golongan *al-Ghuraba'* (orang-orang yang asing) di dalam kitabnya, *Madarijus Salikin,* jld. 3, ms. 199-200:[401]

> Ia adalah orang yang asing dalam agamanya kerana rosaknya agama manusia. Dia asing dalam berpegangnya terhadap al-Sunnah kerana (kebanyakan) manusia berpegang kepada bid'ah. Asing pada keyakinannya kerana telah rosak keyakinan manusia. Asing pada (tatacara mengerjakan) solatnya kerana buruknya solat manusia. Asing pada jalannya (iaitu manhajnya) kerana sesat dan rosaknya jalan manusia. Asing pada nisbahnya kerana rosaknya nisbah manusia. Asing dalam pergaulannya bersama manusia kerana dia bergaul dengan apa yang tidak diinginkan oleh hawa nafsu manusia.
>
> Kesimpulannya, dia asing dalam urusan dunia dan akhiratnya serta tidak menemukan seorang penolong dan pembela. Dia adalah orang yang berilmu di tengah orang-orang jahil, pemegang al-Sunnah di tengah bid'ah, penyeru kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya di tengah orang-orang yang menyeru kepada hawa nafsu dan bid'ah, penyeru kepada makruf dan mencegah dari kemungkaran di tengah kaum dimana yang mungkar menjadi makruf.

Sufyan al-Tsauri *rahimahullah* (161H) pernah berkata:[402]

---

[401] Dinukil daripada artikel *Siapakah Ahlus Sunnah?* karya Ustaz Abu Usamah Abdurrahman bin Rawiyah an-Nawawi; dalam majalah *Asy-Syariah Edisi 2* (Penerbit Qase Media, Yogyakarta), ms.74.

[402] Dinukil daripada *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah* karya Ustaz Yazid Abdul Qadir Jawas, ms. 42.

> Aku wasiatkan (kepada kamu) untuk tetap berpegang kepada *Ahl al-Sunnah* dengan baik kerana mereka adalah *al-Ghuraba'*. Alangkah sedikitnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Imam al-Lalika'i *rahimahullah* meriwayatkan di dalam kitabnya bahawa Yusuf bin Asbath *rahimahullah* berkata: Saya mendengar Sufyan al-Tsauri *rahimahullah* berkata:[403]

> Jika kamu mendengar berita bahawa di belahan bumi timur adalah seorang *Ahl al-Sunnah* dan di barat ada seorang *Ahl al-Sunnah* (maka) kirimkanlah salam buat keduanya dan doakan kebaikan untuk mereka. Sungguh, alangkah sedikitnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* itu.

Hasan al-Basri *rahimahullah* berkata:[404]

> Sesungguhnya *Ahl al-Sunnah* mereka adalah manusia yang sedikit jumlahnya pada zaman-zaman yang telah lalu dan mereka juga sedikit jumlahnya pada masa yang akan datang. Mereka ialah orang-orang yang tidak pergi bersama-sama dengan golongan yang mewah dalam kemewahan mereka. Dan tidak pula pergi bersama-sama dengan *Ahl al-Bid'ah* dalam melakukan bid'ah-bid'ah mereka. Mereka tetap bersabar di atas sunnah mereka sehinggalah mereka menemui Tuhan mereka. maka begitulah keadaan *Ahl al-Sunnah*, Insya Allah. Maka hendaklah kamu seperti mereka.

---

[403] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 103.

[404] Lihat *Ilmu Ushul al-Bida'* karya Syeikh Ali bin Hasan al-Halabi, ms. 272; dalam *Membela Sunnah Nabawiyyah* karya Ustaz Abdul Wahab bin Bustami, ms. 129.

Abu Nu'aim *rahimahullah* meriwayatkan di dalam kitabnya, *al-Hilyah,* jld. 3, ms. 12 bahawa Yunus bin Ubaid *rahimahullah* berkata:[405]

> Seorang yang disampaikan kepadanya al-Sunnah kemudian menerimanya akhirnya menjadi orang yang asing, namun lebih asing lagi adalah yang menyampaikannya.

Sebagai penutup, marilah sama-sama kita merenungi sejenak beberapa pesanan daripada para ulamak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di bawah ini. Moga-moga dengan pesanan ini sedikit sebanyak dapat menimbulkan kesedaran kepada kita semua – khususnya kepada saudara Yusri Mohamad dan mereka yang sefaham dengan beliau – agar dapat kembali kepada manhaj yang benar di dalam membezakan antara sesuatu yang *haq* dengan yang batil. Ini sekaligus menjauhkan kita semua daripada mengambil manhaj ala demokrasi kaum *jahiliyyah* yang amat berseberangan dengan prinsip ajaran Islam yang dibawa oleh baginda *sahallallahu 'alaihi wasallam*:

Abu 'Ali al-Fudhail bin 'Iyad *rahimahullah* pernah berkata: [406]

> Ikutilah jalan-jalan kebenaran itu, jangan hiraukan walaupun sedikit orang yang mengikutinya! Jauhkanlah dirimu dari jalan-jalan kesesatan dan janganlah terpesona dengan banyaknya orang yang menempuh jalan kebinasaan.

Syeikh Shalih bin Fauzan al-Fauzan dalam kitabnya

---

405 Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 103.

406 Rujuk Imam al-Syathibi dalam *al-I'tishom*, jld. 1, ms. 112.

Syarah Masa-il Jahiliyah berkata:[407]

> Nilai ukur kebenaran itu bukan kerana jumlah pengikut yang besar, tetapi nilai ukurnya adalah kebenaran atau kebatilan yang menyertainya. Setiap yang benar walaupun pengikutnya sedikit, maka harus digenggam kuat. Itulah jalan keselamatan. Semua kebatilan tidak boleh berubah menjadi benar hanya kerana jumlah pengikutnya yang banyak. Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: *Sesungguhnya Islam itu muncul sebagai agama yang asing (sedikit pengikutya) dan suatu ketika akan kembali asing sebagaimana pertama kali muncul.*

[407] Dinukil daripada *25 Persoalan Semasa: Huraian & Penyelesaian* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus, ms. 9-10.

Lampiran Artikel # 5

MENGENAL WATAK DAN CIRI-CIRI *AHL AL-BID'AH*

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Jika kita mengkaji karya-karya para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* bermula sejak zaman *al-Salaf al-Shalih* sehinggalah ke saat ini yang membicarakan secara khusus mengenai persoalan bid'ah maka kita akan dapati mereka amat memberikan perhatian yang serius terhadap bid'ah dan hal-hal yang berhubung kait dengannya.[408] Keperihatinan dan kesedaran mereka terhadap hal ini memberi petunjuk akan implikasi bahaya yang dibawa oleh bid'ah tersebut ke atas agama mahupun umat Islam seluruhnya. [409]

---

[408] Antara kitab-kitab ulamak *Ahl al-Sunnah* yang membicarakan secara khusus persoalan bid'ah adalah seperti *al-I'tisham* oleh al-Syathibi *rahimahullah*, *Iqtidha' ash-Shirath al-Mustaqim* oleh Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah*, *Inkar al-Hawadits wa al-Bida'* oleh Ibn Wadhdhah *rahimahullah*, *al-Ba'its 'ala Inkari al-Bida' wa al-Hawadits* oleh Syeikh Abu Syamah al-Syafie *rahimahullah*, *al-Ibda' fi Madharri al-Ibtida'* oleh Syeikh Ali Mahfuzh *rahimahullah*, *Risalah at-Tahdzir min al-Bida'* oleh Syeikh 'Abdul Aziz bin Bazz *rahimahullah, as-Sunan wa al-Mubatada'at al-Muta'alliqah bi al-Adzkar wa ash-Shalawat* oleh Muhammad bin Ahmad al-Syuqairi al-Hawamidi *rahimahullah* dan lain-lain.

[409] Lebih lanjut mengenai bahaya-bahaya bid'ah, sila rujuk *Nuru as-Sunnah wa Zhulumatu al-Bid'ah* karya Dr. Syeikh Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahthani, kini telah pun diterjemahkan oleh saudara Abu Barzani di atas judul *Sunnah Yes, Bid'ah No!* (Maktabah Al-Hanif, Yogyakarta, 2006). Lihat ms. 192 dan seterusnya.

Maka di atas dasar keperihatinan mereka inilah kita dapati para tokoh yang mulia ini telah pun meninggalkan begitu banyak wasiat dan peringatan sebagai usaha bagi memelihara umat Islam daripada terperangkap oleh jeratan bid'ah dan tipu daya para penyerunya.

Melalui perbincangan ini penulis akan mendedahkan kepada sidang pembaca yang budiman sekalian beberapa keterangan daripada para ulamak muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bermanhaj *al-Salaf al-Shalih* mengenai ciri-ciri yang lazim terdapat pada golongan *Ahl al-Bid'ah.* Pengenalan kepada ciri-ciri *Ahl al-Bid'ah* ini adalah suatu yang teramat penting sebagai langkah pemeliharaan diri kita semua agar tidak terjatuh ke dalam jurang bid'ah yang pastinya akan mengundang kemurkaan di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, *na'udzubillahi min dzalik*.

❈ **Larangan al-Qur'an kepada umat Islam daripada melakukan bid'ah dan bermu'amalah dengan para penyerunya.**

Sebagai mukadimah, marilah kita perhatikan terlebih dahulu firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan keterangan daripada salah seorang tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bermazhab Syafie yang mengikutinya sebagaimana di bawah ini. Firman-Nya:

وَإِذَا رَأَيْتَ ٱلَّذِينَ يَخُوضُونَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا۟ فِى حَدِيثٍ غَيْرِهِۦ ۚ وَإِمَّا يُنسِيَنَّكَ ٱلشَّيْطَٰنُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ ٱلذِّكْرَىٰ مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٦٨﴾

Maksudnya:

Apabila engkau melihat orang-orang yang sengaja mengeluarkan perkataan kotor terhadap ayat-ayat Kami, jauhkan dirimu daripada mereka sehingga mereka berbicara perkara yang lain. Jika engkau dilupakan oleh syaitan (lalu engkau duduk bersama mereka), janganlah engkau ulangi duduk bersama-sama kaum yang zalim itu lagi setelah engkau mendapat peringatan (mengenai larangan itu). [Surah al-An'am: 68]

Ayat ini menerangkan kepada setiap manusia agar menjauhi golongan yang suka berbohong terhadap agama Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Ini kerana, mereka sanggup mengubah dan menukar ayat-ayat Allah dan meletakkannya sesuatu yang bukan pada tempatnya. Maksud kalimah *al-Zhalimin* الظا لمين ialah golongan terdiri daripada kaum musyrikin, mereka yang merubah atau menukar ayat Allah dan mereka yang melakukan bid'ah dalam agama. [410] Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* (751H) telah menegaskan perkara ini di dalam kitabnya, *Kitab al-Tafsir,* ms. 630, beliau berkata:[411]

> Siapa yang bergaul atau berkawan dengan golongan *Ahl al-Bid'ah* sebenarnya dia telah menghancurkan keseluruhan syariat agama. Bergaul dengan mereka seolah-olah memakan racun dan sebagainya. Sedangkan Allah sendiri telah memberi

---

410 Lihat *Fahami Al-Qur'an Menurut Kaedah Para Ulama* karya Mohd Sabri Mohammed (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007), ms. 209. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Fahami Al-Qur'an Menurut Kaedah Para Ulama* sahaja.

411 Dinukil daripada *Fahami Al-Qur'an Menurut Kaedah Para Ulama* karya Mohd Sabri Mohammed, ms. 210-213.

perumpaan kepada manusia tentang perkara ini bahawa mereka ini adalah golongan bid'ah dan golongan yang sesat.

Mereka menyekat seseorang dari melakukan suruhan Allah dan Rasul-Nya dan mengajak manusia menyanggahi perintah Allah. selain itu, mereka juga menghalang manusia dari mengikuti jalan Allah lalu memesongkan mereka. Bahkan, golongan ini sanggup mengubah suai amalan bid'ah sehingga dianggap sunnah dan sebaliknya berusaha menjadikan sunnah sebagai bid'ah.

Apa yang mereka harapkan, perkara *makruf* dikatakan *mungkar* dan perkara *mungkar* dianggap *makruf.* Antara ungkapan dan perbuatan yang biasa mereka gunakan dalam usaha menentang sunnah dan mengelirukan masyarakat agar menjauhinya serta mengamalkan bid'ah:

1. Apabila berbicara perkara berkaitan tauhid, mereka mengatakan masih ada kekurangan pada wali-wali yang shalih seperti generasi *al-Salaf al-Shalih*. Sebab itulah boleh menokok tambah dalam agama.
2. Apabila diminta agar mengikuti sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, mereka mengatakan patutkah kita meninggalkan pendapat imam-imam muktabar yang menjadi pegangan mazhab kita?
3. Apabila Allah mensifatkan diri-Nya dengan sifat yang selayaknya bagi dzat-Nya sedangkan Rasulullah dan imam mazhabnya sendiri mensifatkan seperti mana yang disifatkan oleh Allah tanpa mentakwil atau melampau, mereka mengatakan golongan yang menetapkan sifat-sifat Allah secara mutlak ialah

golongan *Musyabbihin* (menyamakan Allah dengan makhluk).

4. Apabila mereka diminta mengikuti perintah Allah dan Rasul-Nya supaya melakukan perkara *makruf* dan meninggalkan perbuatan *mungkar* yang menyanggahi perintah Allah dan Rasul-Nya, mereka menuduh golongan ini sebagai golongan pembawa fitnah yang boleh memecah-belahkan masyarakat.
5. Apabila kita mengikuti sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan meninggalkan apa yang bertentangan dengan sunnah (bid'ah), mereka menuduh golongan ini termasuk pengikut bid'ah yang menyesatkan.
6. Apabila kita cuba mendekatkan diri dengan Allah lalu menjauhi golongan mereka serta menghindari diri daripada menikmati kehidupan yang tidak bermakna itu (penuh dengan syirik, bid'ah dan khurafat), mereka menuduh golongan ini hanya berpura-pura.

Apabila kamu meninggalkan sunnah dan kamu sentiasa mengamalkannya dan menurut kehendak hawa nafsu mereka (mengamalkan bid'ah), kamu sebenarnya termasuk orang yang paling (dibenci) di sisi Allah. Manakala ketika bersama mereka, engkaulah orang yang paling munafik.

Walau apapun yang bakal berlaku, berpeganglah dengan apa yang diredhai oleh Allah dan Rasul-Nya sekalipun mereka marah, tidak mencampuri usaha mereka dalam mempermainkan agama dan tidak mempedulikan ancaman yang bakal mereka lakukan kerana pegangan kamu berada di atas kebenaran.

Demikian penjelasan ringkas daripada salah seorang tokoh muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* (751H) mengenai ciri-ciri umum golongan *Ahl al-Bid'ah* dan reaksi mereka terhadap para pendukung al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ternyata apa diungkapkan oleh beliau tersebut benar-benar telah terjadi dimana mutakhir ini kita sering sahaja dikejutkan dengan pelbagai isu yang membabitkan *Ahl al-Sunnah*. Antaranya ialah fitnah *Ahl al-Bid'ah* yang mengaitkan *Ahl al-Sunnah* dengan isu keganasan, pemecah-belah masyarakat, penyebar akidah sesat, penentang ajaran imam mazhab dan lain-lain seumpama sebagaimana terang Imam Ibn al-Qayyim al-Syafie *rahimahullah* di atas.

❋ **Ciri-ciri khusus *Ahl al-Bid'ah.***

Sebelum ini telah diterangkan beberapa ciri-ciri umum *Ahl al-Bid'ah* dan hujah-hujah penolakan mereka ke atas dakwah *al-Salafiyyah* yang dibawa oleh para pendukung al-Sunnah Rasululah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Pada kesempatan ini kita akan meneliti pula secara lebih terperinci mengenai ciri-ciri khusus yang dimiliki oleh golongan tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada enam ciri-ciri utama *Ahl al-Bid'ah* sebagaimana menurut keterangan para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Enam ciri-ciri yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

PERTAMA:

Ahl al-Bid'ah* gemar memberikan pelbagai gelaran buruk ke atas *Ahl al-Sunnah.

Antara ciri utama golongan *Ahl al-Bid'ah* ialah sikap mereka yang dilihat begitu gemar memberikan pelbagai gelaran yang bersifat negatif ke atas para pendukung al-Sunnah

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Termasuk dalam hal ini ialah tindakan mereka memberikan gelaran "Wahhabi" kepada sesiapa juga yang berpegang teguh kepada al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Imam Abu Hatim al-Razi *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya, *Ahl al-Sunnah wa I'tiqad al-Din* sebagaimana nukil Imam al-Lalika'i *rahimahullah* dalam kitab beliau, *Syarh Ushul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (no. 321) dan Imam al-Barbahari *rahimahullah* dalam *Syarhus Sunnah* (*tahqiq* Khalid bin Qasim al-Radady), ms. 116:[412]

> Tanda *Ahl al-Bid'ah* adalah mencela *Ahl al-Atsar* (*Ahl al-Sunnah*). Tanda orang-orang *Zindiq* adalah mereka menamakan *Ahl al-Atsar* dengan sebutan *al-Hasyawiyyah,* mereka ingin mematikan *atsar.* Tanda orang-orang *al-Jahmiyyah* mereka menamakan *Ahl al-Sunnah* dengan sebutan *al-Musyabbihah* (menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk). Tanda orang-orang *al-Qadariyyah* ialah mereka menamakan *Ahl al-Sunnah* dengan sebutan *al-Mujabbirah.*
>
> Tanda orang-orang *Murjiah* ialah mereka menamakan *Ahl al-Sunnah* dengan sebutan *al-Mukhalifah* dan *al-Nuqshaniyyah.* Tanda orang-orang (*Syi'ah*) *al-Rafidhah* ialah mereka menamakan *Ahl al-Sunnah* dengan sebutan *al-Nashibah.* Padahal *Ahl al-Sunnah* tidak mempunyai nama kecuali satu nama sahaja dan mustahil nama-nama tersebut berpadu dalam diri mereka.

---

[412] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih (Ahlis Sunnah wal Jama'ah)* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; dalam edisi terjemahan oleh Farid bin Muhammad Baththy di atas judul *Intisari 'Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2007), ms. 209. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* sahaja.

Sementara itu Imam al-Barbahari *rahimahullah* (329H) menulis di dalam kitabnya, *al-Ibanah*:[413]

> Jika kamu mendengar seseorang mencerca *atsar* (hadis-hadis), menolaknya dan menginginkan selain itu maka curigailah keislamannya dan jangan kamu ragu bahawa dia adalah pengikut hawa nafsu dan *mubtadi'* (pelaku dan pembuat bid'ah).

Sikap *Ahl al-Bid'ah* yang amat gemar menabur pelbagai gelaran buruk ke atas *Ahl al-Sunnah* ini bukanlah suatu yang baru dalam lembaran sejarah dakwah *al-Salafiyyah*. Malah hal yang sama juga pernah berlaku ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika manhaj ini didakwahi oleh baginda ke atas masyarakat arab jahiliah pada suatu ketika dahulu.

Antara gelaran-gelaran buruk yang diberikan oleh masyarakat arab jahiliah ini ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam usaha mereka menolak dakwah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah ialah bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah seorang ahli sihir, gila, bodoh dan pendusta. Malah lebih berat dari itu, baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah diugut untuk dibuang negeri, dibakar, disembelih, dipenjara dan lain-lain seumpama. Hakikat ini telah pun dirakamkan di dalam al-Qur'an. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَعَجِبُوٓاْ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْۖ وَقَالَ ٱلْكَـٰفِرُونَ هَـٰذَا سَـٰحِرٌ كَذَّابٌ

Maksudnya:

---

413 Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 28.

Dan mereka (yang mengingkari kerasulan Nabi Muhammad itu) merasa hairan bahawa mereka didatangi oleh seorang Rasul pemberi amaran dari kalangan mereka sendiri. Dan mereka yang kafir itu berkata: Orang ini adalah seorang ahli sihir lagi pendusta. [Surah Shad: 4]

Firman-Nya lagi:

وَإِذَا رَأَوْكَ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِى بَعَثَ ٱللَّهُ رَسُولاً

Maksudnya:

Dan apabila mereka melihatmu (wahai Muhammad), mereka hanyalah menjadikanmu ejek-ejekan (sambil mereka berkata): Inikah orangnya yang diutuskan oleh Allah sebagai Rasul-Nya? [Surah al-Furqan: 41]

Firman-Nya lagi:

وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُوٓاْ ءَالِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Serta mereka berkata: Patutkah kami mesti meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah kerana dengan ajakan seorang penyair gila? [Surah ash-Shaffah: 36]

Firman-Nya lagi:

وَقَالُوٓاْ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ

Maksudnya:

Dan mereka (golongan kafir) berkata: Kalau kami menyertaimu menurut petunjuk yang engkau bawa itu nescaya kami dengan serta merta ditangkap dan diusir dari negeri kami. [Surah al-Qashash: 57]

Syeikh Abu 'Ustman al-Shabuni *rahimahullah* (449H) menulis di dalam kitabnya, *'Aqidah Ash-haabil Hadith,* ms. 105:[414]

> Aku melihat *Ahl al-Bid'ah* dalam memberikan *laqab* (gelaran) nama-nama ini (iaitu gelaran-gelaran yang negatif) terhadap *Ahl al-Sunnah* mengikuti jejak kaum musyrikin dalam bersikap terhadap Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Mereka terbahagi-bahagi dalam menamai Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* ada di antara mereka yang menggelarnya sebagai tukang sihir, dukun, penyair, orang gila, orang yang terfitnah dan ada pula menamainya sebagai pendusta. Sedangkan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri jauh dan berlepas diri daripada aib-aib tersebut. Baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* tiada lain hanyalah seorang Rasul dan Nabi yang terpilih.
>
> Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:
>
>
>
> Maksudnya:

[414] Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih; dalam edisi terjemahan oleh Muhammad Wasitho di atas judul *Syarah Ushulus Sunnah: Keyakinan Al-Imam Ahmad Rahimahullah Dalam 'Aqidah* (Pustaka Darul Ilmi, Bogor, 2009, ms. 49-50, dengan olahan bahasa dan beberapa tambahan daripada penulis. Rujukan ini selanjutnya akan diringkaskan kepada *Syarhu Ushulus Sunnah* sahaja.

Lihatlah bagaimana mereka membuat perumpamaan-perumpamaan terhadapmu kerana itu mereka menjadi sesat dan tidak dapat lagi menemukan jalan (yang benar). [Surah al-Isra': 48]

Demikian pula *Ahl al-Bid'ah* – semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menghinakan mereka – mereka terbahagi-bahagi dalam memberikan gelaran (yang buruk) terhadap para pembawa berita-berita dan *atsar-atsar* Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para perawi hadis Nabi yang sentiasa mengikutinya dan berpetunjuk dengan sunnahnya. Maka di antara mereka (*Ahl al-Bid'ah*) ada yang menamai *Ahl al-Sunnah* dengan nama *al-Hasyawiyyah* (orang hina) dan ada pula menamainya dengan *al-Musyabbihah* (golongan yang menyerupakan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sifat-sifat makhluk-Nya).

Sementara *Ahl al-Hadith* sentiasa terjaga (terpelihara), berlepas diri dan suci dari aib-aib tersebut. Mereka tiada lain adalah *Ahl al-Sunnah* yang (berada di atas manhaj) terang-benderang, orang-orang yang riwayat hidupnya diredhai (oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*), jalannya lurus dan hujah-hujahnya kuat.[415]

---

[415] Ini sebagaimana ucapan Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H) sebagaimana disebutkan oleh Imam al-Dzahabi *rahimahullah* (748H) di dalam kitabnya, *Siyar A'lam al-Nubala,* jld. 10, ms. 24 (maksudnya):

> Sesiapa yang menulis (dalam riwayat yang lain disebutkan dengan kata: mempelajari) hadis maka pasti hujahnya menjadi kuat. [Lihat *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa, ms. 47]

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberikan taufiq-Nya kepada mereka untuk sentiasa mengikuti Kitab-Nya, wahyu-Nya dan perintah-Nya dan agar sentiasa ber*qudwah* (mengikuti) kepada Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam hadis-hadisnya. Dan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga telah menolong mereka dalam berpegang teguh dengan sirah Nabi-Nya dan komitmen dengan sunnahnya. Dia telah melapangkan dada-dada mereka untuk mencintai para imam (yang memelihara) syari'atnya dan para ulamak umatnya. Barangsiapa mencintai sesuatu kaum maka ia (dibangkitkan) bersama mereka pada hari Kiamat...[416]

---

[416] Mungkin ada dalam kalangan para pembaca yang budiman sekalian ketika ini sedang tertanya-tanya, mengapakah para penggemar dan pendukung bid'ah ini amat gemar melabelkan gelaran 'Wahhabi' kepada para pendukung dakwah *al-Salafiyyah*? Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkara ini, antaranya ialah disebabkan oleh kesedaran mereka terhadap kebenaran dakwah *Ahl al-Sunnah* dan ancamannya terhadap kepentingan dan kesesatan mereka yang selama ini diraih dan disembunyikan disebalik nama 'agama'.

Para pendukung bid'ah ini amat yakin dan percaya bahawa jika gelaran-gelaran buruk seumpama ini tidak disandarkan ke atas para pendukung al-Sunnah maka lambat laun masyarakat awam akan mendekati fahaman yang dibawa oleh para pendukung al-Sunnah. Jika ini yang berlaku, maka segala fahaman dan amalan bid'ah yang mereka sandarkan secara dusta ke atas nama Imam al-Syafie dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* selama ini akan ditinggalkan oleh masyarakat. Ini secara tidak langsung akan mengakibatkan segala kepentingan dan kemasyhuran yang mereka raih disebalik gelaran "orang agama" dan "pembela mazhab Syafie" selama ini juga akan lenyap. Maka di atas kesedaran inilah mereka merasakan adalah perlu dimomokkan isu Wahhabi ini sebagai salah satu strategi bagi mempertahankan segala kepentingan yang mereka raih hasil daripada penipuan mereka kepada orang awam.

<u>KEDUA</u>:

***Ahl al-Bid'ah* amat keras permusuhan dan kebenciannya terhadap *Ahl al-Sunnah*.**

Hal ini sebagaimana yang diterangkan oleh Syeikh Abu 'Utsman al-Shabuni *rahimahullah* (449H). Katanya:[417]

> Tanda-tanda bid'ah yang ada pada ahlinya adalah nampak jelas. Di antara tanda-tanda yang paling jelas terdapat pada diri mereka terhadap orang-orang yang meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (*Ahl al-Hadis*). *Ahl al-Bid'ah* menghina dan merendah-rendahkan mereka.

Berkata Imam Ahmad bin Sinan al-Qaththan *rahimahullah*:[418]

> Tidak ada seorang pun *mubtadi'* (yang berbuat bid'ah) di dunia ini melainkan dia (pasti) membenci *Ahl al-Hadis* (*Ahl al-Sunnah*). Jika seseorang berbuat bid'ah pasti kemanisan hadis akan tercabut dari hatinya.

Abu Nashr al-Faqih *rahimahullah* berkata:[419]

> Tiada suatu yang lebih berat dan lebih dibenci oleh orang-orang yang *mulhid* (berpaling daripada agama Allah

---

[417] Dinukil daripada الرسالة في إعتقاد أهل السنة وأصحاب الحديث و الائمة أو عقيدة السلف أصحاب الحديث. karya Syeikh Abu 'Utsman Ismail bin 'Abdur Rahman al-Shabuni; dalam edisi terjemahan oleh Ustaz Abdul Wahab bin Bustami di atas judul *'Aqidatus Salaf* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2003), ms. 138.

[418] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari, ms. 209.

[419] Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 49.

Subhanahu wa Ta'ala selain) daripada mendengarkan hadis dan meriwayatkannya dengan sanadnya.

Dari Qutaibah bin Sa'id *rahimahullah* berkata:

> Apabila kamu melihat seseorang mencintai *Ahl al-Hadis* maka ketahuilah bahawa dia di atas al-Sunnah dan siapa yang menyelisihi perkara ini (iaitu membenci *Ahl al-Hadis*) maka ketahuilah bahawa dia adalah *mubtadi'* (pembuat dan pengamal bid'ah).

<u>KETIGA</u>:

***Ahl al-Bid'ah* mengampu para pemerintah untuk tujuan memerangi dakwah *Ahl al-Sunnah*.**

Sekadar melontarkan cercaan dan gelaran-gelaran yang berbentuk negatif ke atas *Ahl al-Sunnah* sahaja adalah tidak memadai bagi menjauhkan umat Islam daripada mendekati dakwah *al-Salafiyyah* yang cuba diterap dan disuburkan oleh para pendukung al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Hakikat ini juga disedari oleh *Ahl al-Bid'ah,* mengingatkan tidak semua masyarakat umum umat Islam pada ketika ini begitu mudah terperdaya dengan hujah-hujah mereka yang sebenarnya hanyalah bermodalkan kepada dalil 'maki hamun' dan fitnah membuta semata-mata.

Senario ini telah memberi kesedaran yang amat mendalam kepada para penggemar dan pendukung bid'ah akan betapa perlunya mereka mengambil pendekatan yang bersifat radikal sebagai strategi untuk menghindarkan umat Islam daripada dipengaruhi oleh dakwah *al-Salafiyyah* ini. Antara usaha yang dilakukan oleh golongan ini bagi mencapai hasrat tersebut adalah dengan cara mempengaruhi para pemimpin

Islam untuk turut serta bersama mereka dalam usaha memerangi dakwah *al-Salafiyyah*.

Inilah juga yang turut berlaku di Malaysia di mana sesetengah pihak yang tidak menyenangi dakwah ini cuba mempengaruhi para pemimpin tempatan dan menjadikan kedudukan mereka di sisi pemimpin berkenaan sebagai sarana untuk memerangi dakwah *al-Salafiyyah* dan para pendukungnya. Berkata Imam al-Syathibi *rahimahullah* di dalam kitabnya, *al-I'tisham,* jld. 1, ms. 220: [420]

> *Ahl al-Bid'ah* apabila dakwahnya tidak berhasil disambut oleh manusia, mereka berusaha bangkit dengan para pemimpin agar lebih memungkinkan (dakwah mereka) untuk diterima. Maka dari itu, banyak orang yang masuk ke dalam dakwah ini kerana kebanyakan mereka jiwanya lemah.

Oleh yang demikian, bukanlah suatu keasingan bagi kita apabila para tokoh muktabar *Ahl al-Sunnah* terdahulu seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab serta *Ahl al-Haq* lainnya sering mendapat ancaman daripada para pemerintah yang zalim sebagai akibat daripada fitnah yang dilakukan oleh *Ahl al-Bid'ah* ke atas mereka. Imam al-Syathibi *rahimahullah* (790H) menjelaskan di dalam kitabnya, *al-I'tisham,* jld. 1, ms. 167: [421]

> Tidakkah kamu lihat *ahwal* (keadaan-keadaan) *Ahl al-Bid'ah* di zaman *tabi'in* dan setelahnya? Mereka bercampur

---

420 Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 51 dengan olahan bahasa dan beberapa tambahan daripada penulis.

421 Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 51 dengan olahan bahasa dan beberapa tambahan daripada penulis.

dengan para penguasa dan berlindung kepada orang-orang berharta. Sedangkan di antara mereka yang tidak mampu melakukan hal itu maka bersembunyi dengan bid'ahnya dan melarikan diri daripada bercampur dengan orang-orang sekitarnya serta melaksanakan perbuatan-perbuatannya dengan cara *taqiyyah* (melindungi diri dengan kedustaan).

KEEMPAT:

***Ahl al-Bid'ah* gemar berlebih-lebihan dalam beribadah.**

Ahl al-Bid'ah amat terkenal dengan sikap mereka yang amat bersungguh-sungguh dalam mengerjakan pelbagai ibadah. Akan tetapi amat disayangkan kerana kesungguhan mereka di dalam mengerjakan ibadah-ibadah tersebut adalah tidak didasarkan kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Sebaliknya ia dilandaskan kepada sangkaan dan menurut hawa nafsu semata-mata, hasil daripada bisikan dan tipu daya Syaitan ke atas mereka. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi ayat-ayat-Nya berikut:

يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya:

Kebanyakannya mereka, tidak menuruti melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (walhal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktikad).

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan. [Surah Yunus: 36]

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

وَإِن تُطِعۡ أَكۡثَرَ مَن فِي ٱلۡأَرۡضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنۡ هُمۡ إِلَّا يَخۡرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

Dan jika engkau menuruti kebanyakan orang yang berada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah, tiada yang mereka turuti melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. [Surah al-An'am: 116]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهۡوَى ٱلۡأَنفُسُۖ وَلَقَدۡ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلۡهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan, dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka dan Sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dari Tuhan mereka. [Surah al-Najm: 23]

Justeru, tidaklah menghairankan apabila Imam al-Syafie *rahimahullah* (204H) sendiri pernah mengatakan bahawa *Istihsan* (menyangka baik melakukan tambahan dalam urusan

ibadah atau agama) ialah suatu yang menyeronokkan para pelakunya sebagaimana penjelasan beliau:[422]

إِنَّمَا الإِسْتِحْسَانُ تَلَذُّدٌ.

Sesungguhnya *istihsan* itu ialah suatu yang menyeronokkan (si pelaku bid'ah).

Salah satu contoh mudah yang dapat kita kaitan dalam perbincangan ini ialah mengenai tindakan beberapa lelaki yang ingin menambah nilai ibadah mereka melebihi al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam kalangan mereka, ada yang ingin berpuasa sepanjang tahun, sementara yang lainnya pula berhasrat ingin membujang seumur hidup dan mengerjakan ibadat sepanjang malam. Walau bagaimanapun tindakan mereka ini mendapat tegahan lansung daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan sabdanya:

أما والله إني لأخشاكم لله وأتقاكم له لكني أصوم وأفطر وأصلي وأرقد وأتزوج النساء فمن رغب عن سنتي فليس مني.

Ketahuilah! Demi Allah! Sesungguhnya aku adalah orang yang paling takut dan paling bertaqwa kepada Allah di antara kamu, tetapi (kadangkala) aku (juga) berpuasa dan (kadangkala) tidak, aku bersolat (malam) tetapi aku juga tidur dan aku juga berkahwin dengan wanita-wanita. Justeru, sesiapa yang berpaling daripada sunnahku, maka dia bukan dari (kalangan umat) aku! [423]

---

422 Lihat *al-Risalah* karya Imam Muhammad bin Idris al-Syafie, ms. 507; dalam *Bid'ah & Percanggahannya* karya Ustaz Rasul Dahri, ms, 75.

423 Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim* (no. 1401).

Sehubungan dengan ini, Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih menulis di dalam kitabnya, *Syarhu Ushulu Sunnah*:[424]

> Sebahagian orang tertipu dengan *Ahl al-Bid'ah* disebabkan kezuhudan dan kekhusyukan serta tangisan atau selainnya dari banyaknya ibadah yang mereka lihat pada mereka (*Ahl al-Bid'ah*). Akan tetapi hal ini bukanlah suatu barometer yang benar dalam mengetahui kebenaran. Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda kepada para sahabatnya, menyebutkan sebahagian sifah *Ahl al-Bid'ah*:
>
> يُحْقِرُ أَحَدُكُمْ صَلاَتَهُ فِي صَلاَتِهِ، وَصِيَامَهُ فِي صِيَامِهِ.
>
> Maksudnya:
>
> ***Salah seorang di antara kamu merasa hina solatnya (jika) dibandingkan solat mereka (Ahl al-Bid'ah/Khawarij) dan puasanya (jika) dibandingkan puasa mereka.***[425]
>
> Telah diriwayatkan dari al-Auza'i, ia berkata: Telah sampai kepadaku bahawa barangsiapa yang berbuat bid'ah yang sesat maka Syaitan akan menjadikannya cinta beribadah dan meletakkan pada dirinya rasa khusyuk dan menangis agar ia dapat memburunya.

---

424 Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 53 dengan olahan bahasa dan beberapa tambahan daripada penulis.

425 Potongan dari hadis yang panjang bersumberkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu'anh*. Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya (no. 1064).

<u>KELIMA</u>:

***Ahl al-Bid’ah* cenderung mengikuti ayat-ayat *mutasyabihat* daripada al-Qur’an dan menjadikan syubhat-syubhat di dalamnya sebagai senjata memerangi *Ahl al-Sunnah*.**

Ciri-ciri *Ahl al-Bid’ah* yang seterusnya ialah sikap mereka yang cenderung mengambil ayat-ayat *mutasyabihat* (ayat-ayat yang sukar difahami maknanya) daripada al-Qur’an sebagai dasar dalam beragama. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۡهُ ءَايَٰتٌ مُّحۡكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ
وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمۡ زَيۡغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنۡهُ ٱبۡتِغَآءَ
ٱلۡفِتۡنَةِ وَٱبۡتِغَآءَ تَأۡوِيلِهِۦۗ وَمَا يَعۡلَمُ تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ
ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci al-Qur’an. Sebahagian besar daripada al-Qur’an itu ialah ayat-ayat ‘muhkamat’ (iaitu ayat-ayat yang jelas maknanya); ayat-ayat muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Qur’an. Dan yang lain ialah ayat-ayat ‘mutasyabihat’. Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing).

Adapun orang-orang yang dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar (mutasyabihat) dari al-Qur'an untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya.[426]***Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.*** [Surah 'Ali Imran: 7]

Sehubungan dengan ayat ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

---

[426] Sebagai contoh ialah perbuatan *Ahl al-Bid'ah* dalam membahaskan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Sebagaimana yang telah diterangkan terdahulu, manhaj *Ahl al-Sunnah* dalam berinteraksi dengan nas-nas al-Sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah dengan cara memahami maknanya, manakala hakikat bagi *kaifiyyat* (ciri-ciri, bentuk dan cara-cara) nas-nas al-Sifat tersebut diserahkan sepenuhnya (*al-Tafwidh*) kepada pengetahuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan disertai keyakinan bahawa tiada satu jua daripada makhluk Allah yang dapat diserupakan dengan sifat-sifat-Nya.

Ahl al-Sunnah berpendapat bahawa makna bagi hakikat *kaifiyyat* sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah suatu yang amat sukar difahami (*mutasyabihat*). Di atas dasar inilah maka *Ahl al-Sunnah* menahan diri daripada membahaskan secara panjang lebar mengenai makna hakikat bagi *kaifiyyat* sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Hal ini jauh berbeza dengan sikap *Ahl al-Bid'ah* yang gemar membahaskan hakikat sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga akhirnya membawa mereka kepada perbuatan menolak (men*ta'thil*) sebahagian nas-nas al-Sifat dan mentakwilkan sebahagian lainnya mengikut teori akal dan hawa nafsu mereka sehingga terkeluar daripada apa yang difahami oleh generasi *al-Salaf al-Shalih*.

فَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِيْنَ يَتَّبِعُوْنَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ فَأُلَئِكَ الَّذِيْنَ سَمَّى اللهُ فَاحْذَرُوْهُمْ.

Maksudnya:

Apabila engkau melihat orang-orang yang mengikuti ayat-ayat mutasyabihat (maka) mereka itulah yang dimaksudkan oleh Allah, maka berwaspadalah terhadap mereka.[427]

Kewujudan golongan bid’ah yang cenderung mengikuti ayat-ayat *mustasyabihat* dan mengambil syubhat-syubhat dari al-Qur’an ini juga pernah diisyaratkan sendiri oleh Amirul Mukminin ‘Umar bin al-Khaththab *radhiallahu’anh.* Justeru beliau mengingatkan umat Islam agar hendaklah mereka berpegang teguh dengan al-Sunnah dan menjadikannya sebagai senjata dalam mematahkan syubhat golongan tersebut. Beliau berkata:

يَأْتِيْ أُنَاسٌ يُجَادِلُوْنَكُمْ بِشُبُهَاتِ الْقُرْ آنِ، خُذُوْهُمْ بِالسُّنَنِ، فَإِنَّ أَصْحَابَ السُّنَنِ أَعْلَمُ بِكِتَابِ اللهِ.

Maksudnya:

Akan datang sekelompok manusia yang akan membantah kamu dengan syubhat al-Qur’an, maka bantahlah mereka dengan al-Sunnah kerana orang-orang yang (berpegang teguh) pada al-Sunnah lebih mengerti tentang Kitabullah (al-Qur’an).[428]

---

427 Hadis riwayat al-Bukhari (no. 4547), Muslim (no. 2665) dan Abu Daud (no. 4598), bersumberkan daripada ‘Aisyah *radhiallahu’anha.*

428 Disebutkan oleh Imam al-Lalika’i dalam kitabnya, *Syarh ‘Ushul al-I’tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* dan Ibn Baththah dalam kitabnya *al-*

Ayyub al-Sikhtiyani *rahimahullah* turut memperakui ucapan Amirul Mukmin di atas dengan katanya sebagaimana yang tersebut di dalam kitab *al-Ibanah,* jld. 2, ms. 501:[429]

> Saya tidak mengetahui ada seorang dari *Ahl al-Ahwa'* (*Ahl al-Bid'ah*) yang berdebat kecuali dengan perkara (ayat) *mustasyabihat*.

Tambah beliau lagi:[430]

> Sesungguhnya *Ahl al-Ahwa'* adalah para penganut kesesatan. Aku tidak melihat tempat kembali mereka, kecuali Neraka.

Termasuk dalam perbuatan mengambil syubhat dalam al-Qur'an sebagai hujah menentang al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang lazim dilakukan oleh kebanyakan *Ahl al-Bid'ah* ialah menjadikan ayat-ayat yang bersifat <u>umum</u> di dalam al-Qur'an bagi tujuan mewujudkan ibadah-ibadah yang bersifat <u>khusus</u>. Salah satu contoh adalah seperti ayat berikut:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُواْ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُواْ

ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Ibanah; dalam *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; ms. 211.

[429] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 28.

[430] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; ms. 215.

Apabila solat telah dilaksanakan maka bertebaranlah kamu di bumi, carilah kurnia Allah dan berzikirlah kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya agar kamu beruntung. [Surah al-Jumu'ah: 10]

Ramai dalam kalangan *Ahl al-Bid'ah* berhujah kepada ayat di atas bahawa kononnya diperbolehkan menambahkan bilangan dan lafaz zikir melebihi apa yang telah dicontohkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Hujah ini adalah berdasarkan kepada perintah Allah agar ***... berzikirlah kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya...*** sebagaimana yang terkandung di dalam ayat 10 dari surah al-Jumu'ah di atas. Atas alasan ini maka lahirlah pada setiap kelompok bid'ah ini pelbagai jenis zikir yang dengan setiapnya memiliki lafaz, bilangan dan waktu pengamalan yang tersendiri.

Walhal telah masyhur hadis dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyebut bahawa segala bentuk peribadatan, termasuklah amalan berzikir, yang tidak pernah dicontoh dan diperintahkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah termasuk dalam keumuman sabdanya:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengada-adakan (mencipta perkara baru) di dalam urusan kami (agama) apa-apa yang tidak ada padanya (contoh daripada kami) maka tertolaklah ia. [431]

Kemudian sabdanya lagi dalam riwayat yang lain :

---

[431] Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Shahih Bukhari* (no. 2696).

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengerjakan sesuatu amalan (dalam urusan ibadat) yang bukan mengikut (spesifikasi) cara kami (maka) ia adalah tertolak (tidak diterima). [432]

KEENAM:

***Ahl al-Bid'ah* sering mendahulukan sesuatu yang lain mengatasi petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.**

Termasuk dalam ciri-ciri khusus *Ahl al-Bid'ah* ialah sikap mereka yang dilihat sering mengunggulkan sesuatu yang lain di atas al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih sama ada berupa akal fikiran, ucapan-ucapan manusia biasa (seperti pendapat imam mazhab, tok guru dan lain-lain seumpama), sangkaan dan sebagainya. Atas dasar ini, Amirul Mukminin 'Umar bin al-Khattab *radhiallahu'anhu* mengingatkan agar:

عن عمر بن الخطاب ، قال : إياكم ومجالسة أصحاب الرأي ، فإنهم أعداء السنة ، أعيتهم السنة أن يحفظوها ، ونسوا الأحاديث أن يعوها ، وسئلوا عما لا يعلمون ، فاستحيوا أن يقولوا لا نعلم ، فأفتوا برأيهم فضلوا وأضلوا كثيرا ، وضلوا عن سواء السبيل ، إن نبيكم لم يقبضه الله حتى أغناه الله بالوحي عن الرأي ، ولو كان الرأي أولى من السنة لكان باطن الخفين أولى بالمسح من ظاهرهما.

---

432 Hadis riwayat Muslim dalam *Shahih Muslim* (no. 1718).

Maksudnya:

Janganlah kamu duduk dengan orang-orang yang berpegang kepada rasional (lojik akal) mereka, kerana sesungguhnya mereka itu musuh-musuh sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, mereka tidak mampu menghafal (memelihara) sunnah, mereka lupa (dalam sebuah riwayat disebut: mereka diserang) hadis-hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sehingga mereka pun tidak mampu untuk memahaminya. Mereka ditanya tentang hal yang tidak mereka ketahui lalu merasa malu untuk menyatakan: Kami tidak tahu, sehingga mereka pun berfatwa dengan akal mereka, maka mereka tersesat dari jalan yang lurus.

Sesungguhnya, Nabimu (Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam) tidaklah diwafatkan kecuali setelah Allah mencukupi dengan wahyu dan menjauhi lojik akal dan seandainya akal itu lebih utama daripada Sunnah, nescaya mengusap bahagian bawah kedua sepatu (khuf) lebih utama daripada mengusap bahagian atasnya. [433]

---

[433] Dikeluarkan oleh Ibn Abi Zumanain dalam *Ushulu Sunnah* (no. 8), al-Lalika'i dalam *Syarh Ushul al-I'tiqaad* (no. 201), al-Khathib al-Baghdadi dalam *al-Faqiih wa al-Mutaffaqqih* (no. 476-480), Ibn 'Abdil Barr dalam *Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadhlih* (no. 2001, 2003, 2005), Ibn Hazm dalam *al-Ihkaam* jld. 4, ms. 42-43, al-Baihaqi dalam *al-Madhkal*, ms. 312, Qiwamus Sunnah dalam *al-Hujjah*, jld. 1, ms. 205, pada sebahagian sanadnya ada yang lemah dan ada pula yang terputus. Namun demikian, sebahagian sanad menguatkan sebahagian yang lain. Oleh kerana itu, Ibn al-Qayyim *rahimahullah* berkata: Sanad-sanad ucapan 'Umar ini sangat sahih. Lihat *I'lam al-Muwaqqi'iin*, jld. 1, ms. 44. Lihat penjelasan ini dalam *Sittu Durar min Ushuuli Ahlil Atsar* karya 'Abdul Malik bin Ahmad Ramadhani, ms. 116-118.

Dalam pada itu *Ahl al-Bid'ah* ini juga terkenal sebagai kelompok yang amat keras di dalam bertaklid kepada ajaran mazhab mereka sehinggakan sesiapa sahaja yang menyelisihi ajaran mazhab tersebut dianggap sebagai sesat dan telah terkeluar daripada ajaran Islam. Dasar mereka di dalam beragama bukanlah ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah akan tetapi ialah ajaran mazhab tersebut.

Oleh itu setiap ayat atau hadis yang bersesuaian dengan ajaran mazhab mereka, ianya diterima seratus peratus lalu ditonjolkan sebagai bukti bahawa kononnya mazhab mereka adalah satu-satunya mazhab yang benar. Sebaliknya jika ada ayat atau hadis yang tidak berpadanan dengan ajaran mazhab mereka, ayat atau hadis tersebut akan ditakwil sehinggalah kelihatan sesuai kepada ajaran mazhab mereka.

Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah al-Syafie *rahimahullah* (751H) menyebut di dalam kitabnya, *I'lam al-Muwaqqi'in,* jld. 2, ms. 195:[434]

> Yang lebih pelik dari semua itu ialah sikap kamu wahai golongan taklid! Kamu ini jika mendapati ayat al-Qur'an yang bersesuai dengan mazhab kamu maka kamu akan terima apa yang jelas daripada ayat itu dan berpegang kepadanya. Teras kamu dalam perkara berkenaan ialah pendapat mazhab kamu, bukan ayat tersebut.
>
> Jika kamu dapati ayat lain yang setanding dengannya menyanggahi pendapat mazhab kamu (maka) kamu tidak akan menerimanya. Kamu akan cuba membuat pelbagai takwilan dan

---

[434] Dinukil daripada *Fanatik Mazhab: Kesan Kepada Pemikiran Umat* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, ms. 18-19.

mengeluarkannya daripada maksudnya yang jelas kerana tidak bersesuaian dengan mazhab kamu.

Inilah juga yang kamu lakukan kepada nas-nas sunnah. Jika kamu dapat satu hadis yang sahih bersesuaian dengan mazhab kamu (maka) kamu menerimanya. Kamu kata: Kami ada sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* begini dan begitu. Jika kamu dapati seratus atau lebih hadis sahih yang berbeza dengan mazhab kamu (maka) kamu tidak pandang kepadanya walaupun satu hadis.

❋ Kesimpulan.

Demikian beberapa ciri-ciri umum dan khusus *Ahl al-Bid'ah* yang sempat penulis paparkan di dalam perbincangan ini. Sebenarnya masih terdapat beberapa ciri dan kriteria lain *Ahl al-Bid'ah* yang tidak sempat disebutkan di sini, akan tetapi penulis merasakan memadai sekadar menyenaraikan keenam-enam ciri tersebut sebagaimana yang lazim kita temui pada masa kini.[435]

---

[435] **Catatan penting:** Walau bagaimanapun harus dibezakan antara [1] pelaku amalan bid'ah dengan [2] mereka yang dihukumi sebagai *Ahl al-Bid'ah*. Di sisi *Ahl al-Sunnah,* mereka amat yakin dan percaya bahawa tidak kesemua umat Islam yang terlibat di dalam melakukan amalan-amalan bid'ah itu adalah terdiri daripada mereka yang sengaja menyelisihi ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini kerana wujud kemungkinan di mana ketika melakukan amalan-amalan bid'ah tersebut mereka sebenarnya berada dalam kejahilan sehingga dengan itu sukar untuk mereka bezakan antara ibadah yang benar-benar bersabitan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih dengan ibadah yang sebenarnya adalah bid'ah di sisi agama.

Terhadap golongan ini, kesalahan mereka dalam melakukan amalan-amalan bid'ah tersebut adalah dimaafkan. Walau bagaimanapun adalah menjadi kewajipan bagi golongan ini untuk berusaha semampu yang mungkin mempelajari ilmu pengetahuan berhubung dengan ajaran Islam ini daripada

Sebagai penutup, marilah kita meneliti sejenak beberapa buah nasihat dan peringatan daripada para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di bawah ini.

'Abdullah bin 'Abbas *radhiallahu'anh* pernah berkata:[436]

> Janganlah kamu merasa aman dari *Ahl al-Bid'ah* atas agamamu, jangan kamu ajak dia *musyawarah* dalam urusanmu dan duduk dengannya! Barangsiapa yang duduk dengan *Ahl al-Bid'ah* maka Allah akan mewariskan kepadanya kebutaan (pada hatinya).

Amirul Mukminin dalam hadis Sufyan al-Tsauri *rahimahullah* pula berkata:[437]

> Barangsiapa yang mendengarkan (perkataan) *Ahl al-Bid'ah* sedang dia mengetahui bahawa dia *Ahl al-Bid'ah* maka *ishmah*nya (keterpeliharaannya dari kesalahan) pasti akan dicabut dan disandarkan kepada dirinya sendiri.

---

sumbernya yang sahih. Usaha ini adalah penting bagi memastikan mereka dapat mempraktikkan amal-amal ibadah yang sejalan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih serta sentiasa berada di atas manhaj yang benar dalam beragama.

Ada pun yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Bid'ah* adalah merujuk kepada golongan yang sememangnya sentiasa berusaha menyelisihi ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu dengan cara menokok tambah sesuatu dalam ajaran agama apa yang tidak pernah diperintahkan oleh al-Qur'an al-Karim dan dicontohkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi al-Sunnahnya yang sahih, sedang mereka pula menyedari bahawa perbuatan tersebut adalah termasuk dalam perkara yang ditegah di sisi agama. *Wallahua'lam.*

[436] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; ms. 212.

[437] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; ms. 213.

Sementara itu, Ibn Wadhah menerusi kitabnya yang berjudul *al-Bida' wa al-Nahyu'anha* menulis bahawa Imam al-Auza'i *rahimahullah* pernah berkata:[438]

> Janganlah kamu memberi kesempatan *Ahl al-Bid'ah* untuk berdebat kerana ia akan menjadikan hatimu penuh keraguan disebabkan fitnahnya.

Tidak ketinggalan dalam menjelaskan akan bahayanya bermu'amalah dengan *Ahl al-Bid'ah* ialah Fudhail bin 'Iyadh *rahimahullah* dimana dia menegaskan:[439]

> Sesiapa yang duduk dengan *Ahl al-Bid'ah* maka berhati-hatilah darinya dan sesiapa yang duduk dengan *Ahl al-Bid'ah* tidak akan diberi *al-Hikmah*. Dan saya ingin jika di antara saya dan *Ahl al-Bid'ah* ada benteng dari besi yang kukuh (yang dapat memisahkan kami) dan saya makan di sebelah Yahudi dan Nasrani lebih saya sukai daripada makan di sebelah *Ahl al-Bid'ah*.

Beliau berkata lagi:[440]

> Sesiapa yang menghormati *Ahl al-Bid'ah* bererti dia memberi bantuan untuk meruntuhkan Islam dan sesiapa yang tersenyum kepada *Ahl al-Bid'ah* maka ia telah menganggap remeh apa yang diturunkan (oleh) Allah *'Azza wa Jalla* kepada (Nabi) Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam.*

---

[438] Dinukil daripada *al-Wajiiz fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; ms. 213.

[439] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 35.

[440] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 60.

> Dan sesiapa yang menikahkan puterinya kepada *mubtadi'* (pembuat bid'ah) maka dia telah memutuskan silaturrahimnya. Dan (begitu juga) sesiapa yang mengiringi jenazah seorang *mubtadi'* akan sentiasa berada dalam kemarahan Allah sehingga ia kembali (bertaubat dari bid'ah tersebut).

Ibn al-Jauzi – termasuk pembesar *tabi'in* – berkata:[441]

> Sungguh aku berjiran dengan monyet-monyet dan babi-babi lebih aku sukai daripada aku berjiran dengan seseorang dari mereka iaitu *Ahl al-Ahwa'* (*Ahl al-Bid'ah*).

Imam Ibn Baththah pula menulis di dalam kitabnya, *al-Ibanah* jld. 3, ms, 470 bahawa: [442]

> Sungguh aku telah melihat sekelompok orang yang terdahulunya sentiasa melaknati mereka (*Ahl al-Bid'ah*) dan mencela mereka di dalam majlis-majlis mereka dalam rangka mengingkari dan membantah (syubhat dan bid'ah) mereka. Namun tatkala mereka sentiasa berduduk santai bersama pengekor hawa nafsu dan bid'ah hingga timbul di dalam hati mereka rasa cinta dan cenderung kepada mereka disebabkan samarnya tipu daya dan lembutnya kekufuran mereka.

Di dalam kitabnya yang sama, *al-Ibanah,* jld. 2, ms. 456 disebutkan bahawa: [443]

---

441 Dikeluarkan oleh al-Lalika'i, ms. 231 dengan sanad *la ba'sa bihi*; dalam *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 46.

442 Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 45.

443 Dinukil daripada *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih, ms. 47.

Mubasysyir bin Isma'il al-Halabi berkata, pernah berkata kepada al-Auza'i (bahawa): Sesungguhnya ada seseorang yang mengatakan: Aku duduk bersama *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Bid'ah*. Maka al-Auza'i berkomentar: Sesungguhnya orang ini hendak menyamakan antara yang haq dan yang batil.

Imam al-Barbahari *rahimahullah* pula menyebutkan di dalam kitabnya, *Syarhus Sunnah,* ms. 124 (no. 149): [444]

Jika kamu dapati seorang sunni (*Ahl al-Sunnah*) yang buruk jalan dan mazhabnya, *fasiq* dan *fajir* (derhaka), ahli maksiat, sesat namun dia berpegang dengan sunnah (maka) bertemanlah dengannya, duduklah bersamanya sebab kemaksiatannya tidak akan membahayakanmu.

Dan jika kamu lihat seseorang giat beribadah, meninggalkan kesenangan dunia (zuhud), bersemangat dalam ibadah, pengekor hawa nafsu (*Ahl al-Bid'ah*) maka jangan pula dengarkan ucapannya serta jangan (pula) berjalan bersamanya di suatu jalan kerana saya tidak merasa aman kalau kamu merasa senang berjalan dengannya lalu kamu celaka bersamanya.

Akhir sekali, perhatikanlah pula perkataan al-Awwam bin Hausyab *rahimahullah* di bawah ini:[445]

Demi Allah, sungguh jika aku lihat (anakku) Isa duduk dengan pemain muzik dan peminum arak dan orang yang berbicara sia-sia lebih aku sukai daripada aku melihatnya duduk dengan tukang debat *Ahl al-Bid'ah*.

---

[444] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 65.

[445] Dinukil daripada *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah bin Farihan al-Harithi, ms. 64.

KATA PENUTUP

Setelah dibahaskan beberapa persoalan yang terkandung di dalam buku ini maka teranglah bagi kita bahawa segala dakwaan yang dilontarkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady dan yang sefahaman dengannya ke atas *Ahl al-Sunnah* yang selama ini dimasyhurkan dengan gelaran Wahhabi dan telah terkeluar daripada mazhab Imam al-Syafie adalah suatu yang tidak benar sama sekali. Malah yang lebih tepat dikatakan, jika seandainya hendak diterima dakwaan-dakwaan beliau tersebut sebagai hujah bagi menjustifikasikan kesesatan Wahhabi, maka ketahuilah bahawa penjustifikasian ini juga secara langsung merupakan suatu tindakan penyesatan dan tamparan ke atas Imam al-Syafie *rahimahullah* itu sendiri serta para ulamak yang mengikuti beliau.

Tentu sahaja perkara ini tidak mungkin dapat dipersetujui oleh sesetengah pihak, khususnya para penegak kebatilan yang selama ini mengaku sebagai penganut setia mazhab Syafie dan pembela mazhab tersebut.[446] Akan tetapi,

---

[446] Sesiapa sahaja boleh mengaku dirinya sebagai orang yang berada dalam kebenaran. Demikianlah dengan sikap sebahagian umat Islam termasuk mereka yang berada di negara ini. Mereka bermati-matian menghentam Wahhabi sebagai golongan yang tersesat dan telah terkeluar daripada mazhab Syafie. Pada masa yang sama mereka menghebohkan kepada dunia bahawa mereka ialah pengikut mazhab Syafie yang tulen dan pahlawan sejati di dalam membela ajaran dan manhaj pengasas mazhab berkenaan.

Amat disayangkan kerana pengakuan mereka ini – yang kononnya – sebagai pengikut dan pembela mazhab Syafie tidaklah lebih daripada sekadar pengakuan yang 'indah khabar dari rupa' semata-mata. Ini dapat dibuktikan melalui penulisan ini di mana hampir kebanyakan perkara yang mereka amalkan dan mereka pertahankan selama ini hakikatnya adalah perkara

silalah baca berulang kali buku ini agar ianya dapat difahami dengan baik sehingga apa yang kami ungkapkan di atas dapat diterima sebagai suatu kebenaran yang tidak dapat dinafikan lagi.

Kami menjangkakan sebaik sahaja buku ini tersebar di tengah-tengah masyarakat pastinya akan menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Reaksi-reaksi tersebut mungkin boleh wujud sama ada dalam bentuk yang positif mahupun yang negatif. Dikatakan sebagai reaksi yang positif adalah apabila buku ini dapat diterima dengan minda yang terbuka, jauh daripada sentimen emosi atau taksub pada mana-mana pandangan tertentu yang tidak berdiri di atas landasan ilmiah. Sebaliknya dikatakan sebagai reaksi yang negatif adalah apabila perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai reaksi positif di atas diterjemahkan kepada para penulis buku ini.

❈ **Bukankah buku ini hanya membicarakan perkara-perkara *furu'iyyah* dan yang masih diperselisihkan oleh para ulamak?**

Benar, kami tidak menafikan adanya beberapa perkara yang disentuh di dalam buku ini adalah termasuk dalam perkara yang masih diperselisihkan. Akan tetapi, fokus perbincangan buku ini bukanlah terletak kepada persoalan tersebut. Sebaliknya – sebagaimana yang telah kami sentuh berulang kali dalam beberapa huraian yang lalu – adalah semata-mata untuk

---

yang amat ditentang keras oleh Imam al-Syafie mahupun para ulamak yang mengikuti beliau.

Justeru, kami mengingatkan kepada para pembaca yang budiman sekalian agar sentiasalah mengambil sikap berhati-hati terhadap golongan ini kerana mereka ini tidak akan pernah berhenti daripada membohongi kita semua selagi mana mazhab Syafie "versi" mereka tidak dapat diterima dan ditegakkan di negara ini.

melihat sejauh manakah dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Wahhabi sebagai golongan yang tersesat dan telah keluar daripada manhaj Imam al-Syafie dan mazhab Syafie adalah sebagai satu dakwaan yang benar.

❈ **Beberapa pesanan kepada para pembaca.**

Sebelum buku ini melabuhkan tirainya, di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk berpesan khususnya kepada diri kami sendiri dan kepada para pembaca yang budiman sekalian agar hendaklah kita mempelajari agama ini daripada sumbernya yang tulen iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Janganlah kita mencukupkan diri dengan hanya bertaklid membuta kepada sekian-sekian "tokoh" atau "syeikh" tertentu. Ini kerana bertaklid membuta tuli di dalam beragama bukanlah manhaj di sisi *Ahl al-Sunnah* dan khususnya Imam al-Syafie. Akan tetapi ia adalah merupakan manhaj yang mendekati sikap *Ahl al-Bid'ah* dan ciri-ciri orang *jahiliyyah* yang amat dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya.

Hendaklah kita sentiasa sedar bahawa agama ini adalah milik Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ia bukanlah milik sekian-sekian "tokoh" atau "syeikh" tertentu yang dengan itu kita mudah mempercayai apa sahaja kenyataan atau pandangan yang berasal daripada "tokoh" atau "syeikh" berkenaan. Hakikatnya, para "tokoh" atau "syeikh" tersebut hanyalah insan biasa seperti kita. Mereka bukanlah golongan yang 'maksum' sehingga dengannya kenyataan mereka juga turut dimaksumkan serta-merta.

Oleh itu, apabila anda mendengar adanya "tokoh" atau "syeikh" sekian-sekian yang mengatakan golongan sekian-sekian sebagai sesat atau salah, maka kajilah semula sejauh manakah benarnya kenyataan "tokoh" atau "syeikh" tersebut. Pengkajian

semula ini pula hendaklah dilakukan dengan kaedah membuat perbandingan secara adil antara hujah yang bersumberkan daripada “tokoh” atau “syeikh” tersebut dengan pihak yang sedang dihukumi mereka sebagai sesat atau salah. Ingatlah, para “tokoh” atau “syeikh” ini juga adalah insan biasa dimana setiap pandangan dan kenyataan mereka adalah sentiasa terbuka untuk dianalisa atau dikaji semula. Perhatikanlah firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* di bawah ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شَنَـَٔانُ قَوۡمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعۡدِلُواْۚ ٱعۡدِلُواْ هُوَ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. <u>Berlaku adillah</u> karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. [Surah al-Maidah: 8]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu. [Surah al-Hujurat: 6]

Termasuk dalam perbincangan ini ialah kedudukan Wahhabi di sisi Imam al-Syafie dan mazhab Syafie. Sungguhpun Wahhabi yang selama ini sering dimasyhurkan sebagai golongan yang sesat dan terkeluar daripada ajaran mazhab berkenaan, namun dengan penelitian ilmiah ke atas dakwaan tersebut membuktikan bahawa ianya adalah satu fitnah semata-mata.

Walau bagaimanapun, kami menyerahkan kepada para pembaca yang budiman sekalian untuk mengkaji dan menilai secara adil dan saksama, siapakah sebenarnya selama ini yang layak digelar sebagai pengikut sebenar kepada Imam al-Syafie dan mazhab Syafie dan mereka yang sebenarnya adalah penentang serta pembelot kepada Imam al-Syafie *rahimahullah* dan mazhab Syafie. Sama-samalah kita mencari jawapannya. Sekian.

Assalamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.

BIBLIOGRAFI

1. *Ahkaamul Janaa-iz wa Bida'uha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghoffar E.M di atas judul *Hukum dan Tata Cara Mengurus Jenazah Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005).

2. *Al-Awjiba an-Naafi'ah 'an As'ilati Lajnah Masjid al-Jaami'ah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Solat Jum'at Bersama Rasulullah: Hukum Dan Bid'ah Solat Jumaat* (Najla Press, Jakarta, 2002).

3. *Al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits* karya al-Hafiz Abu Syamah (di*tahqiq* oleh Basyir Muhammad Uyun); dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Bid'ah Yang Dibungkus Dengan Hadis Palsu*, (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002).

4. *Al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya* karya Drs. Abdul Ghani Azmi Hj. Idris (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 2000).

5. *Ar-Risalah Fii I'tiqad Ahl al-Sunnah wa Ashhab al-Hadith wa al-Aimmah au 'Aqidah al-Salaf Ashhab al-Hadith* karya Syeikh Abu 'Utsman Ismail bin 'Abdur Rahman al-Shabuni; dalam edisi terjemahan oleh Ustaz Abdul Wahab bin Bustami di atas judul *'Aqidatus Salaf* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2003).

6. *Al-Umm (Kitab Induk)* karya Imam al-Syafie (Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1989).

7. *Al-Wajiiz Fii 'Aqiidatis Salafish Shaalih (Ahlis Sunnah wal Jama'ah)* karya 'Abdullah bin 'Abdul Hamid al-Atsari; dalam edisi terjemahan oleh Farid bin Muhammad Baththy di atas judul *Intisari 'Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah* (Pustaka Imam asy-Syafi'I, Bogor, 2007).
8. *Aliran Dakwah di Malaysia: Satu Titik Pertemuan* karya Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007).
9. *Al-Imam Al-Syafi'i: Kegemilangan Ilmu & Pemikiran* selenggaraan Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2006).
10. *Al-Kalimat al-Nafi'ah Fil Akhtha' asy-Sya'iah* karya Syeikh Wahid Abdussalam Bali,; dalam edisi terjemahan oleh Ahmad Syaikhu, S. Ag dengan tajuk *474 Kesalahan Dalam Akidah & Ibadah Beserta Koreksinya* (Darul Haq, Jakarta, 2005).
11. *Al-Masaa-Il (Masalah-Masalah Agama)* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur, 2003).
12. *Al-Qawl al-Mubiin Fii Akhtaa' al-Mushallin*; dalam edisi terjemahan oleh Abu Ubaidah Mashur bin Hasan bin Mahmud bin Salaman di atas judul, (Pustaka Azzam, Jakarta, 2001).
13. *Amalan Berzikir: Antara Sunnah & Rekaan Manusia* karya Mohd Khairil Anwar bin Abdul Lathif (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007).
14. *Amalan Sunat Hari Jumaat & Surah Al-Kahfi* karya Mohd Fikri Che Hussain (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009).

15. *Bahaya Taqlid Buta & Ta'sub Mazhab* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1998).

16. *Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006),

17. *Berlebih-Lebihan Dalam Agama* karya Abud bin Ali bin Dar' (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002).

18. *Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2005).

19. *Bid'ah Hasanah: Tokok Tambah Amalan Rasulullah* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2009).

20. *Bid'ah & Percanggahannya* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1998).

21. *Bimbingan Pengurusan Mayat* karya Akmal Haji Md Zain (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2008).

22. *Bincang-Bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Asari (Pustaka At-Tibyin, Solo, 2007).

23. *Cukupkah Sekadar Niat?* karya Mohd Hairi Nonchi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2010).

24. *Dzikir Ala Tasawuf: Mengungkap Fenomena Tasawuf Dan Dzikir Ala Tasawuf Masa Kini* karya Muhammad Arifin Badri (Pustaka Darul Ilmi, Bogor, 2008).

25. *Fahami Al-Qur'an Menurut Kaedah Para Ulama* karya Mohd Sabri Mohammed (Karya Bestari Snd. Bhd., Selangor, 2007).

26. *Fahaman Wahabi Menular: Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang Ditimbulkan Oleh Akhbar Utusan Malaysia* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006).

27. *Fanatik Mazhab: Kesan Kepada Pemikiran Islam* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007).

28. *Fathul Baari Syarh Shahih al-Bukhari* karya Ibn Hajar al-'Asqalani; edisi terjemahan dengan tajuk *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari* (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002).

29. *Fiqhus Sunnah* karya Syeikh Sayyid Sabiq; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Fikih Sunnah* (Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1990).

30. *Hadits Lemah & Palsu Yang Populer Di Indonesia* karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik, 2007).

31. *Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah* karya Abu Umar Basyir (Rumah Dzikir, Solo).

32. *Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah, Tahlilan, Yasinan & Selamatan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001).

33. *Irsyidat 'An Ba'dah al-Mukhalafat Fi ath-Thaharah, ash-Shalat, al-Masajid* karya Syeikh Abdul Aziz bin Muhammad as-Sadhan; dalam edisi terjemahan oleh Nur Alim di atas judul *Agar Ibadah Sesuai Sunnah* (Pustaka At-Tazkia, Jakarta, 2006).

34. *Jenazah: Menghurai Kemusykilan Berkaitan Pengurusan Jenazah* selenggaraan oleh Mohd Yusof Arbain dan

Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2008).

35. *Kebenaran Bukan Diukur Daripada Kebanyakan* karya Abu Umar Abdillah; dalam *Majalah I,* bil. 87, Januari 2010, terbitan Karangkraf.

36. *Khilaf dalam Islam: Sebab dan Adab*, Ustaz Abdul Rasyid bin Idris @ Adir, Ustaz Dr. Azwira bin Abdul Aziz dan Ustaz Fadlan bin Mohd Othman (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

37. *Koleksi Kuliah-Kuliah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Menurut Manhaj Salaf As-Soleh* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001).

38. *Limadza Ikhtartu al-Manhaj as-Salafy*? karya Syeikh Salim 'Ied al-Hilali; dalam edisi terjemahan di atas judul *Mengapa Memilih Manhaj Salaf*, (Pustaka Imam Bukhari, Indonesia, 2007).

39. *Majmu'ah Fatawa al-Madinah al-Munawwarah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Taqdir Muhammad Arsyad di atas judul *Fatwa-Fatwa Syaikh Nashiruddin al-Albani* (Media Hidayah, Jogjakarta, 2004).

40. *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah* karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil; dalam edisi terjemahan oleh H. Nabhani Idris dan Saefudin Zuhri di atas judul *Manhaj 'Aqidah Imam Asy-Syafi'i* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Bogor, 2005).

41. *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2007).

42. *Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*, Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1999).

43. *Mauqif Ahli Sunnah Wal Jamaah Min Ahl al-Ahwa' wa al-Bid'ah* karya Dr. Ibrahim bin Amir Ar-Ruhaili; dalam edisi terjemahan dengan tajuk *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah* (Pustaka Al-Kautsar, Jakarta, 2002).

44. *Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Edisi Lengkap),* Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd al-Lathif (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009).

45. *Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001).

46. *Menjelang Ajal: Bimbingan Islam Menghadapi Mati, Perubatan Dan Kematian* karya Akmal Hj. Mohd. Zain (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2001).

47. *Menyambut Ramadan Dan Aidilfitri Menurut Sunnah Rasulullah S.A.W* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007).

48. *Membela Islam: Tanggungjawab & Disiplin* karya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2006).

49. *Membela Sunnah Nabawiyah: Menjawab Syubhat Buku Bid'ahkah Kenduri Arwah dan Talkin oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari* karya Ustaz Abdul Wahab Bustami (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006).

50. *Minhaj al-Muslim Aqaid wa Adab wa Akhlaq wa Ibadat wa Mu'amalat* karya Syeikh Abu Bakar al-Jabir al-Jazairi; dalam edisi terjemahan oleh Fadhli Bahri (terbitan bersama Darul Falah, Jakarta & Pustaka Dini Sdn. Bhd, Selangor, 2006).

51. *Mukhtashar Kitab al-I'tisham* oleh Alawi bin 'Abdul Qadir As-Saqqaf (ringkasan kepada kitab *al-I'tisham* oleh Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Syathibi); dalam edisi terjemahan oleh Arif Syarifuddin di atas judul *Ringkasan al-I'tisham: Membedah Seluk Beluk Bid'ah* (Media Hidayah, Yogyakarta, 2003).

52. *Mukhtashar Kitab al-Umm Fil Fiqhi* karya Imam al-Syafie Abu Abdullah Muhammad bin Idris; dalam edisi terjemahan oleh Mohammad Yasir Abd Mutholib di atas judul *Ringkasan Kitab Al-Umm* (Pustaka Azzam, Jakarta, 2004).

53. *Mukhtashar Zadul-Ma'ad*, peringkas Muhammad Abdul Wahhab at-Tamimi; edisi terjemahan dengan tajuk *Mukhtasar Zaadul Ma'ad Bekal Menuju Akhirat* (Pustaka Azzam, Jakarta, 1999).

54. *Nuru as-Sunnah wa Zhulumatu al-Bid'ah* karya Dr. Syeikh Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahthani; terjemahan oleh Abu Barzani di atas judul *Sunnah Yes, Bid'ah No!* (Maktabah Al-Hanif, Yogyakarta, 2006).

55. *Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan* karya Hafiz Firdaus Abdullah, (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2000).

56. *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian*

Zamihan Mat Zin al-Ghari karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru 2002).

57. *Penjelasan Gamblang Seputar Hukum Yasinan, Tahlilan & Selamatan* karya Ustaz Abu Ibrahim Muhammad Ali bin A. Mutholib (Pustaka Al-Ummat, Jawa Tengah, 2007).
58. *Persoalan Kuburi, Penyembah & Pemuja Kubur* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2002).
59. *Persoalan Yang Berkehendak Kepada Melaksanakan Untuk Mengatasi dan Mengubah Adat-Adat Yang Berlaku Dalam Masyarakat Dengan Sangkaan Ibadat* karya Mohammad Abdul Qoder al-Mandeeli, (Makkah al-Mukarramah, 1423H).
60. *Perlukan Bermazhab* karya Syeikh Muhammad Sulthan al-Maksumi al-Khajandi (Penerbit Aras Sarana Widia, Jakarta, 1999).
61. *Raf'ul Malaam 'An al-Aimmat al-A'lam* karya Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah; dalam edisi terjemahan oleh Fuad Qawwam di atas judul *Mengapa Ulama Berselisih Pendapat?* (Pustaka Qaba-il, Malang, 2007).
62. *Risalah Ilmiah Albani* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Abu Musyrifah dan Ummu Afifah (Pustaka Azzam, Jakarta, 2002).
63. *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006).
64. *Siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah?: Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Dalam Islam* karya Umar Hasyim (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2008).

65. *Siapakah Ahlus Sunnah?* karya Ustaz Abu Usamah Abdurrahman bin Rawiyah an-Nawawi; dalam majalah *Asy-Syariah Edisi 2* (Penerbit Qase Media, Yogyakarta).

66. *Sifat Zikir Rasulullah s.a.w* karya Abu 'Abdillah bin Luqman Al-Atsari (Al-Hidayah Publications, Kuala Lumpur, 2010).

67. *Setiap Bid'ah Menyesatkan* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1997).

68. *Shifatu Shalaati an-Nabiyyi shallallahu 'alaihi wasallam min at-Takbiiri ila at-Tasliimi Ka-annaka Taraaha* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; edisi terjemahan dengan tajuk *Sifat Solat Nabi S.A.W.* (Media Hidayah, Yogyakarta, 2000).

69. *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah wa Atsaruha as-Sayyi' fi al-Ummah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh A.M Basalamah di atas judul *Silsilah Hadits Dha'if Dan Maudhu'* (Gema Insani Press, Jakarta, 1999).

70. *Sittu Durar min Ushuuli Ahlil Atsar* karya 'Abdul Malik bin Ahmad Ramadhani; dalam edisi terjemahan oleh Mubarak B.M Bamuallim di atas judul *6 Pilar Utama Dakwah Salafiyyah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta, 2005).

71. *Sorotan Tajam Terhadap Dzikir Jama'i: Koreksi Buku Dzikir Berjemaah: Sunnah Atau Bid'ah karya K.H. Drs. Ahmad Dimyathi Badruzzaman, M.A* karya Ustaz Muhammad Arifin Baderi, dalam edisi *e-book* PDF, dimuat turun daripada sumber internet di atas talian: http://dear.to/abusalma

72. *Syaikh Al-Albani Dihujat!* karya Abu Ubaidah Yusuf bin Mukhtar bin Munthahir As-Sidawi (Salwa Press, Jawa Barat, 2008).

73. *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* karya Yazid bin Abdul Qadir Jawas (Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Bogor, 2008).

74. *Syarhu Ushulus Sunnah* karya Syeikh Walid bin Muhammad Nubaih; dalam edisi terjemahan oleh Muhammad Wasitho di atas judul *Syarah Ushulus Sunnah: Keyakinan Al-Imam Ahmad Rahimahullah Dalam 'Aqidah* (Pustaka Darul Ilmi, Bogor, 2009).

75. *Syeikh Muhammad 'Abdul Wahhab & Gerakan Wahhabi* karya Ibnu Sihab (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1997).

76. *Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab: Antara Fakta & Palsu* selenggaraan oleh Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007).

77. *Tamamul Minnah Fit Ta'liq 'Ala Fiqhus Sunnah* karya Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani; dalam edisi terjemahan oleh Afifuddin Said di atas judul *Terjemah Tamamul Minah* (Pustaka Sumayyah, Pekalongan, 2007).

78. *Uthman El-Muhammady VS Imam Asy-Syafie (Rahimahullah) Bahagian Pertama* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

79. *Wahabi, Wahabi, Wahabi!: Apa Kata Uthman El-Muhammady dan Apa Ulasan Ustaz Rasul Dahri?* (Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd., Johor Bahru, 2009).

80. *Wasiat Imam Syafie* karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2001).

81. *Wasiat dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Media Tarbiyah, Bogor, 2008).

82. *Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie* karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007).

83. *Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu Sebagaimana Yang Diajarkan Dan Dilakukan Oleh Rasulullah SAW* karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2005)

84. *25 Persoalan Semasa: Huraian & Penyelesaian* karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor, 2007).

85. *29 Mutiara Nasihat Dari Para Ulama Salaf* karya Abu Abdillah Jamal bin Farihan al-Harithi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006).

BIODATA RINGKAS PENULIS

MOHD HAIRI BIN NONCHI, anak kelahiran Kampung Puyut, daerah Lahad Datu, Sabah ini telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pekan 3 Lahad Datu dan kemudian melanjutkan pelajarannya ke peringkat menengah di SMK Sepagaya Lahad Datu, Sabah. Setelah menamatkan pelajarannya di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pendidikan Dengan Sains Sosial (Pendidikan Sejarah dan Geografi) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau mula menceburkan diri dalam dunia penulisan pada tahun 2009 dan buku ini merupakan karya beliau yang kelima. Usia muda bukanlah penghalang buatnya menterjemahkan minat dan ilmu untuk dikongsi bersama. Tempoh pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuka peluang yang luas untuknya bergaul rapat dan bertukar-tukar fikiran dengan golongan berilmu. Justeru pendedahan yang amat bernilai ini telah memberinya keyakinan dan terhasillah buku ini.

Antara karya-karya beliau yang telah diterbitkan setakat ini adalah seperti berikut:

1. ***Katakan Tidak Pada Wahabi!*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009.

2. ***Cukupkah Sekadar Niat?*** terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2010.
3. ***Aina Allah? (Di Mana Allah?)*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010.
4. ***Siapakah Pengikut Imam al-Syafie Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010.
5. ***Marilah Berzikir Selepas Solat Fardhu Bersama Rasulullah,*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010.

MOHD YAAKUB BIN MOHD YUNUS dilahirkan di Bentong, Pahang Darul Makmur pada tahun 1973 tetapi dibesarkan di Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh dan kemudian melanjutkan pelajarannya di Kuliyyah Sains Kemanusiaan dan Ilmu Wahyu & Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pengkhususan beliau adalah dalam bidang *Organizational Communication*. Beliau pernah menjawat jawatan Presiden bagi Forum Pelajar-Pelajar Komunikasi UIAM dan juga telah terpilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan bagi Jabatan Komunikasi UIAM pada tahun 1997.

Di UIAM beliau telah terdedah kepada masyarakat Islam yang datang dari pelbagai negara dan berpegang kepada pelbagai mazhab. Pensyarah-pensyarah yang datang dari seluruh dunia Islam sedikit sebanyak telah mencorak pemikiran beliau untuk terbuka terhadap perbezaan pendapat yang wujud di antara mazhab-mazhab di dalam Islam. Setelah tamat pengajian di UIAM, beliau telah menghadiri kelas-kelas agama yang dipimpin oleh para ulamak *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* di tanah air. Melalui bimbingan serta tunjuk ajar mereka beliau mendapati bahawa umat Islam bukan hanya perlu terbuka kepada perbezaan pendapat yang timbul di antara mazhab-mazhab, tetapi juga harus berusaha untuk berpegang kepada pendapat yang lebih tepat menurut al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana difahami oleh generasi *al-Salafussoleh*. Ini mendorong beliau untuk meningkatkan penyelidikan dan

kefahaman tentang agama Islam supaya bertepatan dengan *Manhaj Ahlus Sunnah Wal Jamaah*.

Alhamdulillah kini beliau telah berupaya menulis beberapa buah buku, membentang kertas kerja di seminar serta forum, menyumbang artikel di majalah-majalah serta akhbar-akhbar di dalam rangka untuk melakukan *amar ma'ruf* (mengajak ke arah kebaikan) dan *nahi mungkar* (menjauhkan dari perkara yang bertentangan dengan syarak). Beliau pada masa ini bertugas di Bahagian Perbankan Perniagaan, Affin Bank Berhad.

Di antara buku-buku beliau yang telah diterbitkan adalah:

1. ***Kaedah Memahami Nama-Nama dan Sifat-Sifat Allah***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2004.
2. ***Solat Jamak dan Qasar Adalah Sedekah Allah***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.
3. ***Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.
4. ***Fahaman Wahabi Menular : Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang Ditimbulkan oleh Akhbar Utusan Malaysia***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.
5. ***Menyambut Ramadan dan Aidilfitri Menurut Sunnah Rasulullah S.A.W.***, terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007.
6. ***25 Persoalan Semasa : Huraian & Penyelesaian***, terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007.
7. ***Persiapan Menghadapi Kematian***, terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2007.

8. ***Beberapa Persoalan Lazim Tentang Thaharah***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2008.
9. ***Bid'ah Hasanah Tokok Tambah Amalan Rasulullah***, terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2009.
10. ***Panduan Solat Sunat Cara Nabi S.A.W***, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009.
11. ***Hebatnya Bulan Islam,*** terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2010.
12. ***Siapakah Pengikut Imam al-Syafie Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010.

Sila dapatkan juga buku-buku karangan Ustaz Rasul Bin Dahri di bawah ini yang turut membongkar pendustaan Muhammad Uthman El-Muhammady ke atas nama Imam al-Syafie dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*:

1) ***Uthman El-Muhammady VS Imam As-Syafie (Rahimahullah)* terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru. Boleh langgan terus dari Jahabersa di talian 07-2351602.**

2) ***Wahabi! Wahabi! Wahabi! Apa Kata Uthman El-Muhammady Dan Apa Ulasan Ustaz Rasul Bin Dahri?* terbitan Ummul Qurra, Johor Bahru. Boleh langgan terus dari penerbit di talian 07-3353635 / 019- 7783635.**

DAPATKANNYA SEGERA!!!